



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

USUL MENANGGUHKAN BACAAN KALI KEDUA DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1:)	
■ Osu Sukam Hutang Judi RM7.1 Juta Di London	
- Y.B. Tuan Lim Kit Siang (<i>Ipoh Timor</i>)	(Halaman 14)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005	(Halaman 15)
Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005	(Halaman 53)
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 60)
USUL-USUL MENTERI KEWANGAN:	
AKTA TATACARA KEWANGAN 1957 (SEMAKAN 1972):	
Jadual Kedua Akta Ditambah Butiran Baru: "Kumpulan Wang Amanah Pengurusan Perolehan Setem Cukai (Banderol) Untuk Rokok dan Minuman Keras, Jabatan Kastam Diraja Malaysia"	(Halaman 79)
Jadual Kedua Akta Ditambah Butiran Baru: "Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Alam"	(Halaman 83)
Jadual Kedua Akta Ditambah Butiran Baru: "Kumpulan Wang Amanah Pendidikan, Perundingan dan Penyelidikan, Institut Penilaian Negara"	(Halaman 92)
Jadual Kedua Akta Ditambah Butiran Baru: "Kumpulan Wang Amanah Tabung Bantuan Perubatan"	(Halaman 95)
AKTA KASTAM 1967-	
(i) Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.7) bertarikh 23 Disember2004.	
(ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.8) 2004 bertarikh 24Disember2004	
(iii) Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan \Sama Rata (Pindaan) (No.8) bertarikh 24 Disember2004	

KANDUNGAN (Samb.)

- (iv) Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.9) bertarikh 30 Disember2004
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.9) 2004 bertarikh 30 Disember2004
- (vi) Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata (Pindaan) (No. 10)
- (vii) Perintah Kastam (Duti Anti Lambakan) 2005 yang bertarikh 27 Januari2005 (Halaman 97)

AKTA EKSAIS 1976-

- (i) Perintah Duti Eksais (Tioman) 2004 bertarikh 8 Julai 2004
- (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan)(No.4) 2004 (ST.65) bertarikh 31 Disember2004 (Halaman 105)

USUL MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI:

Jawatankuasa Pilihan Khas Mengkaji Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 Dan Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 - Pelanjutan Masa Untuk Menyiapkan Laporan (Halaman 107)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

- **Kertas Putih Mengenai Gengsterisme Di Sekolah**
-Y.B. Tuan Lim Kit Siang (*IpohTimor*) (Halaman 114)
- **Membenarkan Abdul Mutalib bin Taib Pulang Menetap Di Malaysia**
- Y.B. Puan Teresa KoK Suh Sim (*Seputeh*) (Halaman 117)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA

6. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Taph) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS

29. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC

13. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO

19. Yang Berhormat Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
44. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
48. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO

56. Yang Berhormat Tan Sri Dato' K.S. Nijhar (Subang) - MIC
57. " Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. " Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. " Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. " Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. " Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. " Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. " Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. " Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. " Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
72. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. " Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. " Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. " Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. " Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. " Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. " Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. " Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. " Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. " Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. " Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. " Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
88. " Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. " Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
90. " Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. " Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO

-
93. Yang Berhormat Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-undang

Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha

Muhd Sujairi bin Abdullah

Lavinia a/p Vyveganathan

Bazlinda binti Bahrin

Farah Nurdiana binti Azhar

PETUGAS-PETUGAS

CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Supiah binti Dewak

Mohamed bin Osman

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiyah binti Jamaludin

Hairan bin Mohtar

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Nurziana binti Ismail

Nik Elyana binti Ahyat

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Mohd. Izhar bin Hashim

JURUBAHASA SERENTAK

Mazidah binti Mohamed

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

Cik Lee Jing Jing

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 12 Julai 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)**MENANGGUHKAN BACAAN KALI KEDUA DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 62**

- Rang Undang-Undang Bank Dan Institusi-institusi Kewangan (Pindaan) 2005
- Rang Undang-Undang Bank Islam (Pindaan) 2005

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62 Rang Undang-undang Bank dan Institusi Kewangan (Pindaan) 2005 dan Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2005 yang dijadualkan pada Aturan Urusan Mesyuarat hari ini sebagai nombor 3 dan nombor 4 ditangguhkan bacaan kali kedua dan ketiga dan dibawa ke mesyuarat akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-ERTANYAAN

1. Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan bahawasanya Kementerian akan melaksanakan projek-projek pembangunan bekalan air bersih di kawasan luar bandar melalui peruntukan khas Bekalan Air Luar Bandar (BALB) khusus di kawasan Pensiangan.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Pensiangan. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah memang ada melaksanakan program bekalan air luar bandar untuk menyediakan bekalan air bersih. Dalam RMK 8 sebanyak 1,894 projek bekalan air luar bandar telah dilaksanakan di seluruh negara dengan jumlah peruntukan sebanyak RM700 juta dengan bilangan rumah yang terlibat 150,000 buah dan bagi negeri Sabah peruntukan untuk RMK 8 adalah sejumlah RM136 juta melibatkan 255 buah projek dan bilangan rumah sejumlah 37,520 buah.

Namun begitu projek bekalan air luar bandar untuk kawasan Pensiangan hanya akan dilaksanakan dalam RMK 9. Sejumlah RM4.2 juta telah dicadangkan untuk bekalan air di luar bandar di Pensiangan yang melibatkan kedua-dua sistem retikulasi dan bekalan air alternatif. 13 buah kampung akan terlibat dengan projek retikulasi dan 11 buah kampung dengan bekalan air alternatif.

Kementerian juga akan membesarkan paip air di daerah kecil Sook yang akan menelan belanja sejumlah RM2.8 juta. Terima kasih.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, kita telah merdeka lebih kurang 47 tahun. Di daerah pendalaman khususnya di pendalaman negeri Sabah dan juga di Sarawak dan di beberapa tempat di Semenanjung,

kemerdekaannya tidak ada maknanya, khususnya di bahagian pendalaman. Mereka tidak dapat menikmati sebagai mana yang dapat dinikmati oleh negeri-negeri yang lain. 47 tahun Pensiangan dalam kegelapan. Pembangunan yang kita cakap dengan asas sahaja iaitu bekalan air, bekalan elektrik ataupun pembangunan tanah dan sebagainya menjadi satu peristiwa dan perkara yang paling penting yang harus kita tangani.

Kemerdekaan itu hanya simbolik sahaja yang kita laung-laungkan setiap bulan Ogos itu, tetapi di Pensiangan pendalaman Sabah Tuan Yang di-Pertua, rakyat masih lagi menderita, rakyat masih lagi menunggu pembangunan sederhana supaya mereka dapat menikmati arus pembangunan yang sedia ada kini. Oleh yang demikian saya minta supaya satu perancangan yang jitu terhadap pembangunan di Sabah jangan sampai kita tunjukkan gambar-gambar yang orang yang masih bergayut lagi di kawasan pendalaman ini dan kita tidak mahu tunjukkan bahawa air yang mereka minum ini adalah air-air seumpama macam teh tarik warnanya di Pensiangan ini. Ini disebabkan tercemarnya sungai-sungai akibat pembalakan yang berleluasa di kawasan pendalaman dan saya minta adakan satu perancangan yang betul-betul jitu. Saya mempunyai 262 buah kampung sedangkan sekarang perancangan kita hanya 12 buah kampung dan 13 alternatif. Saya mahu supaya Pensiangan ini dimajukan yang mana saya nyatakan telah tertinggal lebih kurang 40 tahun dan harus ada satu perancangan. Adakah satu perancangan yang telah disediakan oleh kementerian agar pembangunan ini dapat dirasakan oleh rakyat pendalaman. Terima kasih.

Beberapa Ahli-ahli: Sokong, sokong!

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih kepada penyokong-penyokong. [*Dewan ketawa*]. Sebenarnya kerajaan memang merasai apa yang dirasakan oleh Yang Berhormat dan perancangan jangka masa panjang sememangnya dilaksanakan bahkan kita sudah merangka jenis-jenis keperluan untuk prasarana bukan sahaja dalam segi bekalan air tetapi juga yang melibatkan jalan-jalan kampung dan sebagainya untuk jangka masa 10 tahun. Perbelanjaan sudah tentu besar dan ini juga tertakluk kepada peruntukan untuk kepentingan negeri-negeri yang lain. Ini bermakna sekiranya peruntukan dapat ditambah sudah tentu usaha di akar umbi akan menjadi lebih cepat.

Sebagai satu bukti bahawa kerajaan memang prihatin dan sentiasa ingin menambah peruntukan ke arah mewujudkan prasarana-prasarana yang baik dan mencukupi ialah dari segi peruntukan-peruntukan yang diberikan untuk setiap tahun. Contohnya dalam RMK 9 ini peruntukan untuk bekalan air luar bandar ialah sebanyak RM213.7 juta untuk negeri Sabah berbanding hanya RM136 juta dalam RMK 8. Maaf ya, kalau tidak jelas.

Begitulah juga dengan prasarana yang lain, umpamanya dari segi projek jalan kampung dalam RMK 8 jumlah untuk negeri Sabah ialah RM136 juta dan dalam RMK 9 RM215 juta. Jadi inilah peningkatan-peningkatan dan saya rasa berdasarkan ataupun tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan sudah tentu peruntukan yang lebih besar akan diadakan pada masa-masa akan datang. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang telah banyak merancang dan menghasilkan atau mengimplementasikan rancangan yang begitu meluas.

Walau bagaimanapun, saya amat bersetuju juga dengan Yang Berhormat Pensiangan tentang masih banyak ruang lagi yang boleh diperbaiki. Di kawasan Tebrau misalnya yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pensiangan itu kawasan terpencil tetapi di kawasan Tebrau yang dikategorikan sebagai kawasan pinggir bandar ataupun kawasan bandar tetapi sebuah kampung di sana tidak begitu banyak seperti di Pensiangan, salah sebuah kampung di kawasan Tebrau yang diduduki oleh Orang-orang Asli sudah menunggu berpuluh-puluh tahun untuk mendapatkan air minuman yang bersih. Masa sekarang mereka menggunakan air sungai sebagai minuman ataupun air perigi. Mereka telah mengadu selaku Orang Asli mengapa begitu lama mereka menunggu untuk mendapat kemudahan yang asas iaitu minuman yang bersih.

Saya telah menjemput pegawai daerah, wakil pegawai daerah, Syarikat Air Johor dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli bersama-sama melawat tempat itu supaya mereka

memahami masalah yang sebenarnya dan membekalkan air minuman yang bersih dengan secepat mungkin. Tetapi sehingga hari ini masih tiada tindakan langsung "*There are signs of passing the buck*". SAJ menunggu pegawai daerah, pegawai daerah menunggu Jabatan Hal Ehwal Orang Asli jadi saya mintalah Kementerian membuat sesuatu untuk mempercepatkan tindakan supaya penduduk-penduduk Orang Asli itu mendapat air minuman yang bersih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Saya akan membawa permohonan Yang Berhormat ini secara khusus kepada pihak Kementerian dan memastikan Kementerian akan mengkaji dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Saya rasa memang terdapat tempat-tempat seperti mana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ini di seluruh negara. Sudah tentu ada tempat yang masih lagi tidak memperoleh kemudahan asas dan ini sudah tentu apabila ditimbulkan oleh Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini akan kita ambil perhatian yang lebih wajar lagi. Sekian, terima kasih.

2. Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh] minta Menteri Luar Negeri menyatakan sikap dan dasar luar kerajaan mengenai kepentingan Pertubuhan Negara-negara Komanwel kepada Malaysia, memandangkan kita sentiasa mengutamakan Pertubuhan OIC dan NAM. Apakah Komanwel merupakan 'priority' ketiga dalam dasar luar kita.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia menjadi ahli dalam organisasi pelbagai hala berdasarkan kepada kepentingan nasional dan strategik negara. Tiap-tiapnya mempunyai juga sebab-sebab yang berlatar belakangkan sejarah, politik, ekonomi serta keselamatan, dan juga supaya rangkaian hubungan kita di peringkat rantau dan antarabangsa akan mendatangkan manfaat. Justeru itu, Pertubuhan Komanwel masih dianggap penting dalam dasar luar negara kita di mana Malaysia di semua peringkat terus aktif menghadiri pelbagai forum, mesyuarat dan program anjuran Komanwel yang diadakan di London ataupun di tempat-tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia bukan sahaja memberi sumbangan kewangan tahunan kepada tujuh organisasi Komanwel, malahan turut diberi kepercayaan memegang tanggungjawab dalam beberapa jawatankuasa dan kumpulan yang ditubuhkan oleh pertubuhan ini. Sebagai contoh Malaysia pernah menjadi ahli kepada kumpulan bertindak peringkat menteri mengenai Deklarasi Harare selama tiga penggal dari 1995 hingga 2001. Ini ditubuhkan bertujuan menangani pencabulan serius atau berterusan prinsip-prinsip asas Komanwel yang terkandung dalam Deklarasi Harare.

Malaysia juga turut menyertai misi pemerhati Komanwel beberapa negara di Bangladesh, Ghana, Malawi, Namibia, Pakistan, Afrika Selatan, Tanzania, Zambia dan Nigeria. Di peringkat kerjasama *functional* pula, Malaysia sebagai Pengerusi *Commonwealth Partnership for Technology Management* Tuan Yang di-Pertua, telah menganjurkan dialog perkongsian pintar ataupun *Langkawai International Dialogue* bagi menggalakkan perkongsian pintar di antara sektor awam dan swasta dalam bidang pengurusan bidang teknologi. Selain itu Malaysia telah diberi penghormatan menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Menteri-menteri Pelancongan Komanwel 2004 yang pertama kali diadakan di peringkat Komanwel.

Sebagaimana Dewan yang mulia sedia maklum, pada masa ini Malaysia adalah pengerusi kepada NAM dan OIC. Mulai Ogos ini Malaysia akan menjadi Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN. Dalam hal ini Malaysia bukan sahaja perlu melaksanakan program sedia ada tetapi perlu memberi dorongan, panduan dan kepimpinan kepada negara-negara anggota dalam menangani isu-isu semasa. Walau bagaimanapun, sebagai Pengerusi NAM dan OIC, ini tidak bermakna bahawa peranan penglibatan Malaysia dalam pertubuhan Komanwel dan lain-lain pertubuhan antara bangsa dan serantau semakin terhakis. Terima kasih.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya puas hati dengan jawapan Yang Berhormat Menteri yang merangkumi bagaimana negara kita menangani masalah dua hala dengan negara-negara dunia dan kita dihormati bukan sahaja di Komanwel, kita menjadi pimpinan kepada OIC, NAM dan akan ini ASEAN.

Tetapi sayangnya negara kita Malaysia ini, dalam Komanwel kita dikelilingi oleh hanya negara-negara yang tidak menjadi anggota Komanwel, Filipina tidak Komanwel, Thailand tidak Komanwel, Vietnam tidak, Indonesia tidak kecuali Singapura. Begitu juga OIC, dalam OIC hanya Malaysia dan Indonesia. Jadi, dalam kita menangani masalah hubungan kita dalam negara-negara besar, kita juga ada hubungan dua hala dengan jiran yang ada beberapa perkara yang menjadi permasalahan, walau tidak besar yang kita cuba selesaikan dari masa ke sama.

Bolehkah Yang Berhormat pada hari ini mengambil sedikit masa yang ringkas untuk menerangkan kepada Ahli-ahli Parlimen di Dewan yang mulia mengenai langkah-langkah yang telah kita ambil dalam menyelesaikan beberapa isu-isu besar dua hala antara kita dengan negara jiran, contohnya Singapura, Filipina dan juga Thailand seringkas yang mungkin. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ketereh di atas soalan yang dikemukakan. Ingin saya jelaskan bahawa pendekatan Malaysia sebagai dasar luar kita ialah untuk berhadapan sebagai jiran, berbaik-baik, bermesra dengan jiran supaya ia mendatangkan manfaat untuk kedua-dua negara yang berhubung. Di masa yang sama kita juga membuat pendekatan jika ada apa pertelingkahan, percanggahan, pendekatannya semestinyalah melalui dialog dan perundingan. Oleh itu, kadang kala pendekatan Malaysia mungkin dilihat sebagai terlalu mesra ataupun dilihat terlalu ringan berhadapan dengan masalah-masalah tertentu.

Tetapi kita masih lagi berpegang seperti Singapura, masalah-masalah yang menjadi bagasi sejarah yang lama masih lagi tertunggak dan kita masih mencuba untuk mencari pendekatan satu persatu supaya kita dapat menyelesaikannya. Masa yang kita ambil tidak begitu ringkas, ia masih lama lagi, jadi ia mendatangkan masalah. Begitu juga dengan Indonesia dalam isu Lautan Ambalan, itu adalah soal kepentingan yang kedua-dua negara dari segi tafsirannya dari segi penggunaannya undang-undang Laut Antarabangsa bagaimana kita mahu menyelesaikan.

Malaysia berunding dengan Filipina, kita menjadi orang tengah dalam perundingan di antara MILF dan dengan kumpulan kerajaan Filipina. Jadi, dengan membuat pendekatan yang sedemikian, ia membolehkan Malaysia untuk diterima sebagai pimpinan yang mempunyai keluhuran dalam menangani isu-isu yang berhadapan dengan kita.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa Kerajaan Malaysia lebih kurang senang dengan Komanwel, oleh kerana Komanwel lebih menekankan *international benchmark* semacam *good governance*,. baru-baru ini CHOGM di Abuja, Nigeria adalah *recommendation* bahawa negara-negara Komanwel patutlah mencapai *target* mengadakan *freedom of information legislation* 2006. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri ada umumkan bahawa Malaysia akan menganjurkan di bawah OIC satu mesyuarat mengenai integriti dan saya memujikan kerajaan usaha ini. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa lebih usaha perlu diadakan oleh kerana dalam OIC tidak sebuah negara OIC dalam *Transparency International Corruption Perceptions Index* 2003 yang terbersih sekali 25 negara, *the least corrupt nations*, sebuah negara OIC pun tidak ada. Dan antara negara-negara yang terkorup adalah 21 negara OIC, *among the most corrupt nations* dalam *Perception Index*. Bukankah ini perlu kita memperbaiki? Malaysia perlu ambil inisiatif supaya membanteras korupsi, dan mengadakan *national integrity* dalam semua negara OIC.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jafar Albar: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timur di atas pandangan beliau. Saya percaya beliau juga adalah seorang yang percaya kepada kedaulatan dan kemerdekaan sesebuah negara. Kita tidak boleh campur tangan untuk membentuk negara itu.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti. Tadi, Yang Berhormat tanya soalan, kena dengar saya punya jawapan. Saya ingin mengatakan bahawa saya akan hantar kepada Yang Berhormat ucapan saya yang saya buat baru-baru ini di Mesyuarat Menteri-menteri Luar OIC di San'a supaya Yang Berhormat memahami pendekatan yang diambil oleh Malaysia. Kita ada pepatah Inggeris bahawa kadang kala kita

boleh membawa seseorang itu ke kolam, tetapi kita tidak boleh paksa orang itu untuk minum.

Oleh itu saya harap Yang Berhormat bila kita bercakap berkenaan urus tadbir yang baik atau *good governance*, kita punya *target* ialah supaya perkara ini menjadi satu usaha dan pergerakan yang akan dapat dilakukan supaya akhirnya akan terjadi perubahan. Di negara-negara OIC, banyak penerimaan sekarang bahawa mereka perlu berubah dan mengikut tuntutan dan keadaan zaman. Tapi perubahan kalau dilakukan secara radikal, secara revolusioner maka ia boleh membangkitkan masalah yang lebih banyak lagi. Sebab itu kita sentiasa memberikan nasihat, memberikan pendekatan untuk mengadakan pelbagai program, seminar untuk kita memahami tuntutan kepada *good governance*.

Freedom of information ke, *good governance* ke, ini adalah sesuatu yang patut menjadi matlamat, yang hendak kita capai menjadi matlamat dan OIC menerima salah satu perkara yang perlu kita lakukan ialah matlamat untuk menjadikan negara OIC demokratik, menghormati hak asasi, menghormati undang-undang, menghormati perkara-perkara yang boleh membawa kepada manfaat kepada rakyatnya secara keseluruhan. Jadi, saya berpuas hati dengan pendekatan-pendekatan yang di ambil oleh Malaysia tanpa memaksa tetapi memberikan pandangan yang dapat diterima. Terima kasih.

3. Tan Sri Dato' Hew See Tong [Kampar] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada penyalarsan harga diesel merupakan salah satu langkah untuk mengatasi masalah diesel di negara kita.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingham]: Tuan Yang di-Pertua, semasa perbahasan atas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, ramai Ahli Parlimen telah mengesyorkan cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah diesel dan salah satu cadangan ialah untuk menyalarskan harga diesel antara industri dan stesen minyak. Cadangan untuk menyalarskan harga diesel merupakan satu cadangan yang baik. Kerajaan boleh menjimatkan beberapa bilion ringgit dan juga mengatasi penyelewengan dalam industri petroliam. Satu *task force* yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri sedang mengkaji dan menyediakan mekanisme yang terbaik untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, adakah pihak kerajaan mempunyai satu cara untuk mengenal pasti tentang masalah harga diesel ini di masa akan datang supaya kita mempunyai suatu *potential problem analysis* dan supaya tidak berlaku masalah-masalah yang telah memberikan kita suatu pengajaran yang mungkin pahit. Adakah kerajaan mempunyai suatu tindakan proaktif terhadap masalah diesel yang akan berlaku pada masa akan datang.

Dato' S. Veerasingham: Tuan Yang di-Pertua, satu masa dahulu iaitu sebelum kita memberi subsidi kita tidak menghadapi apa-apa masalah. Dulu stesen minyak ada menjual lebih kurang 2.6 bilion liter diesel satu tahun, jika di banding dengan industri di mana mereka menggunakan lebih 6 bilion liter satu tahun. Bila kita beri subsidi lama-kelamaan penjualan di stesen minyak begitu ketara meningkat sehingga 8, 6, 7 bilion liter dijual di stesen minyak dan kurang sampai 3,4 bilion di sektor industri. Industri tidak kurang begitu banyak, jadi ini adalah kerana penyelewengan. Jadi, maka kementerian mengambil banyak tindakan supaya mengatasi masalah-masalah ini dan telah membuat banyak tangkapan, membuat *enforcement* dan juga mencari jalan untuk mengatasi masalah ini sekali gus. Sebab itu Jawatankuasa Kabinet yang menjaga harga barang-barang telah menubuhkan satu Jawatankuasa khas *task force*, yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri supaya mengadakan satu garis panduan untuk menjual minyak dengan harga seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kampar supaya kita boleh mengatasi masalah ini. Tetapi kita juga mesti mencari jalan supaya subsidi boleh diberi kepada nelayan pengangkutan supaya rakyat tidak menderita. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Timbalan Menteri. Isu diesel atau subsidi ini ia umpama tenggelam timbul, sekejap timbul, sekejap tenggelam. Tetapi kepada saya ia tetap membebaskan kerajaan dan

juga rakyat, kesannya buruk kepada rakyat. Adakah kerajaan atau kementerian berhasrat untuk mencari alternatif lain, pilihan lain iaitu dengan menggunakan enjin diesel. Sedangkan sekadar ini saya dimaklumkan, saya mendapat satu maklumat bahawa ada satu teknologi di mana enjin diesel boleh menggunakan NGV. Kalau dulu enjin petrol boleh menggunakan NGV, sekarang enjin diesel boleh menggunakan NGV, sekarang enjin Diesel boleh menggunakan NGV (*natural gas vehicles*) Sedangkan kita tahu di Korea 70 peratus daripada kenderaan di sana menggunakan NGV. Kita ada bekalan sampai 100 tahun, LPG boleh diubah kepada NGV dengan menggunakan satu sistem modalnya untuk satu stesen dua juta. Adakah kerajaan berhasrat untuk menggubah pendekatan mencari alternatif lain di dalam mengatasi masalah diesel dan juga subsidi. Sekian, terima kasih.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan berhasrat untuk menggunakan benda lain selain daripada diesel dan salah satunya adalah NGV, di mana sekarang ada dalam Klang Valley dan kita telah minta Petronas supaya mengadakan di stesen-stesen lain. Dan juga kita juga bercadang untuk menggunakan *biodiesel* pada masa hadapan di mana ia menjadi *environment friendly*, dengan izin, memang kerajaan ada cadangan seperti itu. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

4 Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) cara kerajaan tempatan mengira cukai pintu di seluruh negara; dan
- (b) mengapakah cukai pintu bagi premis dalam kawasan Lembah Klang berbeza iaitu di Kuala Lumpur yang maju lebih murah berbanding di daerah Ampang, apakah asas yang menentukan kadar yang berbeza itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian (a) berkenaan dengan cara kerajaan mengira cukai pintu dan (b) berkenaan perbezaan di antara kawasan Kuala Lumpur dan Ampang.

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seksyen 127 Akta Kerajaan Tempatan memberi kuasa kepada pihak berkuasa tempatan untuk mengenakan sesuatu kadar cukai taksiran atau cukai pintu atas sesuatu pegangan di kawasan masing-masing. Kaedah pengiraannya adalah berdasarkan kepada seksyen 130 akta yang sama iaitu berdasarkan kepada peratusan nilai tahunan sesuatu pegangan itu. Jika sesuatu pegangan ditaksirkan mengikut nilai tahunan, maka kadar cukai pintu yang dikenakan tidak melebihi 35% daripada nilai tahunan itu.
- (b) Seksyen 137 akta yang sama juga membenarkan PBT menyemak semula kadar tersebut setiap lima tahun sekali tertakluk kepada kelulusan kerajaan negeri. Bagaimana hanya 16.2% daripada PBT di negara ini dapat melaksanakannya. Lebih 40% daripada PBT mengambil masa enam hingga 10 tahun untuk memperkenalkan kadar taksiran yang baru. Dalam hal ini berlakunya perbezaan kadar cukai pintu antara kawasan Kuala Lumpur dan Ampang disebabkan perbezaan tempoh masa yang diambil oleh PBT. DBKL telah membuat penyemakan pada tahun 1992, manakala Ampang telah buat pada tahun 1997 dan perbezaan nilai tahunan yang ada di antara pegangan di satu-satu tempat di Kuala Lumpur dan satu-satu tempat di Ampang pun boleh jadi punca perbezaan nilai di kedua-dua tempat itu. Terima kasih

Tuan Tan Kok Wai: Terima kasih. Walaupun saya bersetuju bahawa kadar cukai pintu di Kuala Lumpur belum dikaji semula lagi sejak 13 tahun yang lalu tetapi janganlah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen lupa atau kekurangan pengetahuan bahawa pada tahun 1994 ekoran sistem pemetung diswastakan, ini merupakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah pun menikmati satu penjimatan yang begitu besar dari segi perbelanjaan mengurus dan pembangunan di bidang pemetungan. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada masa itu tidak menikmati penurunan kadar cukai pintu.

Di samping itu, saya juga mendapati sumber kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Pada tahun 1994, RM304 juta diperolehi dari hasil cukai pintu dan pada tahun 2004 pula jumlahnya telah meningkat lebih daripada 100% iaitu hasil dari cukai pintu meningkat ke RM625 juta. Ini bermakna hasil dari cukai pintu begitu besar sekali. Soalan di sini yang saya ingin menimbulkan ialah walaupun baru-baru ini satu bahan ketawa antarabangsa berlaku di Malaysia di mana kerajaan Selangor mengisytiharkan negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang paling maju, jauh lebih maju daripada banyak negara di Eropah dan sebagainya, adakah ini menjadikan satu justifikasi yang kukuh, meyakinkan untuk menaikkan cukai pintu di negeri Selangor termasuk daerah Ampang? Ini adalah kerana, Tuan Yang di-Pertua,.... *[Disampuk]* saya telah pun menyebabkan soalan saya, apa yang saya kata terlebih dahulu adalah bahagian permulaan soalan saya. *[Disampuk]* *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua, mereka hendak melarang saya meneruskan soalan saya. Saya tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: ... adakah beliau sedar walau bagaimanapun negeri Selangor lebih maju dari mana-mana negara, macam mana boleh ini terjadi iaitu kadar cukai pintu, misalan untuk rumah pangsa kos rendah di daerah Ampang RM190 setahun, tetapi manakala di Kuala Lumpur pula cukai pintu untuk rumah pangsa kos rendah cuma RM65 setahun.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, dia tahu. Yang Berhormat sila jawab.

Tuan Tan Kok Wai: Kelebihan RM125 itu merupakan kelebihan sebanyak 200%. Macam mana ini boleh jadi?

Tuan Yang di-Pertua: Menteri tahu jawab.

Tuan Tan Kok Wai: Saya minta satu penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab Yang Berhormat.

Dr S. Subramaniam: Saya mengucapkan terima kasih kepada sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari sebelah sini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila jawab terus.

Dr S. Subramaniam: Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat bagi Cheras Cuma satu kadar sahaja yang digunakan untuk menetapkan cukai taksiran iaitu saya sudah beritahu tadi iaitu nilai tahunan dan kadar yang telah ditetapkan oleh PBT. Kalau ada perbezaan di antara Kuala Lumpur dengan Ampang, perbezaan ini bukan di semua tempat. Ada tempat di Kuala Lumpur memang cukai itu lebih tinggi daripada kawasan di Ampang, ada kawasan di Ampang di mana cukai itu lebih rendah daripada kawasan tertentu di Kuala Lumpur. Ini kerana nilai tahunannya perbezaan daripada satu antara satu tempat. Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Nilai tahunan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebenarnya nilai tahunan sewa untuk setiap PBT, kalau tidak silap saya kerana saya pernah jadi Ahli Majlis. Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian bercadang untuk menghapuskan sama sekali cukai pintu untuk rumah-rumah kos rendah di seluruh negara kerana golongan ini golongan yang berpendapatan rendah dan telah menjadi beban kepada mereka di setiap kawasan terutama di kawasan di negeri Selangor? Dan adakah kementerian mempunyai satu mekanisme untuk menghapuskan sama sekali cukai tahunan untuk rumah-rumah kos rendah?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Menteri jawab.

Tuan Lau Yeng Peng: Sila jawab soalan saya.

Dr S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat. Pada masa sekarang kita belum ada apa-apa cadangan macam itu tetapi saya akan membawa cadangan Ahli Yang Berhormat kepada kementerian untuk ditimbangkan. Terima kasih.

5. Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sejauh mana kejayaan misi penggalakan pelaburan ke luar negeri pada tahun 2004 dan 2005 yang bertujuan menarik lebih ramai pelabur asing melabur di Malaysia dan memasarkan barangan tempatan ke luar negeri. Nyatakan bidang-bidang yang amat diminati oleh pelabur-pelabur asing ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, misi galakan perdagangan dan pelaburan Malaysia ke luar negeri pada tahun 2004 dan 2005 telah berjaya mendorong lagi pelabur-pelabur asing dari negara yang dilawati untuk meneroka peluang-peluang pelaburan dan perniagaan di Malaysia. Ianya juga telah meningkatkan lagi keyakinan mereka mengenai Malaysia sebagai destinasi pelaburan.

Mengikut maklum balas yang diterima ahli-ahli delegasi pertemuan perniagaan yang diatur di antara delegasi Malaysia dengan syarikat-syarikat negara yang dilawati pada tahun 2004 dan 2005 telah juga berjaya meningkatkan lagi rangkaian perniagaan di antara komuniti perniagaan kedua-dua negara serta menarik jualan sebenar bernilai RM764.1 juta, manakala jualan berpotensi bernilai RM514.1 juta. Walau bagaimanapun, hasil sebenar sepenuhnya daripada misi perdagangan terutama meliputi jualan berpotensi dan pelaburan belum dapat dipastikan kerana keputusan untuk membuat pelaburan dan untuk melaksanakan perniagaan adalah mengambil masa.

Antara bidang-bidang yang sentiasa menjadi tumpuan para pelaburan asing adalah seperti industri antara lain ialah petrokimia, bioteknologi, *advanced electronic and electrical*, dengan izin, agro-industri, *pharmaceutical* serta peralatan perubatan, teknologi makanan, mesin serta peralatan dan komponen alat ganti dan dari segi sektor perkhidmatan yang berkaitan dengan perkilangan seperti ibu pejabat serantau, pusat perolehan antarabangsa dan pusat pengedaran serantau. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samsuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya telah meneliti jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Memang benar misi penggalakan pelaburan ini merupakan satu perkara yang penting untuk kita menarik pelaburan asing. Kami juga kagumlah dengan keputusan yang ada, tetapi di Malaysia ini kita dapati bahawa FDI pelaburan asing itu kian menurun dan merosot, dan kita juga melihat daya saing semakin tergugat kerana kita tidak lagi memiliki kos buruh yang rendah.

Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah bidang-bidang strategik yang boleh dipromosikan oleh pihak kementerian untuk menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di Malaysia dan kita juga melihat bahawa halai *hub* dan juga *spare parts hub* ataupun alat ganti ini kita menghadapi saingan yang hebat daripada negara Thailand. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, bagaimana kita mengatasi kekusutan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu mengenai dengan FDI, pada tahun 2004 FDI kita berjumlah RM13 bilion. Ini kurang sedikit pada tahun 2003 sebanyak RM15.6 bilion. Tetapi pada tempoh di antara Januari hingga Mei 2005 FDI kita meningkat sedikit berbanding dengan waktu yang sama pada tahun lalu iaitu sebanyak RM3 bilion berbanding dengan RM2.5 bilion.

Dari segi daya saing, daya saing adalah perkara yang *ongoing*, yang berterusan di antara negara di dunia dan kita sedar bahawa daya saing kita agak menghadapi cabaran kerana wujudnya negara-negara seperti China dan juga India yang merupakan negara yang lebih kompetitif terutama dari segi kos pengeluaran, manakala India

mempunyai *competitive niche* dalam bidang-bidang tertentu. Yang Berhormat bertanya tentang bidang strategik telah saya sentuh tadi dan saya telah menyatakan bidang-bidang tersebut.

Dari segi halal *hub* di mana kita tahu bahawa kita dalam proses untuk mengetengahkan satu logo halal dan juga dua standard kita - Malaysia Standard 1005, OB 2004 sebagai satu tanda aras dunia, yang ini akan memberi kepimpinan kepada kita. Dari segi pengeluaran kita masih lagi dalam kadar yang masih minimum. Keseluruhan eksport negara kita dari segi makanan yang diproses ini termasuk halal RM6 bilion berbanding dengan makanan halal yang diperlukan seluruh dunia sebanyak USD150 bilion, maknanya ada ruang lagi untuk kita mengetengahkan bidang ini. Kita memerlukan pelaburan yang banyak dalam sektor itu.

Mengenai dengan industri komponen kita sedar bahawa Thailand mendahului kita dari segi komponen automotif dan ini kerana sistem di sana lebih liberal daripada sistem yang ada di sini. Apa yang dilakukan oleh kerajaan kita sekarang membuka pasaran kita tetapi dalam proses kita membuka kita juga menjaga kepentingan Proton. Jadi, *balancing* inilah yang sedang kita lakukan.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat berhubung dengan daya saing dan juga menarik FDI ke Malaysia. Apakah faktor-faktor yang dilaporkan baru-baru ini di dalam IMD - *World Competitiveness Yearbook 2005* yang meletakkan *business efficiency* Malaysia ini pada tangga yang ke 25 daripada 60 negara di dunia ini sebagai faktor menolak dan juga status dari segi *economic performance* yang meletakkan Malaysia di tangga yang lebih bawah daripada Thailand sendiri merupakan faktor penolak bukan merupakan faktor penarik kepada kedatangan pelabur-pelabur asing ke Malaysia. Mohon penjelasan.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, kita boleh membuat kajian ke atas kesan daripada laporan IMD tersebut mengenai dengan *competitiveness*. Dari segi kedudukan negara kita, sebagaimana yang telah saya nyatakan dari segi FDI, kita masih lagi menerima kemasukan FDI yang begitu banyak daripada tahun 2003, 2004 dan 2005 manakala dari segi perdagangan kita, pada tahun 2004 lebih daripada tahun 2003 dan sehingga bulan Mei tahun 2005, lebih daripada tahun dahulu berdasarkan kepada *period* yang sama. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa dari segi kedudukan keseluruhan IMD laporan mengenai kedudukan negara kita, kita sudah terkebelakangan. Tetapi ada faktor-faktor yang kita ke hadapan. Faktor-faktor yang melibatkan *indicators* mengenai dengan *performance* ekonomi kita ke hadapan. Tetapi ada faktor-faktor terutama yang melibatkan soal sosioekonomi, soal dasar keterbukaan sistem ekonomi kita ini, kita ke belakang dan ini sebenarnya menurunkan kedudukan kita.

Persoalannya adakah dasar-dasar yang kita buat ini bercanggah dengan *ruling* WTO:

- (i) ia tidak bercanggah dalam WTO ada *special and differential treatment* yang membolehkan kita melaksanakan program-program sosioekonomi,
- (ii) adakah kita hendak menarik balik atau menghapuskan dasar-dasar ini iaitu dasar sosioekonomi yang meletakkan kita ke bawah, saya percaya bahawa berdasarkan kepada perjanjian kemerdekaan kita, kita meletakkan isu untuk meningkatkan sosioekonomi antara kaum ini, perkara yang penting yang kita akan mempertahankan.

Saya ingat dari segi kandungan IMD ini sebelum keluar pun, pelabur-pelabur sudah tahu apa dia iklim dalam negara masing-masing dan tidak sangat dipengaruhi oleh faktor laporan tersebut.

6. Dato' Goh Siow Huat [Rasah] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan apa tindakan telah diambil ke atas Along yang sering kali menyembur cat merah ke atas rumah para peminjam yang gagal menjelaskan pinjaman walau pun laporan polis telah dibuat oleh ahli keluarga mereka yang terlibat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi Polis Diraja Malaysia boleh dan telah mengambil tindakan ke atas along yang dengan sengaja membuat satu tindakan yang ditakrif di bawah Seksyen 427 Kanun Keseksaan sebagai satu perbuatan khianat ke atas orang lain iaitu peminjam yang membawa hukuman penjara selama tempoh sehingga tiga bulan atau dengan denda atau kedua-duanya sekali. Terima kasih.

Dato' Goh Siow Huat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Biasanya apakah kesalahan yang sering dilakukan oleh along di bawah undang-undang. Apakah tindakan undang-undang diambil oleh PDRM terhadap mereka bagi tahun-tahun kebelakangan ini. Adakah pihak polis selain mengambil tindakan selain menghadapkan mereka ke mahkamah juga mengambil tindakan menahan mereka di bawah *Public Order* dan *Prevention of Crimes Ordinance* dengan izin. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam masalah along ini, terdapat berbagai-bagai jenis kesalahan yang telah dilakukan oleh along. Di antaranya adalah berkaitan dengan:

- (i) aktiviti peminjaman tanpa lesen, dan
- (ii) melibatkan kes-kes jenayah yang boleh mencederakan orang awam dan kesalahan di antaranya adalah di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan dan juga di bawah Seksyen 323, 324 dan 326.

Kalau dari segi kes yang telah disiasat oleh pihak polis berkaitan dengan kes jenayah yang telah dilakukan oleh pihak along ini, daripada Januari sehingga Disember 2004 terdapat sebanyak 405 kes yang mana telah disiasat oleh pihak polis dan 30 di antaranya telah dihadapkan ke mahkamah. Bagi bulan Mac 2005 terdapat enam kes.

Berkaitan dengan tindakan di bawah POPO ataupun *Public Order and Prevention of Crimes Ordinance* bahawa kementerian memandang dengan tindakan along ini yang mana boleh membawa kematian yang diugut oleh pihak along. Oleh itu pihak kerajaan iaitu Kementerian Keselamatan Dalam Negeri telah mengambil tindakan di bawah Seksyen 4 POPO yang terdapat bagi tahun ini sebanyak sembilan kes telah diambil di bawah POPO ini dan di samping itu pihak along ini diperintahkan di bawah sekatan juga sebanyak lapan kes bagi tahun ini. Terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kegiatan along ini telah menjadi suatu ancaman besar kepada negara dan seolah-olahnya saya melihat kegiatan mereka ini semakin hari semakin profesional. *Networking* mereka semakin profesional dan semakin agresif.

Di rumah saya sebagai contoh, hari-hari ada kad atau ada risalah tentang along ini. Setiap hari jadi macam mana masalah ini boleh berlaku dan seolah-olahnya saya merasakan kita macam balik zaman komunis dahulu, ketakutan rakyat ini kepada along ini. Adakah pihak Polis Diraja Malaysia telah ada satu *data base* ataupun ada satu maklumat siapakah mereka sebenarnya. Siapakah yang menjadi dalang kepada mereka ini sehingga seolah-olahnya saya telah diberitahu bahawa mereka ini semacam memberikan suatu ketakutan baru di dalam negara kita. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan along ini, along yang dimaksudkan ialah *moneylender*. Sekiranya along ini *moneylender* yang berlesen bahawa ini tindakan untuk memberi lesen dan juga penguatkuasaannya tertakluk di bawah Kementerian Perumahan dan Tempatan.

Tetapi bagi mereka yang melakukan kesalahan yang berbentuk jenayah bahawa pihak polis akan mengambil tindakan. Tindakan yang keras sentiasa diambil oleh pihak polis sehinggakan kita membuat tahanan tanpa bicara seperti yang dilaksanakan di bawah POPO dan sekatan terhadap mereka ini. Terima kasih.

7. Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu] minta Menteri Pelajaran menyatakan tahap kewajaran pemberian biasiswa BKP kepada pelajar-pelajar yang ibu bapa mereka berpendapatan kurang daripada RM 1,000 sebulan tanpa melihat tanggungan keluarga

pemohon sendiri walau pun ibu bapa mempunyai pendapatan RM 1,500 sebulan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia menetapkan syarat pendapatan kasar keluarga sebanyak RM 1,000 sebulan sebagai salah satu syarat kelayakan pelajar sekolah menengah untuk menerima Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP). Had pendapatan ini dikira wajar sebagai golongan yang berpendapatan rendah dan layak menerima bantuan.

Selain daripada itu pelajar mestilah memiliki kebolehan akademik dan kokurikulum yang cemerlang sekurang-kurangnya di peringkat sekolah. Dengan kriteria sedia ada ini, KPM perlu menyediakan peruntukan sejumlah RM 140.6 juta setahun bagi

menanggung pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 manakala sejumlah RM35.6 juta disediakan bagi pelajar Tingkatan 6. Terima kasih.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Biasiswa Kecil Persekutuan yang diberi untuk keluarga miskin yang berpendapatan RM 1,000 ke bawah, saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih dengan biasiswa yang telah disediakan tetapi saya daripada masyarakat luar bandar, saya percaya isu ini juga telah beberapa kali dibahaskan di Parlimen di Dewan yang mulia ini. Saya melihat masyarakat di luar bandar ini mempunyai anak yang ramai. Ada juga yang anaknya tidak ramai tetapi pendapatan RM 1,000 ke bawah memang patut dia layak.

Tetapi bagi keluarga yang ramai, anaknya lapan, bersekolah menengahnya tiga, bersekolah rendahnya dia, pendapatannya RM 1,200. Ini juga memberi satu beban kepada keluarga tersebut dan adakah pihak kementerian bercadang untuk mengkaji semula beban tanggungan yang ditanggung oleh keluarga yang mempunyai anak yang ramai. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Di sini saya ingin tegaskan bahawa Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP) merupakan salah satu sahaja daripada skim-skim bantuan. Di antara lain adalah juga skim *voucher tuition, per capita grant* kepada sekolah, rancangan makanan tambahan, buku teks percuma dan sebagainya.

Syarat yang digunakan pada masa ini adalah pendapatan kasar keluarga dan cadangan Ahli Yang Berhormat adalah sama Kementerian sedia untuk menimbangkan cadangan bahawa pendapatan per kapita bergantung kepada bilangan ahli keluarga diambil kira. Saya rasa ini adalah suatu cadangan yang baik dan saya akan bawa balik kepada kementerian untuk diteliti.

8. Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh IPTA dan IPTS untuk menggalakkan integrasi pelajar IPTA antara wilayah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah yang dilaksanakan untuk menggalakkan integrasi pelajar-pelajar IPTA antara wilayah ialah dengan menggalakkan semua pelajar menceburi berbagai-bagai aktiviti dan program pelajar yang telah dirangka oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar IPTA/IPTS.

Selain itu, kementerian turut menggalakkan pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum dan bangsa untuk menyertai Kelab Rukun Negara, membuat persembahan kebudayaan mengikut adat sesuatu kaum apabila tiba hari perayaan kaum tersebut serta membuat lawatan muhibah dan aktiviti kemasyarakatan seperti khidmat masyarakat di kampung-kampung, di desa-desa dan di FELDA-FELDA antara wilayah.

Selain daripada di kolej-kolej kediaman, pelajar-pelajar akan ditempatkan bukan sahaja antara kaum tetapi juga antara wilayah. Pelajar-pelajar ini juga digalakkan untuk mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti yang dijalankan di peringkat kolej kediaman seperti aktiviti sukan, kebudayaan, hari terbuka kolej kediaman dan sebagainya. Dengan ini hubungan atau integrasi pelajar antara wilayah secara tidak langsung menjadi lebih mesra dan mantap.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat IPTS pula, juga telah melaksanakan beberapa

langkah untuk menggalakkan integrasi antara wilayah di peringkat pengurusan. Langkah yang telah diambil adalah seperti mengadakan pertemuan di antara persatuan-persatuan IPTS seperti *Malaysian Association of Private Colleges and Universities (OFCU)*, *National Association of Private Education Institutions (NAPI)*, Kesatuan Kebangsaan Institusi-institusi Bumiputera Malaysia (PKIBM) dan Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PRINTIS).

Mesyuarat dan dialog juga diadakan secara berkala di antara wakil-wakil IPTS dari setiap wilayah untuk membincangkan isu serta membuat rancangan aktiviti bersama dan melaksanakannya. IPTS juga menggalakkan penyertaan pelajar dalam aktiviti yang dianjurkan oleh kerajaan pada peringkat kebangsaan, contohnya seperti Sambutan Ambang Merdeka, Hari Patriotik, forum-forum, perdebatan-perdebatan dan pertandingan sukan mengikut zon dan wilayah.

Kementerian juga telah menubuhkan Yayasan Ehwal Siswa (YES) yang mana berperanan sebagai salah satu medium memupuk budaya integrasi di antara pelajar IPTA dan IPTS yang berlainan wilayah dan adalah diharapkan dengan adanya aktiviti-aktiviti yang tersebut di atas maka integrasi pelajar di IPTA dan IPTS akan terus dapat dipertingkatkan. Terima kasih.

9. Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun] minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan berhasrat untuk mengadakan gerakan isi penuh semua jawatan kosong di semua kementerian dan jabatan kerajaan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak berhasrat untuk mengadakan gerak isi penuh bagi mengisi semua kekosongan jawatan yang terdapat di kementerian atau di jabatan kerajaan. Ini adalah kerana pada masa ini urusan-urusan pengisian atau pengambilan adalah dijalankan secara berterusan oleh agensi pengambilan yang berkenaan.

Sekiranya terdapat keperluan mendesak di kementerian atau di agensi bagi melaksanakan sesuatu tugas atau projek dan terdapat kekosongan jawatan yang tidak dapat diisi dengan segera, kementerian atau jabatan adalah dibenarkan untuk melantik pegawai-pegawai baru secara kontrak atau khidmat singkat mengikut syarat-syarat atau peraturan sedia ada.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah berkenaan hampir semua kementerian dan jabatan kerajaan, kita dengar taklimat sudah banyak, hampir semua tidak cukup kakitangan. Bagaimanakah asas untuk memperkukuhkan *delivery system* yang dikehendaki oleh pucuk pimpinan negara? Dan kita nampak juga di peringkat atas macam banyak di peringkat pegawai-pegawai tertinggi nampak disambung selepas pencen setahun, dua tahun malah ada di kalangan pegawai-pegawai kanan kerajaan disambung sehingga empat atau lima tahun. Bolehkah kerajaan memberi penjelasan ramai manakah daripada jumlah ini yang terjejas kerana saya rasa kakitangan pertengahan jabatan kerajaan dan juga kementerian mempunyai cita-cita untuk naik pangkat dan ini akan menjadikan *silent protest*, dengan izin daripada kakitangan kerajaan kerana menjejaskan kenaikan mereka dengan kita yang sudah pencen 56 tahun. Kalau tidak kita pinda undang-undang, 60 tahun kah had pencen dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pengambilan pegawai-pegawai kerajaan dan pegawai-pegawai baru, untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada tahun lepas tahun 2004, kita telah melantik seramai 3,839 orang pegawai-pegawai baru di dalam pelbagai jabatan di seluruh negara. Memang kerajaan kita sedar bahawa terdapat banyak juga pegawai-pegawai kontrak selepas bersara iaitu apabila mereka ini bersara selepas cukup umur 56 tahun, perkhidmatan mereka telah disambung dan kita memanglah sentiasa teliti dan mengambil perhatian tentang perkara ini.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita mempunyai sejumlah yang besar juga seramai 105 orang iaitu pegawai yang berkhidmat JUSA ke atas yang telah disambung. Mereka ini memang kita faham dan terdapat 6 Ketua Setiausaha dan 6 Ketua Pengarah pada tahun ini yang telah disambung semula. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa mengambil berat dan kita tahu bahawa ini melibatkan kenaikan pangkat seramai 300 lebih kenaikan pangkat yang melibatkan pegawai-pegawai

kerajaan. Ini kita sedar akan melemahkan perkhidmatan awam tetapi walau bagaimanapun, tindakan telah diambil.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk tahun ini sahaja beberapa orang pegawai kanan yang telah bersara tidak disambung semula seperti contohnya Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Pengarah MAMPU, KSU Kementerian Belia dan Sukan dan KSU Kementerian Kesihatan.

Jadi, kita dari masa ke semasa akan melihat perkara ini dan kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas untuk pertama sekali kita sentiasa akan mengambil perhatian tentang pegawai-pegawai kerajaan untuk diberi perhatian dan mereka diberi tempat untuk kenaikan pangkat pada masa-masa akan datang.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ada satu soalan bertulis, Kerajaan ada menerima bahawa 1,663 doktor dalam hospital-hospital kerajaan seluruh negara telah meninggalkan perkhidmatannya. Adakah apa-apa dibuat untuk memenuhi kekosongan yang ada di sana sekarang selepas doktor-doktor ini meninggalkan perkhidmatannya dalam kerajaan?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Soalan itu sebenarnya adalah berkenaan dengan Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun, JPA menghantar ramai pelajar-pelajar keluar negara untuk mengikuti bidang perubatan. Sekarang ini masalahnya ramai juga yang telah kita hantar keluar negara, apabila tamat pengajian mereka enggan pulang ke tanah air. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sekarang ini lebih kurang 400 lebih yang tidak balik dan mereka ini telah diberi beberapa kelonggaran. Mereka mestilah melaporkan diri kepada JPA dan sekiranya mereka ingin melanjutkan pelajaran, kita membenarkan melainkan mereka terpaksa menjawab atau melaporkan diri kepada JPA. Selain daripada itu juga hanya 98 yang tidak balik - yang tidak dapat *respond* kepada JPA - dan kita akan ambil tindakan tegas terhadap mereka ini.

Di samping itu saya difahamkan bahawa Kementerian Kesihatan telah menawarkan *inspectorate* untuk mengisi jawatan-jawatan yang kosong buat sementara ini. Sekian, Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari terakhir bagi penggal ini - soalan yang terakhir. Soalan tambahan saya, tadi Yang Berhormat sedar segala-galanya, kerajaan sedar itu dan kerajaan sedar ini. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar disebabkan oleh kelembapan pengambilan kakitangan-kakitangan terutama sekali di dalam bidang penguatkuasaan menyebabkan undang-undang yang kita lulus di Dewan Rakyat ini tidak dapat diimplementasikan dengan sewajarnya dan ini menyebabkan rakyat merasakan bahawa kerajaan tidak berkesan, kerajaan tidak dapat menguatkan undang-undang yang kita luluskan. Ini menyebabkan kelemahan dan kelemahan disebabkan oleh kementerian-kementerian yang tertentu tidak mempunyai kakitangan penguatkuasaan yang secukupnya. Itu satu.

Yang keduanya, apa masalah JPA? Walaupun badan-badan berkanun kerajaan di mana gajinya dibayar oleh badan-badan tersebut tetapi untuk mendapat pegawai-pegawai dimasukkan ke dalam agensi-agensi kerajaan ini pun susah. Ini menyebabkan kadang-kadang agensi itu tidak dapat bergerak dengan sempurna. Jadi, apakah pihak JPA atau pihak kementerian Yang Berhormat boleh mengkaji balik struktur pentadbiran ini supaya kakitangannya cukup, implementasikan program dengan elok, penguatkuasaan berjalan dengan baik dan ini menunjukkan kecekapan pentadbiran negara kita? Apa pandangan Yang Berhormat dan bolehkah pandangan yang baik ini dibawa kepada pihak kementerian? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Berkenaan dengan pegawai kerajaan yang tidak cukup di bahagian penguatkuasaan di beberapa agensi kerajaan, ini terpulanglah kepada agensi berkenaan untuk memberitahu atau memberi laporan kepada JPA. Kita tidak ada masalah. Sekiranya ada kewangan dan sebagainya kita boleh meluluskan pada bila-bila masa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sekejap Yang Berhormat. Fasal dalam Parlimen banyak kementerian-kementerian mengatakan kekurangan kakitangan. Maknanya dia sudah minta, yang sangkutnya di JPA.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Sebenarnya JPA bergantung pada kementerian.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Contohnya macam pencen. Kadang-kadang macam pencen, orang kata, contoh, saya beri contoh yang mudah. Kadang-kadang guru bising. Bising fasal apa? Fasal tidak dapat pencen kerana JPA lewat. Sebenarnya bukan kerana JPA. JPA akan meluluskan. Contohnya macam pencen, kita akan beri sekiranya borang-borangnya lengkap dari segi perkhidmatannya dan semuanya lengkap. JPA *no problem* - kita bayar.

Begitu juga dengan jawatan-jawatan. JPA hanya mengikut keadaan sama ada perjawatan daripada kementerian-kementerian yang memohon dan juga kedudukan kewangan. Kalau kewangan negara mengizinkan kita tidak ada masalah.

Sekarang ini, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, dahulu kita ada 26 buah kementerian, sekarang ini kita sudah memperbesarkan kementerian. Jadi, memanglah kita memerlukan ramai pegawai-pegawai untuk mengisi jawatan-jawatan yang sedia ada. Itulah sahaja, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekianlah sahaja sesi soal jawab pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1)

OSU SUKAM HUTANG JUDI RM7.1 JUTA DI LONDON

11.09 pagi

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk mengemukakan usul yang berbunyi, "Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1), Dewan ini memberi laluan kepada Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Lim Kit Siang menangguhkan majlis mesyuarat untuk membawa satu usul mengenai perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu hutang judi sebanyak RM7.1 juta di kasino London oleh bekas Ketua Menteri Sabah dan Menteri Tanah dan Koperasi, Datuk Seri Osu Sukam setahun selepas bersara daripada jawatan tinggi politik. Osu tidak pernah mempertikaikan kes guaman United Kingdom terhadapnya atau mencabar affidavit oleh Pengurus Judi The Ritz Hotel Casino, Robert William Whitehall yang bertarikh 29 Mei 2003 yang menyatakan:

- (i) Osu telah memohon menjadi ahli kasino berkenaan pada 8 Julai 2000 apabila beliau masih merupakan Ketua Menteri Sabah Mac 1999 - 2001;
- (ii) Osu telah diberi kemudahan penunaian cek *[cheque-cashing facilities]* sebanyak £500,000 pada 11 Februari 2002 yang meningkat sehingga ke £1.5 juta pada 7 Mei 2002;
- (iii) Osu berjudi hampir setiap hari dalam pelbagai lawatan beliau ke London pada bulan Februari, April, Mei dan September 2002;
- (iv) Bahawa pada satu hari sahaja iaitu 9 September 2002 beliau telah menjudikan £2 juta - *British Pounds* dengan kerugian sebanyak £1,757,000;
- (v) Dalam tempoh waktu dari 9 Februari 2002 hingga 15 September 2002, Osu telah menjudikan £23,480,000 (£23.487) juta dengan kerugian sebanyak £4,683,300;

- (vi) Osu juga telah berjudi di kasino-kasino yang lain di London seperti Crockfords, Colony and Rendezvous Casinos.

New Sunday Times melaporkan semalam bahawa Osu berhutang sejumlah wang yang lebih banyak daripada RM7.1 juta dengan sebuah kasino yang lain di London. Adalah menjadikan kepentingan orang ramai untuk menentukan bagaimana sistem integriti nasional telah gagal mengelakkan penyalahgunaan kuasa dan korupsi yang jelas kelihatan seperti dalam kes Osu di mana beliau mampu mengumpulkan 'kekayaan raksasa' sehingga berjudi sebanyak RM 158.7 juta - rugi RM31.6 juta dan berhutang sebanyak RM7.1 juta dengan sebuah kasino di London setahun selepas bersara daripada politik selain daripada hutang judi yang lebih besar di kasino-kasino yang lain di London". Sekian, Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat kawasan Ipoh Timor pada 11 Julai 2005. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat; (i) perkara itu adalah perkara tertentu; (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan (iii) berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa mengikut laporan daripada yang kita perolehi perkara itu adalah perkara tertentu dan kepentingan orang ramai pada fikiran saya perkara ini menyentuh isu peribadi, dan mengenai (iii) berkehendakkan disegerakan, pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2). Sekian.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG TATACARA JENAYAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [11 Julai 2005]

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat bagi Batu Gajah sambung ucapan.

11.16 pagi

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung ucapan saya di mana semalam saya telah membangkitkan isu berkenaan dengan poligami. Yang Berhormat Bera ada kata, apakah lebih baik kita membenarkan kaum lelaki yang telah beristeri berpoligami daripada melakukan perbuatan zina. Betul atau tidak, Yang Berhormat bagi Bera?

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan mesyuarat*]

Pada pandangan saya adalah penting kaum lelaki tahu mengawal nafsu mereka. [Disorak] Itulah yang paling penting, beliau cuba menjustifikasikan kata, lebih baik poligami daripada ada banyak anak luar nikah. Kalau kita ada tanggungjawab kepada ahli keluarga, setia kepada satu, saya rasa isu-isu gejala masalah sosial, anak luar nikah ini tidak akan timbul. Itulah saya hendak jawab kepada Yang Berhormat bagi Bera.

Bagi Yang Berhormat, saya rasa adalah penting, Tuan Yang di-Pertua, untuk saya memberi data-data bahawa Yang Berhormat bagi Kinabatangan ada menyatakan juga cuba menjustifikasikan keperluan poligami dengan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia pun tidak ada. Yang Berhormat bagi Kinabatangan pun tidak ada di dalam Dewan.

Cik Fong Po Kuan: Saya tahu tidak ada di dalam Dewan tetapi saya rasa amat penting agar kaum-kaum, wakil-wakil rakyat lelaki sini juga tidak akan diselewengkan oleh kata-katanya bahawa ada lebih kaum wanita daripada lelaki di Malaysia.

Saya telah meneliti data daripada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di mana menyatakan bahawa *for the last 25 years*, dengan izin, 1980, 1991, 2000, 2004, perangkaan daripada kementerian menunjukkan bahawa lelaki lebih daripada perempuan. Lelaki bagi tahun 2004 ada 13,023.2 orang dan perempuan 12,557.7. Jadi, adalah tidak benar bahawa ada lebih ramai wanita daripada lelaki.

Jadi, saya harap fakta ini, semua ahli-ahli lelaki terutamanya jangan ingat hendak cari alasan yang ada niat untuk beristeri lebih. Berhati-hatilah bahawa adalah tidak betul bahawa fakta ini jelas menyatakan bahawa lebih wanita daripada lelaki.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Tidak bersetuju?

Cik Fong Po Kuan: Soalan terakhir, ya.

SeorangAhli: Ada niatkah? Ada niatkah?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Saya bukanlah salah seorang yang berniat untuk menambah kerana saya tergolong di dalam golongan 3T. "Teringin tetapi takut". Takut, bukan takut kepada isteri, tetapi takut tidak berlaku adil kepada isteri saya yang pertama.

Yang Berhormat Batu Gajah, oleh sebab bila kita bercakap fasal poligami ini, ia juga melibatkan kaum hawa. Apabila seseorang lelaki itu ingin menikah satu lagi sudah pasti ada tepuk dua tangan berbunyi, sudah pasti ada sambutan daripada kaum wanita. Jadi, Yang terhormat, oleh sebab terlalu romantik bila membicarakan isu wanita, bagaimana kita akan mengecewakan, seorang lelaki akan mengecewakan wanita lain. Buat tidak kena, tidak buat kena, jadi hasilnya serba salah. Jadi itulah sebabnya lebih-lebih lagi wanita hari ini jika ditanya ramai antara mereka yang *prefer*, yang lebih suka jika bertemankan lelaki yang sudah beristeri lebih berpengalaman, pengetahuan dan kepakaran. Yang Berhormat bagi Batu Gajah boleh komen. Terima kasih.

Cik Fong Po Kuan: Itu sangkaan sangat jahat. Saya bagi Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sebelum saya jawab.

Puan Chong Eng: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Batu Gajah dan juga Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu seolah-olahnya dia kata yang kaum wanita pun terlibat. Saya setuju ada setengahnya kaum wanita pun terlibat tetapi kita mesti tahu bahawa kaum wanita yang terlibat ini selalunya dia belum kahwin. Yang lelaki yang sudah kahwin, dia sudah janji apabila perkahwinan itu, dia sudah janji dan dia mesti ingat janji dia, janji nikah dia. Perkahwinan itu adalah satu perjanjian dan perjanjian itu tidak menyatakan bahawa dia akan kahwin kali kedua.

Kerana dia sebagai seorang yang sudah kahwin, dia mesti ingat tanggungjawab beliau. Jadi, tidak ada alasan dia tidak boleh kalau ada wanita hendak kahwin dia juga, dia sepatutnya kata tidak boleh, saya sudah kahwin. Jadi, ini bukan satu alasan yang kerana ada wanita hendak kahwin dia paksa kahwin, kalau ada seribu hendak kahwin macam mana? Jadi, itu mestilah sesiapa pun, wanita atau lelaki mesti tahu, sudah kahwin, sudah ada tanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang ini jawab soalan daripada Tangga Batu.

Puan Chong Eng: Saya hendak tanya, adakah Yang Berhormat bagi Batu Gajah setuju dengan pandangan saya? Terima kasih.

Cik Fong Po Kuan: Memanglah saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Yang lelaki itu mesti sedar diri bahawa status dia ialah status telah kahwin. Mesti kawal diri, janganlah cari alasan bahawa untuk keadilan wanita itu. *You know*,

sebab dia suka saya, kalau saya tidak ambil dia, dia sedih hati, sakit hati kecil tetapi jaga diri sendiri, beritahu dengan terang-terang, saya hanya setia untuk satu, saya tidak boleh jalankan keadilan kalau saya ambil lebih. Jadi, lebih baik saya jangan tambah dosa saya. [Disampuk] [Ketawa] Haaaaah! Itu yang paling penting, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah hari ini memberi kaunseling kepada...

Cik Fong Po Kuan: Bukan kaunselinglah, ini saya perlu perbetulkan...

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Penjelasan, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: ...persepsi bahawa poligami adalah satu hak mutlak kaum lelaki menurut al-Quran.

Tuan Chong Chieng Jen: Penjelasan

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Boleh penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Saya bagi Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Maaf, ya, Yang Berhormat bagi Ketereh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, sila.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Saya lihat ramai Ahli Yang Berhormat semalam mencelah ucapan Yang Berhormat bagi Batu Gajah dan kesemuanya Ahli Yang Berhormat lelaki yang mencelah itu nampaknya menyokong konsep poligami. Oleh itu saya terasa terpanggil untuk menjelaskan pendirian kita sebagai Ahli Parlimen lelaki DAP....

Seorang Ahli: Terpanggil untuk poligamikah?

Tuan Chong Chieng Jen: Bukan! Terpanggil untuk menjelaskan pendirian kita sebagai Ahli Parlimen lelaki. Semalam semasa Yang Berhormat bagi Batu Gajah mulakan ucapannya pada pukul lebih kurang 4.00, saya lihat di sana kebanyakan Ahli Yang Berhormat mereka nampaknya letih tidak bersemangat tetapi semasa Yang Berhormat bagi Batu Gajah sebut poligami, monogami, Oh! Reaksi muka mereka tukar, mereka menjadi *excited*. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa sebab? Apa sebab, hah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini sangka jahat, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa sebab, hah?

Tuan Chong Chieng Jen: *Wait, wait!* Nanti, nanti! Itu *observation* saya. Itu yang saya teliti semalam. Oleh itu saya hendak menegaskan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak beri ucapan atau minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Tuan Chong Chieng Jen: Minta penjelasan, ini latar belakangnya. Saya menegaskan pendirian DAP, kita dari DAP baik wanita atau lelaki, kita sokong monogami dan tidak sokong poligami kerana ini mengenai konsep

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Chong Chieng Jen: Bukan berani atau tidak. Ini mengenai konsep keadilan. Dalam pepatah Inggeris ada disebut, "*Do not do unto others what you do not want done unto you*". Bahasa Cina juga ada [Bercakap dalam Bahasa Cina] Itu saya percaya bahawa Tuan Yang di-Pertua pun tahu tetapi bahasa Melayu saya tidak tahu. [Ketawa] Saya tidak tahu pepatah Melayu, apa maksud itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kalau semua orang mematuhi undang-undang cukuplah, tiada masalah.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Hah! Itu undang-undanglah.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya pernah bertanya, Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi, Yang Berhormat bagi Batu Gajah mula-mula kata perempuan lebih ramai daripada lelaki.

Tuan Chong Chieng Jen: *No, no....*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah kata lelaki lebih ramai daripada perempuan. Jadi, sekarang saya tanya adakah sebab itu sudah mengakibatkan ada lelaki yang tidak dapat 'beristeri'. *[Ketawa]*

Tuan Chong Chieng Jen: Bukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, yang penting sekali kita mematuhi undang-undang. Teruskan...

Tuan Chong Chieng Jen: Ya, itu konsep poligami - walaupun agama Islam membenarkan seorang lelaki untuk berkahwin dengan beberapa orang perempuan tetapi pendapat saya sebagai polisi kerajaan, kerajaan tidak seharusnya menggalakkan melakukan sebegitu. Tambahan pula dalam agama Islam kalau seorang lelaki ingin beristeri lebih daripada satu, dia hendak mendapat kebenaran daripada isteri pertamanya, tetapi seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara ini pun telah disebutkan oleh...

Tuan Chong Chieng Jen: Saya ingin memberi cadangan mengenai pengubahan undang-undang. Saya sebut apa yang telah dia ucap. Nanti saya akan beri pandangan dan nanti saya akan tanya Yang Berhormat bagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tanyalah serta-merta sekarang. Tanya dia.

Tuan Chong Chieng Jen: Sekarang apa yang telah terjadi ada kecenderungan, ada segelintir orang yang pergi ke Siam untuk kahwin, nanti balik minta pendaftaran perkahwinan mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara ini pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Yang Berhormat tidak mengikuti ucapan Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Tuan Chong Chieng Jen: Ada, ada, itu yang... .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukup, cukup.

Tuan Chong Chieng Jen: Oleh itu saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat bagi Batu Gajah setuju bahawa kerajaan seharusnya menggubal undang-undang supaya kes-kes sebegitu di anggap sebagai kes-kes *adultery* dan menambahkan denda memperuntukkan hukuman penjara atas mereka yang melakukannya dan tidak membenarkan mereka mendaftarkan perkahwinan sebegitu. Setujukah?

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching telah panjang lebar dari tadi, sebenarnya saya tidak mahu begitu lama dalam isu poligami, saya tidak persoalkan al-Quran tetapi yang penting ialah keadilan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seri Gading.

Cik Fong Po Kuan: Yang saya hendak bangkitkan ialah apakah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat?

Cik Fong Po Kuan: Maaf, ya, saya tidak ada masa, saya hendak anjur ke isu yang lain. Saya ada banyak isu.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *Let me speak for awhile.*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sebelum pindah bagi saya. Yang Berhormat bagi Batu Gajah...

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Saya bukan hendak hentam, saya hendak beri penjelasan.

Cik Fong Po Kuan: Maaf ya, saya bagi Yang Berhormat bagi Ketereh, Kubang Kerian selepas ini. Selepas itu cukup sudah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sri Gading tidak bagi ke?

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih bagi Batu Gajah. Dia bagi saya abang, boleh....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okaylah you dia bagi, tetapi saya minta dia beri saya jugalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semalam sudah beri peluang kepada Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tetapi saya cuba hendak simpulkan, Tuan Yang di-Pertua supaya Yang Berhormat bagi Batu Gajah dan juga Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

Cik Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, saya harap jangan buang masa kita ikut peraturan, saya beri pada Yang Berhormat bagi Ketereh, saya harap Yang Berhormat bagi Ketereh pendekkan soalan dan lepas itu kita boleh teruskan dengan isu yang lain.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Okey, saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti boleh bincang di luar Dewan.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Yang Berhormat bagi batu Gajah tadi sebut bahawa dalam Quran kata poligami itu hak lelaki. Sekarang kita sudah bercakap soal poligami, *[Disampuk]* No, cakap hak, ayat saya tulis. Poligami hak lelaki, hak mutlak. Sebenarnya *that is wrong*. Sebenarnya *that is wrong*. Poligami dibenarkan oleh Islam adalah sebagai kaedah untuk menyelesaikan masalah dan ia bukan *the sole right of a man*, dengan izin. Tidak, ia juga bukan *the sole right of women*, tidak.

Saya hendak beri contoh, Yang Berhormat, saya beri contoh saya. Saya sudah berkahwin 23 tahun. Saya bincang soal poligami dengan isteri saya, bincang. Apa kata kita nanti satu hari, saya tidak boleh janji saya tidak kahwin lebih daripada satu. Isteri saya kata, *"You have all the right if you want, but please refer it to me"*. Dan, sampai sekarang saya tidak tergamak untuk kahwin lebih daripada satu kerana saya tahu dalam Quran menerangkan kepada kita untuk kamu kahwin, *[Membaca petikan al-Quran]* kamu mesti adil.

Cik Fong Po Kuan: Ya, ya.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Membaca petikan al-Quran]* Kamu mesti adil.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukup, cukup.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Jadi, saya hendak sebutkan di sini, jangan lihat bahawasanya poligami yang dibenarkan oleh Islam ini adalah sebagai hak mutlak lelaki untuk *take advantage* pada perempuan. Tidak.

Cik Fong Po Kuan: Ya, ya. Cukup, cukup.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Ia adalah satu penyelesaian, masalah sosial dalam agama. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, sila alih kepada tajuk yang lain.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat Ketereh saya harap, saya haraplah dengar dengan baik-baik. Saya kata tadi ada persepsi kaum lelaki yang menganggap poligami adalah hak mutlak mereka. Dari awal-awal saya kata yang penting ialah kalau hendak

berpoligami ialah keadilan. Itu saya pertekankan. Ramai yang menganggap ialah hak lelaki, hak mutlak lelaki dan saya tidak setuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian.

Cik Fong Po Kuan: Ya Kubang Kerian yang terakhirlah.

Tuan Salahuddin bin Haji Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Batu Gajah dan saya hormat Batu Gajah ini sebab dia pelajar UIA dan dia faham sedikit sebanyak tentang undang-undang Islam. Saya rasa begini Tuan Yang di-Pertua, pada saya isu poligami ini perlu diterangkan sebagai case by case, bukan kita perlu secara total kita menentang poligami ini, jangan. Pepatah Inggeris ada mengatakan. "*Don't speak too soon*" lah, jangan kita bercakap terlalu awal kerana saya rasa poligami ini, dalam Islam ini saya melihat bahawa Rasulullah s.a.w. menegakkan prinsip keadilan.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, ada seorang janda ataupun ibu tunggal yang daif. Daif dan dia memerlukan kepada kehidupan, perlindungan dan kalau ada seorang yang hartawan, yang dia boleh bersifat adil yang hendak mengambil sebagai isteri kedua, adakah ini ditentang oleh Islam? Jangan kita kata kita tentang, jangan kita begitu. Lihatlah case by case yang berlaku adalah *human error*. Sebagai contoh ada soalan yang ditujukan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen daripada Baling sebagai contoh. Yang terpaksa ibu tunggal ini minta fatwa, *so-called* fatwa. Ini masalah sosial yang berlaku. Kalau saya sebagai contoh, kita sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, kita sendiri, esok katakanlah kita ada anak perempuan, anak perempuan yang berkahwin, yang mungkin suaminya kemalangan ataupun suaminya meninggal dunia, tiba-tiba ada seorang hartawan katakan, hendak jadikan dia sebagai isteri kedua, adakah ini tidak boleh? Jadi lihat ini case by case sebab prinsipnya ialah prinsip keadilan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Ya, ya, ya. Saya setuju.

Tuan Salahuddin bin Haji Ayub: Jangan kita, jangan kita borong begitu, tidak boleh.

Cik Fong Po Kuan: Ya, ya saya setuju Yang Berhormat Kubang Kerian. Nabi Muhammad isteri-isteri dia yang lain semasa Siti Khadijah dia monogami sampai selepas Siti Khadijah kalau tidak silap meninggal 10 tahun dia yang kahwin semua ialah janda-janda, balu-balu sampai kepada Aishah baru anak dara. Jadi saya setuju Kubang Kerian kalau janda, ibu tunggal itu boleh case-to-case based tetapi yang penting saya tadi katakan apakah mereka menggunakan dengan izinnya, daftar di Siam, balik bayar denda lepas itu daftar perkahwinan itu, itu persoalannya.

Kalau kata berapa ramai, saya rasa ada Ahli-ahli dalam sini yang telah pergi Siam daftar dan lepas itu bayar denda, lepas itu dapat isteri yang sah. [Ketawa] Tetapi yang saya dapat, ini sangat menarik yang terakhirlah bagi isu ini, yang terakhir, adalah di mana perangkaan dari Kementerian Wanita bagi mereka di kalangan umur 4 tahun sampai kepada umur 64 tahun adalah lelaki lebih daripada wanita. Tetapi yang mulai 65 tahun hingga 75 tahun wanita lebih daripada lelaki. Jadi mengapa Ahli-ahli tidak kata, dalam ini, aspek ini hendak, elok ambil ini isteri-isteri dalam lingkungan umur ini, mungkin dia adalah janda atau balu? [Ketawa]

Datuk Bung Mokhtar bin Raden: Mana boleh?

Cik Fong Po Kuan: Ini persoalannya!

Datuk Bung Mokhtar bin Raden: Siapa mahu?

Cik Fong Po Kuan: Case to case seperti yang dinyatakan oleh Kubang Kerian hendak jaga mereka. Case to case sebagai pelindung kepada wanita dalam golongan umur ini. Tetapi yang ambil ini kalau saya tidak silap mungkinlah kementerian ada, ada angkanya, statistiknya. Bahawa....

Datuk Bung Mokhtar bin Raden: Mungkin itu Ipoh Timor mahulah.

Puan Chong Eng: [Bangun]

Cik Fong Po Kuan: ...mahu lindung anak-anak dara yang umur-umur muda. Jadi Bukti Mertajam.

Puan Chong Eng: Ya, saya hendak Yang Berhormat Batu Gajah *make certain dan confirm* apakah statistik itu kerana semalam Yang Berhormat Kinabatangan mengatakan bahawa seorang lelaki kepada 7 wanita, itulah alasan beliau untuk poligami.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi Batu Gajah telah menafikan angka itu.

Puan Chong Eng: ...awak itu ada tidak betul. Hanya 1 lelaki kepada 004 (1:004) wanita sahaja. Statistik yang diberi oleh Kinabatangan mungkin di dalam lingkungan 60 dan ke atas jadi saya setuju dengan Yang Berhormat Batu Gajah, kalau hendak berkahwin 2, 3, 4 tidak dapat setuju isteri pertama jadi kahwinlah mereka yang 60 tahun yang ke atas. Terima kasih. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Sangka jahatlah itu.

Datuk Bung Mokhtar bin Raden: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kinabatangan.

Cik Fong Po Kuan: Saya rasa cukuplah isu kepada poligami, Kinabatangan saya rasa cukup. Itu tadi statistik daripada perangkaan Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat 2004. Jadi saya haraplah pihak kerajaan boleh kaji semula bagi nasihat kepada negeri-negeri, kaji semula enakmen keluarga Islam dan bukan sahaja melihat sama ada lelaki itu hendak kahwin lebih dia mampu atau tidak mampu. Yang penting adalah apakah dia mampu jalankan keadilan kepada isteri-isterinya yang lain. Jadi saya haraplah dan juga walaupun seperti yang dikatakan oleh Bandar Kuching ada peruntukan menyatakan denda tetapi denda terlalu rendah saya rasa. Tidak ada negeri yang tidak lebih daripada 1000 dan walaupun ada diperuntukkan ada kalau tidak silap Selangor punya syariah ada peruntukan sebatan, eh maaf penjara enam bulan tetapi jarang, jarang. Jadi saya haraplah aspek ini boleh dikaji semula.

Saya ingin beralih kepada isu lain iaitu mahkamah. Saya telah menerima panggilan daripada rakan saya yang merupakan Peguam Syarie. Dia memberitahu di Ipoh ada kekurangan hakim hanya dua orang hakim. Salah seorang hakim adalah hakim wanita. Ini di mana ia bergeraklah dari satu tempat ke tempat yang lain. Ini melibatkan masalah kes tertangguh. Jadi saya haraplah ini boleh diberi perhatian agar lebih ramai pegawai kehakiman diberi kepada mahkamah-mahkamah yang masih kekurangan kakitangan dan pegawainya.

Gaji, saya ada diberitahu bahawa jika betul, apakah gaji kepada kakitangan dan pegawai Mahkamah Syariah lebih rendah daripada Mahkamah Sivil, jika ya mengapa, jika tidak apakah salahnya kita pastikan agar mereka mempunyai gaji yang sama dalam aspek ini. Dan juga hakim wanita hari itu semasa menjawab pindaan yang lebih awal Yang Berhormat Menteri ada kata mungkin hakim wanita pelantikannya harus diperhalusi dan juga mungkin mereka boleh menjawab jawatan sebagai hakim Mal, Mal maksudnya sivil kalau tidak silap saya. Apakah salahnya mereka juga terlibat dalam kes-kes menjadi hakim bagi kes-kes mahkamah jenayah, apa salahnya. Sebab kita sudah ada hakim besar malah ia adalah seorang wanita, hakim yang tertinggi di Badan Kehakiman dalam mahkamah sivil adalah wanita. Jangan masih anggap bahawa wanita adalah emosional. Kita boleh lihat lelaki sana pun emosional juga. *[Ketawa]* Ini jadi saya haraplah kita kalau hendak memartabatkan bagi hak yang sama di antara kaum lelaki inilah peluangnya, inilah yang kita dipertekankan dalam hukum Islam. *Equality* ya, dengan izin.

Perkara yang lain yang saya ingin bangkitkan ialah berkenaan ialah pindaan. Pindaan kepada Seksyen 210, penghinaan ke atas perintah mahkamah di mana dia telah dipinda dengan denda dengan cadangan dipinda 100 hingga 1000. Saya masih anggap pindaan ini denda masih rendah. Kalau kita tengok mahkamah sivil sampai boleh dipenjarakan. Budi kuasa, budi bicara di dalam Hakim Mahkamah Tinggi kalau ada *contempt of court*. Kalau kita lihat dalam kes Mahkamah Syariah, saya dimaklumkan ramai yang menganggap perintah Mahkamah Syariah remeh-temeh. Apakah benar? Jika ya mengapakah tidak kita adakan denda yang lebih tinggi mereka yang tidak menghormati perintah. Kalau tanya saya, saya rasa perintah dari Mahkamah Syariah macam perintah

dari Tuhan. *You know*, sebab yang itu ialah menyalahi undang-undang dalam Islam. Jadi saya haraplah mungkin boleh pertingkatkan denda agar proses mahkamah boleh berjalan dengan lebih lancar.

Ada permintaan daripada Peguam Syarie dia kata kalau boleh kementerian adakan ini perintah saraan peguam cara. Satu skala *fee* untuk mereka patuhi seperti untuk peguam-peguam sivil. *Solicitors' remuneration order*.

Satu lagi ialah di mana rakan saya kata juga graduan dari UIA, dia kata saya hendak jadi peguam syarie. Sebelum ini dekat Ipoh, dekat Perak hanya isi borang, pergi temu duga lepas itu ditentukan lulus atau tidak, diterima atau tidak. Tetapi sekarang nampaknya telah dibekukan proses temu duga. Jadi mereka tidak tahu tergantung hendak jadi peguam syarie tetapi tidak tahu cara mana. *What is the approach?* Sebab telah dibeku kononnya diambil oleh Majlis Agama. Mungkin pihak Menteri ada boleh perelaskan sebab rakan saya ramai hendak jadi peguam syarie kononnya masih kekurangan peguam syarie yang aktif di dalam bidang kehakiman.

Akhirnya saya ingin rujuk kepada satu kes yang sangat spesifik di mana Islam menekankan, Surah al-Baqarah ayat 256 di mana menekankan *there shall be no compulsion in religion*. Ini ada satu kes di mana seorang bapa nama Anthony Jerry dan ibunya Mary Ann Chong. Lepas itu bapa ini, Anthony ini memeluk agama Islam dan melahirkan seorang anak dan diberi nama Brandon. Sijil beranaknya didaftarkan nama Brandon. Tetapi selepas itu ibu dia juga memeluk, ketika suami dia Anthony ini memeluk agama Islam, isterinya Mary Ann Chong juga mengikutinya dengan menggunakan nama Norhayati. Sijil beranak tadi saya katakan mencatat budak ini Brandon, anak dilahirkan nama Brandon. Lepas itu masalah yang timbul ialah apabila budak ini mencapai umur 12 tahun memohon kad pengenalan, dibubuh nama oleh JPN, Brandon bin Johari sebab bapa dia selepas memeluk agama Islam menggunakan nama Johari bin Abdullah dan @ Anthony Jerry. Tetapi persoalan di sini apabila budak Brandon ini datang jumpa saya dia kata saya diberitahu bila saya capai umur 18 tahun saya boleh memilih agama saya, saya boleh buat pindaan. Ini JPN suka-suka taruh sebab nampak sijil beranak bapa dia ada nama agama Islam dia pun taruh Brandon bin Johari. IC dia sekarang ialah Brandon bin Johari.

Jadi lepas itu yang aneh ialah tahun 1992 ibu dia Mary Ann Chong berjaya membuat pindaan ke atas dokumen-dokumennya sebab sebelum itu dia memeluk agama Islam dan tukar nama kepada Norhayati dan 1992 melalui JPN dokumen-dokumen rasminya seperti IC berjaya ditukar balik kepada nama sebelum memeluk agama Islam, Mary Ann Chong, dengan kelulusan JPN. Jadi budak ini hendak tanya saya Yang Berhormat bagaimana saya boleh bantu, yang penting ialah Brandon ini dilahir tahun 1974 dan ibu bapa dia bawa dia ke gereja "church" untuk *baptize* dia jadi orang Kristian. Saya ada sijil yang dikeluarkan oleh gereja yang menyatakan bahawa Brandon adalah seorang Kristian dan sejak dari umur kecil lagi sampai sekarang dia tidak mengikut ajaran Islam. Dia pergi ke gereja tetapi IC dia Brandon bin Johari. Dia ada pohon rujuk kepada Jabatan Agama Islam. Jabatan Agama Islam kata saya tidak peduli anda, ini ada surat kata anda memurtadkan diri anda sendiri jadi apa-apa segala urusan kalau ada kaitan dengan agama anda tiada kaitan dengan pentadbiran Jabatan Agama Islam.

Jadi budak ini tergantung di tengah-tengah. Pihak JPN tidak menerima penukaran nama sebab dia tidak pernah memeluk agama Islam, dia ada sijil dari gereja tahun 1974, pada masa yang sama Jabatan Agama Islam enggan membagi satu sijil bagi menyatakan bahawa orang ini bukan beragama Islam. Hanya kata tidak ada urusan dengan dia lagi dia telah memurtadkan diri, pihak JPN kata saya tidak terima surat ini, saya hendak surat dari Jabatan Agama Islam menyatakan dengan terang-terang bahawa anda bukan penganut agama Islam. Jadi dia tergantung. Mungkin Menteri boleh bantu dalam kes ini. Inilah yang saya ingin bangkitkan dan....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan. Adakah Yang Berhormat daripada Batu Gajah setuju bahawa dalam empat hari ini, dalam perbahasan tiga-tiga set rang undang-undang mengenai syariah adalah satu fikiran yang begitu tidak serius, tidak sihat oleh kerana dipandukan oleh fikiran orang asing menganggap Malaysia iaitu silap Malaysia sebuah negara Islam dan kedua ada usaha-usaha yang cuba bawa ke Dewan yang mulia ini untuk kafir-mengkafir Ahli-ahli Parlimen. Bukan sahaja kafir mengkafir Ahli-ahli Parlimen tetapi pun kafir mengkafir negara-negara OIC, negara-negara di dunia ini.

Dan adakah Yang Berhormat bagi Batu Gajah bersetuju bahawa, contohnya pada 7 Julai dalam perbahasan Yang Berhormat bagi Larut, dia tidak ada di sana, mungkin dia boleh masuk ke dalam sekarang. Yang Berhormat bagi Larut ada kata dan saya boleh baca dalam *Hansard*, "Masalah kita sekarang ini tidak perlu kita hurai banyak, Yang Berhormat. Kita menjadi Pengerusi OIC, negara-negara Islam berpuluh-puluh buah, beratus-ratus buah di dunia ini. Ternyata bahawa kita negara Islam, takkan negara kafir hendak jadi Pengerusi OIC." Apa erti ini? Negara kafir!

Adakah negara OIC dibahagikan kepada negara kafir dan negara bukan kafir dan adakah negara kafir dalam OIC? Adakah negara-negara dalam OIC ada yang negara kafir? Yang pertama.

Bukankah ini sebenarnya satu *insult* kepada negara-negara OIC? Yang Berhormat bagi Larut datang ke Dewan ini minta maaf, tarik balik perkataan semacam ini! *[Tepuk]*

Dan adakah... Mana Yang Berhormat bagi Larut?

Seorang Ahli: Lari, sudah lari!

Tuan Lim Kit Siang: Mana boleh? Ini satu tindakan yang tidak bertanggungjawab. Yang Berhormat bagi Jerai semalam menggunakan "kafir" mengenai Ahli-ahli Parlimen. Mana boleh? Kita tahu kafir ini adalah...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, kafir bukan perkataan yang kotor. Kafir itu adalah perkataan kepada orang yang bukan Islam.

Tuan Lim Kit Siang: Kita tahu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat tidak faham.

Tuan Lim Kit Siang: Ha, nanti, kita tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Negara kafir itu maksud Yang Berhormat bagi Larut mungkin negara itu bukan negara Islam.

Tuan Lim Kit Siang: Okay, *one at a time*...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi jangan dok ungkit-ungkit, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini saya bagi amaran.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat jangan ungkit pasal negara Islam, jangan ungkit!

Tuan Lim Kit Siang: Apa hak Yang Berhormat berdiri?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya berdiri kerana menegaskan kebenaran!

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang bukan masa untuk Yang Berhormat bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan dia punya *floor*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat jangan biadab!

Tuan Lim Kit Siang: Bukan *floor you*! Siapa biadab? Duduk!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jangan biadab pasal agama, okey?

Tuan Lim Kit Siang: Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jangan mengecilkan Malaysia sebagai negara Islam!

Tuan Lim Kit Siang: Gila, mahu pergi Tanjong Rambutan ke? *[Disampuk]* Mahu pergi Tanjong Rambutan ke?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Awak yang gila! Minta tarik balik! Awak yang gila!

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Buat perangai macam budak-budak!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Belum habis penjelasan saya. Kita tahu bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: ... keselamatan, Tanya Yang Berhormat bagi Batu Gajah, bersetujukah bahawa perkataan "kafir" ini *derogatory, insulting*, semuapun kita tahu. Makna yang asal ialah bukan Islam tetapi dalam konteks Malaysia apabila menggunakan perkataan kafir, itulah *derogatory, insulting* dan PAS pun ada dihentam oleh kerana kafir-mengkafir. Dan sebenarnya adakah Yang Berhormat bagi Batu Gajah bersetuju apabila Yang Berhormat bagi Jerai menggunakan "kafir", ia *insult non-Muslims, derogatory*,...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: ...semua *non-Muslims* dalam Malaysia...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah menyatakan perkataan "kafir". Biar saya jelaskan apa erti kafir.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat bagi Batu Gajah bersetuju? Duduklah, duduklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *You* duduklah!

Tuan Lim Kit Siang: Duduklah, duduk!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *You* orang tua, otak tidak ada, orang tua!

Tuan Lim Kit Siang: Duduk, duduk, duduk!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Nama sahaja berpengalaman dalam politik tetapi otak awak tu cangkat!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat bagi Batu Gajah bersetuju bahawa..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak tahu fasal Islam tapi hendak bercakap pasal Islam.

Tuan Lim Kit Siang: ... bahawa "kafir" tidak patut digunakan, patut dianggap sebagai *unparliamentary* dan kita bersetuju kalau kita mahu keharmonian dalam negara kita. Kita, Ahli-ahli Parlimen buat teladan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, cukup.

Tuan Lim Kit Siang: ... dengan perkataan. Adakah Yang Berhormat bagi Batu Gajah bersetuju penggunaan kafir ini dianggap sebagai *unparliamentary*, tidak boleh digunakan dan apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Larut, negara kafir itu adalah *insulting* kepada negara-negara OIC dan patut diarah untuk ditarik balik! Sekian, terima kasih.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat Ketua Pembangkang, saya setuju apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Baik kita hentikan menjejaskan nama baik Islam. Bila perlumbaan di antara parti-parti politik, siapa lebih *Islamic*, yang mengelirukan dan menjejaskan imej ialah kedua-dua parti ini. Bagi saya bukan Islam, sedikit latar belakang Islam, *I am very confused. What is the truth of Islam?* Apabila ada parti-parti politik menggunakan nama Islam, kedua-dua belah berlumba-lumba *who is more Islamic*. Saya hendak tekankan di sini, hentikan menjejaskan nama baik Islam.

Dan saya ada buat laman *web search*, "*Be careful who you call a kafir*" dan saya ingin *quote*, by Farina Alam, "*Be careful who you call kafir because only Allah knows who is truly a rejecter and who is merely a misguided person. It is not up to us to sentence a person to the hell fire*". And call a person a kafir? Saya haraplah hentikan penggunaan kata-kata sedemikian.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat bagi Batu Gajah pun bersetuju...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Setuju apa?

Tuan Lim Kit Siang: ... bahawa masa sudah sampai bahawa perbahasan Dewan yang mulia ini diikuti bukan sahaja oleh pemerhati-pemerhati tetapi juga rakyat Malaysia di dunia bahawa kita ikuti apa sebenarnya dalam Perlembagaan bahawa Malaysia bukan sebuah negara Islam dan oleh kerana ini dalam Perlembagaan, tidak boleh kata seorang Perdana Menteri atau bekas Perdana Menteri ada buat pengisytiharan, dia ada hak untuk *override* apa yang termaktub dalam undang-undang khasnya ada Mahkamah Agong yang ada buat keputusan. Dan adakah beliau bersetuju, khasnya dalam Dewan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah sebab...

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...Yang Berhormat sudah sebutkan perkara ini beberapa kali.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ya, empat hari perbahasan, kita perlu menangani bahawa setiap kali ada seseorang kata Malaysia adalah negara Islam, ini perlu di *contradict*, perlu ditegur oleh kerana ini tidak benar dan ini kita perlu berdiri bagi pihak MCA, Gerakan, MIC, Sabah dan Sarawak kecuali Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi oleh kerana beliau ada kata bahawa Malaysia negara Islam semenjak merdeka. Kita tidak boleh cakap bagi pihak beliau tetapi kita perlu cakap bagi pihak Ahli-ahli MCA, Ahli-ahli Gerakan, oleh kerana *conference delegates* MCA dan Gerakan tidak pernah, tidak berani, tidak boleh pun buat ketetapan Malaysia sebuah negara Islam oleh kerana ini tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah. Bukan masa untuk berucap.

Tuan Lim Kit Siang: Mereka takut cakap. Kita berdiri bercakap bagi pihak Timbalan Tuan Yang di-Pertua pun. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ha, itu dia setuju. [Ketawa]

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat Ketua Pembangkang, saya setuju. Yang pentingnya mengapakah perkara ini timbul? Kerana seorang Perdana Menteri pada ketika tersebut mendeklarasikan Malaysia menjadi negara Islam dengan tiba-tiba, 29 September 2001. Apakah ada konsultasi dengan parti-parti politik yang lain, dengan orang ramai? Kita ada Perlembagaan, kita ada keputusan mahkamah tertinggi, mengapa itu tidak diendahkan, tidak dipatuhi?

Jadi saya harap perkara ini, cukuplah. Kita mesti sedia menerima pendapat yang berbeza. Kalau dalam isu negara Islam ini persetujuan tidak dapat dicapai, mengapa tidak boleh diadakan konsultasi, syurah? Agama Islam ada menyatakan ada syurah. Prinsip sebuah negara, *the principles of a political system* dalam Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat, cukuplah.

Cik Fong Po Kuan: Dan yang terakhir sekali, saya juga ingin menyatakan saya sebenarnya tidak setuju dengan tindakan yang diambil oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu yang mendenda kaum wanita yang bekerja tanpa memakai tudung. Denda RM30, saya baca dalam kenyataan, ada 80 orang wanita Islam yang bekerja tanpa memakai tudung didenda. Saya haraplah ini dihentikanlah. Sekian....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Cik Fong Po Kuan: Saya bagi kepada Ketua Pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang: Yang terakhir, adakah Yang Berhormat bagi Batu Gajah sedar semalam selepas seruan kita di sini, saya ada di sini, bahawa Parti UMNO dan Parti PAS berhenti bersaing mahu mewujudkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam oleh kerana ini akan memudahkan masa depan Malaysia? Ada rakan-rakan yang beragama Islam yang jumpa saya dan kata, "Ini betul, itu baik" oleh kerana ini dalam hati mereka. Dan bukankah ini menunjukkan bahawa bukan sahaja rakyat Malaysia bukan Islam tidak bersetuju dengan Malaysia sebagai sebuah negara Islam tetapi majoriti Muslim di Malaysia yang sederhana pun tidak bersetuju dan kita perlulah *spread this message, Malaysia is not an Islamic state*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Malaysia negara Islam! Saya bangkang dia kata macam itu.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *You* duduklah!

Seorang Ahli: Betul, Malaysia negara Islam!

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Dulu tidak berani cakap di sini, sekarang berani cakap! Sebelum 2001...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Lain dulu, lain sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: Di mana 2001? Tidak ada fikiran itu. Apa ini? *Opportunist!*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *You are opportunist, not me.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak jadi pengerusi parti pun, jadi Ketua Pembangkang, elaun sapu semua.

Cik Fong Po Kuan: Saya haraplah isu ini cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah.

Cik Fong Po Kuan: Haraplah. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri jawab.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Chow Kon Yeow: Ada orang hendak bahas lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Tuan Chow Kon Yeow: Ini isu yang amat penting.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Cukuplah! Yang bahas tadi pun tidak tahu apa hallah! Menteri jawablah!

Tuan Chow Kon Yeow: Kalau Yang Berhormat bagi Kinabatangan tahu, mengapa tidak mahu bahas?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Isu yang berkaitan.

Tuan Chow Kon Yeow: Mengapa tidak mahu bahas?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Cukuplah, duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya bagi dua orang lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tidak payahlah, tadi sudah cakap.

Tuan Chow Kon Yeow: Ini bukan isu orang Islam sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk, saya bagi dua orang lagi, seorang 10 minit.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Yang cakap tadi pun tidak tahu cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya bagi dua orang Ahli Yang Berhormat lagi bercakap.

Tuan Chow Kon Yeow: Kalau tahu, mengapa tidak mahu bahas?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Seorang 10 minit. Yang Berhormat bagi Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Okey.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Kemamanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah. Saya buat keputusan dua lagi, setiap seorang 10 minit.

11.56 pagi.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Tuan Yang di-Pertua, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kerana memberi saya sedikit masa untuk membahaskan berhubung dengan Akta Prosedur Jenayah Syariah ini.

Sebenarnya apabila kita membincangkan berkenaan dengan jenayah syariah ini, apakah yang dikehendaki oleh rakyat sebenarnya? Rakyat menghendaki supaya kes-kes yang dibawa ke mahkamah hendaklah diambil tindakan dengan segera ataupun secepat mungkin. Baik plaintif mahupun defendan, pendakwa atau pihak yang kena dakwa, mereka mahukan agar kes mereka segera diselesaikan. Bagaimanakah perkara untuk menyelesaikan kes ini akan dapat dicapai.

Inilah yang patut dimasukkan ke dalam pindaan Akta Prosedur Jenayah Syariah. *Justice delayed is justice denied*. Maknanya keadilan yang ditangguhkan bermaksud keadilan yang dinafikan. Kita sedar bahawa dalam satu-satu kes, baik mal mahupun jenayah, beberapa komponen terlibat secara langsung dan tidak langsung. Dalam kes jenayah, misalnya, komponen yang terlibat adalah hakim, pendakwa, orang kena tuduh, peguam orang kena tuduh, pegawai pembantu seperti juru bahasa, kerani dan juga saksi-saksi. Apakah cara yang paling berkesan untuk membawa semua komponen ini ada pada satu masa ianya dibicarakan? Jika ini boleh dilakukan, saya rasa kes-kes yang tertangguh dapat diselesaikan dengan pantas.

Kita dapati kedudukan hakim di Mahkamah Syariah di negara ini juga perlu diambil perhatian. Taraf mereka hendaklah ditingkatkan. Jika Hakim Mahkamah Tinggi Sivil dapat diberikan kedudukan yang tinggi dengan diberikan berbagai-bagai kemudahan untuk disesuaikan dengan kedudukan mereka di dalam masyarakat, kenapa layanan yang sama tidak dapat diberikan kepada hakim-hakim Mahkamah Tinggi dan juga Mahkamah Rayuan Syariah?

Untuk Hakim Mahkamah Syariah dapat menjalankan tugas dengan baik, sempurna dan dapat memberi keadilan kepada pihak-pihak yang terlibat, kedudukan mereka hendaklah diselaraskan sesuai dengan kedudukan mereka di dalam masyarakat. Ini bertepatan dengan saranan yang dibuat oleh Sayidina Ali bin Abi Talib, khalifah yang keempat di mana beliau pernah menulis kepada Malik Astar semasa hendak dihantar sebagai gabenor di Syam.

Kata beliau, "Kamu dihantar ke satu negeri yang rakyatnya bertamadun, maka hendaklah berikan kedudukan yang tinggi dan baik kepada hakim-hakim. Dengan

memberi kedudukan yang tinggi dan kehidupan yang lumayan, mereka tidak akan berhajat lagi kepada apa-apa tambahan wang atau benda dan dengan ini mereka akan dapat memberikan penghakiman yang adil dan tidak berat sebelah dan akan memihak kepada yang benar iaitu satu keadilan di mana kaedahnya adalah meletakkan sesuatu pada tempatnya. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*

Dengan itu juga, tidak akan berlaku penghakiman yang tidak tepat sebagaimana yang telah kita ketahui dalam kes bekas Timbalan Perdana Menteri.

Tentang bidang kuasa, sekarang ini kita dapati Undang-undang Jenayah Syariah dan Mal tidak selaras di antara negeri-negeri. Perintah oleh sebuah negeri tidak dapat dilaksanakan di negeri yang lain. Contohnya, seperti Mahkamah Syariah di Kedah, perintah yang dikeluarkan tidak boleh melangkau sempadan negerinya. Ini akan menyulitkan pelaksanaan sesuatu perintah seperti mana kes mutaah, misalnya.

Bukankah hukum Islam itu sama sahaja di atas muka bumi Allah ini kecuali hukum Islam yang berlaku di negara Malaysia ini yang diuar-uarkan sebagai Islam Hadhari. Di manakah perginya sistem penyelarasan syariah yang telah ditubuhkan oleh kerajaan yang dipengerusikan oleh Allahyarham Tan Sri Profesor Emeritus Ahmad Ibrahim? Ianya bertujuan untuk menyelaraskan Undang-undang Syariah antara negeri-negeri dan juga Undang-undang Syariah dengan sivil. Apakah jadi dengan Jawatankuasa Penyelarasan ini? Apakah ia sudah mati setelah kematian Tan Sri Ahmad Ibrahim? Setakat ini di manakah kejayaan ataupun setakat manakah keberkesanannya Jawatankuasa Penyelarasan ini?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang perlu diberi perhatian ialah tentang prosedur penguatkuasaan sesuatu undang-undang di dalam Mahkamah Syariah. Prosedur yang hendak dibuat hendaklah diberikan kuat kuasanya sekali. Perintah yang dikeluarkan oleh Hakim Mahkamah Syariah hendaklah boleh dilaksanakan dan orang yang boleh menguatkuasakan perintah ini hendaklah diberi perlindungan dan bantuan. Wujudkan satu prosedur di mana perintah boleh dilaksanakan seperti perintah yang dikeluarkan oleh hakim atau mahkamah ataupun majistret di Mahkamah Sivil. Dengan ini rasa hormat masyarakat dan gerun kepada Mahkamah Syariah dapat dibentuk di dalam masyarakat kita.

Untuk memberi peningkatan kepada pentadbiran dan perjalanan Mahkamah Syariah, pegawai-pegawai Mahkamah Syariah hendaklah diberikan kursus yang lengkap dari semua aspek dan bagi semua kategori pegawai termasuklah hakim, jurubahasa, kerani, pendaftar dan juga pegawai-pegawai yang berkaitan termasuklah memberikan *chambering* kepada peguam-peguam yang berada di mahkamah ataupun sebelum mereka melibatkan diri dalam Mahkamah Syariah ini. Apabila mahkamah mengambil tindakan, kerajaan patut memberi sokongan dan perlindungan terutamanya kepada pegawai-pegawai penguat kuasa dan juga pegawai-pegawai yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Ya, sudah hendak gulung. Seperti mana yang kita dapati berlaku di The Zouk misalnya, Restoran The Ship misalnya dan juga pesta arak di Genting Highlands misalnya.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa permasalahan yang perlu diberi perhatian ialah bidang kuasa dan juga fungsi Mahkamah Syariah ini misalnya yang pertama tentang siasatan yang tidak lengkap, barang kes yang kadang-kadang tidak boleh dibawa dan dijadikan bukti misalnya dalam tangkapan kes khalwat di Pulau Pinang satu ketika dahulu di mana salinan faks surat nikah tidak diterima sebagai bahan ID. Juga sistem Mahkamah Syariah tidak mempunyai *agent provocateur* di dalam suatu siasatan.

Lokap misalnya di dalam Mahkamah Syariah. Banyak Mahkamah Syariah yang tidak mempunyai lokap dan kalau adapun lokap ini tidak diwartakan. Ini menyusahkan pihak penguat kuasa agama kerana mereka dipertanggungjawabkan sekiranya apa-apa kes yang berlaku di dalam masa perbicaraan itu.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Yang ketiganya adalah tentang kursus yang pernah disebutkan oleh ramai rakan,

perlu kita banyakkkan di dalam sistem Mahkamah Syariah. Saya rasa itulah sedikit sebanyak perbahasan yang saya buat dan terima kasih diucapkan kepada Menteri yang insya-Allah akan menjawab. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh, lepas ini Menteri. Yang Berhormat Seputeh, sila.

12.03tgh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita mempunyai satu Perlembagaan Persekutuan yang berasaskan sistem pentadbiran sekular. Tetapi dengan adanya Undang-undang Syariah, negara kita mempunyai dua jenis sistem perundangan yang berbeza iaitu Undang-undang Syariah yang digunakan pada umat Islam dalam sesetengah kesalahan manakala undang-undang sivil kepada orang bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, masalah sekarang ialah, hukuman yang terkandung dalam undang-undang syariah berbeza dari negeri ke negeri dan kadang-kadang ia adalah jauh berbeza daripada undang-undang sivil yang menyebabkan perbezaan dari segi hukuman dan keadilan.

Saya ingin mengambil contoh yang menunjukkan perbezaan hukuman dalam satu kes sumbang mahram di antara seorang bapa yang berumur 36 tahun dengan anak perempuannya yang berumur 17 tahun di Kelantan pada tahun 2000. Kedua-dua bapa dan anak perempuannya didakwa di Mahkamah Syariah atas kesalahan sumbang mahram.

Mahkamah Syariah Kelantan memutuskan bahawa si bapa dimasukkan ke penjara selama dua tahun dan didenda RM4 ribu dan juga sebatan rotan dua kali manakala anak perempuan pesalah itu dihantar ke rumah pemulihan selama dua tahun

kerana gagal membayar denda sebanyak RM1 ribu. Sekiranya kes ini berlaku pada orang bukan Islam, si bapa yang melakukan sumbang mahram dengan anaknya akan dihukum di bawah dakwaan rogol dalam Kanun Keseksaan yang mengenakan pemenjaraan sekurang-kurangnya lima tahun dan maksimum 20 tahun dan sebatan rotan.

Selain itu, anak perempuan yang berumur 17 tahun akan dianggap sebagai *minor* ataupun kanak-kanak. Jadi dia tidak akan didakwa di mahkamah tetapi dia akan dianggap sebagai mangsa rogol ataupun *statutory rape* seperti ini. Kita lihat adalah jauh perbezaan di antara pesalah sumbang mahram di bawah Kanun Keseksaan dan Kanun Jenayah Syariah di mana Undang-undang Syariah kelihatan menjatuhkan hukuman yang lebih ringan terhadap pesalah sumbang mahram berbanding dengan Kanun Keseksaan. Bukankah ini amat tidak adil kepada mangsa jenayah seks yang beragama Islam kerana hukuman di bawah Undang-undang Syariah tidak membayangkan serius jenayah ini kerana kadang-kadang dalam Undang-undang Syariah seperti contoh yang disebutkan di atas, sumbang mahram juga dianggap sebagai kelakuan seks suka sama suka.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini, saya juga ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, dalam keadaan manakah pihak Pendakwa Raya akan mendakwa seorang pesalah jenayah seks yang beragama Islam di bawah Undang-undang Syariah dan dalam keadaan macam manakah seseorang pesalah akan didakwa di bawah Kanun Keseksaan?

Tuan Yang di-Pertua, *standard* hak asasi manusia pada zaman sekarang dan juga di masyarakat antarabangsa telah pun berubah. Kadang-kadang hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah tidak lagi sejajar dengan perkembangan zaman dan hak asasi manusia global pada zaman ini dan ia secara tidak langsung memburukkan nama baik negara kita.

Sehubungan dengan itu saya ingin menyuarakan ketidakpuasan dan kejutan ramai yang beragama Islam dan juga yang bukan beragama Islam terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah Kuantan terhadap dua orang penganut Islam yang minum *Stout* iaitu denda sebanyak RM5 ribu dan enam kali sebatan rotan. Selepas Mahkamah Syariah tersebut menjatuhkan hukuman tersebut, ia perlu

menghadapi masalah macam manakah menjalankan hukuman rotan tersebut kerana tiada perlembagaan sebatan rotan di Mahkamah Syariah manakala cara menjalankan sebatan rotan adalah amat berbeza dalam Kanun Keseksaan dan juga Mahkamah Syariah. Sebenarnya hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah Kuantan tersebut telah pun dilaporkan di televisyen BBC beberapa kali. Sekiranya Mahkamah Syariah kita menjatuhkan lebih hukuman berat terhadap kesalahan kecil seperti contoh di atas, maka ia tentu akan mencemarkan imej negara kita di dunia antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, semua agama tidak menggalakkan penganutnya minum arak. Sebenarnya seseorang yang minum satu atau dua tin *Stout* atau *beer* tidak akan menyebabkan seseorang mabuk teruk. Pada pandangan saya, selagi seseorang tidak melakukan perbuatan dan juga jenayah yang merosakkan ketenteraman masyarakat ataupun kelakuan jenayah, ia sepatutnya diampunkan dan tidak sepatutnya dikenakan hukuman yang begitu berat.

Hukuman yang begitu berat terhadap seseorang yang minum dua botol *Stout* hanya mencemarkan fungsi Mahkamah Syariah dan menakutkan orang dan ia merupakan satu bentuk ketidakadilan dan juga sekatan terhadap kebebasan pengaut agama Islam dari sudut pilihan dan hiburannya.

Sebenarnya dalam kes kecoh seperti ini adalah lebih wajar bagi hakim Mahkamah Syariah dan juga pegawai Jabatan Agama Islam untuk memberi amaran dan juga nasihat dan bukannya hukuman berat seperti ini. Selain itu, kes yang disebutkan di atas menunjukkan:

- (i) pelaksanaan undang-undang syariah dan pegawai mahkamah kurang pasti terhadap undang-undang syariah dan juga tidak menjatuhkan hukuman yang wajar terhadap pesalah;
- (ii) Undang-undang Syariah di negeri-negeri ini gagal mengiktiraf pengakuan maaf, reformasi dan juga pengampunan yang sebenarnya merupakan bahagian yang pertama dan penting dalam tragedi Undang-undang Islam dan warisan tamadun Islam;
- (iii) autoriti agama mesti fikir cara yang lebih berkesan untuk mengajak Islam dan juga menyemai nilai-nilai Islam supaya ajaran Quran diikuti oleh penganutnya atas kepercayaan daripada hati dan bukannya kerana ketakutan akan dihukum ataupun kerana paksaan.

Tuan Yang di-Pertua, pemeriksaan mengejut ataupun serbuan oleh pegawai Jabatan Agama Islam berasaskan Undang-undang Jenayah Syariah di tempat-tempat hiburan seperti pub dan kelab malam juga kadang-kadang hotel telah mendatangkan kritikan dan bantahan kuat daripada orang ramai khususnya mereka yang menjalankan *research* dan juga golongan yang menyokong hak asasi manusia. Pengelola kedai hiburan dan malah hotel mengadu *business* mereka terganggu dan terjejas oleh tindakan pegawai Jabatan Agama Islam.

Bantahan daripada tindakan jabatan agama Islam ini juga nyata ditujukan dalam satu kenyataan bersama yang disokong oleh lima pengetua pertubuhan bukan kerajaan, tiga parti politik pembangkang dan 21 Ahli Parlimen termasuk 233 individu. Pihak kerajaan seharusnya mengkaji semula kuasa yang diberikan oleh Jabatan Agama Islam yang mencabuli keperibadian individu dan menjadi mangsa itu bukannya umat Islam tetapi juga orang bukan Islam kerana kedai hiburan ataupun hotel yang diserbu oleh pegawai penguat kuasa selalunya dikendalikan oleh orang bukan Islam dan kadang-kadang orang bukan Islam juga salah tangkap oleh pegawai jabatan agama juga. Tindakan seperti ini bukan sahaja menjejaskan perniagaan di tempat-tempat tersebut tetapi juga menakutkan pelancong dan juga pelabur asing.

Saya difahamkan bahawa bekas hakim yang terkenal, Allahyarham Tan Sri Harun Hashim pernah mencadangkan bahawa Undang-Undang Jenayah Syariah dihapuskan dan biarkan Kanun Keseksaan digunakan untuk menangani semua kesalahan jenayah manakala Undang-undang Jenayah Syariah hanya digunakan untuk menangani perkara rumah tangga sahaja. Saya ingin bertanya, apakah pandangan

kerajaan terhadap pandangan bekas hakim yang terkenal ini? Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah banyak sekali..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat, minta gulung.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Boleh bagi saya lima minit lagi? Hendak habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah banyak kali berkata akan menyeragamkan Undang-undang Jenayah Syariah di negeri-negeri yang berlainan. Menteri di Jabatan Perdana Menteri dilaporkan berkata bahawa proses penyeragaman undang-undang Islam di negara ini telah mencapai hampir 90% apabila 12 negeri telah menguatkuasakan undang-undang yang sama di negeri masing-masing dan hanya di Wilayah Persekutuan dan Perlis yang belum menerima pakai penyeragaman undang-undang Islam. Soalan saya ialah, apakah kerajaan mempunyai rancangan untuk menyeragamkan hukuman dalam Kanun Keseksaan dan Undang-undang Jenayah Syariah kerana perbezaan di antara hukuman dalam Undang-undang Sivil dan Undang-undang Syariah telah pun mengakibatkan masalah dari segi keadilan. Sehubungan dengan itu, sebelum kerajaan menyeragamkan Undang-undang Syariah di negeri-negeri yang berlainan, adalah penting bagi kerajaan untuk mengadakan reformasi dari segi Undang-Undang Keluarga Syariah di semua negeri.

Pindaan terhadap Undang-Undang Keluarga Syariah pada tahap negeri sejak tahun 90-an sebenarnya menjejaskan hak dan kedudukan wanita Islam dan bukan membantu mereka. Saya ingin memberi dua contoh. Seksyen 23(5) dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Selangor 2003 yang mana dalam proses penyeragaman menyatakan bahawa perkahwinan poligami mestilah patut atau perlu manakala dalam Enakmen 1984, perkahwinan poligami tersebut haruslah patut dan perlu. Pindaan ini menunjukkan Undang-undang Keluarga Syariah ini telah pun melonggarkan syarat dalam perkahwinan poligami. Seksyen 53 dalam Enakmen Undang-undang Keluarga 2003 memberi hak kepada suami untuk bercerai fasakh sebagai tambahan kepada hak tradisi lelaki untuk talak. Dalam Enakmen 1984, hak untuk fasakh hanya diberi kepada isteri tetapi pindaan ini menambah satu hak lagi kepada suami tanpa perlu merujuk kepada isteri ataupun memberi perlindungan kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, Persatuan Wanita Islam selalu mengadu bahawa apabila terdapat pandangan yang berbeza dalam kes yang tertentu seperti dalam kes fasakh, selalunya hakim Mahkamah Syariah lebih cenderung untuk berpihak kepada si suami dan bukannya si isteri. Akhirnya saya ingin bertanya, apakah langkah kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan hakim di mahkamah syariah khususnya hakim wanita. Saya menerima satu laporan di mana seorang pensyarah daripada universiti didampingi

sama ada dia sudi mengambil jawatan sebagai Hakim Mahkamah Syariah rendah tetapi gaji yang ditawarkan kepada beliau hanya RM2 ribu.

Manakala dia sebagai seorang pensyarah dan juga profesor gajinya sebenarnya adalah RM6 ribu satu bulan. Saya ingin tanya kalau sekiranya kerajaan ingin menambah lebih hakim yang berkualiti untuk memegang jawatan Hakim Mahkamah Syariah, maka gaji yang diberi itu haruslah sejajar dengan kelayakan akademiknya.

Akhir sekali saya ingin juga memberi pandangan saya terhadap tindakan kerajaan ataupun pandangan kerajaan terhadap kumpulan agama yang agak berlainan daripada agama *mainstream* seperti Kerajaan Langit yang diasaskan oleh Ariffin Muhammad atau Ayah Pin. Ayah Pin mendakwa dirinya sebagai tuhan dan kumpulannya sebagai pengikut ajaran sesat.

Apa yang dilakukan oleh kerajaan ialah mereka dianggap sebagai ancaman terhadap keselamatan negara. Saya bukan pengikut Ayah Pin tetapi saya lihat kalau sekiranya satu kumpulan - sekiranya dia dianggap sebagai Ketua Pemimpin ajaran sesat adalah lebih baik bagi pihak kerajaan ataupun Jabatan Agama Islam mendampinginya dan juga pengikutnya dan dengan secara kita kata *persuasion* ataupun dengan nasihat dan bukan mendakwa mereka sebagai ancaman kepada keselamatan

negara kerana tindakan keras terhadap mereka sebenarnya akan mendatangkan lebih simpati terhadap kumpulan seperti ini.

Saya rasa pendekatan yang diambil oleh pihak kerajaan juga haruslah dilihat ia adalah sejajar juga dengan Artikel 11 dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu kebebasan beragama. Saya rasa kumpulan mereka, kumpulan Ayah Pin dan penganutnya mereka ada kebebasan untuk mempraktik apa yang dianggap pada mereka adalah betul tetapi yang hukuman keras dan tindakan keras tidak haruslah di *imposed* kepada mereka sewenang-wenang kerana ini adalah tidak baik. Ini akan menjejaskan nama baik negara kita kerana tidak memberi penghormatan kepada kebebasan agama. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kemaman, saya bagi Yang Berhormat tidak lebih 10 minit selepas itu Menteri menjawab.

12.18 tgh.

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan di sini sedikit untuk menyatakan sokongan saya pada rang undang-undang pindaan ini kerana ianya adalah mengukuhkan lagi bahawa Malaysia adalah negara Islam dan kita bukannya negara sekular sebagaimana yang didakwa oleh Parti DAP khususnya yang mengatakan bahawa kita negara sekular.

Sebenarnya kalau kita lihat di akhir-akhir ini, penegasan yang bersungguh-sungguh yang ditunjukkan oleh parti yang sibuk mempertahankan atau mengatakan bahawa kita negara sekular adalah menggambarkan sifat tidak selamat mereka, terutama sekali apabila berhadapan dengan apa yang disebutkan penyokong-penyokong mereka yang marah di atas sokongan mereka kepada Pas dalam pilihan raya yang lepas.

Dalam keadaan yang tidak menentu mereka mencari idea baru bagaimana untuk turun kepada pengikut mereka bahawa mereka menentang apa yang disebutkan negara Islam dan mereka bersungguh-sungguh untuk menyebutkan tentang soal sekularisme sebagai asas kenegaraan yang diamalkan oleh negara Malaysia.

Sebenarnya kalau kita lihat sejarah sekularisme itu sendiri sebagaimana yang kalau kita bacakan dalam sejarahnya yang pertama kalinya diperkenalkan dalam tahun 1846 oleh berapa orang pemikir di England seperti George Jacob Holyoake dan Charles Bradlaugh yang antara lainnya mereka menyebutkan tentang ia adalah merupakan *code of duty*, dengan izin, ataupun cara melaksanakan tanggungjawab mengenai kehidupan ini yang berdasarkan kepada pertimbangan kemanusiaan semata-mata dan tidak bersifat keagamaan yang mereka menolak agama pada waktu itu.

Dalam erti kata yang lain bila disebutkan sekularisme ialah pemisahan kuota antara agama dan kehidupan, antara agama dan pemerintahan, antara agama dan kenegaraan. Sebenarnya kalau dilihat dalam sejarah mereka yang menjadi penyokong ataupun penggerak gerakan sekularisme adalah mereka yang kemudiannya menjadi orang-orang yang ateis ataupun penggerak pemikiran ateisme iaitu tidak mahu pada ketuhanan dalam kehidupan mereka.

Persoalan saya sekarang ini sebenarnya dalam negara dunia sekarang ini boleh katakan tidak ada sebuah negara pun yang memisahkan secara total antara agama dan

pemerintahan. Kalau ada pun yang hampir ada kalau dikatakan sebagai negara sekular yang total sekarang ini ialah negara-negara komunis. Negara komunis memang, di sana dinyatakan secara jelas dalam perlembagaan mereka bahawa agama tidak ada dalam pemerintahan, ada negara komunis yang terus mengharamkan agama. Mereka menganggap kalau ada pun orang yang ingin percaya pada agama itu adalah hak individu masing-masing dan negara tidak ada kena mengena dengan soal fahaman ataupun kepercayaan orang itu.

Persoalan saya dalam soal sekarang, apakah DAP ingin kepada menjadikan negara kita negara ateis. Apakah Pemimpin DAP percaya bahawa kita perlu pergi kepada sistem komunisme. [Disampuk] Kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan saya suka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payahlah Yang Berhormat, masa pun pendek.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Saya tidak benarkan. Jadi kenyataan saya begitu. Kalau dilihat sekarang ini, kalau dalam sejarah gerakan sekular...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Kalau dilihat dalam sejarah gerakan sekular sehingga sekarang pun terdapat berapa sekular yang ekstremis, misalnya di England sendiri tidak menganggap bahawa negara seperti Great Britain adalah sebuah negara sekular, dia masih menganggap bahawa ada unsur ketuhanan yang kuat. Misalnya gerakan sekularisme di Britain sekarang ini memperjuangkan supaya dihapuskan Church of England supaya menghapuskan kedudukan 26 orang *bishops* di dalam House of Lords mereka. Bayangkan di Dewan kita sekarang ini ada 26 ulama misalnya, kita tidak ada sampai begitu tetapi dalam sistem di England sekarang ini terdapat 26 orang *bishops* di sana.

Apakah DAP menganggap bahawa Britain adalah sebuah negara yang tidak baik misalnya, negara yang tidak cukup bagus misalnya kalau mengikut pandangan mereka. Kalau dilihat antara penentangan mereka misalnya terhadap Amerika sendiri, mereka menganggap Amerika tidak cukup sekular kerana ada *Chaplain*, pegawai-pegawai agama di dalam tentera mereka, dalam kongres mereka, dalam kongres di peringkat negeri mereka dan sebagainya. Mereka menentang sekiranya Presiden mereka terlibat dalam *thanksgiving* ataupun upacara-upacara keagamaan dan sebagainya kerana mereka mengatakan bahawa Presiden tidak sepatutnya terlibat dalam usaha-usaha keagamaan dan sebagainya.

Mereka menentang sekiranya dalam mahkamah ataupun dalam kongres ataupun dalam senat sekiranya ada angkat sumpah yang menggunakan *Bible* ataupun yang berkaitan dengan soal keagamaan. Kalau dikira di sini, kalau gerakan sekularisme menentang menganggap bahawa Amerika pun tidak cukup sekular, kalau Britain pun tidak cukup sekular negaranya. Apa yang dia hendak mahu kalau inilah merupakan penggerak-penggerak, pendukung sekularisme yang ada di Malaysia, yang dipimpin oleh gerakan DAP, saya fikir tidak ada cara lain, tidak ada model lain melainkan model negara-negara komunis yang kita semua bangkit dan tentang pemikiran DAP yang berkenaan.

Sebab itulah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita mesti merasakan, mesti mempunyai keyakinan bahawa tidak ada salahnya sekiranya kita berpegang bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam. Tidak ada salahnya kalau kita mengatakan bahawa kita bukanlah sebuah *secular state* kerana dalam sejarahnya yang rosaknya bukan pada nama. Banyak negara-negara sekular sudah mengisytiharkan mereka sekular tetapi bermasalah, India macam-macam masalah, masyarakat, ekonomi, sosial dan sebagainya. Turki yang mendakwa bahawa mereka adalah negara sekular, mereka mempunyai pelbagai masalah inflasi mereka, soal ketidakadilan sosial mereka, soal penindasan di kalangan mereka tidak dapat dihapuskan dengan hanya sekadar meminda perlembagaan dengan menyebut perkataan sekular di situ tetapi negara Islam pun begitu juga.

Sekiranya kalau dilihat apa yang berlaku di Pakistan, apa yang berlaku di Iran dengan hanya sekadar nama sahaja, dimasukkan di dalam perlembagaan mereka sebagai negara Islam pun tidak bermakna mereka tidak bermasalah, rasuah boleh dihapuskan, soal ketidakadilan masyarakat dan sebagainya tidak dapat ditangani dan sebagainya. Oleh sebab itulah soalnya sekarang saya ingin menasihatkan pada rakan rakannya khususnya DAP yang sibuk untuk mencari platform baru sekarang ini dalam berhadapan dengan penyokong mereka, cukuplah dalam menimbulkan perkara-perkara yang begini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, saya mesti jawablah kerana dia hentam parti saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, hendak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Mari kita bina negara kita secara bersama yang memupuk soal keadilan, soal kebaikan untuk menentang rasuah dan berbagai isu-isu yang penting untuk...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Dalam Islam Hadhari kita mesti juga dengar pandangan yang berbeza.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Saya tidak ada masalah, saya pun kecewa dengan pemimpin saudara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kalau hendak bagi jalan, bagi jalan.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Saya bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Kemaman. Yang Berhormat Kemaman yang merujuk pendirian parti DAP ini sebagai sejajar dengan negara komunis. Saya rasa ini adalah *too much*, ini terlalu terlampau. [Disampuk] Saya ingin tanya Yang Berhormat Kemaman, apakah pandangan Yang Berhormat terhadap Bapa Negara kita, Allahyarham Tuanku Abdul Rahman yang menyatakan dalam satu *celebration* hari jadinya pada tahun 1983 yang menyatakan negara kita bukan satu negara Islam dan juga dalam tahun 1957 apabila negara kita ini diasaskan yang agama Islam ini hanya sebagai agama rasmi sama seperti di negara Britain dan juga yang lain tetapi yang kalau kita lihat dari segi Perlembagaan Persekutuannya ia tidak diinginkan untuk menjadikan negara kita sebagai negara Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kenapakah sekarang berubah, bukankah ini kerana UMNO menghadapi cabaran dan ancaman daripada Pas di masyarakat Melayu yang memaksa UMNO bertukar pendiriannya sehingga bercanggah dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okey, cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim:asas penubuhan dan kemerdekaan negara kita dan juga kemerdekaan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kemaman, sila gulung Kemaman.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Ya. Kalau saya izinkan di sini, bila sebut negara Islam ataupun sekular ia mesti dilihat dalam bentuk spektrum yang luas. Ada yang *extreme secular* yang disebutkan seperti negara komunis, ada *extreme theological state*, negara teologi, negara ketuhanan sebenarnya.

Kalaulah yang dimaksudkan oleh Yang Teramat Mulia Almarhum Tuanku Abdul Rahman bahawa Malaysia bukanlah *theological state*, saya rasa beliau ada asasnya. Kalau misalnya mahkamah mengatakan kita bukan negara Islam daripada perspektif *theological state*, jangan disalahfahamkan tentang soal ini tetapi apa salahnya kalau dikatakan misalnya hari ini kita telah memperbanyakkan tindakan-tindakan kita yang sejajar dengan Islam, maka kita adalah negara Islam misalnya.

Semalam telah diuraikan oleh Yang Berhormat Dato' Menteri, penegasan bahawa apabila Yang Mulia Almarhum Tuanku Abdul Rahman telah mengasaskan negara kita dahulu meletakkan secara jelas bahawa Islam sebagai agama persekutuan. Apa maknanya di sini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, minta gulung.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Jangan dahulu gulung. Saya [*Ketawa*]... Yang Berhormat, saya terkilan dengan ucapan-ucapan daripada Wakil-wakil Rakyat DAP dan yang anehnya mereka yang tidak berkecualan bukan pakar dalam bidang ini juga turut berhujah. Ucapan-ucapan mereka keterlaluan sehingga mengakibatkan kita naik *marah*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Setujukah Yang Berhormat bahawa kita telah menjadi negara contoh tanpa perlu merubah perlembagaan kita tetapi kita diiktiraf oleh seluruh dunia sama ada negara Islam, negara bukan Islam bahawa Malaysia sebagai negara contoh mengamalkan demokrasi berlandaskan Islam.

Apakah Yang Berhormat ingin menyatakan kepada pembangkang bahawa mereka tidak berkecualan berbicara soal-soal ini sebab mereka tidak menerima hakikat, tidak menerima realiti dan mengatakan bahawa kita negara sekular, mana ada undang-undang sekular dalam negara kita, undang-undang sivil ada. Ini Seputeh pun sudah salah. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Kinabatangan bahawa sebenarnya pihak DAP adalah buta sejarah dan tidak faham tentang apa itu sekular *reserve*. Saya hendak kembalikan bila disebutkan tentang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, saya minta gulung Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Saya hendak gulung sekarang ini, bila disebutkan tentang asas perlembagaan kita. Agama Islam adalah agama persekutuan, apa makna ini? Pada waktu itu adalah waktu perjanjian asas kemerdekaan kita, kemerdekaan perjanjian 57 datangnya perjanjian 48, perjanjian 48 kerana kita tolak Malayan Union. Pada waktu itu adalah merupakan asas kontrak sosial, sosial kontrak kita yang pertama iaitu ada orang boleh datang jadi warganegara sini kalau tidak, tidak payah jadi tetapi asasnya kalau datang sini ini dia perjanjiannya. Terima tidak kamu untuk datang menjadi anggota negara ini, rakyat negara ini menerima Islam sebagai agama rasmi ertinya apa? Kalau Islam sebagai agama rasmi jangan pertikaikan banyak masjid, banyak ada pusat Islam, ada Majlis Agama Islam segala usaha yang dibuat oleh kerajaan untuk meningkatkan syiar Islam, jangan pertikaikan termasuk memperkemarkan tatacara hidup kita menurut undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikehendaki oleh syariah Islam yang berdasarkan kepada keyakinan kita bahawa Islam adalah agama yang sempurna. Terima kasih itulah gulungan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri sila jawab, saya minta Yang Berhormat kalau boleh Yang Berhormat habiskan sebelum pukul 1.00

12.31 tgh.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin [Besut]: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005.

Saya akan ringkaskan penggulungan ini kerana sebahagian besar telah pun kita sebut dalam Rang Undang-undang yang terdahulu, dua yang terdahulu dan di antara isu-isu pun ada yang berulang yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sebagaimana yang kita ketahui iaitu isu Malaysia negara Islam atau negara sekular juga ditimbulkan berkali-kali saya rasa tidak perlu saya perelaskan. Semalam saya telah menerangkan saya rasa cukup jelas perkara ini.

Yang banyak ditimbulkan pada kertas ini ialah isu-isu tentang poligami saya rasa cukup banyak yang berminat untuk membahaskan isu ini yang saya rasa terdiri daripada sama ada Yang Berhormat beragama Islam dan Yang Berhormat bukan beragama Islam menimbulkan persoalan ini, cukup hangat dalam sesetengah keadaan saya rasa sukar bagi Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia bukan sahaja minat bahas Yang Berhormat mungkin hendak terlibat juga Yang Berhormat.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Mungkin hendak terlibat tapi tidak mampu sebagaimana sebahagian besar.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Yang ketiga, isu yang dibicarakan menyebut dengan jelas banyak kelemahan Mahkamah Syariah maknanya kita terima mana pandangan-pandangan itu dan itulah sebab kita hendak adakan pindaan hendak adakan penyeragaman ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pasir Mas bangun Yang Berhormat.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Nanti dahululah, mukadimah baru sudah hendak bangun sudah macam mana? Nanti dahulu sekejap saya hendak beri dahulu penjelasan sedikit lepas itu bolehlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi Yang Berhormat, dia belum bagi.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Kemudian, nanti dahulu sekejap dahulu tidak habis lagi mukadimah saya sedikit. Kemudian yang keempat ada pendapat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya undang-undang syariah diperketatkan, dipertingkatkan, diperbanyakkan lagi undang-undang dan sebagainya dan ada setengah pula diperlonggarkan maknanya jadi ada nampaknya ada dua *trend* dalam Dewan ini satunya ialah pengetat agama dan satunya pelonggaran agama, jadi ada dua pandangan saya, saya rasa tidak apa untuk berbincang sebab Islam Hadhari boleh berbincang katanya.

Jadi untuk kebaikan saya rasa penyeragaman ini saya tidak sebutlah sebab saya sudah sebut dalam dua penggulungan saya dahulu iaitu kelemahan-kelemahan yang ada pada Mahkamah Syariah ataupun Rang Undang-undang Mahkamah Syariah ini mungkin sebahagian besarnya sebagaimana yang ditimbulkan tadi boleh diselesaikan dengan adanya penyeragaman ataupun dengan mewujudkan penyatuan undang-undang ini di seluruh Malaysia yang sekarang ini sebagaimana yang telah kita sebut dan diketahui umum bahawa penyeragaman itu nampaknya masih di peringkat akhir di negeri-negeri ada sebahagian besarnya ialah lima-lima yang kita cadangkan untuk diseragamkan itu telah diambil, dibawa ke dalam Dewan dan telah dikuatkuasakan dipersetujui untuk dikuatkuasakan dan cuma sebahagian kecil sahaja dan di antaranya suka saya membetulkan pandangan ada yang menyebut Wilayah Persekutuan dan Perlis sebenarnya Wilayah Persekutuan dan Kedah bukan Perlis, Perlis sudah ada dua yang telah pun bersetuju untuk diseragamkan dan dikuatkuasakan.

Jadi saya mungkin boleh teruskan kepada apa yang dibangkitkan semalam iaitu Yang Berhormat daripada Kota Bharu telah membangkitkan tentang penulisan buku-buku, tentang undang-undang perlu diperbanyakkan serta ulasan, kupasan dan sebagainya beliau telah mencadangkan supaya kerajaan menerbitkan jurnal hukumkah, jurnal syariahkah dan sebagainya. Suka saya menyatakan bahawa JKSM telah melancarkan penerbitan jurnal hukum di dalamnya diisi dengan berbagai-bagai artikel ataupun marhalah dan yang agak menariknya juga sebagaimana yang dicadangkan itu telah pun kita isi dalam jurnal hukum ini ialah penulisan semula laporan-laporan kes yang dibicarakan di Mahkamah Syariah untuk dijadikan rujukan para hakim Mahkamah Syariah dan ini salah satu yang baik telah diusahakan, dan juga IPTA juga telah mempunyai beberapa IPTA saya sempat juga meninjau ada juga menerbitkan jurnal hukum, jurnal syariah dan sebagainya untuk mengisi merupakan pengisian dalam makalah-makalah yang ada kaitannya dengan undang-undang syariah.

Jadi, saya rasa ini satu yang baik perlu diperbanyakkan lagi supaya dapat didedahkan kepada masyarakat bahawa undang-undang itu boleh diikuti oleh mereka, boleh dibaca oleh mereka dan mereka akan mengetahui dengan lebih jelas, dan juga dibangkitkan tentang penggubalan Undang-undang Jenayah Syariah dan juga undang-undang Islam yang lain seperti undang-undang keluarga....

Tuan Haji Ismail bin Noh: [Bangun]

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: ...undang-undang pentadbiran dan sebagainya perlu diambil kira berbagai pandangan. Saya rasa dari segi penggubalan ini biasa yang berlakunya ialah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Menteri tadi untuk menulis semula melalui jurnal-jurnal tertentu masalah-masalah hukum sehingga masyarakat kita dapat membaca dan dapat menatapinya dengan sebaik-baiknya, dan yang kedua saya rasa perlu juga kepada Yang Berhormat Menteri supaya melihat semula tulisan yang ditulis oleh penulis tertentu atau dengan nama penuhnya Astora Jabat di dalam surat khabar *Mingguan Malaysia* tidak silap tiap-tiap keluaran di mana ulasan yang ditulis oleh Astora Jabat ini banyak perkara-perkara yang meragukan.

Sehingga di kalangan orang-orang muda juga merasakan ragu tentang Islam, bukan ragu tentang tulisan itu tetapi meragu tentang Islam kerana apa yang dibawa oleh Astora Jabat sebahagian besar daripadanya masalah-masalah yang telah selesai, masalah yang tidak dipertikaikan oleh umat Islam yang diterima oleh umat Islam seluruhnya, contoh Yang Berhormat Menteri, masalah seksa kubur misalnya walaupun tidak ada kait mengait dengan undang-undang yang kita bicarakan tadi. Saya rasa kubur ini sudah pun diselesaikan oleh masyarakat Islam dan masyarakat Islam tidak pertikaikan masalah ini. Hadis nabi, nas, al-Quran sudah nyata bahawa di sana ada seksa kuburnya dalam pandangan agama kita.

Tetapi dibangkitkan semula oleh Astora Jabat mengatakan perkara ini tidak ada, jadi banyak lagi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Astora Jabat dalam masalah penulisan. Jadi saya kaitkan dengan jurnal yang hendak dikeluarkan oleh menteri tadi dengan apa yang ditulis oleh Astora Jabat mesti dipantau dengan sebaik-baiknya sehingga tidak menimbulkan kekeliruan di kalangan orang Islam, yang kedua.

Yang ketiga sebenarnya saya bangun tadi untuk bila Yang Berhormat Menteri menyentuh masalah poligami saya lihat tadi tidak selesai dan saya tidak campur di waktu itu. Saya bimbang bila saya campur dalam keadaan yang bentang pun saudari kita daripada Yang Berhormat DAP jadi saya rasa saya tidak kena kalau saya celah di situ baik saya mencelah di waktu menteri memberi jawapan.

Menteri pun nampak tidak ada jawapan, saya bimbang lalu begitu sahaja dengan tidak meninggalkan, tidak memberi apa-apa jawapan yang boleh memberi suatu penjelasan kepada Ahli-ahli Parlimen lain dan kepada khalayak yang ada ini. Kalau kita biarkan begitu meninggalkan tali tidak bergantung, maknanya suatu yang kita gantung dengan tidak bertali adalah tidak baik.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Suka saya menjelaskan saya baru buat mukadimah sudah kata tidak jelas sudah, macam mana? Saya baru hendak bercakap pembuka cerita sahaja banyak lagi yang saya hendak bercakap ini.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya setuju, saya setuju, saya setuju menteri, saya setuju pandangan menteri saya bukan berhasrat untuk..

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ha, Okay. Yang Berhormat sudah ada pun jawapan.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Yang Berhormat Menteri, saya menghormati pada majlis pada hari ini, tadi saya tidak mencelah tapi saya mencelah di sini dan saya duduk di waktu saya minta dan masa ini saya bertanya Yang Berhormat Menteri dan saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri supaya menjelaskan sungguh tentang ayat Surah An-Nisa' yang telah dibaca, yang dibaca ertinya [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Jadi saya minta supaya Yang Berhormat Menteri menjelaskan ayat ini dan konsep sebenar poligami di dalam Islam dan apa dia halangan-halangan.

Supaya masyarakat kita juga tidak terkeliru sehingga ada di kalangan kita juga yang bangkang, yang bangkang dengan tidak berhujah. [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Bawa hujah-hujah kamu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat tunggulah Yang Berhormat Menteri menerangkan.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri jelaskan asas Islam, halangan-halangan yang tidak membolehkan dan perkara-perkara yang membolehkan supaya masyarakat kita dapat memahami apa yang kita sebutkan, sekian terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya rasa tentang Astora Jabat sahajalah maknanya yang itu, tentang itu adalah saya sedia untuk jawapan tentang poligami sedikitlah tidak begitu panjang. Tentang Astora Jabat ini saya rasa dari segi penulisan umumnya adalah cukup baik, maknanya tidak ada masalah, tentang politik katakan mungkin bermasalah pada PASlah pada UMNO saya rasa tidak ada masalah.

Cuma dia ganggu kawasan-kawasan yang tertentu, kawasan larangan terutama dia bincang apa yang telah pun difatwakan, apa yang difatwakan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa ataupun dia menyentuh masalah-masalah 'samaiyat', masalah-masalah yang telah *confirm* tidak ada perbezaan pendapat, jadi dia cuba lagi ungkit benda-benda itu dan kita telah pun menasihati, JAKIM telah memanggil beliau jangan masuk kawasan-kawasan ini, kawasan ini adalah kawasan larangan yang telah difatwakan jangan timbulkan lagi sebab itu salah.

Kemudian yang keduanya 'samaiyat' yang telah pun kita berpegang dengan Ahli Sunnah Wal Jemaah jangan ganggu lagi, dia masih bawa mari lagi pendapat-pendapat lain katanya tidak ada seksa kubur dan sebagainya itu boleh menimbulkan kekalutan dalam akidah umat Islam.

Jadi telah pun dinasihati dan tentang politiknya dia teruskan lagi, dia bercakap tentang politik saya rasa itu adalah hak dia, hak dia untuk menyuarakan pandangan.

Tentang poligami nanti dahulu ya, sebab Yang Berhormat daripada Pasir Mas dia tidak sabarlah dia itulah keadaannya, kita perlu sabar banyak dalam menjawab soalan ataupun kita tidak setuju pun kita bersabar dahulu maknanya senyum dahulu baik, itu adab berdebat dan bermuzakarah.

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabar Yang Berhormat dia belum jawab lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tidak, tidak saya hendak patah balik. Sebenarnya bukan begitu Yang Berhormat maksud baik saya supaya benda ini tidak terlupa daripada ingatan kita.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: OK, OK terima kasihlah kita terima, kita terima.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Bukan saya tidak sabar, saya sabar, saya duduk ini saya sabar sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: *[Ketawa]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Dia masa DAP tadi dia boleh sabar dengan menteri dia tidak sabarlah, makna itu satu. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: Ya!

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Sabar jugalah dengan menteri, dia ustaz ini dia kalah dengan perempuan itulah lemah makna itu.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tidak begitu, pasal DAP ini tidak ada authority hendak jawab dalam masalah-masalah begini.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tidak apalah kita terimalah.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Yang Berhormat Menteri ada *authority* hendak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah cukuplah Yang Berhormat.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Kita tahu Yang Berhormat ini orang baik ya, orang baik dia ada itulah tidak apalah terima kasih. Jadi terhadap persoalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kota Bharu yang telah pun saya sebut yang pertama dan yang keduanya dibangkitkan tentang penggubalan undang-undang Islam dalam berbagai-bagai sama ada keluarga, pentadbiran, prosedur-prosedur, tatacara-tatacara dan sebaliknya perlu menasihatkan ataupun berpandangan supaya perlu diambil kira berbagai-bagai pandangan. Saya rasa dari segi penggubalan kita sangat teliti, di JAKIM ada Jawatankuasa Teknikal Syarak-Sivil ada di JAKIM.

Kemudian yang terdiri daripada pakar-pakar dalam dua bidang tersebut dan penggubalan dibuat di situ. Kemudian apabila diluluskan di situ oleh jawatankuasa ini, maka untuk diteliti oleh pihak Peguam Negara. Di Peguam Negara juga ada bahagian penggubalan undang-undang dan ada juga pakar-pakar dalam bidang Syariah dan juga Sivil di sana diperhalusi lagi. Kemudian barulah misalnya pindaan-pindaan dan sebagainya di bawa ke Parlimen ini sebagaimana tiga rang undang-undang dan menyusul lagi dua akan datang nanti dua lagi iaitu keluarga dan satu lagi ada undang-undang dan prosedur lagi akan dibawa pada masa hadapan. Jadi proses itu saya rasa cukup mendengarlah pandangan daripada banyak pihak tentang penggubalan Undang-undang Syariah ini. Cuma saya rasa tidak bolehlah maknanya kita berada di antara dua kedudukan, pertama golongan yang terlalu ketat dan yang keduanya golongan yang terlalu longgar. Jadi, kita terpaksa meraikan kedua-dua tuntutan tersebut. Saya rasa itu apa yang berlaku.

Yang ketiga yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Bharu cadangan menggunakan pendekatan dakwa dan juga tazkirah ataupun nasihat dalam menarik mereka yang sesat dalam beragama ataupun ajaran-ajaran salah sebagaimana yang ditimbulkan dalam kes Ayah Pin, saya rasa yang paling hangat mutakhir ini. Dengan tidak menggunakan undang-undang, saya rasa apa yang telah dilakukan oleh JAKIM pada masa ini ataupun dalam kes-kes sebelumnya, JAKIM telah melaksanakan pendekatan dakwah melalui nasihat, tazkirah, perbincangan, soal jawab dengan pengikut-pengikut ajaran sesat, itu ada dilakukan. Mereka dikumpulkan, mereka dipulihkan sebelum di bawa ke muka pengadilan, tetapi dalam kes-kes yang tertentu penguatkuasaan juga perlu dalam menangani pengamal-pengamal ajaran sesat, terutama yang degil, masih berterusan itu kita terpaksa menggunakan penguatkuasaan dan tuntutan nahi mungkar ini, pencegahan ini adalah penting dalam Islam dan dini adalah merupakan suatu tindakan untuk kawalan terhadap penyebaran ajaran-ajaran tersebut.

Jadi, tentang tazkirah dan sebagainya itu memang kita alu-alukan berdasarkan kepada apa yang disuruh oleh agama Islam, oleh sabda Rasulullah, Ad-Dinu Nasihah, agama itu adalah nasihat dan nasihat pun berdasarkan kepada dengan hikmah. *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Secara *wisdom*. Saya rasa kita boleh setuju tentang nasihat itu perlu tetapi kita tekankan perlunya apa juga penguatkuasaan undang-undang. Yang Berhormat bagi Batu Gajah semalam telah menyebut dan hari ini yang lain juga telah menyebut apakah tindakan susulan yang akan diambil oleh Mahkamah Syariah, mengenai kes minum arak dua beradik di Pahang yang dihukum denda dan sebat. Perkara ini masih dalam peringkat Mahkamah Rayuan Syariah, telah dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah di Pahang kemudian dirayu.

Jadi, saya rasa sangat eloklah kes ini dalam peringkat rayuan, sangat wajar perkara ini tidak dibincangkan dengan cara *detail*, kita tunggu keputusanlah. Maknanya sebab dipertikaikan selama ini macam mana denda, kemudian sebat makna tidak berlaku dalam Undang-undang Sivil denda dan sebat, kena penjara dan sebat. Kalau dilihat kepada Seksyen 136, dalam enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resan Melayu Pahang 1982, menyebut dengan jelas bahawa penalti RM5,000 atau penjara tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya dan sebat. Itu pelbagai tafsiran di situ dan kata sebahagian besar pengamal Undang-undang Syariah katanya sama ada penalti RM5,000 dan sebat, sama ada kedua-duanya dengan penjara dan sebat ataupun RM5,000 penjara dan sebat. Jadi, itu saya rasa terserahlah kepada pihak Hakim Rayuan nanti dan selepas itu boleh kita bincang nanti. Kemudian kes yang...

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh bangun.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okey.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tanya, adakah hukuman berat terhadap kedua-dua peminum arak ini agar menyebabkan kedua-dua mereka bertaubat dan balik kepada ajaran Islam ataupun cara yang menghina mereka secara *public* dan hukuman berat seperti ini mungkin akan menyebabkan mereka lebih menjauhkan daripada agama dan mungkin membenci segala implementasi agama dan juga undang-undang seperti ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Sebenarnya perlu dijelaskan bahawa sebat ini bukan sebat seperti Undang-undang Sivil. Kalau sebat enam kali saya rasa semua orang takut. Ini sebabnya saya baca jua dalam enakmen ini dengan ranting, dia pun tahu undang-undang belajar di UIA dan sebagainya, kecil kemudian untuk takdim untuk beri pengajaran ataupun untuk pendidikan, untuk mendidik sahaja dan disebut juga mungkin boleh dipilih mana-mana yang sesuai untuk jalankan itu, mungkin tidak pada umum. Mungkin suatu tempat yang tertentu dan disebut juga tidak boleh lebih apabila angkat itu daripada kepala. Maknanya itu pun saya rasa makna enam sebatan itu kecil sangatlah dan tidak ada apa. Saya rasa terserah kepada Hakim Mahkamah Rayuan untuk menentukan sama ada denda itu perlu hanya denda sahajakah, sebab ada tafsiran bahawa denda sahaja ataupun dan sebat itu tidak dimasukkan kalau penjara baru sebat. Itu terserah kepada mereka untuk menentukan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat Menteri, maksud saya bukannya lebih baik kalau guru agama, pegawai Jabatan Agama Islam pergi memberi kaunseling, bimbingan dan ajaran kepada mereka dengan cara yang persuasif, *persuasion* daripada menjalankan hukuman berat dan juga menghina mereka di kalangan publik. Bukankah ini lebih baik kerana hanya dua botol *Stout* sahaja kena bayar denda RM5000. Saya juga minum *Stout* kadang-kadang. Ini *social drinking*. [Ketawa] Tetapi ini tidak menjadikan saya seorang....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Pagi ini ada minumkah?

Puan Teresa Kok Suh Sim: ... jenayah dan juga berkelakuan buruk. Saya rasa perangai saya kadang-kadang lebih baik daripada mereka yang beriman di luar tetapi mereka tidak mengikut ajaran agama Islam dengan begitu jujur juga. Ini pandangan saya. Saya rasa kerana selalunya hukuman yang begitu berat dalam Mahkamah Syariah ini yang menyebabkan orang bukan Islam berasa takut untuk memeluk agama Islam dan juga saya rasa ini tidak baik pada agama Islam dan juga imej kerana saya telah lihat ia dilaporkan dalam BBC beberapa kali. Nama Malaysia dimasukkan dalam berita BBC, bukan berita baik, tetapi berita hukuman sebat, hukuman RM5000 kerana minum dua botol *Stout*. Jadi, dalam dunia antarabangsa, mereka lihat "Apa ini dua botol *Stout*....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat bagi Seputeh, you mana boleh....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Menteri sedang menjawab. Yang Berhormat belum jadi Menteri.

Puan Teresa Kok Suh Sim: ... pun kena hukuman yang begitu berat. Saya hanya memberi pandangan kerana saya tahu Yang Berhormat bagi Pasir Puteh kata dalam Islam Hadhari kerajaan juga sudi mendengar pandangan dan juga kritikan yang berbeza.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ya, tetapi tidak usahlah menggunakan peruntukan Islam Hadhari, hendak dengar bolehlah. Tetapi ini masalah kalau dilaksanakan hukuman Islam yang sebenar, dia hendaklah dirotan 40 kali dan masa Umar Al-Khattab kerana tersebarnya, berleluasanya minum arak ditambah lagi 40, makna jadi 80. Maknanya untuk membasmi dan kita setuju. Saya rasa dunia semua setuju bahawa minum arak adalah suatu *habit* yang tidak baik dan yang perlu dihindari. Saya rasa itu pandangan dan saya rasa terserah kepada pentafsiran seseorang sama ada baik ataupun tidak.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: [Bangun]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua minta jalan, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya amat tersinggung dengan Yang Berhormat bagi Seputeh. Dia tidak ada hak untuk menyatakan baik tidak baik hukum-hukum Islam kerana dia bukan beragama Islam. Dia tidak ada hak untuk memperkecilkan, menghina ataupun menyatakan sesuatu tentang hukum-hukum Islam. Saya rasa Yang Berhormat bagi Seputeh kena tarik balik perkataan itu yang macam menghina orang-orang Islam, seolah-olah hukum Islam ini zalim dan sebagainya. You tidak ada hak untuk bercakap hukum-hukum Islam itu baik tidak baik kerana you bukan orang Islam.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, saya wakil rakyat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh, Menteri...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya juga mewakili mereka yang tidak setuju hukuman Islam seperti ini. Jadi ini adalah forum yang terbaik saya untuk menyuarakan pandangan dan juga keprihatinan mereka. Saya rasa saya bukan, saya tidak kata saya hina Islam atau apa. Tetapi ini pandangan mereka, sungutan mereka yang selalunya mereka tidak berani untuk berhadapan orang seperti Yang Berhormat bagi Sri Gading dan juga yang lain. Tetapi mereka bersungut, mereka terus minum di rumah, mereka juga masih bergaul di tempat-tempat tertentu. Jadi saya hanya beri satu pandangan dan juga cadangan untuk pertimbangan Yang Berhormat Menteri.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okay. Saya teruskan lagi, saya rasa....

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Maran bangun.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Saya hendak minta Menteri beri pandangan jelaskan perkara ini apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh tadi. Dia kata dia minum hari ini, minum *Beer* maksud kita, walaupun dia tidak mabuk. Tetapi dia menjelaskan kepada kita bahawa perangai dia lebih baik daripada orang beriman. Saya minta Menteri tolong jelaskan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Menyampuk]

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Tadi dia sebut tadi. Dia sebut. Perangai dia lagi baik daripada orang beriman. Sedangkan dia tidak tahu apa dia iman itu. Saya minta supaya Menteri jelaskan supaya orang tidak keliru. Nanti orang lain, orang Islam yang beriman ini bagaimana sebenarnya nilai iman itu, bagaimana orang beriman. Orang beriman biasanya dia tidak buat benda yang tidak baik. Jadi saya minta supaya Menteri jelaskan, supaya Yang Berhormat bagi Seputeh jelas. Sebab itu kalau tidak tahu tentang agama jangan bercakap. Bagi yang bertahu.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Biar saya jelaskan. Saya rasa kenyataan saya itu diputarbelitkan oleh Yang Berhormat bagi Maran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya memang tidak maksud begitu. Maksud saya, saya bagi contoh *social drinking*. Satu dua gelas *Beer* atau apa, pada pandangan saya, ini bukan masalah atau jenayah yang begitu besar. Ini pandangan saya. Jadi saya rasa ada orang yang kelihatan, saya tidak merujuk kepada sesiapa di Dewan ini yang beriman sama ada dia penganut agama Kristian, Buddha ataupun yang Islam. Ada yang mereka kelihatan beriman, tetapi mereka juga melakukan jenayah yang lebih teruk. Ini selalu kita baca dalam surat khabar. Ini adalah maksud saya. Saya harap Menteri faham apa yang ingin saya sampaikan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okay, boleh saya teruskan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila Yang Berhormat.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terhadap persoalan yang ditunggu-tunggu oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas iaitu masalah poligami iaitu Yang Berhormat bagi Batu Gajah telah menimbulkan satu slogan iaitu 'Satu Suami Satu Isteri', semalam dia timbulkan. Kemudian poligami tidak dapat memberi keadilan kepada wanita dan kalau hendak kahwinnya hendaklah dengan janda-janda sebagaimana Rasulullah s.a.w., maknanya kahwin dengan janda-janda kecuali Aisyah katanya. Saya suka menjelaskan di sini bahawa sebenarnya dalam Islam poligami adalah dibolehkan. Itu satu prinsip sebagaimana yang Yang Berhormat bagi Pasir Mas tadi telah menyebut [*Merujuk kepada ayat al-Quran*] "*iaitu berkahwinlah apa yang baik bagi kamu daripada wanita sama ada dua, tiga dan empat.*" Ada di akhirnya disebutkan [*Merujuk kepada ayat al-Quran*] Makna kalau takut tidak berlaku adil, maka satu. Persoalan yang ditimbulkan ini soal keadilan.

Tetapi, selain daripada itu juga, telah disyaratkan dalam kitab-kitab fikah iaitu pertamanya ialah kemampuan untuk berpoligami, itu satu. Kemampuan adalah terbahagi kepada dua, iaitu pertama iaitu kemampuan zahir dari sudut nafkahnya, untuk menafkahkan dari segi fizikal dan dari sudut batinnya. Iaitu dua kemampuan itu adalah dianggap dua dan keadilan juga kadang-kadang orang salah untuk mentafsirkan. Makna keadilan itu bukanlah bererti bahawa hati itu terpicat dengan salah satu ataupun lebih sedikit. Itu adalah dimaafkan. Sebab dalam kes Rasulullah s.a.w walaupun dia cuba untuk berlaku adil, tetapi diriwayatkan bahawa hatinya terpicat ataupun lebih sedikit kepada Aisyah, misalnya dan lain-lain. Makna itu adalah merupakan fitrah semula jadi manusia.

Cuma dari segi pergiliran sahaja dan juga masa yang diperuntukkan pembahagian dari segi nafkah, makna zahir itu adalah perlu berlaku adil dan kalau boleh maka dibenarkan dalam Islam untuk melakukan poligami ini. Saya rasa selain daripada sebab-sebab tadi banyak boleh menyelesaikan masalah dalam masyarakat. Kalau hendak bersyarah tentang poligami ini, saya rasa suatu forum yang lainlah. Makna tidak kita hendak jelaskan dalam kesempatan yang sangat terbatas ini dan saya rasa orang pun banyak tahu tentang kebaikan yang ada poligami, yang perlu dilaksanakan, dijalankan dengan baik. Tetapi *problemnya* kerana banyak disalahgunakan, itu *problem*. Salah gunakan oleh pengamal-pengamal poligami. Jadi, saya rasa itulah yang perlu ditarik perhatian kepada pengamal-pengamal poligami.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, hendak sambung petang?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, waktu sekarang jam 1.00. Dewan yang mulai ini tangguh sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula. Yang Berhormat Menteri, sila sambung jawapan.

2.31 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyebut sebahagian tadi untuk menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah iaitu terhadap persoalan poligami. Saya menegaskan bahawa sebenarnya dalam Islam, poligami adalah dibolehkan dengan dikenakan syarat-syarat yang agak ketat iaitu yang pertama, kemampuan dan juga sanggup untuk berlaku adil. Undang-undang yang dibuat tentang poligami ini di Mahkamah Syariah, undang-undang ini dibuat adalah untuk memberi

keadilan dan pembelaan kepada wanita. Tidak semua poligami itu dibenarkan oleh mahkamah melainkan apabila mahkamah berpuas hati seseorang lelaki mampu memberi nafkah dan keadilan kepada isteri-isteri. Permohonan untuk poligami mesti dibuat kepada Mahkamah Syariah.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Kalau berbicara soal keadilan, saya punya pandangan, tidak ada seorang pun dalam dunia ini, bersikap adil. Dalam diri sendiri pun, kadang-kadang kita tidak adil. Walau bagaimanapun, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, di Perlis undang-undang syariah ia membenarkan mana-mana lelaki berpoligami tanpa perlu merujuk kepada isteri pertama atau kedua. Jadi, tidakkah undang-undang ini boleh diseragamkan di seluruh negara supaya mengelakkan lagi tuduhan-tuduhan liar seperti yang diucapkan oleh pembangkang tadi.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan yang telah menimbulkan persoalan terhadap keadilan dan dikaitkan dengan Perlis. Kebetulan ada Yang Berhormat bagi Perlis ini yang jaga bahagian undang-undang. *[Merujuk kepada Yang Berhormat Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]* Cuma, saya suka menegaskan bahawa usaha kita di peringkat Persekutuan ialah untuk menyeragamkan. Perlis hanya meluluskan dua sahaja daripada lima dan Perdana Menteri telah meminta dalam Majlis Kebangsaan Hal-Ehwal Islam baru-baru ini supaya menyeragamkan tiga lagi menurut modul yang telah ditetapkan. Jadi, kita harapkan Perlis akan ikut tiga lagi dan negeri-negeri lain yang masih berbaki, ada satu, ada dua supaya menyelesaikan pada akhir tahun ini supaya diseragamkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading. Sri Gading apa hendak tanya lagi?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selamat petang Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Batu Gajah boleh bercakap tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan Islam. Seputeh pula campur, lagi dia buta tentang Islam. Saya lihat macam ada satu kecenderungan DAP Dato' hendak masuk tentang perkara-perkara yang berkaitan hukum-hakam Islam yang diguna pakai kepada orang Islam, hendak mengikut kaca mata dia. Ini tidak cocok Dato'. Macam benda bulat, datang segi empat, tidak boleh masuk Dato'. Dia bulat, masuk bulat, baru boleh. Ini sebagai contoh, bagaimana kita orang Islam, tidak juga mahu memaksa perkara yang diterima oleh Islam kepada orang bukan Islam sebagai contoh.

Kita tidak hendak mencadangkan kepada kerajaan, supaya mengharamkan makan babi. Walaupun kepada kita orang Islam, makan babi itu diharamkan, najis mughallazah, tetapi itu pegangan kita. Tetapi, dalam negara seperti ini, kita tidak ada pula memaksa kerajaan, walaupun kerajaan itu Kerajaan Barisan Nasional yang diterajui secara bersama oleh UMNO, tulang belakang. Kita tidak hendak paksa pula kepada kerajaan, 'jangan benarkan orang bukan Islam makan babi, diharamkan makan babi.' Tidak, fasal kita menghormati apa yang hak kepada mereka, walaupun tidak kita sukai. Itu bagaimana kita punya *tolerate* dalam Islam. Jadi, janganlah DAP, Batu Gajah, Seputeh ataupun Ipoh Timor hendak paksa fahaman dia itu supaya kita terima. Tidak boleh, *no way* Dato', tidak boleh. Islam dia tetap Islam. Lebih-lebih lagi Islam agama rasmi negara. Terima kasih Dato'. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ya. Okey, saya rasa saya setuju dengan pandangan itu dan beri laluan kepada sayalah untuk hendak menghabiskan ini segera. Tentang hujah daripada pihak Batu Gajah yang mengatakan bahawa jumlah menurut statistik, lelaki dengan wanita sekarang ini boleh dikatakan lelaki lebih ramai daripada wanita. Saya suka merujuk apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kepong ketika berhujah tentang undang-undang syariah ini dalam perbahasan yang lepas. Katanya, para graduan wanita lebih ramai daripada graduan lelaki. Jadi kalau misalnya dalam keadaan yang tertentu, maknanya katanya 70:30 dan sebagainya lelaki, wanita 70:30 di IPTA-IPTS.

Jadi ini juga akan saya rasa membantu keadaan tadi dengan adanya dasar poligami ini yang bagi saya sudah tentu mesti satu syaratnya ialah perkahwinan itu kalau menurut Islam mesti kufu. Kufu itu ialah setara.

Maknanya sama dari segi kedudukan. Tidaklah yang terlalu tinggi pendidikannya, maka yang lain pula terlalu rendah pendidikan. Jadi saya rasa sedikit sebanyak boleh menyelesaikan masalah ini. Tetapi walau bagaimanapun, dengan adanya undang-undang itu diperketatkan untuk menjaga kepentingan wanita. Saya terus kepada apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong iaitu menimbulkan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat Menteri alih tajuk yang lain, saya mahu tanya, oleh kerana Pengerusi OIC akan datang selepas Malaysia ialah Senegal dan Senegal dalam Perlembagaan sangat jelas bahawa tidak ada agama rasmi. Bukan sahaja tidak ada agama rasmi tetapi sangat jelas menyebut bahawa peruntukan ialah sebuah *secular state*. Adakah sebab itu Malaysia menganggap Senegal sebagai satu negara kafir yang mengikut tafsiran Yang Berhormat bagi Larut, adalah negara kafir. Adakah Malaysia menganggap Senegal yang akan menjadi Pengerusi OIC selepas Malaysia sebagai sebuah negara kafir atau adakah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang:.... sebagai Menteri yang menjaga agama...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang:....akan menjelaskan bahawa tidak perbezaan negara, tidak ada perkara semacam itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timur....

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya mahu tanya, sama ada dia akan menasihatkan bahawa....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa yang dibangkitkan oleh Menteri adalah graduan Islam.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ya betul graduan. Dia sudah alih. Sebelum dia alih, dia mahu alih itu tajuk. Ini mustahak. Beliau buat satu kenyataan bahawa dalam Dewan yang mulia ini, jangan bangkitkan hal kafir mengkafir. Adakah sebagai Menteri yang menjaga agama rasmi rela buat begitu. Jangan kita menganggap Senegal sebagai negara kafir.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ini apa ini? Semalam sudah berbangkit cukup panjang tentang negara sekular, negara Islam. Jadi.....

Tuan Lim Kit Siang: Negara kafir atau negara tidak kafir? *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Itu menurut fikah boleh. Menurut fikah boleh, ada Darul Islam dan Darul Harbi. Negara Islam dan negara yang dimusuhi.

Tuan Lim Kit Siang: Senegal negara kafir? Senegal akan jadi Pengerusi OIC, negara kafir? *[Bercakap tanpa pembesar suara] [Dewan gamat seketika]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tidak, apa....

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*

Tuan Lim Kit Siang: Jangan negara kita spesifik, ada di sini. *So specific*. Adakah Indonesia negara kafir? Indonesia negara kafir? Adakah Turki negara kafir?

Puan Chong Eng: Turki tidak boleh. *[Menyampuk]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Dia, begini Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Turki negara kafir? Haa, itu spesifik, jangan lari.

Puan Chong Eng: Ini tidak boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri, agama *straight forward*. Jangan lari. Apa jawapannya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak Yang Berhormat Menteri....

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Larut cerita kafir, dia istilah yang lain. Ini soal kita hendak mengistilahkan negara orang lain, tidak kena mengena dengan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Bukan Israel. Ini kata mengenai OIC Malaysia, bukannya Israel[*Dewan gamat seketika*] [*Keadaan begitu tegang*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita janganlah samakan negara orang lainlah. Larut yang istilah ada kafir...

Tuan Lim Kit Siang: Apa tidak ada jawapan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ... tetapi bukan hendak mengistilahkan negara lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dalam masalah ini...

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Senegal atau OIC satu pertubuhan kafir?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ipoh Timur sudah bawa kepada lain.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya ini bukan mengajar matematik, campur satu, campur satu jadi dua.

Beberapa Ahli: Betul.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Janganlah sampai saya naik radang pula.

Beberapa Ahli: Whoaa! [*Dewan gamat seketika*]

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Maknanya menimbulkan perkara - saya belajar *social sciences*, maknanya saya jawab biar cara yang wajar juga.

Seorang Ahli: Betul.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ini dok tekan begitu, elak satu kawasan awak, kemudian awak hendak pukul saya di kawasan awak. Mana boleh. [*Ketawa*] [*Dewan gamat seketika*].

Tuan Lim Kit Siang: Mana you jawab? Mahu lari, larilah. Tetapi itu menunjukkan dalam *Hansard*.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Mana lari, sudah keluar daripada sini.

Tuan Lim Kit Siang: Negara kafir?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bukan, ini Larut tersilap tafsir di dalam istilah Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tetapi, jangan paksa Menteri mesti hendak istilahkan kepada negara lain kafir tidak kafir. Jangan paksa Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:....jangan paksa Menteri untuk label kepada orang lain. Tidak ada kena mengena dengan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:jawapan terpulang kepada Menteri. Sri Gading....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak ada kena mengena dengan Menteri.

Tuan Lim Kit Siang: Kita tidak paksa Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak. Ipoh Timur jangan hendak cuba bawa, itu perkara lain.

Tuan Lim Kit Siang:...untuk jawab. Tetapi sekurang-kurangnya berani untuk kata ini salah. *[Dewan gamat seketika]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bukan..

Tuan Lim Kit Siang: Berani untuk kata apa Yang Berhormat boleh kata itu, salah silap, adakah berani? Adakah berani?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bukan, Larut soal Islam dengan takwim, tidak ada kena mengena negara lain. Jangan paksa Menteri kita untuk labelkan negara orang kafir tidak kafir. Tidak ada kena mengena dengan kita.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita jangan campur negara orang.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan takut, jawab. Berani tidak? Kalau kata ini salah, tidak ada negara kafir yang mengikut Yang Berhormat bagi Larut. Itu salah. Panggil dia tarik balik, itulah. *[Dewan gamat seketika]*

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Apa ini? Saya tidak jadi hakim. Hakim ialah Tuan Yang di-Pertua di sini yang hendak tentukan apa. Jadi, saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan masih riuh-rendah]* Jadi saya daripada Yang Berhormat bagi Tanjong, iaitu pertama konflik antara undang-undang sivil dan undang-undang Islam, jadi jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengkaji perkara ini, dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad, kebetulan dia ada juga di sini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Kemudian kita tunggu keputusan hasil kajian inilah yang konflik di antara sivil dan juga syariah. Maknanya undang-undang Islam.

Yang kedua, terhadap persoalan Mahkamah Sivil tidak ada bidang kuasa untuk membicarakan kes-kes yang di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Mahkamah Sivil tidak ada kuasa untuk membicarakan kes-kes dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan. Terhadap persoalan yang ketiga, Mahkamah Syariah tidak ada kuasa membicarakan kes-kes orang bukan Islam. Mahkamah Syariah juga tidak ada kuasa untuk membicarakan kes-kes bukan Islam. Itu cukup jelas dalam peruntukan Mahkamah Syariah.

Terhadap persoalan Yang Berhormat bagi Seputeh, apakah undang-undang Islam itu dibuat oleh orang lelaki sahaja sebab ia nampaknya macam tidak beri keadilan kepada orang perempuan dan beri kelebihan kepada lelaki. Terhadap persoalan ini, sebenarnya saya suka menjelaskan bahawa undang-undang Islam seragam digubal oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak, Sivil yang terdiri daripada ahli jawatankuasa wanita dan lelaki. Sebagai contoh, saya sebut ahli jawatankuasa wanita misalnya ialah Prof. Madya Datin Dr. Siti Zulaikha, pensyarah UKM. Beliau terkenal seorang pakar dalam bidang undang-undang Islam.

Seterusnya persoalan-persoalan yang dibincangkan pada hari ini iaitu Yang Berhormat bagi Batu Gajah telah menimbulkan denda terhadap penghinaan ke atas mahkamah syariah dalam seksyen 210 Akta Prosedur Jenayah Syariah adalah rendah

perlu dikaji. Jadi denda sebanyak RM 1,000 bagi kesalahan menghina mahkamah adalah mencukupi, kita rasakan sekarang mencukupi. Walau bagaimanapun, ia boleh dikajikan semula untuk menambahkan lagi denda tersebut.

Saya juga hairan di suatu pihak dalam apa yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Seputeh telah mengatakan denda yang dikenakan oleh mahkamah syariah begitu tinggi dalam kes-kes tertentu, dan yang ini pula terlalu rendah. Jadi ia *contradict* di antara dua. Yang tadi kata kita hendak letak RM 1,000 katanya rendah sangat dan yang tadi saya dengar daripada Yang Berhormat Seputeh kata tinggi sangat. Jadi macam mana ni? Jadi kekacauan dalam pemikiran. Jadi tak mengapalah, kita hormat pandangan-pandangan itu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidak, saya merujuk kepada kes yang berlainan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya kata tadi adalah dalam kes sumbang muhim, kes berkenaan dengan rogol, hukuman yang dikenakan oleh mahkamah syariah adalah lebih rendah daripada mahkamah sivil. Manakala hanya minum 2 botol *stout* dikenakan hukuman yang begitu berat. Inilah sebenarnya soalan saya. Sebenarnya saya juga bertanya tentang apakah rancangan kerajaan untuk menambah lebih hakim wanita di mahkamah syariah.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Jawapan hakim wanita sudah dijawab. Wakil wanita adalah, itu sahaja saya sebut sedikit.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Maknanya hanya seorang sahajalah dilantik, iaitu pensyarah UKM.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okey, Yang Berhormat Batu Gajah juga menimbulkan kekurangan hakim mahkamah syariah di Ipoh ...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sebelum ke isu sana, kita ke isu yang ini berkenaan seksyen 210, dengan izin. Sebelum ini kita bentangkan pindaan Akta yang sedia ada pada hari ini dan dua hari lepas untuk menyeragamkan undang-undang Islam. Tadi saya bangkitkan kalau kita lihat seksyen 15 Enakmen Jenayah Syariah bagi negeri Selangor, penghinaan kepada perintah mahkamah, denda tidak lebih daripada RM3,000. Kata hendak seragamkan tetapi pada masa yang sama, mengapa kita tidak ambil dari negeri yang lain untuk buat denda yang sama? Itulah persoalannya. Apakah kita akan pinda pada masa akan datang untuk seragamkan lagi? Kita sekarang hendak menyeragamkan tetapi mengapa tidak bagi semua sama? Itulah pertanyaan saya.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ya, terima kasih. Sebenarnya yang diseragamkan belum lagi termasuk undang-undang jenayah syariah. Yang diseragamkan ialah sebagai mana yang telah saya sebut dahulu iaitu pentadbiran agama Islam yang ada 5 sebagai mana yang telah saya sebut iaitu Undang-undang Keluarga Islam, Keterangan Mahkamah Syariah, Tatacara Jenayah Syariah, Tatacara Mal iaitu ada lima. Jenayah itu sendiri belum lagi diseragamkan dan akan diusahakan kemudian. Belum diseragamkan lagi.

Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua. Kekurangan hakim mahkamah syariah di Ipoh menyebabkan kes tertunggak yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah. Ada dua hakim sebenarnya di mahkamah syariah di Perak yang diluluskan oleh JPA, ada dua yang diluluskan oleh JPA. Kemudian gaji hakim mahkamah syariah juga telah ditimbulkan lebih rendah daripada gaji hakim mahkamah sivil. Sebenarnya dalam skim gaji hakim mahkamah tinggi dan rendah syariah ini adalah di bawah sistem saraan Malaysia (SSM) dan di bawah gred gaji LS pegawai syariah, manakala saraan hakim mahkamah rendah sivil adalah di bawah SSM dan mahkamah tinggi sivil dan ke atas adalah di bawah sistem saraan hakim dan dilantik di bawah Suruhanjaya Kehakiman dengan gred gaji yang tertentu yang lebih tinggi. Kemudian terhadap persoalan daripada Batu Gajah juga yang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Seputeh dan Yang Berhormat Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri telah menyebut gaji hakim mahkamah tinggi syariah dan juga mahkamah tinggi sivil. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi kita dapati memang taraf hakim mahkamah tinggi syariah lebih rendah daripada mahkamah sivil. Ini kita beranggapan seolah-olah taraf mahkamah syariah ini lebih rendah. Adakah pihak

kerajaan bercadang mengkaji semula supaya taraf ini disamakan? Kalau tidak kita menganggap seolah-olah mahkamah syariah ini lebih rendah sedangkan kita menjadikan Islam sebagai agama rasmi. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terima kasih. Kajian-kajian akan dibuat dari masa ke semasa untuk memperbaiki lagi perkhidmatan mahkamah syariah ini. Sudah tentulah dari segi tuntutan dan sebagainya perlu peringkat demi peringkat. Jadi kita ambil kira perbezaan tersebut dan dalam masa yang akan datang ini akan cuba memperjuangkan supaya boleh mereka juga mendapat taraf yang sama. Boleh saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila, sila.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Dalam persoalan yang ditimbulkan oleh Batu Gajah, juga telah banyak Yang Berhormat bercakap saya rasa tidak usah mencelahlah, saya sudah terlalu banyak meraikan soalan-soalan daripada beliau kerana beliau seorang pakar dalam bidang Islam dan saya rasa nampak semacam ada keikhlasan dalam pengujahannya maka saya layan dan jawab. Jadi tuntutan itu tidak payah mencelahlah.

Tentang peguam syarie menurut kaedah-kaedah peguam syarie 2003 Negeri Perak, syarat-syarat menjadi peguam syarie ialah umur 21 tahun ke atas, berkelakuan baik dan tidak ada sabitan dengan jenayah, bukan bankrap, telah lulus ujian ataupun temu duga, ijazah sarjana muda syariah atau peguam bela dan peguam cara yang didaftarkan dan bawah Akta Profesion Undang-undang 1976 dan memiliki diploma undang-undang dan amalan, iaitu guaman syarie.

Kemudian daripada Seputeh juga bertanyakan tentang hukuman mahkamah syariah lebih rendah daripada mahkamah sivil...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan. Yang Berhormat Menteri, bukan saya hendak mencelah. Saya balik hendak beritahu kepada rakan-rakan saya bahawa Menteri ada jawab dan bagi tunjuk ajar bagaimana untuk menjadi peguam syaria. Jadi jawapan yang diberi adalah syarat-syarat. Sekarang yang mereka hadapi ialah hendak jadi peguam syaria tidak tahu bagaimana prosedurnya. Sebab kononnya sebelum ini ada temu duga yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam. Lepas itu sekarang ini telah dibekukan. Dia hendak sangat jadi peguam syarie tetapi dia kata tidak tahu hendak pergi mana. Dia minta saya bangkitkan, itulah saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri dan saya hendak nyatakan bahawa saya bukan pakar dalam agama Islam.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya rasa ini boleh dihubungi. Kita ada Jabatan yang khusus untuk membicarakan atau yang menjaga bahagian, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan saya rasa ia adalah satu Jabatan yang telah didirikan untuk menyeragamkan. Polisiya ialah untuk menyelaraskan kegiatan-kegiatan yang ada kaitannya dengan perundangan syariah Islam. Jadi saya rasa bolehlah hubungi JKSM (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia).

Tuan Yang di-Pertua, kita teruskan lagi iaitu terhadap hukuman mahkamah syariah lebih rendah daripada mahkamah sivil. Hukuman yang dikenakan di mahkamah syariah tidak melebihi denda RM5,000 - itu maksimumnya yang telah diperuntukkan, penjara tidak melebihi 3 tahun dan sebat tidak melebihi 6 kali sebatan. Ini ditetapkan dalam Akta Mahkamah Syariah bidang kuasa jenayah pindaan 1984 iaitu undang-undang yang telah dibuat oleh Parlimen. Kita juga memberi kuasa tersebut kepada mahkamah syariah. Meminum arak selagi tidak mabuk tidak boleh didakwa atau ditangkap, minta penjelasan daripada Seputeh. Ya, minta penjelasan. Selalu dia timbulkan ini, dia pun katanya minum arak juga tetapi secara sulit-sulitlah, tidak di depan ramai.

Kesalahan minum arak tetap dianggap salah menurut pandangan Islam bagi orang Islam walaupun ia tidak memabukkan. Itu untuk orang Islamlah jadi ini terkeluar yang bukan Islam tadi. Jadi kita gunakan Islam dan bukan Islamlah. Jika sabit boleh dikenakan hukuman yang telah ditetapkan. Ini kerana agama Islam melarang umatnya minum arak walaupun sedikit, walaupun tidak memabukkan bukan syarat memabukkan ye.

Dalam agama Islam walaupun sedikit adalah salah. Jadi nampaknya dia berminat dengan memabukkan atau tidak memabukkan. Itu tidak pakai dalam agama Islam.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat Menteri, saya sebenarnya lebih prihatin dengan nama baik dan juga imej negara di media antarabangsa dan juga masyarakat antarabangsa. Itulah sebab saya bangkitkan perkara ini kerana saya rasa hukuman berat terhadap kesalahan seperti minum adalah tidak begitu baik untuk imej negara di dunia antarabangsa.

Yang Berhormat Menteri, sebenarnya Yang Berhormat tidak menjawab soalan saya tentang sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk menyelaraskan hukuman di bawah hukuman jenayah di mahkamah syariah dan juga mahkamah sivil kerana seperti kes saya bangkitkan mengenai sumbang muhrim di Kelantan yang mana hukumannya begitu ringan berbanding dengan dalam Kanun Keseksaan dalam kes sumbang muhrim dan juga rogol. Juga saya pernah tanya dalam keadaan yang manakah seseorang umat Islam yang melakukan jenayah berat seperti rogol dia akan didakwa di mahkamah syariah dan dalam keadaan manakah dia akan didakwa di mahkamah sivil.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terima kasih kerana hendak belajar tentang syariah, terima kasih. Sebenarnya kalau dibawa ke mahkamah syariah dan dibicarakan di mahkamah syariah maka tidak boleh lagi mahkamah sivil membicarakannya, itu suatu ketetapan yang telah ada. Tetapi kalau tengok mahkamah syariah, oleh sebab peruntukannya terhad tadi, diberi tidak boleh lebih daripada RM sekian tidak boleh sekian-sekian, maka bolehlah terus bawa ke mahkamah sivil. Jangan bawa ke mahkamah syariah. Kalau bawa ke mahkamah syariah kemudian hendak dibicarakan di mahkamah sivil, itu tidak dibenarkan. Itu mengikut peraturan yang sedia ada seperti mana saya difahamkan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Siapa yang menentukan? Dalam keadaan manakah dia buat keputusan?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Okey, ini ada jawapan yang berikutnya. Nanti dahulu, tidak sabar juga daripada Seputeh ini. Sabarlah dahulu. Semua jawapan ada, semua saya layan. Hari ini untuk menjawab semua.

Bagaimana pendakwa raya memutuskan untuk mendakwa seseorang sama ada di mahkamah syariah atau di mahkamah sivil? Ini saya tandakan tadi dan jawapan saya ialah pendakwa raya Malaysia tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendakwa seseorang di mahkamah syariah. Itu cukup jelas, ya, tidak boleh mendakwa. Bukan bidang kuasanya. Ini jelas diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan fasal 3 perkara 145 (3) Peguam Negara hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan mengikut budi bicaranya untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan selain prosiding di hadapan mahkamah syariah. Itu tidak akan menjangkau ke situ. Mahkamah anak negeri, itu bagi Sarawak dan lain-lain ataupun mahkamah tentera, itu bukan bidang kuasa dia.

Pendakwa raya bertindak untuk mendakwa seseorang berdasarkan kertas siasatan yang dikemukakan kepadanya oleh pihak polis, kes-kes di mahkamah syariah tidak dikemukakan kepada pendakwa raya Malaysia. Itu lain dia ada penguatkuasaan. Kemudian apabila penguatkuasaan diserahkan kepada bahagian pendakwaan, kemudian kalau cukup bukti-buktinya kemudian dibawa ke muka pengadilan mahkamah syariah.

Daripada Pendang pula....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan. Okey Yang Berhormat, adakah ini bermaksud kalau pegawai Jabatan Agama Islam mendapati kes seperti sumbang muhrim berlaku dalam sebuah keluarga, jadi yang kedua-dua yang terlibat itu akan dibawa ke mahkamah syariah. Tetapi kalau kes sumbang muhrim diketahui oleh pihak polis jadi kes ini akan dibawa ke mahkamah sivil. Adakah keadaan ini yang menjadikan

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Itu boleh terhenti atas jangan dibicarakan dahulu. Kalau dibicarakan di mahkamah syariah maka tidak boleh lagi dibicarakan di mahkamah sivil. Itu menurut apa yang saya difahamkan. Terserahlah kepada dia, kalau hendak bawa katakan supaya hukuman lebih berat lagi maka bawa ke mahkamah sivil, jangan ke mahkamah syariah. Saya rasa pengamal undang-undang cukup fahamlah tentang ini, itu yang saya difahamkan.

Boleh saya berpindah kepada Pendang iaitu perintah mahkamah syariah sesebuah negeri tidak dapat dikuatkuasakan di negeri yang lain, intan edit

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Penjelasan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Menteri, saya berminat juga bila nampak perbincangan ini berlaku. Yang Berhormat Menteri, jika berlaku pertindihan di dalam kes-kes yang melibatkan Mahkamah Syariah dan juga Mahkamah Sivil kemungkinan akan terdapat *loopholes* di mana kewibawaan undang-undang kedua-dua sistem mahkamah tadi mungkin akan terjejas imejnya. Sama ada Mahkamah Syariah ataupun Mahkamah Sivil.

Sebagai contoh, saya ambil contoh yang nyata di negara kita mungkin kita boleh perbincangkan di mana satu kes yang telah dibawa ke Mahkamah Sivil iaitu pembunuhan Norita, ya. Kemudian terdapat pengakuan yang mana pengakuan itu boleh dikaitkan ke Mahkamah Syariah apabila si suami mengaku mengadakan hubungan seks dengan bukan isterinya. Jadi, perkara ini telah menyebabkan berlaku pertindihan dan berlaku sedikit mungkin terjejasnya kedua-dua sistem mahkamah ini. Boleh Yang Berhormat Menteri berikan penjelasan kerana pengakuan tadi itu pengakuan bersumpah dan sudah pasti akan ada hukuman yang bertepatan dengan kesalahan yang telah dilakukan.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Menurut saya bukan arif sangat dalam bidang ini. Saya dimaklumkan dalam kes ini maknanya kalau hendak didakwa di Mahkamah Syariah perlu melalui prosesnya. Bukan suatu pengakuan dalam surat khabar begitu ataupun di mana terus Mahkamah Syariah pun mendakwa. Saya rasa tidak boleh begitu. Dia ada proses-prosesnya yang perlu ada misalnya difailkan di Mahkamah Syariah, ada mempunyai proses pembuktian dan juga pendakwaan tadi. Jadi, bukan satu kenyataan dia mengaku begitu terus apa boleh di bawa ke mahkamah. Siapa yang hendak mendakwa, siapa proses-proses itu perlu ada. Dalam kes tadi saya difahamkan proses itu tidak ada maka tidak berlakulah pendakwaan. Jadi, saya rasa jangan tanya banyak sangat makna saya bukan arif sangat bidang ini. Tanya *lawyer* lah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Cadangan, cadangan sahaja, sedikit, cadangan sahaja.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Jadi, saya teruskan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Cadangan sahaja, satu ayat. Saya hanya ingin mencadangkan supaya kerajaan mungkin mengambil pandangan daripada Allahyarham Tan Sri Harun Hashim supaya semua kes jenayah, semua dimasukkan, dibicarakan dalam Mahkamah Sivil kerana kalau hukuman dalam kes jenayah di Mahkamah Syariah begitu ringan berbanding dengan Mahkamah Sivil. Adalah lebih baik bagi satu sistem undang-undang untuk mengadili kes jenayah. Saya rasa ini adalah lebih adil, khususnya dalam kes rogol, sumbang muhrim, dan sebagainya supaya kita semua rakyat sama ada umat Islam ataupun bukan umat Islam, kita sama dari segi undang-undang.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ingat juga kes jenayah syariah bukan itu sahaja. Ajaran sesat pun adalah merupakan jenayah syariah. Jadi, bukan semua apabila jenayah sahaja nampak itu sahaja, berbagai-bagai dalam jenayah syariah dan peruntukan telah pun diberi saya rasa jadi peruntukan itu maknanya milik kepada Mahkamah Syariah. Jadi terserah pada perbincangan nantilah makna bagaimana tetapi yang berlaku sekarang peruntukan itu telah diberi kepada Mahkamah Syariah. Dan suka saya menyatakan bahawa jenayah syariah ini banyak lagi perkara-perkara lain yang ada kaitan dengan pegangan orang Islam selain daripada amalan-amalan yang telah dilakukan oleh mereka.

Puan Chong Eng: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya rasa yang apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Seputeh itu adalah relevan. Dia spesifik kepada jenayah-jenayah yang ada juga boleh dibawa ke Mahkamah Syariah. Saya rasa itu patutlah buat satu ketetapan kerana dahulu apabila ada *Women and Young Girls Protection Act* dan ada juga kes rogol bukan di bawah Penal Code tetapi dibawa ke mahkamah di bawah Akta Perlindungan Wanita kerana hukumnya adalah lebih ringan kalau berbanding dengan Penal Code.

Jadi ada juga kes-kes di bawa dengan Akta Perlindungan Wanita dan ia hanya di *bound over* 3 tahun, jadi adalah seperti Tangga Batu katakan ada *loopholes*. Ada *loopholes* seperti patutlah dibuat satu ketetapan dan saya rasa kita ada Menteri yang arif dalam undang-undang seperti ini. Mungkin kita meminta Yang Berhormat Menteri dari mana ha, kawasan apa ha? [Disampuk] Ha! dari JPM yang boleh tolong dalam isu seperti ini. Saya bukan yang tadi Yang Berhormat sendiri kata bukan arif dalam bidang ini, sekarang ada Yang Berhormat, Menteri yang arif dalam bidang ini, jadi saya harap boleh kita berbincang atau memberi satu respons kepada perbincangan seperti ini. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya terus pada, dia tidak mahu jawab maknanya saya teruskan. [Disampuk] Tidak ada, bukan boleh jemput-jemput, ha okaylah. Ini dalam undang-undang Mahkamah Syariah ini, bidang kuasa saya[Disampuk] Takkan saya hendak mengaku saya cukup hebat, saya cukup gagah macam Ketua Pembangkang. Takkan saya hendak cakap macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Makna saya cakap dengan cara yang rendah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagi?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Sedikit dah. Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan pandangan daripada Pendang iaitu Perintah Mahkamah Syariah sesebuah negeri tidak dapat dikuasakan di negeri yang lain. Bagi negeri-negeri yang telah meluluskan undang-undang pentadbiran agama Islam seragam, suatu perintah Mahkamah Syariah boleh dikuatkuasakan di sebuah negeri yang lain. Bagi negeri Kedah ia boleh meluluskan undang-undang yang seragam. Jadi negeri kita belum lagi. Sebagaimana yang disebut tadi Perlis, sebenarnya Kedah belum lagi tetapi saya difahamkan sebelum tahun ini dia akan cuba untuk menyeragamkan 5 rang undang-undang ini.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya pun berminat juga untuk membincangkan tentang kewibawaan Undang-undang Syariah ini di mana kita arif hukuman ataupun proses yang dilalui perlulah tanpa takut ataupun menyebelahi mana-mana pihak. Dan kita juga faham bahawa undang-undang yang kita laksanakan dalam syariah ini perlu konsisten, perlu tetap dan perlulah menghukum dengan tepat ataupun adil kena pada tempatnya.

Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini negeri Melaka telah pun diheboh-hebohkan dengan satu skim yang dipanggil 'Mat Skodeng'. Di mana Mat Skodeng ini mempunyai peranan, dirancang mempunyai peranan untuk mengintip ataupun mengintai ataupun dengan lain perkataan menghendap kelakuan maksiat yang dilakukan, kelakuan keji yang dilakukan oleh pasangan-pasangan di tempat-tempat awam ataupun tempat-tempat yang tersorok.

Jadi perbincangan mengenai Mat Skodeng ini berjalan rancak di peringkat negeri. Pihak mufti minta pendapat, pihak pemimpin-pemimpin NGO memberikan

pendapat mereka dan kelihatan pada ketika itu pendapat ini mungkin bercanggah dan ada juga persetujuan di dalam beberapa perkara yang asas. Isu Mat Skodeng ini telah pun diputuskan oleh Kabinet melalui akhbar yang menulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau boleh ringkaskan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab kita ada rang undang-undang yang lain untuk...

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ini berkaitan, berkaitan dengan keseragaman undang-undang di antara negeri-negeri telah diputuskan oleh Kabinet menyatakan ianya tidak boleh dilaksanakan. Dan pihak kerajaan Negeri Melaka akur dan isu itu terus ditutup dan tidak terlaksananya skim ataupun program Mat Skodeng yang boleh sedikit

sebanyak mungkin memberikan kesan kepada golongan syariah negeri. Boleh Yang Berhormat Menteri komen?

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Ringkas sahaja saya komen. Perkara ini telah pun diputuskan dan pihak Kerajaan Melaka telah menarik diri dan saya rasa kita pergi mengendap untuk cari orang lakukan maksiat ini bukan cara Islamlah. Kalau berlaku secara sulit itu tidak perlu diitukan. Kemudian kalau berlaku cara terang-terangan di tempat umum dan sebagainya, itu saya rasa menjadi tanggungjawab pihak penguasa agama untuk menguatkuasakan undang-undang. Jadi saya rasa kita setujulah makna supaya dia tidak diteruskan kerana bercanggah dengan fahaman saya, faham saya maknanya dengan kehendak syariah Islam.

Saya teruskan lagi iaitu adakah masih wujud Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syariah Sivil yang telah dibangkitkan oleh Pendang. Jawatankuasa Teknikal yang mengkaji undang-undang bersara sivil masih wujud dan berfungsi di mana JAKIM sebagai urus setia. Jawatankuasa ini tetap membantu pihak-pihak yang tertentu, pihak Peguam Negara dan sebagainya untuk memikirkan bagaimana penambahbaikan dan sebagainya terhadap undang-undang Mahkamah Syariah ini.

Kemudian persoalan daripada Yang Berhormat bagi Pendang juga iaitu menimbulkan isu perjalanan, makna defendan dan juga plaintif, pengadu, minta kes mereka disegerakan. Saya suka menyatakan bahawa kes-kes di Mahkamah Syariah boleh didengar dengan segera merujuk kepada Arahan Amalan Mahkamah Syariah No. 3 Tahun 2001, perakuan segera yang difailkan. Kesnya hendaklah didengar pada hari yang sama atau tidak lewat daripada tujuh hari.

Saya rasa itu di antara kalau segera menurut apa yang telah dikeluarkan Arahan Amalan Mahkamah Syariah. Kita cuba memperbaiki daripada semasa ke semasa keadaan ini. Itulah sahaja sedikit respons saya dan kepada mereka yang tidak dijawab secara langsung soalan-soalan mereka itu, saya rasa saya mohon maaf dan...

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan satu perkara. Yang Berhormat Menteri, berkenaan hakim wanita, bilakah tempoh pelantikan akan dibuat? Sebab..

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya sudah jawab semalam...

Cik Fong Po Kuan: ...sudah setahun.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya sudah jawab semalam. Saya kata saya tidak ulang...

Cik Fong Po Kuan: Kalau tidak silap, saya tidak dengar, boleh ulang...

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Kalau begitu, kena datang selalulah di persidangan. Jangan hendak bercakap sahaja, selepas itu keluar.

Cik Fong Po Kuan: Saya ingat ialah berkenaan....

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya sudah jawab semalam.

Cik Fong Po Kuan:masa Yang Berhormat jawab bagi keterangan. Akta Keterangan Yang Berhormat ada jawab akan memperhalusi.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Saya sudah jawab. Nanti tengok surat...

Cik Fong Po Kuan: Boleh, boleh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Menteri sudah jawablah, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 6 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2005

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk membentangkan Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005.

Kekukuhan dan keutuhan sistem perbankan merupakan komponen yang paling penting dalam jaringan keselamatan kewangan bagi melindungi kepentingan pendeposit. Sejajar dengan matlamat ini, kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah mengambil pelbagai langkah dan inisiatif di bawah pelan induk sektor kewangan dalam usahanya untuk memperkukuhkan sistem perbankan berikutan krisis kewangan 1998.

Beberapa langkah telah pun dilaksanakan untuk mengatasi kelemahan tertentu yang dihadapi oleh sektor kewangan termasuk kekurangan modal asas dan keupayaan memandangkan sebahagian besar sektor perbankan terdiri daripada institusi-institusi yang bersaiz kecil untuk mempertingkatkan keupayaan institusi-institusi perbankan domestik, Bank Negara Malaysia telah menggalakkan penggabungan di kalangan institusi perbankan domestik. Antara inisiatif lain yang telah diambil termasuklah aras *benchmarking*, dengan izin, bagi menilai prestasi institusi perbankan domestik dengan institusi perbankan asing dan pengukuhan amalan pengurusan risiko kredit oleh institusi perbankan.

Usaha yang dilaksanakan telah berjaya meningkatkan kekukuhan daya saing dan keupayaan sektor perbankan terutamanya institusi perbankan domestik. Peningkatan ini adalah penting sebagai persediaan untuk sektor perbankan menghadapi persekitaran yang lebih mencabar di masa depan. Antara petunjuk positif hasil daripada usaha yang dilaksanakan ialah penggabungan 58 buah institusi perbankan domestik menjadi 10 kumpulan perbankan.

Nisbah modal berwajaran risiko (*Risk-Weighted Capital Adequacy Ratio*) sistem perbankan telah meningkat daripada 10.2% pada bulan Ogos 1998 kepada 13.5% pada bulan Mac 2005. Dari segi jumlah aset, ia telah meningkat daripada RM638.4 bilion pada akhir tahun 1999 kepada RM898.2 bilion pada bulan Mac 2005. Asas modal sektor perbankan turut meningkat kepada RM78.3 bilion pada bulan Mac 2005 daripada RM49.3 bilion pada bulan Ogos 1998.

Nisbah pinjaman tidak berbayar [*Non-Performing Loans (NPL)*] bersih berdasarkan klasifikasi enam bulan bertambah baik kepada 5.4% pada bulan Mac 2005 iaitu paras terendah sejak krisis kewangan Asia pada tahun 1998.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pelaksanaan Sistem Insurans Deposit

merupakan satu langkah penting yang termaktub dalam pelan induk sektor kewangan untuk memastikan kekukuhan dan keutuhan sistem perbankan dan mempertingkatkan lagi rangka perlindungan pendeposit yang sedia ada. Sistem Insurans Deposit adalah penting kerana ia akan menggantikan jaminan penuh kerajaan ke atas deposit di institusi kewangan yang sedia ada.

Walau bagaimanapun tiada peruntukan dari segi undang-undang untuk kerajaan memberi jaminan deposit di dalam sistem berikutan krisis kewangan 1998, kerajaan telah memberi jaminan ke atas semua deposit yang disimpan di semua bank perdagangan, syarikat kewangan, bank Islam, bank saudagar termasuk bank luar pesisir yang ditubuhkan di Labuan. Sungguhpun jaminan ini berjaya memulihkan keyakinan orang ramai terhadap keutuhan sistem perbankan, jaminan ini tidak boleh dikekalkan memandangkan kos pembayaran balik deposit boleh menjejaskan kedudukan kewangan kerajaan.

Sistem Insurans Deposit akan memindahkan kos yang kini ditanggung oleh kerajaan kepada sektor perbankan. Tanggungjawab jaminan deposit akan diambil alih oleh satu pertubuhan perbadanan baru, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) atau *Malaysia Deposit Insurance Corporation* yang akan ditubuhkan untuk melaksanakan sistem insurans deposit di Malaysia.

Sebagai komponen jaringan keselamatan kewangan, sistem insurans deposit diwujudkan bagi meningkatkan lagi keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan negara melalui perlindungan eksplisit yang disediakan untuk pendeposit.

Pendeposit akan menikmati kepastian pembayaran kerana PIDM diwajibkan di bawah undang-undang untuk membuat pembayaran kepada pendeposit pada jumlah yang ditetapkan dan dalam jangka masa yang tersingkat. Ini dapat mengelakkan masalah sosial yang boleh timbul sekiranya berlaku penggulungan sesebuah institusi kewangan seperti masalah sosial yang berlaku pada tahun 1980-an apabila kerajaan terpaksa menyelamatkan 24 buah koperasi bermasalah dan pembayaran balik deposit kepada pendeposit mengambil masa dua hingga lima tahun.

Selain itu sistem insurans deposit dapat mengukuhkan rangka kerja pengawalseliaan dan daya tahan sistem kewangan negara dengan menggalakkan peningkatan standard amalan pengurusan risiko melalui rangka kerja premium yang berbeza berdasarkan profil risiko sesebuah institusi kewangan. Sistem insurans deposit akan juga digunakan untuk memulihkan bank yang telah diisytiharkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai berkemungkinan untuk menjadi tidak berdaya maju. Setakat ini kos pemulihan tersebut yang dianggarkan merangkumi 5% daripada keluaran negara kasar telah ditanggung oleh kerajaan. Di bawah sistem insurans deposit, kos ini akan dibiayai melalui premium yang dibayar oleh institusi kewangan.

Untuk makluman Dewan, Bank Negara Malaysia akan terus bertanggungjawab di bawah undang-undang sebagai pengawal selia utama sektor perbankan. Penubuhan PIDM bertujuan untuk menjadi pelengkap kepada peranan yang dipertanggungjawabkan kepada Bank Negara Malaysia dalam mengekalkan keyakinan pendeposit dan memulihkan institusi kewangan yang menjadi tidak berdaya maju. Sehubungan ini, Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 adalah digubal bagi menubuhkan PIDM dan memberi ia kuasa, fungsi dan tugas supaya dapat menjalankan

peranan dengan cekap dan berkesan melalui kuasa-kuasa yang diperuntukkan untuk membangunkan satu sistem insurans deposit yang berwibawa dalam mengekalkan kestabilan kewangan. Dalam hal ini, saya memohon keizinan Tuan Yang di-Pertua untuk membentangkan Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi lapan bahagian yang terdiri daripada 100 fasal. Secara terperinci, Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 memperuntukkan seperti berikut:

Bahagian I - rang undang-undang mengandungi dua fasal yang memperuntukkan tajuk ringkas, kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh kuat kuasa

peruntukan dan rang undang-undang melalui warta dan senarai takrif ungkapan tertentu yang digunakan dalam rang undang-undang.

Bahagian II - rang undang-undang terdiri daripada Fasal 3 hingga 28 yang memperuntukkan perkara yang berhubungan dengan penubuhan PI DM - Objektifnya, lembaga pengarahnya, ketua pegawai eksekutif, pegawai dan pekerja PI DM, tugas, fungsi serta kuasa lembaga dan PIDM.

PI DM dicadangkan untuk ditubuhkan sebagai satu pertubuhan perbadanan yang kekal, turun temurun dan mempunyai suatu meterai biasa dan meterai faksimili dan boleh menyaman dan disaman atas nama korporatnya. Ia mempunyai empat objektif iaitu:

- mentadbir suatu sistem insurans deposit;
- memperuntukkan insurans terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit suatu institusi anggota;
- memperuntukkan insentif untuk pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan; dan
- menggalakkan atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Dalam mencapai objektif bagi memperuntukkan perlindungan insurans ke atas pendeposit dan kestabilan sistem kewangan, PIDM akan bertindak dalam apa-apa cara bagi meminimumkan kos kepada sistem kewangan. Sebagai pertubuhan perbadanan, PIDM mempunyai kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa, pejabat, wakil, agen dan subsidiari bagi membantu pelaksanaan tugas, fungsi dan kuasanya. Bagi tadbir urus yang berkesan, Lembaga PI DM akan dianggotai seramai tujuh orang anggota yang terdiri daripada seorang pengerusi yang dilantik oleh Menteri, Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Gabenor Bank Negara Malaysia selaku anggota-anggota *ex-officio*, seorang pengarah yang mewakili sektor awam dan tidak lebih tiga pengarah lain yang dilantik oleh Menteri Kewangan yang hendaklah mempunyai pengalaman dalam sektor swasta berkaitan dan sekurang-kurangnya seorang daripada mereka hendaklah mempunyai pengalaman dalam sektor perbankan dan kewangan berkaitan.

Lembaga pengarah akan bertanggungjawab ke atas perjalanan urusan hal ehwal PIDM. Pentadbiran urusan dan hal ehwal harian PIDM akan dijalankan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PIDM yang dilantik oleh Menteri atas syor lembaga dan disokong oleh pegawai atau pekerja yang dilantik oleh PIDM. Sebagai pertubuhan perbadanan, PIDM akan diberi kuasa untuk menguruskan sendiri pegawai dan pekerjanya, menubuh dan menyenggara satu kumpulan wang pencen atau simpanan bagi mereka daripada wang perbadanan dan boleh memberi pembiayaan kewangan kepada mereka dan mana-mana orang lain.

Oleh kerana urusan PIDM melibatkan institusi kewangan, Menteri atau PIDM dilarang daripada menyiasat secara khusus ke dalam hal ehwal mana-mana pelanggan sesuatu institusi anggota. Selanjutnya pengarah, pegawai dan pekerja PIDM dilarang untuk mendedahkan maklumat yang berkaitan dengan hal ehwal PIDM, Bank Negara Malaysia, suatu institusi anggota atau seorang pelanggan Bank Negara Malaysia kecuali dalam keadaan yang dibenarkan oleh rang undang-undang. Bagi membolehkan PIDM bagi mencapai objektifnya secara berkesan, PIDM diberi kuasa untuk memperoleh aset pinjaman tidak berbayar (NPL) daripada institusi anggota tertakluk kepada syarat ia bertujuan untuk mengurangkan atau mengelakkan risiko kepada sistem kewangan atau suatu kerugian terancam kepada PIDM.

Kuasa sedemikian telah diberikan kepada Pengurusan Dana Harta Nasional Berhad bagi mengekalkan kestabilan sistem kewangan semasa krisis kewangan 1998. Kuasa ini membolehkan PIDM memberi bantuan kepada institusi anggota yang menghadapi masalah kecairan sementara atau meminjam dan meningkatkan kumpulan wang mereka mengikut apa-apa cara sebagaimana yang PIDM fikirkan patut. Pemerolehan atau pelupusan aset institusi anggota akan dibuat melalui *statutory* peletakhakan yang diperuntukkan secara terperinci dalam Jadual Kedua Akta Undang-

undang Am. PIDM juga berkuasa untuk melantik *conservator* bagi mentadbir aset perniagaan dan hal ehwal orang terjejas. Antaranya peminjam daripada institusi anggota dan kuasa, tugas dan fungsi *conservator* ini diperuntukkan dengan terperinci dalam Jadual Ketiga rang undang-undang. Kegagalan *conservator* dalam menjalankan tugas yang diperuntukkan merupakan satu kesalahan di bawah rang undang-undang. Harta yang diperolehi oleh PI DM daripada institusi anggota boleh dilupuskan melalui *treaty* persendirian yang dijelaskan dalam Jadual Keempat.

Bahagian III - terdiri daripada Fasal 29 hingga 35 yang memperuntukkan hal kewangan PI DM iaitu penyelenggaraan dan pentadbiran kumpulan wang berprinsipkan Islam dan kumpulan wang konvensional bagi premium yang dipungut dan sebarang sumber kewangan lain yang diterima berkaitan dengan deposit Islam atau konvensional. Bahagian ini juga memperuntukkan perkara mengenai pinjaman wang daripada Menteri, daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan Persekutuan sekiranya PI DM mengalami masalah kewangan berikutan pelaksanaan fungsinya dan bentuk pelaburan yang boleh dibuat oleh PIDM. Peruntukan lain adalah mengenai tahun kewangan PIDM, pemakaian akta badan berkanun, akaun dan laporan tahunan 1980 ke atas PIDM. Akaun PIDM akan diaudit oleh Juruaudit Negara dan Laporan Tahunan PIDM untuk dikemukakan kepada Menteri yang seterusnya perlu dibentangkan di hadapan Dewan Negara dan Dewan Rakyat untuk makluman awam.

Bahagian IV - terdiri daripada Fasal 36 hingga 66. Secara am, ia memperuntukkan hal mengenai jenis deposit yang layak dilindungi di bawah rang undang-undang. Keanggotaan dalam sistem insurans deposit, pembatalan keanggotaan dan tatacara pembatalan, kesan pembatalan ataupun penamatan keanggotaan, penaksiran premium pertama dan tahunan dan perkara yang berkaitan dengan pungutan dan pengenaan premium.

Deposit yang diberi perlindungan ialah deposit semasa, deposit tetap, deposit tabungan serta instrumen bayaran seperti cek dan draf bank serta instrumen pembayaran yang seumpama untuk tujuan mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap sistem pembayaran di negara ini.

Antara jenis deposit yang tidak layak diberi perlindungan ialah deposit yang tidak boleh dibayar di Malaysia, deposit dalam mata wang asing, deposit pasaran kewangan, *money market placement*, deposit surat cara boleh niaga, *negotiable instrument of deposits* dan deposit pembawa lain, ada *bearer deposits* dan juga perjanjian beli balik (*repurchase agreement*). Perlindungan insurans tidak diberikan untuk deposit tersebut kerana produk-produk itu tidak merupakan produk runcit, tambahan pula amaun deposit tersebut terlalu kecil berbanding jumlah keseluruhan deposit.

Kesemua bank perdagangan dan syarikat kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 dan Bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 secara automatik akan disifatkan sebagai anggota sistem insurans deposit yang ditadbir oleh PIDM bermula dari tarikh Rang Undang-undang dikuatkuasakan.

Jika bank perdagangan, syarikat kewangan atau bank Islam diberi lesen selepas Rang Undang-undang berkuat kuasa, ia akan disifatkan sebagai institusi anggota bermula daripada tarikh lesen dikeluarkan kepadanya.

Sepanjang tempoh keanggotaan, setiap institusi anggota dikehendaki untuk mematuhi terma dan syarat-syarat keanggotaan yang akan diperuntukkan melalui peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh PIDM, keanggotaan dalam PIDM boleh dibatalkan atau ditamatkan.

Pembatalan keanggotaan tidak mempunyai proses rayuan, manakala penamatan keanggotaan melibatkan proses yang memberi peluang kepada institusi anggota untuk membuat *representation* dalam tempoh lima hari dan dari tarikh notis yang diberikan kepada mereka.

Adalah diperuntukkan jika Menteri tidak memaklumkan keputusannya kepada Lembaga PI DM berhubung dengan keputusan Lembaga PI DM untuk menamatkan keanggotaan institusi anggota dalam tempoh masa 15 hari, Menteri akan disifatkan

sebagai telah membenarkan PIDM menamatkan keanggotaan institusi itu.

Sesuai institusi anggota yang tamat keanggotaannya tidak dibenarkan untuk memakai atau menggunakan perkataan insurans deposit atau apa-apa terbitan daripada perkataan tersebut dalam apa-apa bahasa yang boleh ditafsirkan bahawa institusi itu adalah suatu institusi anggota.

Untuk kepentingan pendeposit, bekas institusi anggota dikehendaki memaklumkan kepada semua pendepositnya secara bertulis bahawa deposit yang masih tertunggak dengan institusi itu adalah terus diinsuranskan bagi baki tahun tafsiran dari tarikh kuat kuasa pembatalan atau penamatan itu, melainkan jika deposit itu telah dikeluarkan kesemuanya atau telah mencapai kematangannya mengikut mana-mana yang lebih awal.

Bagi institusi anggota yang menyerah balik lesennya, institusi itu dikehendaki untuk memberitahu pendepositnya mengenai pembatalan keanggotaannya itu mengikut cara yang akan ditetapkan oleh perbadanan.

PIDM diberi kuasa untuk mentaksir dan memungut premium pertama dan premium tahunan daripada institusi anggota. Premium pertama yang akan dipungut adalah sebanyak RM250,000 atau suatu kadar yang ditetapkan oleh perbadanan dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu oleh Menteri mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Kadar premium tahunan maksimum yang boleh dikenakan oleh PIDN adalah sebanyak 0.5% bagi deposit Islam dan deposit konvensional diinsuranskan masing-masing atau mana-mana kadar yang lebih rendah dengan persetujuan Menteri Kewangan tertakluk kepada premium minimum sebanyak RM250,000 setahun bagi setiap institusi anggota.

Tiada penolakan boleh dibuat ke atas mana-mana bayaran premium atau institusi anggota. Jika institusi anggota gagal menepati atau mematuhi sebarang peraturan atau arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau PIDM surcharge premium, premium surcaj boleh dikenakan ke atas institusi anggota itu dengan kebenaran bertulis daripada Menteri terlebih dahulu. Walau apa pun surcaj premium ini hendaklah tidak melebihi 0.5% setahun daripada jumlah deposit diinsuranskan. Bagi institusi anggota yang lewat membayar premium dan surcaj premium, caj lampau tempoh akan dikenakan.

Perlindungan berasingan akan dikenakan ke atas deposit Islam dan deposit konvensional sehingga jumlah maksimum RM60,000 termasuk wang pokok dan pulangan faedah untuk setiap pendeposit Islam dan konvensional dalam setiap institusi anggota. Kedua-dua jenis deposit ini diberi perlindungan berasingan dengan tujuan mengelakkan persaingan antara kedua-dua jenis deposit Islam dan konvensional.

Dengan ini pendeposit tidak perlu memindahkan depositnya daripada deposit Islam kepada deposit konvensional atau sebaliknya semata-mata untuk meningkat perlindungan insurans mereka. Selanjutnya perlindungan berasingan turut diberi kepada pendeposit yang mempunyai simpanan berasingan bagi akaun berikut iaitu akaun bank bagi pihak diri sendiri, akaun bersama, akaun amanah, akaun pemilik tunggal dan akaun perkongsian.

Pendeposit yang institusi anggotanya bergabung dengan suatu atau lebih institusi anggota yang lain akan diberi perlindungan atau depositnya untuk terus diinsuranskan selama dua tahun selepas tarikh penggabungan atau sehingga deposit matang atau tarikh pengeluaran deposit mengikut mana-mana yang terdahulu. Bagi institusi anggota yang bercadang untuk bergabung dengan institusi bukan anggota dikehendaki untuk mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada sekurang-kurangnya 75% daripada semua pendeposit atau wakil persendirian mereka untuk memindahkan depositnya kepada institusi bukan anggota.

Bagi kepentingan pendeposit yang terlibat, perlindungan insurans selepas penggabungan akan diteruskan untuk baki tahun taksiran itu atau sehingga deposit matang atau tarikh pengeluaran deposit mengikut mana-mana yang terdahulu.

Sekiranya bayaran dibuat oleh PI DM kepada pendeposit bayaran bagi deposit Islam akan dibuat daripada kumpulan wang Islam manakala bayaran bagi deposit konvensional akan dibuat daripada kumpulan wang konvensional. Selanjutnya bahagian ini memperuntukkan keadaan apabila PI DM wajib atau mempunyai kuasa budi bicara dalam membuat bayaran kepada pendeposit dan cara pembayaran dikira dan dibuat.

Sebarang tuntutan oleh pendeposit kepada PI DM hanya akan dianggap sah jika dibuat dalam tempoh sepuluh tahun selepas tarikh mula berkuat kuasanya penggulungan institusi anggota itu.

Bahagian V, mengandungi Fasal 67 hingga 69 yang memperuntukkan kuasa pemeriksaan terhadap institusi anggota oleh Bank Negara Malaysia atau PI DM. Kuasa ini perlu bagi memantau kedudukan kewangan institusi anggota supaya berkeadaan stabil dan berdaya maju. Bank Negara Malaysia dan PIDM akan saling bekerjasama dalam hubungan pertukaran maklumat dan bantuan logistik. Apabila PIDM menghendakinya dalam memeriksa kedudukan kewangan dan urusan institusi anggota ini bagi membolehkan PIDM mengambil langkah awal ke atas institusi anggota yang bermasalah dalam usaha melindungi kepentingan pendeposit.

Bahagian VI, terdiri daripada Fasal 70 hingga 83 yang memperuntukkan kuasa bagi PIDM untuk bertindak ke atas institusi anggota yang bermasalah apabila dimaklumkan oleh Bank Negara Malaysia bahawa mana-mana institusi anggota telah terhenti atau berkemungkinan untuk terhenti menjadi berdaya maju. Apabila PIDM menerima pemberitahuan tersebut dia boleh menurut budi bicaranya menghendaki institusi anggota itu mengambil atau tidak melakukan apa-apa tindakan atau perkara yang berhubungan dengan dirinya, perniagaannya atau pegawainya dalam masa sebagaimana perbadanan rasakan perlu atau sesuai manfaat berhenti daripada menerima, mengambil, menyetujui terima atau membayar deposit atau daripada menjalankan perniagaannya secara keseluruhan atau sebahagiannya meminta institusi anggota itu menyusun semula keseluruhan atau sebahagiannya daripada perniagaannya sebagaimana yang ditentukan oleh PIDM.

Memperoleh syer institusi anggota itu daripada pemegang sahamnya sedia ada atau melanggan syer yang dikeluarkan oleh institusi anggota itu menurut dokumen *constituent* institusi anggota itu. Mengambil alih kawalan keseluruhan aset, liabiliti perniagaan dan hal ehwal institusi anggota itu dan menjalankan kesemua perniagaan dan mengurus segala aset liabiliti dan hal ehwalnya dan boleh melantik mana-mana orang untuk berbuat demikian bagi pihak PIDM, memohon kepada mahkamah tinggi untuk melantik seorang penerima, pengurus atau penerima dan pengurus untuk mengurus kesemua atau sebahagian aset perniagaan dan hal ehwal institusi anggota itu atau tertakluk kepada kebenaran Menteri mengemukakan suatu petisyen kepada mahkamah tinggi bagi menggulungan institusi anggota itu.

Perlaksanaan kuasa ke atas institusi anggota hendaklah diselesaikan dalam tempoh tidak melebihi 5 tahun dari tarikh PIDM atau orang yang dilantik mengambil alih kawalan institusi anggota itu. Bagi melindungi pemegang saham yang terjejas dengan tindakan PIDM atau orang yang dilantiknya jawatan pentaksir, *assessor committee* boleh ditubuhkan. Pemegang saham yang layak hendaklah terdiri daripada mereka yang memegang secara agregat sekurang-kurangnya 5 peratus daripada modal dikeluarkan dan membayar institusi anggota terlibat. Apa-apa keputusan jawatankuasa pentaksir adalah muktamad dan mengikat. Selain itu PI DM atau mana-mana orang yang dilantiknya diberi kuasa untuk mengurangkan modal syer institusi anggota yang diambil alih dan untuk membatalkan syer institusi anggota itu dengan membuat sesuatu permohonan kepada mahkamah tinggi.

Bagi memastikan kuasa PI DM ke atas institusi anggota berkenaan berjalan dengan licin, beberapa peruntukan diadakan seperti penangguhan *proceeding* sedia ada ke atas institusi anggota terlibat bermula dari tarikh pengambilalihan institusi anggota oleh PI DM atau oleh orang yang dilantiknya perlanjutan masa tindakan diberi kepada orang-orang yang terjejas dengan perlakuan kuasa PI DM, penangguhan penguatkuasaan apa-apa perjanjian yang dibuat oleh institusi anggota sebelum pengambilalihan kawalan. Penerusan perjanjian mengenai perbekalan dan pendahuluan lanjutan,

perjanjian kewangan dan transaksi yang tidak boleh ditamatkan oleh PIDM. Apabila sesuatu institusi anggota digulung, pendeposit akan dibayar mendahului daripada segala liabiliti tidak bercanggah lain menurut keadaan yang diperuntukkan bagi deposit Islam dan deposit konvensional.

Selanjutnya, Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 dan Akta Bank Islam 1983 mengatasi rang undang-undang ini jika berlaku sesuatu percanggahan atau ketidakselarasan di antara peruntukan akta-akta itu dengan rang undang-undang. Bahagian VII, mengandungi Fasal 84 hingga 93 yang memperuntukkan kesalahan dan penalti am di bawah rang undang-undang. Adalah menjadi kesalahan bagi mana-mana orang untuk mengemukakan dirinya sebagai suatu institusi anggota membuat kenyataan palsu atau tidak memberi maklumat yang dikehendaki oleh PIDM. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan atau bukan perbadanan juga dilanjutkan kepada pengarah, pegawai, pekerja dan pengawalnya dan lain-lain.

PIDM dengan persetujuan pendakwa raya boleh mengenakan kompaun atas kesalahan yang dilakukan di bawah rang undang-undang dengan membuat tawaran kepada si dituduh supaya membayar sejumlah wang yang tidak melebihi 50 peratus daripada denda maksimum yang diperuntukkan dalam rang undang-undang. Jika sabit kesalahan semua bayaran denda yang diterima oleh PIDM akan dibayar kepada

Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan. Selain itu, PIDM boleh memohon kepada mahkamah supaya mengeluarkan perintah kepada orang yang disabitkan untuk membetulkan pelanggaran-pelanggarannya bawah rang undang-undang. Mengenakan hukuman kewangan tambahan atau memohon kepada mahkamah tinggi bagi suatu perintah pematuhan atau penyekatan terhadap seseorang.

Bahagian VIII, mengandungi Fasal 94 sehingga 100 yang memperuntukkan perkara pelbagai seperti PIDM boleh meminta institusi anggota atau mana-mana perbadanan yang berkaitan dengannya untuk mengemukakan maklumat walaupun terdapat peruntukan kerahsiaan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan Akta Bank Islam 1983. Walau bagaimanapun, maklumat mengenai pelanggan adalah sulit dan tidak boleh didedahkan kepada pihak ketiga. Bank Negara Malaysia diberi hak untuk mendapatkan maklumat yang didapati oleh atau dikemukakan kepada PIDM berkenaan dengan urusan dan hal ehwal institusi anggota atau mana-mana *subsidiary* nya atau gabungannya yang berkaitan dengan keselamatan dan kukuh atau pengendalian institusi anggota-anggota.

Peruntukan *immunity* dibuat bagi Kerajaan Malaysia atau kerajaan negeri, Menteri, PIDM, Bank Negara Malaysia dan orang-orang yang disebutkan dalam fasal ini dalam menjalankan tindakan atau pembuatan pernyataan di bawah rang undang-undang dengan syarat bahawa tindakan atau pembuatan itu dilakukan atau dibuat dengan suci hati. Selain itu, Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 terpakai kepada PIDM manakala Akta Peminjam Wang 1951 tidak akan terpakai ke atas PIDM. Seterusnya, PIDM dengan kebenaran Menteri diberi kuasa untuk membuat peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perintah, undang-undang kecil, arahan, garis panduan, pekeliling atau nota sebagaimana yang perlu atau sesuai manfaat bagi maksud rang undang-undang ini.

Terdapat 4 jadual digubal dalam rang undang-undang.

Jadual Pertama menggariskan tatacara penubuhan dan urusan perjalanan Jawatankuasa Pentaksir dan panel yang dipilih untuk menganggotainya. Jawatankuasa Pentaksir terdiri daripada 3 orang yang dipilih daripada satu panel mengandungi seramai 10 orang yang dilantik oleh Menteri atas syor PIDM.

Jadual Kedua memperuntukkan hal berkaitan dengan hal perletakhakkan *statutory* pengeluaran perakuan perletakhakkan oleh PIDM dan kesannya ke atas aset institusi anggota apabila hendak didaftarkan oleh pendaftar tanah, pendaftar mahkamah, pendaftar syarikat, pendaftar kapal Malaysia, depositori pusat, ejen depositori yang diberi kuasa atau mana-mana orang yang menyelenggarakan suatu daftar atau rekod pemilikan kepentingan atau sekuriti sesuatu aset.

Jadual Ketiga, memperuntukkan kuasa PIDM untuk melantik *conservator* bagi mentadbir aset perniagaan dan hal ehwal orang terjejas dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Selanjutnya Jadual Keempat menerangkan cara pemulihan atau pelupusan harta yang diperolehi oleh PIDM atau pemeroleh daripada institusi anggota untuk dilupuskan melalui triti persendirian.

Dalam hal ini, sekiranya PIDM subsidiarinya atau pemeroleh membeli semua aset institusi anggota untuk melindungi kepentingan pendeposit, mereka tidak perlu membayar deposit dan berhak untuk menolak harga belia terhadap tanggungan yang terhutang kepada mereka. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini memohon supaya Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 seperti yang dijelaskan sebentar tadi diluluskan oleh Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat ada yang menyokong?

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ada satu usul daripada Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 yang tertera di nombor 2 serta usul-usul di nombor 5 hingga 11 yang dijadualkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dibahas dan diputuskan. Selepas Ucapan Penangguhan, Majlis Mesyuarat akan ditangguh sehingga satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputus; dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, berbalik kepada Rang Undang-undang masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang yang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi menubuhkan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia bagi mentadbir Sistem Insurans Deposit di bawah akta ini dan bagi perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

3.53ptg

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum permulaan perbahasan Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia,

saya mahu menggunakan peluang ini untuk mengucapkan takziah kepada pemergian seorang pejuang keadilan dan kebebasan yang ada berkhidmat selama lima *terms* sebagai Ahli Parlimen, V. David dan ucap takziah kepada keluarganya, kepada janda Sivapakiam, anak dia Norman oleh kerana beliau seorang yang sudah berkhidmat 25 tahun dalam Dewan yang mulia ini. Kali yang pertama ialah pada tahun 1959 sebagai Ahli Parlimen Bangsar; kali yang kedua ialah sebagai Ahli Parlimen Dato' Keramat 1969-1974; ketiga sebagai Ahli Parlimen Damansara tahun 1978-1982; keempat ialah sebagai Ahli Parlimen Puchong. Terma keempat dan kelima ialah daripada tahun 1986-1995. Sebenarnya Dewan yang mulia ini patut pun merakamkan takziah kepada seorang yang begitu lama dalam Dewan ini dan kita lihat semalam bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba pun ada memberi penghormatan yang terakhir dan beliau ada menyifatkan mendiang V. David sebagai seorang dengan izin, "*I liked him although he was an opposition MP. He was a good man, we need people like him.*"

Saya rasa dalam saat-saat macam ini kita masa yang sangat sesuai untuk kita semua untuk menyampaikan takziah oleh kerana beliau bukan sahaja ada berkhidmat dalam bidang Parlimen, tetapi juga dalam Pergerakan Kesatuan Sekerja menjadi Setiausaha Agong MTUC selama 14 tahun, juga ada memberi perkhidmatan dalam pendidikan untuk pekerja-pekerja khasnya dengan penubuhan *Workers' Institute Of Technology* dan juga dalam masa perkhidmatan separuh abad, lebih daripada 50 tahun, dia juga ada mengalami *ups and downs*, tiga kali ditahan di bawah *Internal Security Act*, kali yang terakhir bersama-sama dengan saya dan Yang Berhormat bagi Kepong di Kemuning di mana beliau, masa itu sungguhpun sakit, tetapi tidak patah semangat beliau. Saya harap bahawa akhirnya esok apabila Kabinet bermesyuarat saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kabinet boleh buat keputusan untuk memberi bukan sahaja menunjukkan penghormatan terakhir, tetapi untuk memperingatkan perkhidmatan beliau, pengorbanan beliau kepada negara tidak kira. Sungguhpun dia tidak pernah tinggal pembangkang, tetapi ada perkhidmatan kepada negara, kepada rakyat separuh abad dan perlulah ada cara yang wajar, yang elok untuk memperingatkan perkhidmatan beliau. Harap bahawa Kabinet esok pun boleh buat, cara untuk *commemorate services* beliau sebagai tokoh rakyat Malaysia, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, perbahasan. Yang Berhormat bagi Permatang Pauh.

3.57 ptg

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberikan saya peluang membahas Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit 2005 ini. Tuan Yang di-Pertua, selepas penubuhan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, berikutan krisis kewangan 1997, Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 merupakan satu lagi cadangan memberi kuasa mutlak dan *immunity* undang-undang kepada satu perbadanan yang ditubuhkan oleh kerajaan kononnya untuk memberi perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit di Institusi Perbankan dan Institusi Kewangan. Demikian maksud perenggan 4(1)(b) objektif Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005.

Walaupun perenggan 4(1)(d) menyelitkan objektif penubuhan perbadanan sebagai usaha untuk menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan, keraguan tetap timbul, apakah yang dibimbangkan oleh kerajaan sehingga terpaksa mewujudkan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005. Saya ingin tahu kenapa deposit yang disimpankan perlu diinsuranskan. Bukankah di dalam sistem ekonomi berasaskan pasaran modal, sistem perbankan yang kukuh dan selamat menjadi prasyarat. Kawalan oleh Bank Negara Malaysia ke atas Institusi Kewangan melalui Akta Bank dan institusi-institusi kewangan 1989 dan Akta Bank Islam 83 sepatutnya mencukupi untuk memastikan deposit yang disimpan di bank selamat dan memberi pulangan kepada pendeposit. Rakyat digalakkan untuk menabung di bank dan tidak di bawah bantal di rumah. Simpan di bawah bantal dikira tidak selamat kerana takut rumah dimasuki pencuri. Tetapi, melalui rang undang-undang ini, terbongkar rahsia, bahawa simpanan di bank juga tidak selamat perlu diinsuranskan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan perbahasan dengan menyentuh empat persoalan.

- (i) apa perlunya akta ini?
- (ii) kuasa melampau dan infiniti yang diberikan kepada perbadanan melalui akta ini;
- (iii) kos kepada pendeposit;
- (iv) kesan "*capital flight*" dengan izin, daripada pelaksanaan skim insurans deposit ini.

Apakah perlunya akta ini? Di Dalam usaha kerajaan untuk membolehkan ekonomi negara dan menambah keyakinan pelabur. Cadangan akta ini merupakan petanda jelas bahawa kerajaan mengetahui ada amalan yang tidak sihat di dalam sistem perbankan kita sehingga menyebabkan sebahagian atau kesemua deposit di institusi perbankan dikuatiri akan hilang. Rakyat ingin mengetahui bagaimana ini akan berlaku? Apa puncanya? Berapakah anggaran jumlah kehilangan dan manakah institusi kewangan yang terlibat? Melalui cadangan akta ini, kerajaan seolah-olah sudah mengetahui satu *financial Tsunami*, dengan izin, akan melanda negara kita. Kalau tidak, apa perlunya ditubuhkan perbadanan untuk mengatasi kehilangan deposit di bank dan kenapa deposit di bank perlu diinsuranskan?

Fenomena ini samalah dengan langkah seseorang yang mengetahui kemusnahan besar akan berlaku terhadap hartanya dan dia mengambil lindungan insurans yang besar untuk menampung kerugiannya. Saya berharap Menteri Kewangan akan berkongsi dengan kita, kebimbangannya. Sekiranya Yang Amat Berhormat menafikannya, kami mempersoalkan cadangan akta ini yang merupakan langkah *retrogressive*, dengan izin di dalam pengurusan sistem kewangan negara.

Sepatutnya, sistem kewangan dan perbankan terus melalui proses *deregulation*, dengan izin, untuk menarik modal dan deposit dari luar negara. Bayaran premium bagi insurans deposit akan menambah kos kepada pendeposit. Bukan sahaja modal luar tidak akan masuk ke dalam negara, bahkan kemungkinan besar deposit dalam negara akan mengalir keluar ke pasaran yang kurang kereh birokrasi dan memberi pulangan yang tinggi. Tuan Yang di-Pertua, mengikut penganalisis pelaburan...

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Minta penjelasan sedikit. Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, bolehkah tidak?

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Saya ada panjang hendak cakap.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Panjang hendak cakap?

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Minta maaf. Mengikut penganalisis pelaburan, bagi tahun 2006, hutang tidak berbayar akan meningkat di sektor perbankan dan sektor korporat pula akan melaporkan keuntungan yang berkurangan. Ini berlaku kerana iklim ekonomi yang lembap di kebanyakan sektor kecuali sektor minyak dan gas. Ketidakupayaan kerajaan menampung kelembapan ekonomi dan *slack* dengan izin, yang berpunca dari kelemahan sektor swasta memburukkan lagi keadaan.

Saya bersimpati terhadap Menteri Kewangan hari ini yang terpaksa memikul beban peninggalan dari Menteri Kewangan sebelumnya. Defisit enam tahun berturut-turut, tambahan ringgit yang sudah melampaui masa, rasuah yang sudah berinstitusi dan kos pengurusan aset negara yang tinggi, tidak memberi banyak pilihan kepada Menteri Kewangan selain tunduk kepada tekanan dan beban kewangan.

Menteri Kewangan tidak cukup modal dan senjata untuk mengambil *counter-cyclical measures*, dengan izin untuk mengimbangi putaran ekonomi yang lembap. Saya mencadangkan supaya Menteri Kewangan lebih *imaginative*, dengan izin di dalam mencari peluang untuk merangsang ekonomi negara. Banyak sudah diperkatakan tentang galakan kepada usahawan kecil dan sederhana, *small and medium enterprises*,

tetapi komitmen agensi kerajaan dan pihak perbankan belum jelas. Suntikan projek RM2 bilion tidak cukup untuk memenuhi keperluan kontraktor Kelas 'F' seramai 56,000 orang. Harus diingat bagi setiap kontraktor berdaftar, ada lima lagi kontraktor yang tidak berdaftar yang mencari peluang di sektor swasta atau menjadi subkontraktor kepada kontraktor yang berdaftar.

Kerajaan telah pernah dua kali memperkenalkan pakej rangsangan ekonomi sebanyak RM7 bilion. Kedua-duanya bagaikan mencurahkan air di daun keladi. Tiada pemulihan yang berlaku. Mana ada syarikat atau usahawan yang mempunyai simpanan deposit di institusi kewangan? Semuanya berhutang. Mencagarkan semua harta yang ada termasuk rumah peribadi. Gagal membayar insurans ansuran kereta dan rumah, terpaksa meminjam daripada Along dan hidup dalam keadaan resah. Hari ini, golongan peniaga, profesional dan usahawan memang mengalami kesukaran yang teruk untuk melangsungkan perniagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selain golongan kontraktor, mari kita jenguk sebentar kepada nasib golongan profesional seperti jurutera, arkitek, juruukur, juruukur bahan dan peguam. Hari ini, ramai yang mufis dan hampir mufis. Bilangan mereka bukan sedikit. Pada suatu ketika, mereka inilah yang merupakan harapan negara dan harapan keluarga masing-masing. Mereka membuka syarikat perundingan dan guaman. Mereka menggaji bilangan peniaga yang ramai. Hari ini, mereka merupakan *silent majority* dengan izin yang menderita. Gaji kakitangan tidak berbayar. Segala aset sudah dicagarkan. Sebagai profesional, mereka masih lagi mampu melemparkan senyuman, walaupun pada hakikatnya hidup penuh menderita. Mereka atau syarikat mereka tidak menyimpan sebarang deposit di bank. Akta ini tidak relevan bagi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya *Government-Linked Companies* (GLC) digalakkan untuk membina dan meluaskan sistem vendor dan sistem payung dengan SME ini. Di samping itu, penubuhan bank untuk menyokong SME ini perlu disegerakan dengan menggunakan kriteria pinjaman yang sesuai untuk menyokong kejayaan SME. Cadangan syarikat jaminan *Credit Guarantee Corporation* untuk menjamin pinjaman SME ini secara lebih meluas dan mudah adalah satu pendekatan yang bijak. Kejayaan SME merupakan jaminan jangka panjang bagi kestabilan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sepatutnya mengatasi kebimbangan *tsunami* kewangan dengan dasar yang lebih *imaginative* dan memfokuskan kepada golongan sasaran tertentu. Langkah menggalakkan GLC membimbing syarikat SME sama ada di pasaran dalam negara ataupun di pasaran luar negara perlu disegerakan. Bukankah Menteri Kewangan sudah sebut bahawa tidak ada lagi sekolah, hospital dan jalan raya yang hendak dibina di dalam negara ini lagi. Semua sudah buat. Kerajaan sudah buat dan sudah, bertanggungjawab. Tetapi, sekolah dan hospital yang dibina pun tidak dapat digunakan setengah tempat itu dan sudah berkulat. Ada juga dengar sudah berkulat.

Tuan Yang di-Pertua, program mengeksport perkhidmatan profesional sama ada kejuruteraan, guaman atau kewangan perlu digalakkan. Ini boleh dilakukan dengan inisiatif syarikat GLC. Jangan pula syarikat GLC memperlekehkan profesional tempatan. Trend syarikat GLC melantik pengurusan asing atau perunding asing bagi setiap urusan perniagaannya harus ditimbang semula. Profesional tempatan boleh berjaya kalau diberikan peluang.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini sistem perbankan hanya berminat untuk membiayai perbelanjaan melalui kad kredit, pembelian kenderaan dan pembelian rumah. Pegawai bank mengelak membiayai bidang pembinaan dan perusahaan kerana risikonya tinggi. Terdapat kes pihak bank enggan membiayai kontrak kerja daripada kerajaan kerana bimbang tidak dibayar atau terlewat bayar. Walaupun Kementerian Kewangan menetapkan bayaran dibuat dalam tempoh 30 hari selepas kerja disahkan siap, namun di beberapa kementerian dan Pihak Berkuasa Tempatan, bayaran dari 8 sehingga 12 bulan sudah menjadi perkara biasa. Ada kalanya *contractual disputes*, dengan izin, sengaja dibiarkan berlarutan kerana pihak kerajaan tidak cukup wang.

Selagi ada *disputes* maka selama itu kerajaan tidak bertanggungjawab untuk membayar. Saya memohon perkara ini disiasat kerana ramai pembekal dan kontraktor

kerajaan dizalimi dengan cara yang sedemikian. In jugalah puncanya pihak bank mengelak dari membiayai kontrak kerja dan bekalan kerajaan. Sudah sampai masanya Bank Negara mengkaji pinjaman berlebihan bagi kad kredit. Hari ini bank telah memperkenalkan pelbagai produk kad kredit untuk mencuri pelanggan dari syarikat kad kredit yang lain. Ada bank yang menawarkan faedah 0% sekiranya pelanggan sanggup memindahkan baki kredit daripada akaun kad kredit yang lain. Ada pula bank yang menawarkan *cash advance*, dengan izin dengan faedah lebih rendah sehingga had maksimum kad kredit. Memang betul pelanggan jimat bayaran faedah dan mempunyai lebih tunai untuk berbelanja tetapi pada jangka panjang rakyat semakin bergantung kepada kredit dan hutang. Akibat gagal membayar hutang harta akan tergadai dan diisytiharkan muflis. Kadar muflis di kalangan mereka yang berusia 30-an di negara kita Malaysia Boleh telah meningkat akibat kemudahan kredit yang tidak terbatas.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mencadangkan beberapa langkah yang boleh dibuat oleh kerajaan dan Bank Negara Malaysia bagi menghadapi *tsunami* kewangan. Langkah-langkah menggalakkan pertumbuhan SME, mengeksportkan perkhidmatan profesional, sokongan pembiayaan industri dan perdagangan dan kawalan kredit pengguna mampu memulihkan ekonomi yang lembap dan mengelak sistem perbankan menghadapi risiko kehilangan deposit. Apabila ekonomi subur dan meyakinkan sistem perbankan mampu menjalankan fungsi-fungsi menyediakan modal secukup dan tidak perlu bimbang berlakunya kehilangan deposit.

Tuan Yang di-Pertua, pada permulaan tadi saya telah mengatakan bahawa selepas penubuhan dana harta, penubuhan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 ini merupakan satu usaha memberikan kuasa mutlak dan imuniti undang-undang kepada perbadanan yang diambil oleh kerajaan. Terdapat banyak persamaan di antara kuasa-kuasa perbadanan dan kuasa dana harta khususnya ialah peruntukan-peruntukan daripada perenggan 71 hingga perenggan 76 yang memberi kuasa-kuasa mutlak berikutnya kepada perbadanan 17.1 yang satunya mengambil alih kawalan keseluruhan aset liabiliti dan urusan institusi anggota 71 (c) mengarahkan institusi anggota berhenti menerima atau membayar deposit 71 (1)(a) 2(ii).

Memohon kepada mahkamah tinggi untuk melantik penerima atau pengurus 71 (1)(d) mengemukakan petisyen bagi menggulung institusi anggota. 71 (1)(e) perbadanan tidak perlu mendapatkan kelulusan pemegang syer atau pemiutang dalam mesyuarat agong bagi apa-apa tindakan yang mahu dibuat melalui akta ini 71 (2)(a) kuasa mengurangkan modal syer dan membatalkan syer institusi anggota 75 (1). Tiada injunksi boleh dibenarkan dan tiada tindakan atau prosiding guaman boleh diambil ke atas perbadanan apabila ia mengambil alih kawalan anggota. 7b (1)(a) perbadanan dilindungi imuniti dari tindakan guaman dan prosiding mahkamah di dalam melaksanakan tanggungjawab di bawah akta ini 98 (1)(c)

Tuan Yang di-Pertua, jelas kerajaan mahu perbadanan kebal dari sebarang tindakan undang-undang dan perbadanan mempunyai *unimpeded powers* untuk mengambil alih kawalan institusi anggota. Perbadanan juga mempunyai kuasa melantik penerima dan pengurus dan boleh mengemukakan petisyen menggulung institusi anggota. Perbadanan mempunyai imuniti undang-undang. Perbadanan yang dilengkapi dengan kuasa-kuasa mutlak sedemikian semestinya ditubuhkan untuk menghadapi suatu darurat yang bakal melanda. Memahami maksud inilah dan jauh sekali dari mahu menakutkan saya katakan bahawa akta ini di bentang untuk menghadapi tsunami kewangan yang hanya kerajaan sahaja yang tahu.

Tuan Yang di-Pertua, tidak syak lagi pengenalan insurans deposit akan menambah kepada pendeposit institusi kewangan. Hari ini kadar deposit memang rendah sekadar 3% dengan penempatan kadar premium tahunan sehingga 0.5% pulangan bagi pendeposit akan berkurangan kepada 2.5%. Bagaimana pula keadaan apabila premium tahunan sudah dibayar dan atas keperluan cairan deposit dilunaskan sebelum tempoh matang. Tidakkah ini merupakan pendeposit?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berbincang tentang kesan *capital flight*, dengan izin. Pelaksanaan skim insurans deposit akan menjadikan menabung di dalam institusi kewangan kita tidak menarik. Pulangan menjadi rendah dan ditambah pula

dengan birokrasi insurans. Modal asing tidak akan singgah ke negara kita sementara modal dalam negara akan mencari destinasi yang lebih menarik - *capital flight* dengan izin kesan kepada sistem kewangan perlu difikirkan. Ini akan memberi tekanan kepada peningkatan kadar faedah dan penguncupan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini memberi isyarat menakutkan mengenai sistem perbankan negara kita. Bank kita sudah tidak selamat, seolah-olah simpanan rakyat dan syarikat di dalam sistem perbankan akan hilang. Ini bukan cakap pembangkang atau khabar angin media asing. Ini kenyataan kerajaan dan menjadi sebab kenapa akta ini digubalkan. Bank Negara seolah-olah tidak mampu mengawal bank melalui akta-akta bank yang sedia ada. Bank Negara bimbang simpanan deposit akan terjejas atau hilang. Inilah maksud akta ini. Menteri Kewangan perlu menjelaskan kebimbangan ini dan saya menunggu jawapannya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Bharu.

4.20 ptg.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengutarakan beberapa pandangan mengenai rang undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005. Saya seperti yang ada di muka surat 8 permulaan rang undang-undang ini kita faham bahawa kestabilan sistem kewangan adalah kunci pemutus pembangunan dan kemakmuran ekonomi Malaysia. Kita faham juga bahawa sistem insurans deposit adalah satu komponen penting ke arah menjamin kestabilan sistem kewangan negara. Saya percaya negara-negara lain juga ada skim yang sama, malah saya rasa Malaysia adalah satu negara yang lambat dalam membentangkan sistem insurans ini.

Saya faham hasrat kerajaan untuk meningkatkan *rating* kerajaan dengan mengalih liabilitinya atau tanggungannya kepada perbadanan ini yang tidak ditanggung oleh Bank Negara. Dan saya percaya dengan cara ini mungkin *rating* Malaysia akan meningkat. Tetapi walau bagaimanapun, saya ingin merujuk kepada apa yang berlaku di Amerika dalam tahun 80-an mengenai skandal Federal Savings and Home Loan Banking Board. Dia juga ada satu insurans untuk kononnya untuk menyelamatkan pendeposit tetapi perbadanan itu juga menjadi *insolvent* kerana pengurusan yang tidak baik dan penyelewengan pentadbiran berterusan. Jadi kita tidak boleh semata-mata kerana kita ada satu lagi badan yang dipanggil Perbadanan Insurans tidak menjamin bahawa keadaan seperti yang berlaku di Amerika itu tidak berlaku di sini.

Dan saya agak hairan mengapa di bawah Seksyen 30 bil ini Menteri Kewangan boleh membuat pinjaman tanpa merujuk kepada Parlimen dahulu, kepada perbadanan ini kerana kalaulah kerajaan juga perlu bailout melalui perbadanan ini apa bezanya dengan keadaan sekarang, di mana bailout itu melalui Bank Negara. Sudah tentunya tujuan kita adakan perbadanan ini ialah untuk mendisiplinkan sistem kewangan kita. Jadi apakah perlu kuasa diberi kepada Menteri Kewangan untuk meluluskan sebarang pinjaman walaupun dalam rang undang-undang ini diberitahu bahawa Parlimen akan diberitahu selepas itu. Jadi saya rasa adalah lebih baik jika kita mengetatkan sedikit kuasa ini demi tujuan untuk memberikan perbadanan ini satu insentif supaya mereka lebih berdisiplin, supaya dapat mengawal dengan baik kerana itulah rasionalnya penubuhan perbadanan itu. Kalau perbadanan ini begitu mudah boleh pinjam apa bezanya dengan sekarang?

Saya juga ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua mengenai ada "*run of the bank*", jika bank itu kiranya lumpuh dan si pendeposit di dalam akta hanya boleh menuntut sebanyak RM60,000. Dan saya beranggapan ini adalah satu jumlah yang tidak meyakinkan. Kalau kita hendakkan satu insurans untuk memberi keyakinan kepada sistem kewangan kita, keyakinan kepada pendeposit sudah tentunya RM60,000 bukanlah satu jumlah yang besar. Orang-orang yang bergaji sederhana mempunyai simpanan kehidupan mereka lebih daripada itu. Dan apa yang akan dibayar hanyalah RM60,000. Dan saya merasakan sepatutnya kerajaan meningkatkan jumlah ini untuk memberi keyakinan dan untuk membela pendeposit-pendeposit. Itulah tujuan dan rasional perbadanan ini.

Saya juga ingin menyentuh tentang kuasa yang diberi kepada perbadanan ini yang disebut oleh tadi Yang Berhormat Permatang Pauh, saya rasa ada relevannya perkara itu kerana kuasa yang ada pada perbadanan ini seolah-olah kuasa yang ada pada Danaharta. Misalnya Seksyen 76(1) dan 78, bila dia mengambil alih bank itu dengan izin, *no creditor of the bank has any remedy against the bank or its assets, and no person may terminate any agreement with the bank by reason of any default by the bank of its contractual obligations. Even if the default occurred before the assumption of control by operations.*

Jadi saya rasa kita kadang-kadang terbawa-bawa dengan kuasa yang kita beri kepada Danaharta. Danaharta kita gubal dalam keadaan krisis dan sudah tentunya Danaharta memerlukan sekurang-kurangnya dalam masa yang singkat *wide powers* Jadi kita tidak seharusnya terbawa-bawa dengan memberi *wide powers* kepada badan-badan lain, adakah perlunya sedangkan perbadanan ini objektifnya untuk mentadbir dan mengurus dengan baik dan sudah tentunya tidak memerlukan *emergency powers, wide powers*. Dan saya pun ingin merujuk kepada kerajaan kalaulah seksyen ini mungkin bercanggah, ini pendapat, kalau boleh kaji balik artikel 13 Perlembagaan Persekutuan kerana dalam perlembagaan kita, kita tidak boleh mengambil alih tanpa *adequate compensation*. Kita tidak boleh sewenang-wenangnya melupuskan hak-hak yang ada kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu. Saya rasakan perkara ini tidak perlu.

Saya juga ingin merujuk kepada apa yang berlaku dalam insurans selepas ini ada kaitannya. Kita tahu skim insurans, perbadanan insurans semua ini apa-apa yang ada kaitan dengan insurans ia adalah satu industri yang memihak bukan sangat kepada mereka yang membayar premium tetapi selalunya memihak kepada mereka yang mengutip premium. Kita tahu perbadanan ini akan mengenakan bayaran kepada bank-bank mengikut dia punya rates. Dan kita tahu insurans ini selalu seperti yang saya katakan *they always win* dengan izin. Kalau dalam bentuk claim insurans industri dalam tahun 2003 misalnya apa yang dibayar balik kepada claimant hanyalah 60% daripada jumlah premium yang di collect, yang dipungut. Dan saya rasa ini juga sesuatu keadaan yang perlu dikawal.

Apakah jaminan dan bayaran balik itu setimpal dengan jumlah premium yang kita collect, yang kita pungut? Kita tidak mahu seperti apa yang berlaku dalam motor industri di mana proses claimnya lambat, jumlah pun susah, lambat untuk diselesaikan. Bermacam-macam kaedah digunakan kadang-kadang mahkamahlah, kadang-kadang kerana faktor-faktor lain. Ini semua ini memberi masa yang panjang untuk insurans industri *revolve* dia punya modal untuk perniagaan-perniagaan lain. Jadi saya harap biarlah perbadanan ini, perbadanan insurans deposit kita ini benar-benar menjaga kepentingan pendeposit. Dan dalam hal ini perkara-perkara yang disebut dalam akta ini kalaulah boleh dipertimbangkan untuk kebaikan semua pihak. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kudat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat petang dan di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 ini kita dapat melihat bahawa adalah merupakan suatu akta yang disediakan berikutan dua krisis penting di dalam sejarah ekonomi negara kita iaitu khususnya pada tahun 1985 dan juga 1997.

Kalau kita melihat sejarah krisis ekonomi yang berlaku di negara kita pada tahun 1985 dan 1997, kita dapat melihat bahawa sedikit sebanyak krisis ekonomi itu telah memberikan kesan yang begitu besar kepada institusi perbankan negara kita. Pada tahun 1985, misalnya beberapa bank-bank yang dimiliki oleh kerajaan, khususnya Bank Bumiputra dan juga Sabah Bank terpaksa diselamatkan oleh kerajaan dengan bantuan Petronas dan juga bantuan daripada Bank Negara dan ini adalah merupakan suatu sebab mengapa perbadanan ini perlu ditubuhkan.

Pada tahun 1997, misalnya, krisis ekonomi yang telah melanda negara-negara Asia dan juga Malaysia tidak terkecuali yang telah menyebabkan *non-performing loans* di negara kita telah meningkat sehingga 91% dan telah menyebabkan banyak bank-bank di Malaysia menghadapi masalah *bank on the run*. Antaranya ialah sekali lagi Bank Bumiputra dan Sime Bank telah menyebabkan keperluan untuk kerajaan menubuhkan satu *safety net* terhadap sistem kewangan negara kita.

Financial crisis 1997 ini adalah merupakan suatu pengajaran yang baik kepada kita untuk melihat bahawa sekiranya kerajaan tidak menyediakan satu *safety net*, ini akan memberikan kesan yang besar, khususnya kepada pendeposit-pendeposit. Pada 1995, misalnya berlaku satu krisis *deposit taking co-operatives* yang telah menyebabkan ramai daripada pendeposit-pendeposit mengalami kerugian dan *DTC Fiasco* ini telah menyebabkan kerajaan terpaksa membuat satu tindakan yang penting untuk menyelamatkan pendeposit yang bernilai lebih kurang RM1.5 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, *safety net* ini adalah penting kerana kalau kita mahu melihat wujudnya keyakinan di dalam sistem kewangan negara kita, maka kita haruslah menyediakan cara-cara bagaimana sistem perbankan kita tidak terganggu walaupun sebenarnya *safety net* yang telah disediakan iaitu PI DM ini sebenarnya telah bukan sahaja wujud di Malaysia, telah pun diwujudkan di beberapa negara, lebih kurang 82 negara yang telah mengadakan perbadanan deposit ataupun perbadanan insurans yang sama dan ini termasuklah negara-negara yang telah maju seperti Amerika, Kanada, Great Britain, Singapura dan sebenarnya negara jiran kita seperti Indonesia yang juga telah mengalami krisis ekonomi 1997 juga telah pun menyediakan sistem *safety net* yang sama dengan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi di dalam pindaan ini, saya ingin membangkitkan beberapa perkara yang sepatutnya diberikan perhatian walaupun saya memberikan sokongan sepenuhnya terhadap penyediaan satu perbadanan deposit insurans ini tetapi saya ingin membangkitkan beberapa perkara yang perlu dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan PDIM ini iaitu deposit yang diinsuranskan hanya melibatkan deposit Islam dan deposit konvensional yang melibatkan deposit-deposit *savings*, *time deposits* dan *current accounts*. Tetapi yang menjadi masalah di sini ialah deposit-deposit ini yang dilindungi hanyalah syarikat-syarikat kewangan ataupun bank-bank yang tertakluk di bawah *Banking and Financial Institutions Act*, manakala deposit-deposit ini tidak merangkumi, misalnya *authorized banking institutions* yang lain seperti Bank Simpanan Nasional, Bank Rakyat, Bank Pertanian dan bank-bank saudagar dan juga bank *offshore*.

Ini adalah merupakan satu pada pendapat saya ialah bukanlah merupakan satu komprehensif *safety net* terhadap sistem kewangan negara kita. Adakah kerajaan sebenarnya tidak mempunyai satu rancangan untuk menyediakan *safety net* juga bagi institusi-institusi kewangan ini kerana seperti mana yang kita tahu, Bank Simpanan Nasional, Bank Pertanian, Bank Rakyat adalah bank-bank yang kebanyakannya pendeposit-pendepositnya adalah terdiri daripada masyarakat awam, masyarakat luar bandar dan sekiranya tidak ada *safety net* kepada mereka ini, siapakah yang akan menjamin terhadap deposit-deposit mereka sekiranya berlaku kegagalan di dalam institusi-institusi kewangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, perundingan ini pada pendapat saya haruslah merangkumi semua sistem kewangan negara kita. Kita tidak harus hanya memberikan perlindungan kepada sistem perbankan bank saudagar, Bank Islam dan juga institusi kewangan kerana kalau kita tidak dapat melakukan secara menyeluruh, sudah tentu ada kemungkinan-kemungkinan satu hari nanti bahawa syarikat-syarikat atau *authorized financial institutions* yang kita tubuhkan ini juga akan menghadapi masalah yang sama dan ini akan menimbulkan satu masalah yang besar kepada negara kita.

Perkara yang kedua ialah dalam seksyen 49(2) iaitu *amount insured* maksimum RM60 ribu seperti mana yang telah dijelaskan di dalam akta ini, pada pendapat saya ini juga adalah merupakan suatu akta yang tidak mencukupi kerana walaupun seperti yang pernah dijelaskan bahawa 95% daripada penyimpan-pemsimpan pendeposit di institusi perbankan kita adalah mereka yang menyimpan kurang daripada RM60 ribu. Tetapi yang saya khawatiri ialah sebenarnya ramai juga mereka yang mempunyai kemampuan yang mempunyai deposit yang melebihi daripada itu.

Bayangkan kalau sekiranya seseorang mempunyai simpanan yang lebih RM1 juta atau RM500 ribu di dalam bank-bank dan berlaku insolvensi terhadap institusi kewangan itu dan mereka hanya akan dibayar RM60 ribu. Pada pendapat saya ini adalah merupakan satu perlindungan yang tidak mencukupi. Demikian juga bagi

profesional-profesional, mereka ini biasanya terlibat di dalam mengendalikan wang-wang amanah seperti mana peguam. Peguam, mereka mempunyai akaun ataupun yang dipanggil sebagai *client's account* dan *client's account* ini melibatkan wang yang begitu banyak sekiranya berlaku insolvensi terhadap syarikat-syarikat perbankan dan kewangan ini. Ini sudah tentu adalah merupakan satu tragedi bagi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan bahawa dari masa ke semasa perlindungan ini tidaklah seharusnya hanya ditetapkan kepada satu aras yang begitu rendah. RM60 ribu adalah satu tahap yang tidak begitu mencukupi kerana apa yang kita perlukan ialah satu perlindungan yang kalau satu ketika dahulu sebelum ada perbadanan deposit insurans ini, kita boleh memberikan jaminan bahawa sistem perbankan kita tidak akan mengalami kebangkrutan atau insolvensi kerana kerajaan akan menjamin *dollar-to-dollar* terhadap setiap simpanan yang kita simpan di dalam sistem perbankan kita. Tetapi melalui deposit insurans yang telah ditubuhkan ini, saya khuatir ianya bukan memberikan satu perlindungan yang komprehensif tetapi akan memberikan satu masalah yang akan menyebabkan kegelisahan kepada pendeposit-pendeposit.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi adalah berkaitan dengan seksyen 11(2) iaitu Ahli Lembaga Pengarah yang dipilih dan diberikan tugas dan tanggungjawab untuk

melaksanakan dan mengawal selia bank-bank ini. Kalau kita lihat di dalam seksyen 11 ini, kita dapat melihat bahawa seseorang Ahli Lembaga Pengarah, khususnya pengerusi bagi perbadanan ini adalah mereka yang dilantik oleh Menteri dan hendaklah mempunyai pengalaman dalam sektor swasta yang berkaitan. Dan di dalam seksyen 14(1), tidak ada seorang pun yang boleh dilantik atau dikekalkan sebagai Pengarah Lembaga yang merupakan seorang Ahli Dewan Negara, Dewan Rakyat ataupun mana-mana Dewan Perundangan.

Pada pendapat saya, walaupun saya bersetuju bahawa semestinya mereka yang memegang jawatan politik tidak seharusnya duduk di dalam institusi-institusi yang terlibat di dalam kewangan tetapi adakah dengan peruntukan seksyen 14(1) ini akan menghalang Menteri Kewangan ataupun Timbalan Menteri untuk duduk sebagai pengerusi. Pada pendapat saya, adalah lebih baik sekiranya perbadanan deposit insurans ini menjadi satu perbadanan yang menjadi integriti dan kita harus membenarkan Menteri Kewangan untuk selanjutnya menjadi pengerusi bagi perbadanan ini kerana kalau kita menyerahkan tugas ini, kerana pada pendapat saya, Ahli Lembaga Pengarah ini adalah sebagai pengawal selia kepada institusi perbankan dan kepada institusi deposit insurans ini. Dan ianya haruslah diketuai ataupun diterajui oleh seorang yang mempunyai integriti yang mencukupi yang boleh meyakinkan kepada pencarum-pencarum, khususnya penyumbang-penyumbang premium, khususnya daripada sistem bank-bank saudagar dan juga bank-bank Islam yang akan membayar premium kepada pendeposit ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Seperkara lagi kalau kita lihat misalnya di dalam Seksyen 19. Seksyen 19 pelantikan Ketua Eksekutif hendaklah dilantik oleh Menteri atas syor lembaga. Di dalam 19(2) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertanggungjawab dalam pentadbiran urusan dan hal-ehwal harian Perbadanan dan ia adalah dilantik oleh Menteri. Pada pendapat saya, kalau kita melihat kepada seseorang yang dilantik sebagai Ketua Eksekutif ini haruslah seseorang yang mempunyai pengalaman yang luas di dalam bidang perbankan. Kita tidak harus misalnya melantik mereka yang tidak ada pengetahuan langsung sebab kalau kita lihat, Perdana Menteri sering menekankan tentang seorang yang dilantik haruslah diasaskan kepada *key performance index* bagi seseorang yang dilantik itu.

Sebab itu kita meminta supaya seseorang yang dilantik bagi Ketua Eksekutif adalah mereka yang mengetahui tentang hal ehwal perbankan dan juga mempunyai pengalaman yang luas di dalam bidang perniagaan. Sebab itu saya meminta supaya di dalam soal ini, saya fikir kerajaan harus meniru agensi-agensi kerajaan seperti mana TNB dan Telekom yang telah melantik Ketua-ketua Eksekutifnya daripada kalangan mereka yang mempunyai pengalaman dan *exposure* dan mempunyai pengalaman yang mencukupi di dalam bidang mereka khususnya daripada mereka yang mempunyai

pengalaman di dalam *private sector*. Dalam konteks ini, mereka yang dilantik haruslah datangnye daripada mereka yang mempunyai pengetahuan di dalam perbankan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah berkaitan dengan *unclaimed moneys* iaitu wang yang tidak dituntut. Seperti mana yang kita tahu di dalam sistem perbankan terdapat satu elemen penting di dalam deposit bagi setiap bank perbankan ini ialah *unclaimed moneys* ataupun wang yang tidak dituntut. Jadi kalau sekiranya berlaku *insolvency* terhadap sesuatu bank, apakah kedudukan bagi *unclaimed moneys* ini? Jika berlaku *insolvency*, adakah kerajaan turut memberikan jaminan terhadap deposit-deposit ini? Seperti yang kita tahu *unclaimed moneys* ini adalah datangnye daripada deposit akaun yang telah *dormant* yang melebihi daripada tujuh tahun dan deposit ini biasanya akan dihantar kepada Bank Negara. Apa yang kita hendak ketahui daripada pihak kementerian sama ada kerajaan akan juga melindungi deposit-deposit *unclaimed moneys* yang telah kita hantar kepada kerajaan ini?

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi kalau kita lihat misalnya dalam perkembangan-perkembangan globalisasi dan liberalisasi kewangan dunia hari ini, sudah tentu beberapa tuntutan daripada pihak luar akan sentiasa datang ke negara kita untuk membuka dan juga meliberalisasikan sistem kewangan kita. Adakah dengan penubuhan *Deposit Insurance Corporation* ini tidak akan bertentangan dengan liberalisasi kewangan yang dituntut oleh pihak-pihak daripada luar ini? Jadi, ini saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita tahu bahawa perlindungan yang diberikan ini adalah terbatas hanya kepada RM60 ribu sahaja bagi setiap deposit yang disimpan di dalam institusi perbankan kita. Sebab itu sekiranya setelah akta ini diluluskan dan setelah perbadanan ini ditubuhkan maka kita meminta supaya kerajaan memberikan penerangan dan maklumat yang seluas-luasnya kepada rakyat tentang keadaan ini kerana sekiranya tidak ada maklumat yang lengkap, ini akan menyebabkan rakyat terkeliru dan mereka mungkin merasakan bahawa perlindungan yang telah diberikan selama ini masih lagi ada diberikan kepada mereka dan mereka akan terkeliru. Sekiranya berlaku *insolvency* dalam sistem perbankan, mungkin akan berlaku satu keadaan di mana rakyat akan marah kepada kerajaan. Maklumat ini penting kerana ini akan memberikan suatu amaran kepada mereka untuk tidak meletakkan wang ringgit mereka kepada satu institusi perbankan. *They don't have to put all the eggs in one basket.*

Jadi Tuan Yang di-Pertua, penerangan-penerangan ini adalah penting diberikan kepada rakyat dan pendeposit-pendeposit supaya mereka dapat memberikan deposit mereka atau menyimpan wang-wang mereka ke pelbagai institusi kewangan supaya sekiranya berlaku *insolvency* maka mereka tidak akan mengalami kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tanjong, selepas ini kementerian menjawab.

4.46 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya suka mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 dengan ringkasnya menyentuh kepada satu perkara yang saya anggap penting iaitu lembaga pengarah di Fasal 11(1) dan (2) diperuntukkan satu lembaga pengarah yang diperuntukkan bagi bertanggungjawab untuk perjalanan urusan dan hal ehwal Perbadanan ini dan hendaklah menjalankan segala kuasa dan melakukan segala tindakan yang boleh dijalankan atau dilakukan oleh Perbadanan ini. Dalam Fasal 11(2) ini diperuntukkan selain daripada (a), (b), (c), (d), saya merujuk kepada (e) di mana tidak lebih daripada tiga pengarah lain boleh dilantik oleh Menteri yang hendaklah mempunyai pengalaman dalam sektor swasta dan berkaitan dengan sekurang-kurangnya seorang dari mereka hendaklah mempunyai pengalaman dalam sektor perbankan dan kewangan berkaitan.

Saya ingin merujuk kepada Fasal 14(1) di mana Yang Berhormat bagi Kudat pun ada menyentuh sedikit-sebanyak walaupun dia tidak berhujah dengan lebih berkenaan dengan kehilangan kelayakan dan penamatan pengarah Lembaga di mana dalam Fasal

14(1) dikatakan bahawa tiada seorang pun boleh dilantik atau dikekalkan sebagai seorang pengarah Lembaga yang merupakan saya rasa dalam (a) dan (c) menimbulkan sedikit masalah di mana (a) seorang Ahli Dewan Negara atau Dewan Rakyat atau mana-mana Dewan Perundangan tidak boleh dilantik. Juga (c), seorang ketua bahagian atau mana-mana orang yang memegang mana-mana jawatan atau kedudukan seumpamanya dalam sesuatu parti politik.

Saya menganggap bahawa Fasal 14(1) bercanggah dengan peruntukan Perkara 8 dalam Perlembagaan Persekutuan. Saya merujuk kepada perkara 8 berkenaan dengan kesamarataan semua rakyat Malaysia. Dalam sub-clause (1) semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang. Kedua, kecuali sebagaimana dibenarkan dengan nyatanya oleh perlembagaan ini tidaklah boleh ada perbezaan terhadap warganegara semata-mata oleh sebab agama, kaum keturunan atau tempat lahir dalam mana-mana undang-undang atau dalam pelantikan bagi apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran dalam mana-mana undang-undang berkenaan dengan memperolehi, memegang atau melepaskan harta atau berkenaan dengan menubuh atau menjalankan apa-apa trade, perniagaan profesion, vocation atau pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap bahawa Fasal 14(1)(a) dan (c) yang melarang seorang Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat ataupun mana-mana Dewan Undangan Negeri dilantik sebagai Pengarah bagi Lembaga Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ini, melanggar Fasal Perkara 8(1) dan (2) Perlembagaan Malaysia. Saya rasa kalau fasal ini didapati dan dalam anggapan dia didapati melanggar Fasal Perkara 8(1) dan (2) Perlembagaan Persekutuan. Ini menjadikan Rang Undang-undang ini bukan sahaja Fasal 14(1)(a) dan (c) ini *ultra virus* Perlembagaan Persekutuan.

Ini juga menjadikan seluruh Rang Undang-undang ini didapati dari anggapan saya melanggar Perlembagaan Persekutuan dan jika benar ia melanggar peruntukan *Constitution* negara ini yang menjadi *Supreme Law* dalam negara ini, ia haruslah dianggap sebagai tidak sah dan patut ditarik balik. Kalau anggapan saya tidak betul ataupun mungkin kementerian mempunyai penjelasan yang boleh meyakinkan Dewan ini, saya ingin juga mendapat penjelasan daripada kementerian dalam pembentangan tadi Timbalan Menteri sengaja ataupun tidak sengaja tidak menyentuh tentang perkara yang amat penting ini iaitu kehilangan kelayakan.

Saya ingin tahu apakah rasionalnya seorang Ahli Dewan Negara, Dewan Rakyat ataupun Dewan Undangan Negeri-negeri boleh hilang kelayakan kalau mereka mempunyai pengalaman dalam sektor swasta ataupun mempunyai pengalaman dalam sektor perbankan dan kewangan dan sebagainya dan boleh menjalankan kongsi dan sebagainya dan tidak ada wujud keadaan di mana percanggahan kepentingan dan sebagainya.

Beliau haruslah mempunyai kelayakan untuk dilantik sebagai Pengarah kepada perbadanan ini. Saya tidak berhasratlah untuk memperjuangkan kedudukan untuk saya sendiri sebab memanglah saya bukan seorang anggota dalam parti kerajaan, memang saya tidak layak dalam perkara ini tetapi saya rasa ini bukan soalnya. Soalnya Fasal 14(1)(a) dan (c) ini, anggapan saya kalau betul melanggar Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan dan haruslah ditarik balik dan kalaulah...

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kota Bharu bangun Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong. Seperti juga Yang Berhormat Tanjong, saya pun hairan mengapa syarat-syarat kelayakan ini begitu diuraikan, mengetepikan Ketua Bahagian Dewan Negara dan Dewan Rakyat sedangkan Lembaga Pengarah yang dicadangkan ini semuanya dilantik oleh Menteri.

Saya pun tidak faham dan saya tidak tahulah hendak berkongsi pendapat, apakah rasionalnya? Kerana kalaulah artikel awal daripada di bawah Bab 2 yang memberi kuasa penuh kepada Menteri untuk melantik, seorang Gabenor, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, seorang pengerusi yang dilantik oleh Menteri, seorang

pengarah yang dilantik oleh Menteri daripada sektor awam, tiga pengarah lain yang dilantik oleh Menteri, apa perlunya huraian? Syarat? *It is almost absolute, it is his choice.*

Saya tidak faham mengapa perlu dihuraikan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat sana, kalau-kalaulah misteri ini mengapakah perlunya Artikel Seksyen 14ini.

Tuan Chow Kon Yeow: Misteri ini hanya boleh dijawab oleh pihak kerajaan, Yang Berhormat. Walau saya sependapat dengan Ahli Yang Berhormat bagi Kota Bharu berkenaan dengan perkara ini sebab saya membangkitkan perkara ini dan ingin melanjutkan sedikit argument yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat Kota Bharu, Menteri Kewangan Pertama, Menteri Kewangan Kedua dan kedua-dua Timbalan Menteri Kewangan termasuk Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan juga empat orang merupakan Ahli dalam Dewan yang mulia ini, Ahli Dewan Rakyat.

Sementara Menteri Kewangan Kedua menjadi Ahli Dewan Negara. Kesemua lima orang yang akan bertanggungjawab ke atas Perbadanan Insurans Deposit Malaysia adalah merupakan Ahli Politik, Ahli Dewan Rakyat ataupun Ahli Dewan Negara. Kalau mereka boleh memegang jawatan yang penting, saya tidak nampak mengapa Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat yang biasa, yang merupakan bekkbenchers dilarang dan didapati hilang kelayakan untuk dilantik.

Saya ingin menegaskan saya menganggap sahaja ini satu pandangan saya sendiri, saya tidak paksa bahawa pandangan saya ini sememangnya betul sudah melanggar Perlembagaan Persekutuan dan haruslah ditarik balik sebab pengalaman saya di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang masa lampau. Wujud satu keadaan yang serupa di mana dalam satu pertubuhan yang ingin ditubuhkan dalam syarat-syarat pelantikan memastikan bahawa dengan tidak sengajanya sudah mendiskriminasikan terhadap seorang yang tidak menganut agama Islam.

Kalau *by virtue of being director of a department*, beliau tidak menjadi seorang penganut agama Islam, beliau tidak akan mewakili jabatan beliau dalam lembaga yang ingin ditubuhkan di bawah enakmen itu dan apabila DAP membangkitkan perkara itu dengan hujah yang sama yang saya gunakan petang ini melanggar Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan akhirnya enakmen itu ditarik balik dan dalam sesi yang

datang pindaan yang penting sudah pun dilakukan untuk mensahihkan pelantikan-pelantikan kepada lembaga itu.

Saya berharap dengan semangat ini, di Dewan yang mulia ini selepas mendengar anggapan saya terhadap perkara ini, juga boleh mempertimbangkan menarik balik Rang Undang-undang ini, bukan setakat menarik fasal yang bermasalah ini tetapi kalau betul ia melanggar Perlembagaan Persekutuan ini satu perkara yang amat penting dan tidak harus kita membiarkan. Dengan ini saya mengakhiri ucapan saya dengan harapan perkara ini dapat ditangani. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jawapan daripada Kementerian Kewangan, Yang Berhormat Timbalan Menteri sila.

4.59 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera Tengku Awang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Permatang Pauh, Kota Bharu, Kudat dan Tanjong yang membahaskan Rang Undang-undang yang dibentangkan tadi. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kota Bharu dan Kudat, Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun memperjelaskan lagi Rang Undang-undang ini, keperluan kepada negara dan seterusnya menjelaskan apa yang dibangkitkan oleh Permatang Pauh sebenarnya yang terdahulu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menambah apa yang dibangkitkan oleh Permatang Pauh agak tidak bersetuju dengan Rang Undang-undang ini terutamanya apa yang dianggap pembentangan Rang Undang-undang ini oleh kerajaan seolah-olah kerajaan telah menjangkakan akan berlakunya tsunami kewangan. Begitu juga

pertanyaan beliau apakah kos akan dengan adanya insurans ini PDIM ini akan melibatkan ataupun dikenakan, diturunkan kosnya kepada pendeposit dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kedudukan sistem kewangan kita pada hari ini adalah kukuh dan berdaya tahan. Apa yang kita telah tahu sebagaimana Yang Berhormat Kudat maklumkan sebentar tadi selepas dua krisis melanda negara kita 1985, 1997 dan 1998. Alhamdulillah dalam tempoh yang sekarang, tempoh yang terdekat kita telah mengatasi satu persatu sehingga kedudukan kewangan kita pada hari ini berdaya tahan, terbukti berdaya tahan dan tidak mengalami masalah yang teruk dan sebagainya.

Boleh di katakan keadaan ekonomi sekarang yang kukuh dan dengan keadaan inilah sesuai untuk masa yang paling sesuai kita memperkenalkan sistem insurans deposit ini iaitu bagi memastikan lagi jaringan keselamatan pada masa akan datang supaya manfaat secara langsung akan di perolehi oleh pendeposit-pendeposit yang akan lebih mempunyai keyakinan kepada sistem kewangan perbankan kita khususnya.

Tambah lagi Tuan Yang di-Pertua, sistem insurans deposit ini akan dibiayai oleh sepenuhnya oleh premium, oleh institusi perbankan ataupun dipanggil institusi-institusi anggota secara *ex ante* ini bermakna premium akan dipungut dalam jangka masa bertahun-tahun untuk membina sesuatu kumpulan wang insurans deposit. Sekiranya timbul keperluan untuk membuat pemulihan ataupun *liquidation* sesebuah institusi anggota ataupun bank walaupun berkemungkinan besar perkara ini tidak akan berlaku, kumpulan wang yang tersebut akan digunakan bagi memenuhi obligasi PI DM kepada pendeposit-pendeposit ini.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: [Bangun]

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Untuk menjelaskan kepada Yang Berhormat Permatang Pauh mungkin Yang Berhormat Permatang Pauh...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bandar Kuching bangun.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Saya habiskan yang ini dahulu Yang Berhormat Bandar Kuching, kemungkinan apa yang di bangkit oleh Permatang Pauh itu tidak sebagaimana yang maksudnya tetapi pemahaman saya seolah-olah difahamkan ataupun disamakan insurans ini sebagaimana juga insurans biasa yang dibayar premiumnya oleh individu oleh syarikat atau sebagainya, seperti *life insurance* dan sebagainya.

Untuk maklumat Yang Berhormat sebenarnya perbadanan ini ataupun insurans deposit ini adalah berlainan sama sekali dipanggil insurans deposit ini sebenarnya untuk menyediakan perlindungan awal kepada pendeposit-pendeposit di institusi perbankan yang mana insurans ini tidak di bebaskan kepada pendeposit tetapi sebaliknya institusi anggota itu sendiri meletakkan deposit ke dalam perbadanan ini. Ini bermakna kos soalan yang kedua Yang Berhormat seolah-olah apabila setiap institusi anggota ini

diwajibkan membayar premium ini pula akan dilanjutkan kepada pendeposit di institusi anggota itu sebenarnya tidak akan berlaku sama sekali kerana Bank Negara telah dipertanggungjawabkan untuk mengawal setiap pergerakan ataupun segala urusan bank-bank ini ataupun institusi perbankan ini.

Kalau kita lihatkan apa jua mengikut edaran Bank Negara pada bulan Disember 2004 mengeluarkan bahawa garis panduan yang mengawal setiap caj perbankan yang boleh dikenakan kepada pelanggan. Garis-garis panduan tambahan sentiasa diperkenalkan dalam tempoh yang terdekat berhubung dengan satu rangka pekerja yang akan mengawal caj perbankan yang boleh dikenakan oleh bank-bank bagi produk perbankan yang ditawarkan kepada individu ataupun industri kecil sederhana dan tidak dibenarkan sama sekali apabila mereka membayar premium untuk insurans deposit ini maka ditanggungkan ataupun dipindahkan tanggungan itu kepada pendeposit.

Tuan Chong Chieng Jen: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bandar Kuching bangun, hendak bagi jalan?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Ya, sila Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Yang Berhormat, bukannya masa kini segala bank yang memungut deposit daripada pelanggannya haruslah mendepositkan sebahagian daripada depositnya dengan Bank Negara sebagai *statutory reserves* dan tujuan ini adalah untuk memberi jaring keselamatan terhadap sekiranya bank digulungan atau di likuidasikan Bank Negara akan menjamin bayaran deposit kepada pendeposit.

Jika sistem ini sudah wujud maka kelulusan Rang Undang-undang ini akan mengenakan *additional costs* terhadap bank-bank dan institusi-institusi kewangan dengan memperuntukkan bahawa mereka mesti lagi bayar premium kepada perbadanan insurans deposit Malaysia. Maksudnya adalah bank-bank dan institusi-institusi kewangan akan di caj dikenakan dua kali, satu kali adalah *statutory reserves* yang terdiri daripada sebahagian daripada deposit yang dikumpulkan oleh bank dan institusi kewangan dan satu kali itu premium dan sebagai institusi-institusi kewangan merupakan satu *profit-orientated organization* sekiranya peningkatan kos operasinya

dengan kelulusan Rang Undang-undang ini, maka akhirnya ia akan pindahkan kos itu kepada pelanggannya. Saya minta penjelasan apakah *rasionale* bagaimana kementerian dapat *reconcile* di antara itu *statutory reserves* yang harus diwajibkan bahawa bank harus terus deposit dengan Bank Negara dan premium yang harus di bayarkan untuk insurans ini.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Sebenarnya ini tidak ada kaitan. Apa yang saya bentangkan panjang lebar sebentar tadi jelas. Pertamanya kita kena tahu institusi kewangan kita yang berada di antara sama ada Akta BAFIA ataupun IBA *Islamic Bank* 1983. Setelah krisis kewangan yang lalu kita telah membuat berbagai-bagai rangka untuk memastikan sistem kewangan kita ini mantap di antaranya penyusunan semula, penggabungan bank dan sebagainya daripada 58 bank sampai 10 kumpulan bank sekarang ini.

Ini jelas tidak ada masalah dari segi kedudukan bank begitu juga dengan deposit bank dari Bank Negara sebagainya tetapi penubuhan perbadanan insurans deposit ini sesuai untuk jangka masa panjang saya jelaskan tadi bahawa selama ini jaminan yang diberi oleh kepada pendeposit adalah jaminan kerajaan yang tidak ada dalam akta undang-undang. Tetapi sekarang ini kita hendak memperjelaskan lagi melalui penubuhan perbadanan ini di mana setiap pendeposit sama ada BAFIA ataupun IBA mempunyai jaminan kursus yang dijamin melalui perbadanan ini. Ini untuk meyakinkan sebenarnya dijelaskan tidak berlaku lagi kalau jaminan di pihak kerajaan kemungkinan pembayarannya lambat, terjadi sebagaimana krisis koperasi dahulu dan sebagainya.

Tetapi di sini melalui perbadanan ini kita beri jaminan khusus bahawa pembayaran tidak lewat daripada tiga bulan dan jumlah jaminan yang telah diberi khusus melalui perbadanan ini. Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Chong Chieng Jen: Minta penjelasan berkenaan *statutory reserves*. Dengan kelulusan rang undang-undang ini, dan dengan pembayaran premium oleh bank-bank dan institusi-institusi kewangan kepada perbadanan ini, akankah Bank Negara menurunkan kadar *statutory reserves* yang diwajibkan supaya bank-bank dan institusi-institusi kewangan harus deposit dengan Bank Negara kerana itu akan meningkatkan kos operasi bank. Sekiranya kos operasi bank ditingkatkan, dia akan *transfer costs* itu kepada pelanggan dan ini adakah hakikat.

Oleh itu, saya mahu minta penjelasan daripada Timbalan Menteri, adakah kerajaan bercadang menurunkan apakah kadar *statutory reserves* sekarang dan akankah kerajaan mencadangkan supaya *statutory reserves* diturunkan kerana bank-bank dan institusi-institusi kewangan sekarang harus bayar premium kerana mengikut maklumat saya, *statutory reserves* yang didepositkan dengan Bank Negara tidak dibayar apa-apa wang bunga, tidak ada *interest*, tetapi bank-bank yang memungut deposit daripada pelanggan mereka harus bayar *interest*. Masa kelak nanti kalau bank-bank mengalami kerugian mereka akan turunkan deposit *interest* yang mereka bayar kepada pelanggan yang rakyat

jelata yang akan mengalami kerugian kerana itu *charge additional kind of costs of operation*.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Sebenarnya isu dalam persoalan ini berbeza. Peranan Bank Negara di bawah pengawalannya kepada bank-bank di bawah BAFIA dan juga IBA kemudian apa yang pengawalan ini sebenarnya tidak dijelaskan, ia tidak terlibat dan pengawalan ini seperti biasa dan memastikan dengan penubuhan perbadanan ini, dengan pembayaran premium oleh institusi anggota tidak akan membebankan pada pendeposit kerana perbadanan ini khusus ditubuhkan untuk memberi jaminan khusus kepada pendeposit.

Peranan Bank Negara masih tetap unggul kepada bank sebagaimana *statutory reserve* yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Bandar Kuching itu sebenarnya untuk peranan-peranan pengukuhan bank itu sendiri. Jadi, jaminan kerajaan bahawa Bank Negara akan terus memantau dan juga PI DM terus memantau bahawa pelanggan ataupun pendeposit tidak dikenakan sebarang *extra charge* sebagaimana yang saya bentangkan panjang lebar sebentar tadi akibat daripada atau hasil daripada penubuhan ataupun pembayaran premium oleh bank-bank ini.

Sekali lagi saya tegaskan tujuan utama Insurans Deposit ini adalah ia merupakan komponen yang penting dalam jaringan keselamatan kewangan kita untuk memastikan bayaran balik deposit kepada pendeposit sehingga RM60 ribu sebagaimana yang kita umumkan tadi, apabila berlaku kegagalan bank walaupun kemungkinan besar perkara ini tidak berlaku. Kita minta perkara ini tidak akan terjadi, tetapi ini sebagai jaminan sebagai jaringan keselamatan.

Pelbagai langkah tela kita laksanakan untuk mempertingkatkan rangka kerja perlindungan pendeposit oleh Bank Negara Malaysia dalam bentuk rangka kerja pengawalseliaan, seperti mana yang saya kata tadi dan peranannya sebagai *lender of last resort*. Namun begitu, pada tahap perlindungan tambahan, kita merupakan langkah yang berhemat memandangkan Insurans Deposit ini telah dilaksanakan dengan jayanya di lebih hampir 80 negara di seluruh dunia. Jadi ini menambahkan keyakinan lagi untuk kita kepada sistem ini sendiri. Saya jelaskan di sini kerana andaian yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh seolah-olah kerajaan telah pun tahu dengan mengadakan perbadanan ini tahu akan berlaku *tsunami* ataupun akan berlaku krisis kewangan sekali lagi.

Macam seolah-olah seorang yang mengambil insurans, bagaimana *life insurance* seorang yang sihat dia tahu dia akan menghadapi masalah dan sebagainya. Saya percaya ini satu andaian yang tidak tepat kerana sebagai syarikat Insurans mereka akan melihat dan mengkaji sebenar dari segi kesihatan sebagainya. Contohnya, kalau perempuan mengandung 9 bulan, tempoh 9 bulan akan tahu tempoh sebenarnya, maka syarikat insurans tidak menanggung risiko ataupun mengambil insurans ke atas keadaan demikian. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seorang pemilik....

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, bangun.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Sila.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak tanya kenapakah kerajaan menggubal ini katanya tidak sama dengan insurans, tetapi berikan satu persamaan, *example* dengan insurans. Kalau insurans mengetahui bahawa 9 bulan dia akan melahirkan, tidak akan membeli insurans dan sebagainya, tetapi kalau ini kerajaan menggubal ini, bukannya kerana ada pilihan. Ini macam dipaksakan. Dengan mempunyai kuasa-kuasa yang hampir mutlak, kalau saya faham daripada yang lain menyatakan bahawa negara-negara lain dan saya kira mereka mempunyai satu undang-undang insurans Federal Insurance Deposit Cooperation yang adalah satu perbadanan yang *independent*, yang berkecuali yang tidak mempunyai imuniti terhadap undang-undang. Itu yang saya hendak minta penjelasan, terima kasih.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Yalah, terima kasih Yang Berhormat. Yang saya katakan tadi sebenarnya sistem ataupun perbadanan deposit ini sendiri lebih bersifat untuk mempertahankan pendeposit, untuk memastikan dan masalah yang kita hadapi...

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: [Bangun]

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Saya habiskan yang ini dahulu, Yang Berhormat. Walaupun selama ini jaminan kerajaan, kerajaan sahaja yang membayar ataupun membuat dipertanggungjawabkan di atas kemungkinan, kita kata kemungkinan yang akan berlaku di atas sesebuah institusi perbankan. Tetapi dengan pemindahan tanggungjawab kepada perbadanan ini, so kita berasa yakin. Secara keseluruhan, kepada sistem kewangan masih kerajaan bertanggungjawab. Kerajaan bertanggungjawab kepada sistem keseluruhan tetapi untuk meringankan lebih awal persiapan dan persediaan kepada masalah sebagaimana yang telah kita hadapi, maka perbadanan ini kita beri tanggungjawab. Jadi, tidak timbullah soal kita sebagaimana yang dibangkitkan. Maksud yang saya jelaskan tadi tidak sebagaimana akta insurans biasa. Itu yang saya jelaskan.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Tuan Yang di-Pertua, jadi maksud yang hendak diberi atau mesejnya sekarang ini institusi-institusi perbankan tidak cukup ketat. Jadi kita perlukan satu akta yang lebih mengetatkan. Jadi, sekarang ini ada risiko yang memerlukan akta ini digubal secara gopoh-gapah jugalah. Petang berapa hari kita bahaskan tentang pindaan Akta Syariah, tetapi untuk perbankan ini sebentar sangat. Jadi, saya kira ini memberi satu mesej bahawa institusi perbankan kita, atau kewangan kita ini memerlukan diperketat lagi. Ada yang tidak kena, itu *point* saya, terima kasih.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampaklah. Kita tidak nampak sama sekali kerana ini perlindungan, sebagaimana yang dikatakan tadi, jaringan keselamatan. Bukan timbul daripada krisis, sebagaimana kita

hendak mengatasi masalah NPL, kita tubuh Danaharta, itu satu ketika untuk mengatasi NPL itu sendiri. Tetapi sekarang ini kita tidak ada masalah. Cuma atas dasar untuk meringankan masalah akan datang. Jadi, saya rasa itu jelas dan difahami oleh kita dan izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk apa yang diperkatakan kuasa melampau....

Tuan Chong Chieng Jen: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bandar Kuching bangun.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: ...dan immuniti kepada PIDM yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh. Bandar Kuching hendak lagi?

Tuan Chong Chieng Jen: Saya tanya lagi kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri belum jawab soalan saya mengenai *statutory reserves*. Apakah kadar *statutory reserves* yang dikenakan oleh Bank Negara sekarang? Adakah kadar *statutory reserves* itu akan dikurangkan, kerana *statutory reserves* memang merupakan satu kos operasi bank dan sekiranya ia tidak

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Saya faham, saya faham. Ya, saya sudah....

Tuan Chong Chieng Jen: Apakah kadar?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Yang Berhormat, saya faham. Bagi saya jawab.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya. Sila jawab.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Saya sudah jawab tadi. *statutory reserves* adalah peranan Bank Negara untuk memperteguhkan sebuah institusi

perbankan. Soal ini dikaji dan ia tidak ada kaitan dengan bebanan atau perbadanan negeri....

Tuan Chong Chieng Jen: Kedua-dua sistem itu ialah untuk menjamin keselamatan....

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Saya tidak boleh beri jaminan. Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Tuan Chong Chieng Jen: Ya. Apakah kadar *statutory reserves* sekarang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, kena ikut peraturan. Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan lagi.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum habis jawab lagi. Dia belum bagi jalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Timbalan Menteri sila.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Yang Berhormat, saya tidak boleh beri jaminan di sini apabila ada perbadanan ini, maka *statutory reserves* itu dikurangkan oleh Bank Negara. Ini kerana, pihak anggota institusi kepada perbadanan ini iaitu bank-bank yang akan menjadi anggota, ahli kepada perbadanan ini sendiri, tentu sekali apabila mereka tidak dibebankan ataupun dilarang sama sekali untuk membebankan pendeposit, kemungkinan-kemungkinan perbincangan sama ada PI DM ataupun dengan Bank Negara, tentu sekali ada selepas daripada ini. Tidak boleh saya beri jaminan di sini. Tetapi yang boleh saya beri jaminan bahawa dengan penubuhan PI DM ini, tidak sama sekali caj tambahan dikenakan kepada pendeposit, kerana jaminan daripada Bank Negara dalam pengawalan kepada setiap caj yang dikenakan oleh bank kepada pelanggan-pelanggannya. Okey?

Tuan Chong Chieng Jen: Tetapi, dia belum jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat....

Tuan Chong Chieng Jen: Satu soalan yang sangat.....

Seorang Ahli: Bandar Kuching.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya ingat Yang Berhormat kena ikut Peraturan 35(1), saya belum bagi bercakap, jangan bercakap dulu.

Cik Fong Po Kuan: Hendakminta penjelasan..... [Menyampuk]

Tuan Chong Chieng Jen: Minta penjelasan.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chong Chieng Jen: Satu soalan yang sangat *simple*. Apakah kadar *statutory reserves*? Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tidak tahu. Bagaimana dapat jadi Timbalan Menteri Kewangan?

Seorang Ahli: Ehh, apa ini? [Dewan gamat seketika]

Tuan Chong Chieng Jen: Bagaimana? Apakah kadar *statutory reserves* kerana *statutory reserves* tidak dibayar *interest* dan itu merupakan kos perbankan dan kos ini akan dipindah ke atas pelanggan. Satu soalan yang sangat senang, *direct*. Apakah kadar *statutory reserves* sekarang?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Empat peratus. Saya jawab sudah.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kuasa yang melampau yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh di atas immunity yang diberikan kepada PLDM. Di bawah mandat PLDM, salah satu daripada fungsi utamanya adalah untuk

melaksanakan resolusi-resolusi bank selaras dengan pendekatan kos terendah. Dalam melaksanakan penyelesaian resolusi ini, PLDM boleh antara *optionnya* memperoleh aset tidak berbayar sebagai sebahagian daripada usaha penstrukturan semula yang boleh merangkumi pemeliharaan nilai institusi terlibat, sebagai institusi yang akan terus beroperasi. PLDM juga akan menggunakan sumber kewangannya sendiri bagi tujuan ini.

Bagi meminimumkan kos pada sistem kewangan di bawah pendekatan kos terendah, PLDM harus mempunyai kuasa-kuasa yang mencukupi untuk berurusan dengan aset yang telah diperolehi bagi mendapatkan balik kos yang terlibat dengan cepat dan cekap agar dapat meminimumkan keadaan yang boleh menyebabkan PLDM mempertambah premium ke atas institusi anggotanya. Kuasa-kuasa yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini adalah perlu bagi perbadanan ini supaya dapat bertindak dengan cepat dan lebih berkesan bagi menyelesaikan kegagalan bank jika berlaku. Tindakan yang cekap, yang akan membantu pengurusan mengurangkan kos resolusi dan meminimumkan risiko yang berpotensi merebak ke seluruh sistem-sistem perbankan yang lain jika ia tidak diselesaikan dengan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara tambahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, apakah Bank Negara patut mengawal pemberian pinjaman kad kredit oleh institusi perbankan? Bank Negara Malaysia mengeluarkan garis perpaduan bagi aktiviti pengeluaran dan pemberian setiap kad kredit oleh institusi perbankan di mana pada akhir Mei 2005, jumlah pinjaman kad kredit hanya merangkumi 2.8 daripada jumlah pinjaman keseluruhan sistem perbankan di negara kita. Pada masa yang sama,

nisbah pinjaman yang tidak berbayar bagi kad kredit adalah terkawal iaitu sebanyak 4.6% daripada jumlah pinjaman keseluruhan kad kredit berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjelaskan Fasal 76(1)(a) rang undang-undang yang ini, di mana dibangkitkan oleh sahabat saya daripada Kota Bharu, di mana ianya bercanggah dengan Perkara 13, Perlembagaan Persekutuan. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Fasal 76 adalah peruntukan yang membenarkan agar semua prosiding yang digantung sebaik sahaja PLDM atau orang yang dilantik mengambil alih kawalan sesuatu institusi anggota. Fasal ini tidak akan merampas hak seseorang untuk membuat apa-apa prosiding terhadap PLDM atau orang yang dilantik berkenaan. Namun prosiding begini hanya ditangguhkan buat sementara waktu. Hak-hak orang demikian masih dilindungi seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 76(2) dan Fasal 77 rang undang-undang ini.

Saya juga ingin menjelaskan sekali lagi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kudat mengenai kedudukan *unclaimed money* jika berlaku masalah, sama ada kerajaan akan melindungi *unclaimed money* ini ataupun tidak. Sebenarnya deposit yang menjadi *unclaimed money* ini akan dipindahkan kepada suatu agensi kerajaan khas di Bank Negara Malaysia di bawah pendaftar wang yang tidak dituntut selepas tempoh tertentu iaitu 7 tahun dan di bawah Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Ia tidak sama sekali terlibat kepada perbadanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, rata-rata rakan kita daripada Kudat dan Kota Bharu juga menyebut bahawa perlindungan RM60,000 yang diberikan oleh perbadanan ini kepada setiap pendeposit, sama ada kepada konvensional dan Islam, menjadikan RM 120,000, ia seolah-olah hanya setakat itu sahaja tanggungjawab tuntutan ataupun pembayaran kepada pendeposit. Sukacita saya jelaskan sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat bagi Kudat, sebenarnya dalam kajian ataupun dalam kedudukan pendeposit seluruh sistem perbankan kita pada hari ini, 95% daripada pendeposit itu, jumlah simpan depositnya tidak melebihi RM60,000.

Maka, sebab itulah kita lihat RM60,000 ini dinyatakan ataupun diletakkan di dalam rang undang-undang ini kerana kita hendak memastikan bahawa perbadanan ini ataupun insurans deposit ini menjamin setiap pendeposit ataupun jumlah yang besar dalam deposit sistem perbankan negara kita.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya faham dari segi peratusan pendeposit yang ramainya 60,000 ataupun lebih kurang 60,000 seperti yang diterangkan. Cuma saya ingin bertanya kalaulah orang itu ada

RM240,000 dan disimpan di empat bank yang berlainan - (RM60,000 X 4) dia akan mendapat RM240,000. Tetapi seseorang yang menyimpan RM240,000 dalam satu bank, apakah dia hanya mendapat RM60,000? Maksud saya mengapa kita membezakan orang yang membuka akaun di dua atau tiga bank dengan orang yang simpan di satu tempat. Saya tidak nampak rasional konsistensi kita dalam hal ini kecuali ada penjelasan yang lain.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Kota Bharu. Sebenarnya kita kena ingat bahawa premium untuk Perbadanan ini dibayar oleh institusi perbankan itu sendiri. Pada pendeposit rata-rata ataupun majoriti pendeposit 95% tadi kita rasa telah pun terlindung, hanya 5% yang kita istilahkan melebihi RM60,000 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Dan saya percaya pendeposit-pendeposit yang melebihi jumlah ini merupakan pendeposit yang bijak dan mereka sebenarnya memilih institusi perbankan yang baik dan tentu sekali apa yang saya sudah katakan tadi sebenarnya kedudukan institusi perbankan kita sekarang ini pun sangat kukuh termasuk tentu sekali dalam 10 kumpulan ini ada yang terbaik dan sebagainya.

Saya juga faham bahawa apakah mereka 5% ini kita tidak melindunginya. Jadi atas kita tumpukan kepada macam saya katakan tadi untuk mengisi tabungan ataupun Perbadanan ini sendiri kita tidak memerlukan masa yang singkat dalam masa bertahun-tahun di mana setiap institusi anggota kita tidak mahu membebaskan dengan jumlah bayaran premium yang tinggi dan akhirnya mereka menyatakan satu beban dan akhirnya dikenakan kepada sistem perbankan itu sendiri, caj dan sebagainya kepada pendeposit dan sebagainya. Kita menganggap dengan kita menjamin dalam kaedah majoriti 95% itu memadai setakat ini untuk memastikan kita meyakinkan secara keseluruhan pendeposit sistem perbankan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali ramai sahabat kita tadi membangkitkan soal pengarah Lembaga.. Ada dijelaskan oleh Tanjong sebentar tadi seolah-olah ahli-ahli pengarah Lembaga akan hilang kelayakan apabila ditamatkan ataupun dalam istilah

ini dia seolah-olah dia hilang kelayakan apabila menjawat jawatan sebagai Ahli Dewan Negara, Dewan Rakyat dan sebagainya.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua perkara ini adalah sejajar ataupun selaras dengan dasar yang kita guna pakai berkaitan dengan pelantikan-pelantikan pengarah yang terkandung juga dalam garis panduan di bawah Akta Bank ataupun BAFIA 1989 dan Akta Insurans serta Akta Bank Islam 1983. Jadi kita juga sedar bahawa premium dikutip daripada institusi anggota iaitu bank-bank, maka kita selaraskan dengan akta ini dan dalam maksud yang lebih bertanggungjawab kita ingin mengelakkan persepsi ataupun atas kemungkinan percanggahan kepentingan ataupun dalam bahasa yang mudah barangkali kita sebagai penggubal undang-undang ataupun penggiat politik kadang-kadang kita diperjelaskan di sini secara terperinci, barangkali kalaulah berlaku sesebuah institusi perbankan itu perlu dianggap atau diandaikan bahawa seseorang ahli politik mungkin sukar untuk membuat keputusan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, apa yang kita bentangkan pada kali ini untuk memastikan sebenarnya kekuatan sistem ataupun Perbadanan ini sendiri sesuai dengan apa yang kita katakan pandangan luar ataupun anggapan pelabur khususnya terhadap sistem kewangan kita adalah kukuh dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal 1 hingga 100 jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Jadual jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL-USUL MENTERI KEWANGAN

AKTA TATACARA KEWANGAN 1957 (SEMAKAN 1972)

**JADUAL KEDUA AKTA DITAMBAH BUTIRAN BARU:
KUMPULAN WANG AMANAH PENGURUSAN PEROLEHAN SETEM CUKAI
(BANDEROL) UNTUK ROKOK DAN MINUMAN KERAS,
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

"Bahawa Dewan mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Semakan 1972), membuat ketetapan bersetuju supaya jadual kedua akta tersebut dipinda dengan menambah padanya butiran baru seperti berikut:

"Kumpulan Wang Amanah Pengurusan Perolehan Setem Cukai (Banderol) untuk Rokok dan Minuman Keras, Jabatan Kastam Diraja Malaysia".

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan Seksyen 10(4)(a) Akta Prosedur Kewangan 1997, Dewan Rakyat boleh dari masa ke semasa dengan satu ketetapan meminda, memotong atau menambah kepada Jadual Kedua tersebut. Tujuan kumpulan wang ini adalah untuk membolehkan Jabatan Kastam Diraja Malaysia mengadakan suatu sistem dan mekanisme pengurusan kewangan yang sesuai, khusus untuk Perolehan Setem Cukai ataupun Banderol untuk Rokok dan Minuman Keras. Perolehan setem cukai bergantung kepada unjuran jumlah pengimportan rokok dan minuman keras yang tidak menentu bergantung kepada permintaan.

Adalah sukar bagi Jabatan Kastam membuat anggaran peruntukan di bawah Anggaran Belanja Mengurus untuk pengurusan perolehan setem cukai ini. Penubuhan wang amanah adalah alternatif yang terbaik. Anggaran peruntukan yang diperlukan untuk menyenggara akaun dengan baik adalah sebanyak RM37.5 juta. Peruntukan sebanyak RM20 juta telah pun dipersetujui oleh kerajaan sebagai geran pelancaran kumpulan wang ini. Peruntukan yang diperlukan adalah berdasarkan kepada unjuran sebanyak 250 juta helai setem cukai untuk rokok dan 100 juta helai setem cukai untuk minuman keras diperlukan setahun. Kos sehelai setem cukai untuk rokok ialah 7 sen dan untuk minuman keras ialah 20 sen.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu terbuka untuk dibahas. Keping.

5.42 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, memang untuk Kastam dan Eksais ini, orang-orang seperti Yang Berhormat bagi Jerai pun tidak berminat dan memandangkan Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, Ahli Yang Berhormat bagi Padang Besar pun ada di sini dan juga Yang Berhormat bagi Kangar

yang mereka berdua ini memang prihatin kepada hasil negara termasuk Tuan Yang di-Pertualah...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: ...yang hendak pihak Jabatan Kastam, Jabatan Eksais dan juga hasil negara.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Point of order.* Peraturan Mesyuarat, setiap Ahli yang berucap mesti melihat wajah Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bukan melihat mencangk ke atas, tidak boleh, tidak boleh. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sekali-sekala.

Dr. Tan Seng Giaw: Sekali-sekala ya, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua memang tahu kita mesti mempelbagaikan pandangan kita. Dengan dunia yang begitu luas, kita mesti memperluaskan pandangan dan inilah saya nampak dengan secara ringkas sahaja, Yang Berhormat. Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dapat menjawab dengan tepat apa yang kita tanya di sini untuk menguruskan akaun bagi pengurusan perolehan setem cukai banderol rokok dan minuman keras.

Rokok ini saya tidak setuju, tidak setuju langsung untuk Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua pun tidak merokok, itu baik. Saya tidak setuju rokok ini. Walaupun tidak setuju, kita mesti kutip cukai eksais dan juga kastam kerana kita kenakan kadar duti yang agak tinggi. Baru-baru ini pun kita ada kenaikan yang dahsyat supaya kita boleh kutip dengan banyak. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat terangkan untuk mengurus wang yang diperuntukkan RM37.5 juta ini termasuk untuk rokok dan untuk minuman keras ini, bagaimana?

Kita perlukan wang yang begitu banyak untuk setem sahaja. Bolehkah Yang Berhormat terangkan supaya Ahli-ahli Dewan dapat memahami Kumpulan Wang Amanah ini, bagaimana pihak kementerian menguruskan semua ini untuk mempertingkatkan kutipan cukai, setem cukai banderol ini bagi menambahkan hasil untuk negara kita.

Di dalam urusan ini, bolehkah Yang Berhormat sebutkan di sini, kalau kita tengok Jabatan Kastam Diraja Malaysia ini biasanya di mana, sama ada di Arau ataupun di Johor Bahru ataupun di Pulau Pinang dan sebagainya untuk maksud ini. Di mana dilakukan untuk pengurusan perolehan setem cukai ini di seluruh negara.

Diharap Yang Berhormat dapat menjawab kerana kita hendak balik dengan cepat sebab itu saya memendekkan ucapan saya. Arau, kita mestilah mendalami masalah ini juga walaupun di Jerai itu, di situ tidak ada tembakau, cuma ada bukit sahajalah. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, tujuan menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Pengurusan ini...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang Berhormat, boleh sedikit?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Oh, ada lagi, okey.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Minta izin Tuan Yang di-Pertua dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

5.47 ptg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membahaskan sedikit sebanyak tentang Kumpulan Wang Amanah Pengurusan Perolehan Cukai Setem, cukai untuk rokok dan minuman keras.

Tentang rokok ini walaupun saya kaki merokok, kenaikan cukai yang baru ini terasa juga tetapi pada hari ini kita lihat syarikat-syarikat rokok sudah mula

mengeluarkan rokok-rokok yang jenis baru, jenama lama tetapi dengan *packaging* yang agak rendah ataupun bungkusan-bungkusan yang lebih kecil dan pada hari ini juga kita dapat lihat bahawa jenama-jenama baru sedang berleluasa dalam negara kita yang mana usaha kerajaan untuk menaikkan cukai rokok dengan harapan supaya orang-orang boleh mengurangkan atau berhenti merokok, saya tengok tidak dapat apa-apa kesan. Itu tentang rokok.

Yang timbul masalah kita pada hari ini lebih-lebih lagi di kawasan saya di Jasin ialah berkenaan dengan minuman keras. Kita lihat pada hari ini pihak kastam harus menumpukan kepada usaha-usaha penyeludupan yang berlaku berleluasa pada hari ini. Di kawasan saya, di Jasin pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat boleh dikatakan hampir semua kedai-kedai runcit yang bukan milik orang Melayu menjual minuman keras yang diseludup daripada Thailand dan daripada negeri-negeri China pun ada, yang jenamanya *Mekong*, *Maikong* dan semua yang *kong-kong* ini.

Yang saya difahamkan, *Maikong* ini cakap *Hokkien* tidak boleh cakap tetapi ini pasal minum, jadi cakap memang tidak boleh cakaplah. Jadi hari ini berleluasa dan saya minta oleh kerana minuman keras ini pada hari ini hanya pihak Kastam sahaja yang mempunyai kuasa untuk memeriksa ataupun hendak menguatkuasakan penjualan arak ini dan saya difahamkan kalau tengok di Melaka, Kastam tidak cukup kakitangan untuk membantaras perkara ini. Saya berharap kalau boleh Kastam kalau serius untuk menangani masalah ini supaya menurunkan kuasa kepada PBT, Majlis-majlis Tempatan supaya Majlis-majlis Tempatan ada kuasa untuk memeriksa kedai-kedai yang menjual arak-arak yang diseludup ini.

Setakat pengetahuan saya pada hari ini, Kastam Malaysia hanya menurunkan kuasa ini kepada Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur sahaja tetapi di negeri-negeri lain, di daerah-daerah lain, kastam tidak menurunkan kuasa dan pada hari ini.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, arak-arak haram ini berleluasa di peringkat luar bandar. Masalah sosial yang timbul di luar bandar di kawasan FELDA di kampung-kampung tradisi pada hari ini kita lihat banyak di antara anak-anak kita pada hari ini yang *race motor*. Apabila mereka menghadapi kemalangan, didapati bahawa mereka ini dipengaruhi oleh dadah atau mabuk arak. Itulah sebabnya pada hari ini jangan hairan kalau kita lihat anak-anak kita di peringkat kampung menyertai *race motor* yang kadang-kadang kita tidak nampak orang. Dengan adanya arak haram yang mereka minum ini, mereka berani membuat kerja-kerja *stunt*, dengan izin, yang tidak pernah kita fikirkan.

Oleh yang demikian, oleh kerana kerajaan di bawah kastam ini sedang mengutip cukai, saya kira *social obligation* kepada masyarakat luar bandar juga kerajaan kena ambil berat tentang kemasukan arak-arak yang berleluasa pada hari ini dan kita sudah kompelin. Di Jasin, saya sudah kompelin benda ini kepada pihak kastam. Pihak kastam pula menanya kepada saya di mana ada jual arak. Kita sudah beritahu dia di kedai-kedai runcit, merata di Jasin termasuk di kawasan FELDA yang menjual arak haram ini tetapi diminta daripada kita wakil rakyat, tunjukkan mana kedainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini kerja-kerja pegawai kerajaan, kerja jabatan kastam. Bila informasi yang kita sudah bagi kepada pihak kastam, sepatutnya kastam kena turun. Saya sudah minta Majlis Daerah untuk memeriksa perkara ini dan pejabat majlis daerah, PBT telah menyatakan bahawa mereka tidak ada akta untuk memeriksa berkenaan dengan arak-arak ini. Yang ada hanya kastam. Dengan kakitangan kastam yang terbatas ini, akhirnya kita lihat banyak premis dan kedai-kedai di peringkat kampung menjual arak yang diseludup. Apabila diseludup, akhirnya kerajaan akan kekurangan hasil sebagaimana yang hendak kita bincangkan dalam rang undang-undang ini.

Jadi dengan demikian, saya berharap kalau kita sayangkan anak bangsa kita pada hari ini di luar bandar yang mana dah cukup dengan masalah dadahnya, gamnya, ubat batuknya, yang akhir sekarang ini arak yang diseludup dari luar negara, dari negeri China, dari Thailand yang berleluasa di kawasan luar bandar terutama lagi kawasan-kawasan FELDA yang boleh menyusahkan rakyat kita. Hari ini berleluasa, Tuan Yang di-Pertua, berleluasa arak ini dan kita minta supaya pihak kastam meningkatkan penyeludupan ini. Ini tidak termasuk kalau kita lihat bagaimana pencapaian kita pada hari ini?

Saya berucap yang dahulu tentang kastam juga, kita lihat akhir-akhir ini penyeludupan berleluasa dan kita tengok tiap-tiap kali perayaan, kita lihat bagaimana mercun, bunga api yang kita haramkan tetapi di seluruh negara kita penuh dengan barang-barang seludup. Jadi inilah *benchmark* untuk kita mengawasi sempadan kita daripada penyeludupan. Kalau kita lihat raya akan datang, ataupun tahun baru Cina akan datang, kalau masih lagi berleluasa, saya berharap pihak kastam kenalah memperbaiki kawalan penyeludupan dalam negara kita ini. Kalau tidak ada besok, negara kita ini akan hancur. Hari ini arak haram, besok akhirnya saya takut penyudahnya besok, senjata api pun mudah bagi orang-orang ini menyeludup ke dalam negara kita.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, saya berharap di masa akan datang, kastam akan lebih bertanggungjawab dalam usaha mencegah penyeludupan dan saya kira dengan adanya imbuhan yang baru kita luluskan, saya minta kastam kaji balik berkenaan dengan *reward* yang diberi kepada kakitangan dia. *Reward* diberikan kepada pencegah di mana pegawai pencegah apabila dapat menangkap barang-barang seludupan, rokok, arak dan sebagainya, pada masa-masa yang lepas mereka ini mendapat *reward* daripada jabatan mereka. Tetapi akhir-akhir ini *reward* yang diberi oleh pegawai-pegawai ini telah disekat dan dihapuskan kerana mereka mengatakan bahawa kerajaan sudah bagi insentif untuk kerja-kerja penyeludupan ini dengan harga RM350 sebulan.

Kadangkala saya duduk dengan pegawai-pegawai ini, mereka mengatakan hendak melayan *informer* pun RM350 tidak cukup. Itulah sebabnya mereka kurang hari ini, rata-rata kurang dapat menangkap penyeludup-penyeludup ini kerana tidak ada insentif. Oleh yang demikian, kita hendakkan pada hari ini pihak kastam beri insentif kepada kakitangan dia. Begitu juga dengan kereta-kereta yang pernah saya timbulkan yang setakat hari ini yang dapat membeli hanya pegawai-pegawai atasan, pengarah-pengarah kastam negeri pada hari ini. Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri pun kalah. Pengarah-pengarah kastam pada hari ini menggunakan Mercedes, Setiausaha Parlimen - Perdana, Timbalan Menteri - Perdana, Timbalan Menteri Kewangan pula itu, Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan pula itu. Pengarah kastam - Mercedes. Mengapa tidak fikirkan yang mana kereta-kereta ini yang cantik-cantik ini, beri kepada pegawai-pegawai kastam yang hendak pencen? Ini sebagai imbuhan kepada mereka dengan membayar harga yang ditetapkan oleh JKR supaya tidak pegawai-pegawai kastam yang berkhidmat, apabila kerajaan melalui pihak kastam ini dapat memberi peluang kepada mereka untuk memiliki kereta-kereta yang baik ini, maka *morale* kerja mereka akan meningkat.

Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan pindaan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri menjawab.

5.58 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jasin dan Yang Berhormat bagi Kepong. Nasib baik Yang Berhormat bagi Jasin tidak bercakap enam jam tadi.

Tentang peranan kastam memang ia juga berperanan selain daripada kutipan cukai, mereka juga berperanan untuk mencegah penyeludupan. Pandangan daripada Yang Berhormat bagi Jasin tadi memang baik dan bernas dan sebenarnya memang sudah ada peraturan di mana kastam boleh menurunkan kuasa kepada pelbagai pihak seperti Imigresen, polis dan badan-badan lain yang dipersetujui oleh kastam. Memang ada dan dibuat. Mungkin boleh di *extend*, boleh disambung kepada kawasan-kawasan yang lebih luas lagi. Setakat ini memang kuasa diturunkan kepada Dewan Bandar raya, pihak polis dan imigresen. Saya minta perhatian daripada kastam supaya melihat perkara ini secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, tentang *reward* untuk pegawai kastam, memang sudah ada *reward*, memang diberi *reward* dalam angka yang tertentu, saya difahamkan RM300 atau RM350 tetapi untuk *informer* memang kekal *reward* macam itu, *reward* yang biasanya diberi memang kekal diberi dan diteruskan kepada *informer* sahaja, bukan

kepada pegawai kastam. Tentang kereta, kereta ini ada peraturannya. Kalau hendak bagi kepada pegawai-pegawai lain yang lebih rendah maknanya jabatan lain pun hendak juga. Jadi, kena lihat keseluruhan, kalau hendak bagi kena bagi kepada semua jabatan lain. Jadi, ini satu perkara yang perlu dipertimbangkan dengan lebih mendalam lagi implikasinya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong bertanya tentang bagaimana menguruskan tabung ini. Sebenarnya tabung ini, kalau ikut amalan biasa, tanpa tabung, kos untuk hendak beli setem ini adalah terletak di bawah kedudukan pengurusan biasa dan ini pihak kastam tidak boleh hendak menganggarkan jumlah yang sebenar yang diperlukan bagi tahun yang berkenaan.

Kalau dia ada *shortfall*, maknanya kalau peruntukkan dibuat kurang daripada keperluan, maka masalah untuk hendak cari kewangan hendak beli setem itu. Maka, oleh sebab itu timbul cadangan untuk mengadakan tabung ini di mana satu jumlah peruntukkan diberi dan setem dibeli melalui menggunakan wang daripada tabung ini dan setem ini bukan dibagi percuma, dijual. Maknanya tiap-tiap pengimport rokok dan pengimport arak dia kena beli setem ini dan bila setem ini dibeli, maka duit itu akan dimasukkan balik ke dalam tabung dan seterusnya akan digunakan untuk beli lagi setem. Maknanya tidak perlu sudah dimasukkan dalam peruntukkan biasa, tiap tahunan. Dengan cara ini dapat melicinkan lagi pengurusan setem ini untuk dilekatkan kepada semua pengimportan rokok dan juga arak. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi hendaklah disetujukan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan

Usul disetujukan.

AKTA TATACARA KEWANGAN 1957 (SEMAKAN 1972)

JADUAL KEDUA AKTA DITAMBAH BUTIRAN BARU: KUMPULAN WANG AMANAH BANTUAN BENCANA NEGARA

6.02 ptg.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4A), Akta Prosedur Kewangan 1997 (Pindaan 1972) membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru seperti berikut:

"Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN)"

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan Seksyen 10(4A) Akta Prosedur Kewangan 1957, Dewan Rakyat boleh dari semasa ke semasa dengan satu ketetapan meminda, memotong atau menambah kepada jadual kedua tersebut. Tujuan keperluan wang ini ditubuhkan adalah untuk memberi bantuan kepada mangsa-mangsa bencana serta membiayai aktiviti dan program-program yang berkaitan dengan pengurusan dan pengendalian bencana.

Walau bagaimanapun bantuan dari kumpulan wang amanah ini tidak diberi sebagai bayaran ganti rugi di atas kehilangan atau kerosakan harta benda tetapi hanya

sebagai bayaran ihsan untuk mengurangkan kesengsaraan dan penderitaan yang dialami oleh mangsa-mangsa bencana.

Penubuhan kumpulan wang amanah ini adalah bagi menggantikan Akaun Tabung Bantuan Bencana Negara yang ditubuhkan pada tahun 1967 mengikut Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1997 yang ditetapkan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia. Kemudian Wang Amanah Bantuan Bencana Negara ini pula akan diletakkan di bawah pengurusan dan tanggungjawab Bahagian Keselamatan Negara Jabatan Perdana Menteri iaitu sebuah badan yang bertanggungjawab dalam penyelarasan pengurusan dan bantuan bencana.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 Disember 2004 telah meluluskan peruntukkan RM57 juta bagi tujuan penubuhan kumpulan wang amanah ini. Cadangan supaya kumpulan wang amanah diletakkan di bawah Bahagian Keselamatan Negara Jabatan Perdana Menteri adalah selaras dengan arahan Majlis Keselamatan Negara Nombor 20 mengenai dasar dan mekanisme pengurusan dan bantuan bencana negara yang meletakkan tanggungjawab dalam pengurusan dan bantuan bencana negara kepada Bahagian Keselamatan Negara.

Dengan penubuhan kumpulan wang amanah ini, maka proses pengeluaran bantuan kepada mangsa-mangsa yang terlibat dalam bencana menjadi lebih mudah dan lebih cepat tanpa melalui pelbagai peringkat kelulusan dan mangsa tidak perlu menunggu masa yang lama untuk menerima bantuan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim [Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu terbuka untuk dibahas. Ya, Kepong.

6.05 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil masa yang singkat kerana kita sama-sama hendak kembali ke kawasan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu dengan adanya RM50 juta wang ini peruntukkan ini untuk KWABBN, ini istilah yang baru sekarang inilah, KWABBN.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali bencana tahun lepas *tsunami*, memang *tsunami* Jasin, walaupun Jasin tidak mengalami *tsunami* tetaplah itulah di Kedah, Perlis...

Seorang Ahli Kerajaan: Kepong ada.

Dr. Tan Seng Giaw: Kepong tidak ada, mujur sudah tidak adalah. Kadar *tsunami* buatan manusia ada....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, *tsunami* buatan manusia, macam pencemaran dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat mengenai Tabung Mangsa Tsunami sama ada dimasukkan di dalam Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Keselamatan Negara juga ataupun tidak.

Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita semua jumlah Tabung Mangsa Tsunami Malaysia ini dan bilangan mangsa dan yang menerima bantuan dan apakah bantuan yang dihulurkan kepada mereka dan juga mengenai sumbangan Malaysia, sumbangan daripada Tabung Tsunami kita kepada Indonesia misalnya ataupun Sri Lanka ataupun kepada Thailand. Berapakah jumlah itu dan bagaimana sumbangan tabung ini diberikan kepada pihak mangsa.

Adakah mangsa-mangsa di Pulau Pinang, di Kedah yang belum lagi menerima bantuan terutamanya mengenai rumah-rumah yang akan dibina ataupun telah dibina untuk mereka - bukan percumalah, mereka mesti beli rumah-rumah ini. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita semua sebab saya ada dengarlah bahawa itu pihak ada setengah-setengah mangsa tidak menerima bantuan ini dengan tepat, dengan baik.

Saya berharaplah tidak akan berlaku penyelewengan dalam usaha untuk membantu mangsa-mangsa ini. Apa dia? *[memandang ke arah Yang Berhormat Jerai]* Mangsa Jeraikah? Mangsa tsunami kita....

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah mengatakan bahawa pihaknya akan melakukan tafsiran kerugian mangsa tsunami dan saya berharaplah tafsiran inilah sama ada kita dapat tahu jumlah yang sebenarnya itu yang ditafsirkan dan Yang Amat Berhormat pun sudah mengatakan beliau memberi jaminan bahawa setiap sen yang di kumpul akan disalurkan kepada mangsa bencana alam itu dan saya berharap dengan kenyataan Yang Amat Berhormat ini kita dapat tahulah itu bagaimana jumlah wang yang telah dikutip dan sudah dihulurkan kepada mangsa-mangsa. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timor.

6.09ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya harap dalam peruntukkan mengenai KWABBN bahawa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh memberi satu laporan yang lengkap dan terkini mengenai Tabung Tsunami oleh kerana baru-baru ini adalah menjadi berita antarabangsa mengenai integriti Tabung Tsunami di Malaysia.

Ini sebenarnya bukan sahaja bulan lalu kita ada membaca berita mengenai satu angka dekat RM500 juta dilaporkan hilang untuk pembinaan semula di Aceh, masalah bukan sahaja sama ada wang *tsunami* selamat tidak selamat di Indonesia nampaknya di Malaysia pun sudah menjadi berita antarabangsa. Sebagai contohnya BBC bulan lalu ada melaporkan, dengan izin,

"Malaysia's Anti Corruption Agency has announced it is looking into nine alleged cases of misuse of tsunami relief funds. The country's Deputy Prime Minister has promised that the government will not interfere in the investigation. The move follows the BBC report which found that many of those affected by the disaster were claiming not to have received proper help. In the wake of the tsunami Malaysians raised million of dollars..." RM80 juta kalau tidak silap.

"... which were given to the government to help victims but six months on complaints that the aid has not got through are widespread. A BBC investigation uncovered repeated allegations that the money was being kept by middlemen entrusted to distribute it"..

Saya rasa masa cukuplah untuk negara tahu kedudukan yang sebenarnya bahawa setiap sen yang ada di derma untuk tabung tsunami untuk membantu mangsa-mangsa tsunami ada selamat, ada disalurkan untuk kegunaan yang sewajarnya dan saya harap bahawa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh memberi satu *full account* mengenai perkara ini oleh kerana kalau tidak KWABBN yang di tubuh pun tidak akan dapat kepercayaan orang ramai. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohd.Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menanya Setiausaha Parlimen ataupun kerajaan, bencana apakah yang layak untuk mendapat bantuan ini? Kerana kita lihat walaupun saya di Jasin tidak kena *tsunami* mungkin Ipoh Timor kena agaknya, tetapi di Jasin akhir-akhir ini, Tuan Yang di-Pertua, banyak sangat puting beliung dan tiap-tiap kali puting beliung melanda dekat Jasin banyak rumah-rumah awam rosak dan atap-atap mereka banyak tercabut.

Pada tahun ini sahaja tahun 2005 nya ada 3, 4 rancangan rumah awam dekat Jasin sudah 3 kali dilanda puting beliung dan kami wakil-wakil rakyat pun sudah teruk sudah kerana bagi bantuan ini. Kita berharap kalau boleh sebahagian daripada kumpulan wang amanah ini ditempatkan di pejabat-pejabat daerah supaya sekiranya ada berlaku bencana-bencana alam di kawasan-kawasan daerah mudah bagi kita untuk mengeluarkan duit kerana kalau duit pada orang kampung ini kalau lepas bencana makan masa lama untuk kita bagi maka akhirnya kita tidak dapat menolong. Kalau boleh hari ini berlaku, hari ini juga kita bagi bantuan supaya masalah ini dapat kita atasilah.

Tentang *tsunami*, bagaimana disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Timor dan juga Yang Berhormat Kepong tadi saya pun hairan kadang-kadang rakyat Malaysia ini kita sudah bantu banyak sudah bukan tidak bantu tetapi kita masih ada lihat ada orang pula mengaku dia jadi mangsa *tsunami*. Datang merata di seluruh negara, mengaku diri dia mangsa *tsunami* dan dia minta supaya rakyat Malaysia ini menghulur derma dia konon dia ini mangsa tsunami. Dan, kita difahamkan bahawa kutipan yang dilakukan oleh kerajaan ini banyak untuk membantu mereka tetapi masih ada lagi orang-orang yang ambil kesempatan. Saya takut apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor tadi orang-orang yang golongan ini.

Dia sahaja yang mengaku dan membesar-besarkan seolah-olah dia ini tidak dapat bantuan daripada kerajaan ataupun kutipan yang diadakan daripada orang ramai ini dan kita minta supaya kerajaan kena siasatlah benda ini, benar ataupun tidak. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon sedikit masa untuk cakap tentang kumpulan wang amanah ini, bencana alam. Tadi Yang Berhormat Jasin bercakap pasal ribut, memanglah di sebelah kawasan pantai selalunya dilanda ribut dan sebagainya dan kita sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, hari ini hakisan pantai telah menjadi-jadi. Boleh di katakan masalah hakisan pantai ini bukan masalah hakisan setempat tetapi seluruh negara dan keadaan bertambah serius dengan perubahan ombak yang setelah *tsunami*, Tuan Yang di-Pertua, perbezaan ombak ini berbeza, ombak la dengan ombak dahulu sudah berbeza. Jadi contoh dalam kawasan Parlimen saya seluruh kawasan pantai itu terhakis dan banyak orang-orang yang duduk di tepi pantai yang dahulunya 5 kilometer jauh daripada pantai tetapi hari ini terpaksa berpindah-randah.

Jadi, saya hendak mencadangkan kalau boleh kerajaan melihat juga kerana ini adalah sebahagian daripada bencana yang menimpa rakyat. Saya berharap peruntukan dalam tabung ini macam, Yang Berhormat Jasin kata dipercepatkan kerana kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, keadaan berlaku dengan tanpa pengetahuan kita sekelop mata benda berlaku. Jadi, saya amat bersetuju sangatlah supaya peruntukan-peruntukan ini diadakan di setiap negeri, peruntukan ini dikhususkan kepada tiap-tiap negeri supaya apabila berlaku sesuatu bencana kita, wakil-wakil rakyat ini dapat terus bantuan ini daripada pihak kerajaan negeri melalui tabung yang kita wujudkan ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak menyambung sedikit sahaja tentang sama juga tentang *tsunami* tetapi bukanlah tentang 'tsumawi'. Saya hanya menyambung sedikit pandangan daripada rakan-rakan daripada Jasin, daripada Jerai iaitu di Ledang pun tidak ada *tsunami* tetapi 'tsumawi' adalah, Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa] Walaupun yang berkehendak itu berasal daripada Pulau.

Apabila berlaku malapetaka, Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan masing-masing berlumba-lumba untuk menonjolkan imej masing-masing terutamanya syarikat-syarikat korporat, syarikat-syarikat komunikasi untuk menggamit penderma-penderma

yang dermawan seluruh negara. Tetapi saya ragu kebanyakan daripada derma-derma yang diisytiharkan di dalam TV jumlahnya berapa, kutipannya berapa, yang tidak dapat berapa? Hal itu tetapi yang saya lebih kesal, Tuan Yang di-Pertua ialah peranan syarikat-syarikat gergasi komunikasi ini yang tidak peka untuk mencari suatu kaedah memudahkan kutipan derma. Sebagai contoh sekarang ini sibuk dengan Akademi Fantasia, satu kali *charge* SMS apabila kita mengundi "*Mawi World*" kah apa RM0.65.

Kenapa tidak, Tuan Yang di-Pertua, sewaktu malapetaka berlaku seperti tsunami tempoh hari, syarikat-syarikat ini ke depan supaya orang ramai yang ingin menderma walaupun mungkin RM0.10 boleh menderma dengan cara SMS. Misalnya kalau boleh mengundi Akademi Fantasia RM0.65, okay, kita hari ini mungkin 'afundi' ataupun perkataan-perkataan lain bagi tujuan menderma misalnya satu kali hantar SMS untuk tujuan mengundi RM0.10, syarikat berkenaan ambil yang RM0.50 katakan RM0.60 satu SMS diserahkan kepada tabung yang berkenaan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sahabat-sahabat tadi menyentuh tentang malapetaka saya ingin mengambil peluang di dalam Dewan yang mulia ini supaya apabila kita membahaskan akta ini, kita juga menegur syarikat-syarikat berkenaan supaya lebih peka dan lebih kreatif di dalam memberi peluang kepada orang ramai untuk menderma. Bukan hanya kreatif untuk

mencari keuntungan daripada dunia hiburan semata-mata, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Setiausaha Parlimen sila jawab.

6.20 ptg

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong dan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Jasin dan juga Yang Berhormat bagi Ledang.

Berkenaan dengan Tabung Tsunami, Tuan Yang di-Pertua, memang kutipan adalah dalam lingkungan,... kutipan yang telah diterima melalui sumbangan-sumbangan daripada pihak ramai ialah, RM79.95 juta semua sekali dan memang diagihkan kepada negeri-negeri yang terlibat dan kepada sektor-sektor yang terlibat, Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini jumlah yang telah dibelanjakan ialah sebanyak RM50.3 juta, ada baki lagi. Pulau Pinang mendapat RM6.2 juta, Negeri Perlis RM 1.75 juta, Negeri Perak RM1.5 juta, Kedah RM6.5 juta, Negeri Selangor pun ada sedikit RM250 ribu dan lain melalui jabatan-jabatan contohnya pertanian, perikanan, syarikat luar negara pun juga diberi sedikit peruntukan untuk membantu membaiki rumah-rumah yang rosak dan juga membina rumah-rumah baru yang rosak kesemua sekali. So, jumlah semua sekali adalah sebanyak itu dan bakinya masih ada lagi.

Memang terdapatlah, kawasan saya sendiri terlibat dengan *tsunami*, lebih kurang 1,500 keluarga nelayan yang terlibat. Di kawasan saya sendiri pun 29 orang mati. Saya tahu benarlah mengenai masalah ini, masalah yang dihadapi dan juga mereka-mereka yang mengambil kesempatan. Kalau kita tidak semak betul-betul memang ada orang yang buat *claim*, buat tuntutan sehingga dua kali, tiga kali buat tuntutan. Jadi dia mengambil kesempatan. Perkara ini memanglah ada pihak-pihak yang mengambil inisiatif untuk membuat laporan kepada BPR dan sebagainya. Ini sedang disemak.

Ada juga nama-nama yang tercicir, kalau didapati benar, akan mendapat bantuan. Setakat ini memang, kalau ikut bantuan-bantuan yang diterima memang banyak, Tuan Yang di-Pertua. Contohnya kalau ada berlaku kematian dalam keluarga, keluarga mendapat RM20 ribu satu keluarga. Kematian di luar negeri ada juga, kecederaan pun diberi juga, berpindah ke pusat pemindahan pun ada. Untuk nelayan

diberi juga, untuk rumah yang musnah ada, untuk rumah yang rosak pun dapat bantuan, untuk kerosakan bot yang besar, kerosakan bot yang kecil, untuk penternak ikan yang hilang pendapatan pun dapat, petani yang hilang pendapatan pun dapat, kerosakan ikan sangkar, kerosakan peralatan rumah, kerosakan alatan pelbagai, Tuan Yang di-Pertua.

Ini memang saya kira mangsa-mangsa *tsunami* mendapat layanan yang cukup istimewa daripada kerajaan, bukan hanya kerajaan tetapi juga daripada orang ramai.

Sebab itu, saya yakin memang ada lagilah mereka-mereka yang belum puas hati kerana tidak dapat. Mereka yang sepatutnya dapat tidak dapat, ini sedang diuruskan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pengurusan tabung ini, tabung ini memang akan diletakkan di bawah BKN iaitu Bahagian Keselamatan Negara dan setiap negeri ada bahagian, dia ada cawangan masing-masing setiap negeri. Tabung ini akan diagihkan kepada Bahagian Keselamatan Negara setiap negeri dan terpulang kepada Bahagian Keselamatan dalam negeri untuk agih-agihkan kepada Pejabat Daerah. Kalau bersetuju boleh diagihkan kepada Pejabat Daerah, tubuhkan satu tabung sendiri di Pejabat Daerah dan apabila berlaku bencana, boleh diagihkan dengan segera, tidak payah tunggu kelulusan dari Kuala Lumpur dan sebagainya. Cukup kalau ada tabung di peringkat daerah, maka DO boleh luluskan peruntukan. Kita ada kadar-kadar yang tertentu yang boleh ditentukan, boleh dipersetujui.

Mengenai bencana, Tuan Yang di-Pertua, bencana ada pelbagai disebut di sini, bencana banjir, terbakar, yang kena ribut tadi pun boleh tuntutan daripada Pejabat Daerah. Jadi, makna bencana di sini luas, jadi terpulanglah untuk wakil rakyat sama ada ADUN ataupun Ahli Parlimen untuk berbincang dengan Pejabat Daerah untuk mendapatkan bantuan daripada tabung ini. Kemudian, hakisan pantai. Jerai tidak ada pantai, tetapi dia cakap fasal hakisan pantai. Ada pantai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jerai ada pantai, Yang Berhormat Dato'. Seluruh daripada Kuala Sala sampai ke Tanjung Dawai. Pantai belaka tu.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya ingat wakil rakyat..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pantai ada. Yang tidak ada di Kepong. Kepong ada apa?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat pun salah seorang mangsa *tsunami*, mungkin Yang Berhormat terselamat dan tidak memerlukan bantuan, tetapi mungkin juga *side effects*, dengan izin, tentang tragedi yang berlaku.

Tentang bantuan ini, Yang Berhormat, apakah keyakinan yang boleh diberikan kepada kami terutama apabila Yang Berhormat sebut wakil rakyat untuk membuat permohonan dari segi bencana kerana timbul masalah apabila kita kemukakan permohonan sesuatu bantuan, banyak sangat birokrasi yang timbul. Jadi apakah ada satu formula supaya masalah tentang bantuan ini dapat diatasi? Apakah pandangan Yang Berhormat tentang masalah ini? Kita akui, apabila kita hendak pergi Pejabat Daerah itu, macam-macam akan timbul masalah. Jadi, apakah satu pendekatan untuk menyelesaikan masalah ini supaya tidak ada tendang balik tentang permohonan-permohonan? Setiap wakil rakyat yang bawa masalah ini, sudah tentu masalah-masalah yang memerlukan bantuan dengan segera. Bantuan-bantuan yang memerlukan dengan segera dan perlu diatasi. Minta sedikit pandangan daripada Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab soalan Yang Berhormat bagi Larut dahulu. Seperti yang saya sebut tadi, pengagihan daripada tabung ini, kalau sistem sekarang yang ada, tabung bencana terletak di bawah Kementerian Kewangan. Jadi prosesnya memang agak cukup rumit untuk mendapatkan kelulusan dan bantuan. Tetapi kalau dengan adanya tabung yang kita setuju hari ini, kalau setuju diluluskan, maka tabung ini seperti yang saya sebut tadi, terletak di bawah BKN di peringkat pusat, kemudian diagihkan kepada peringkat negeri dan peringkat negeri boleh bawa diagihkan pula kepada Peringkat Daerah dan kita boleh beri kuasa kepada DO untuk mengeluarkan bantuan segera. Ini boleh dirunding.

Saya bagi contoh, macam di kawasan saya sendiri, ada disebut Tabung TYT dan kita agihan duit itu kepada Pejabat Daerah dan Pejabat Daerah boleh keluarkan segera

bantuan. Kita sudah ada *standing instructions*, kalau berlaku kebakaran misalnya, keluarkan RM500 dahulu. ADUN ataupun Ahli Parlimen bagi duit dia dahulu kemudian *claim* kepada tabung ini dan dia akan dapat segera. Ini yang telah dibuat di kawasan saya ataupun di Negeri Pulau Pinang pada masa itu. Maknanya, model itu ataupun cara itu boleh juga dibuat dengan tabung ini, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak menafikan kesungguhan pihak atasan untuk mengeluarkan bantuan ini. Tapi masalahnya apabila sampai di peringkat akar umbi di peringkat bawah, timbul sangat banyak masalah untuk mengeluarkan bantuan-bantuan yang dipohon. Jadi apakah pihak atasan ada satu pendekatan supaya permohonan yang dibuat dapat segera dikeluarkan bantuan? Itu yang saya maksudkan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, peraturan boleh dibuat. Kalau duit sudah sampai ke peringkat negeri, ke peringkat daerah, boleh dibuat peraturan. Maknanya kalau tuntutan itu menepati peraturan yang telah kita sediakan atau tetapkan, maka, duit boleh dikeluarkan segera. Mungkin kalau hari tidak bekerja, wakil rakyat keluarkan duit dia dahulu. Bantuan segera, bantuan mula. Macam saya sebut tadi, kalau kebakaran berlaku, wakil rakyat katakanlah benarkan dia keluar RM500 dahulu bagi bantuan segera, kemudian dia *claim* balik daripada tabung ini. Itu boleh diuruskan, maknanya kita boleh buat peraturan seperti itu mengikut peringkat daerah masing-masing, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit lagi, Yang Berhormat. Saya hendak bangkitkan satu contoh spesifik. Yang timbul ini kerana Ketua Kampung, sebagai contoh, untuk mendapatkan rawatan sakit jantung. Ini yang berlaku di kawasan saya. Apabila beliau pergi ke hospital, dengan *authority* yang beliau tunjuk tidak diterima oleh pihak hospital, *authority card*, kad pengenalan Ketua Kampung. Dan saya telah meminta Pegawai Daerah untuk menyelesaikan perkara ini kerana pada hari itu adalah hari cuti umum. Tetapi apabila dirujuk kepada pihak berkenaan, hendak kena tunggu pula apabila hari bekerja. Kita tidak tahu pesakit itu sama ada akan dapat terus bertahan atau tidak. Itu yang saya maksudkan. Tetapi Yang Berhormat kata tadi ada satu peraturan, memang saya akui ada peraturan. Apakah cara kita hendak mengatasi masalah yang timbul?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya sebut peraturan, yang saya kata boleh diuruskan di peringkat daerah masing-masing. Tetapi contoh yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Larut sebentar tadi sebenarnya di bawah kategori lain, di bawah tabung lain, tabung perubatan. Sekejap lagi kita bincanglah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [Bangun]

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Yang Berhormat bagi Jasin, ada lagi?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Larut, saya mengalami ini tentang bencana ribut taufan ini, apa yang diperlukan oleh tabung ini, meminta orang yang ditimpa kemalangan ini membuat laporan polis dan minta selepas sudah membuat laporan polis, kena tunggu sampai keluar laporan polis itu, salinan itu. Kalau tanpa ada salinan ini, maka tabung ini tidak mengeluarkan bantuan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Jadi, itu yang makan masa. Mengapa tidak memadai dengan kita ketua kampung ataupun wakil rakyat mengesah, cukuplah. Kadang-kadang kalau laporan polis hendak dapat salinan itu, makan berhari. Barulah kita hendak dapat bantuan. Macam contoh kawasan saya, apabila dia kena ribut, terangkat dia punya bumbung waktu petang. Takkan hendak tunggu laporan polis, hendak dapat *copy of report* apa semua? Malam dia hendak tidur macam mana? Atap dia sudah terbang. Hendak kena *repair* malam itu juga. Ini yang membebankan kami sebagai wakil rakyat ini dan hendak dapat balik duit itu, maklum sahajalah macam disebut oleh sahabat saya dari Larut tadi, memakan masa. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kalau bumbung terbang malam itu, orang itu duduk rumah wakil rakyat dululah. *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, sikit lagi.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasihlah. Kita sebagai wakil rakyat, kita berada di sini meluluskan rang undang-undang. Jadi kalau sokongan wakil rakyat tidak diterima sebagai satu *authority*, ini menimbulkan masalah, Yang Berhormat. Kita boleh lulus macam-macam rang undang-undang, pelbagai tabung. Tetapi, kalau kita sebagai *policy-maker* di sini, bila turun ke bawah tidak mahu diiktirafkan, saya agak apalah, agak tertanya-tanyalah. Kalau tidak memang tidak boleh selesai. Memang bencana ini kalau tidak berlaku tidak mengapa Yang Berhormat. Bila berlaku, itu yang menimbulkan masalah. Itu yang kita timbulkan di sini. Selain daripada peraturan, laporan polis ambil masa lagilah. Jadi, apakah tidak memadai? Tadi Yang Berhormat menimbulkan mengatakan wakil rakyat boleh diguna sebagai satu *authority* untuk mengeluarkan bantuan tersebut. Tidak bagi melalui kami pun tidak mengapa, asalkan mangsa tersebut dapat. Ya, wakil rakyat. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Seperti yang saya sebut tadi, ini adalah tabung yang baru. Maka, perlulah kita ada satu peraturan untuk mengeluarkan daripada tabung ini. Mungkin boleh masukkan wakil rakyat sebagai *authority* untuk membuat perakuan supaya duit ini boleh dikeluarkan untuk bantuan segera. Ini saya minta perhatian daripada PKN tentang perkara ini, ya. Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit makluman di sini. Bantuan daripada negara luar, Sri Lanka RM1 juta, ini untuk *tsunami*. Maldives - RM530,000, Indonesia - RM3 juta.

Tuan Yang di-Pertua, tentang hakisan pantai, ini Jerai ya. Saja saya usik dia, memang ada pantai, saya tahu ada pantai. Saya pernah pergi ke sana. Tetapi, wakil rakyat tidak jumpalah di sana. Pantai sebenarnya di bawah Jabatan Parit dan Saliran (JPS) iaitu peruntukan telah disediakan. Untuk hakisan pantai ini memang disediakan. Terpulang kepada pihak negerilah, JPS masing-masing untuk meminta peruntukan tahunan, sama ada di peringkat negeri ataupun di peringkat Federal, Wilayah Persekutuan. Jadi, bukan di bawah tabung ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Maksudnya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ialah bukan pantai itu. Pantai itu biar dekat dialah, hendak buat macam mana, kos banyak. Tetapi mangsa-mangsa yang dipindah, disebabkan oleh hakisan pantai. Kadang-kadang, ribut mai belah malam Tuan Yang di-Pertua, air naik, kawan itu tengah dok tidur pun tidak sedar. Air dia masuk mai. Dia masuk mai pelan-pelan, tahu-tahu air dok dalam rumah dah. Kelam-kabut orang tua-tua. Jadi mangsa ini kita hendak kena pindah. Bila kita hendak pinda, tapak tidak ada, tanah tidak ada, duit tidak ada. Jadi, bolehkah tidak kita masuk dia sebagai orang yang layak menerima bantuan? Hak yang tepi-tepi pantai, yang pantai lagi satu, tidak apalah, JPS perbetul buanglah. Tetapi hak yang terpaksa menghadapi masalah.

Lagi satu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi tahu, fasal kadang-kadang kita dok umum macam bencana *tsunami*. Kita umum tabung sekian banyak, sekian banyak. Mangsa sekian banyak, sekian banyak. Kerajaan pula umum kita akan bantu kepada semua. Orang kampung, dia cerdik dah. Dia boleh pakai *calculator* dah. Dia kira, Menteri umum dapat bantuan banyak ini. Dia pun tekan. Mangsa berapa orang? Dia pun bagi. Bahagi-bahagi dia kata, fasal apa aku dapat sikit? Fasal dia kurang faham. Dia ingat semua duit itu, sudah kata Tabung Tsunami, duit itu kena bagi dekat dia fasal dia mangsa *tsunami*. Jadi yang ini kita hendak kena jaga.

Jadi, masuklah parti-parti pembangkang dan DAP, PAS ini dia dok hentam. Itu dia, tengok kerajaan dok tipu hampa. Dapat banyak ini, bagi dekat hampa banyak ini. Kepong pula kata, tengok, sakit kulit pun tidak boleh tolong. Kena bencana alam. Dia sekupang pun tidak bagi.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, ini patut kita jaga. Benda ini berlaku Dato' dan niat baik kerajaan itu kalut. Padahal kerajaan kutip, itu yang pertama. Yang keduanya, syarikat-syarikat yang dok tipu, dok pekena kerajaan, kadang-kadang dia ambil cek serah dekat Perdana Menteri *mock* cek ini. Dia ambil itu, serah kepada Perdana Menteri, serah dekat Menteri itu, Menteri ini. Tahu-tahu, tidak bagi. Cek pun kadang-kadang 'pok'..

Seorang Ahli: 'Pok'.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: 'Pok' ini ia *bounce lah*.

Seorang Ahli: Bouncelah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Bouncelah. Return cheque.*
[Ketawa]

Seorang Ahli: Gambar dia keluar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Seorang Ahli: Gambar itu keluar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia hendak gambar dia keluar, padahal cek dia 'pok'. Jadi, orang macam ini kalau lain kali *screen* betul-betul. Kalau begitu, saya pun boleh. Saya tulis di *mock* cek itu, pi suruh kedai mana tulis, RM 100,000 saya pun sua ini dia, ambil gambar, TV pun keluar. Tetapi, dia tidak bagi. Jadi kadang-kadang itulah, janji tabung dapat sekian juta, tutup akaun sekian juta. Hak yang di kampung kata, terima yang asal. Jadi, kita pening.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Niat bagus. Terima kasihlah Dato'. Jadi tolonglah bencana di kawasan saya ya.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Itulah, pantai itu memanglah JPS saya sebut tadilah. Pantai itu memang JPS. Tetapi mangsa hakisannya itu memang dia layak untuk mendapatkan bantuan daripada tabung inilah. Jadi, Wakil Rakyat Jerai ini boleh minta bagi pihak mangsa-mangsa hakisannya ini. Boleh minta.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Cuma Yang Berhormat Dato', saya hendak minta lagi, bolehkah tidak minta macam ini - rumah PPRT harga dia RM12,000 la-ni - bilik dua, bilik air satu.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, bila rumah depa terhakis, ombak bawa pi ke laut pula, hendak ambil balik tidak boleh. Jadi, bolehkah tidak kita bagi bantuan balik rumah ini? Jadi yang itu saya hendak minta, kerana la-ni kita bagi bantuan makan dan sebagainya. Tetapi, bantuan rumah tidak ada. Saya hendak ambil kesemua pun tak dan. Rumah saya bukan bilik banyak. Jadi, saya hendak bawa pi ke mana depa ini? Hendak bubuh di dewan pun tara mana, maklumlah. Yang dok 'bebai' (bebal) di *tsunami* dulu ini, saya hendak cerita, yang dia bebai bila *interview* di televisyen itu, bubuh dalam dewan, dekat sehari dua boleh tahan lagi. Mai dua minggu Dato', dia tidak boleh dok sekali suami isteri, mahu tidak bebai? Dia kata hampa tahu apa? Kami duduk sini dua minggu dah, apa pun tidak boleh lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Setiausaha Parlimen sudah faham Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sudah faham, ya? Tidak apa. Ini fasal manusia dia ada kehendak. Jadi, kalau boleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sudah cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: tabung ini pun, bagi duit, okey wakil rakyat *confirm*, *endorse* macam Yang Berhormat bagi Larut kata, pakai guna, ambil RM12,000 lebih harta ini, nah pi buat rumah sebiji. Hampa duduk elok-elok. Kalau tidak, kerajaan bagi macam-macam pun, depa tidak dapat rumah, dok bebai situlah. Terima kasih Dato'.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya ingat Yang Berhormat bagi Jerai boleh buat permohonan. Tabung ini boleh pertimbangkan sama ada hendak bagi rumahkah, hendak sewa rumah dan sebagainya. Tetapi, sambil itu kita tengok pulalah tanah tapak itu, bermakna kerajaan negeri juga kena bantu dalam hal ini, bukan Kerajaan Pusat sahaja yang kena bantu. Tetapi, kerajaan negeri juga kena ambil peranan, sekurang-kurangnya bagi tapaklah. Tapak memang masalah di mana-mana pun.

Tentang Yang Berhormat bagi Ledang, Tuan Yang di-Pertua, Ledang memberi cadangan yang baik, *very innovative*. Maknanya boleh guna SMS hendak bagi sumbangan kebajikan. Kalau 10 sen satu SMS pun ataupun kalau dapat 10 sen satu SMS pun, berjuta SMS satu hari. Jadi, satu perkara yang patut dipertimbangkan oleh pihak TELCO. Syarikat telekomunikasi banyak di Malaysia ini, patut mereka ambil bahagianlah dalam hal ini supaya kita mendapat sumber kewangan lagi untuk tabung ini. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang dapat saya jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri itu hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Usul disetujui.

AKTA TATACARA KEWANGAN 1957 (SEMAKAN 1972)

JADUAL KEDUA AKTA DITAMBAH BUTIRAN BARU:

"KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN, PERUNDINGAN DAN PENYELIDIKAN, INSTITUT PENILAIAN NEGARA"

5.40 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Pindaan 1972) membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru seperti berikut:-

"Kumpulan Wang Amanah Pendidikan,
Perundingan dan Penyelidikan, Institut Penilaian Negara"

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan seksyen 10(4)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957, Dewan Rakyat boleh dari masa ke semasa dengan satu ketetapan meminda, memotong atau menambah kepada jadual kedua tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan kumpulan wang ini adalah untuk menjalankan perkhidmatan pendidikan, perundingan dan penyelidikan harta tanah bagi melahirkan sumber tenaga manusia yang berpengetahuan, berkemahiran dan berketerampilan dalam pembangunan industri harta tanah negara. Peruntukan sebanyak RM122,500

pada tahun 2004 dan RM542,500 pada tahun 2005 telah pun dipersetujui oleh kerajaan bagi tujuan pelancaran kumpulan wang ini. Peruntukan ini adalah bagi menampung 54% daripada kos pengajian pelajar manakala 48% lagi disediakan oleh pelajar sendiri.

Selain daripada peruntukan kerajaan usaha akan dibuat untuk mendapatkan sumbangan dari perbagai pihak seperti orang perseorangan, badan korporat atau syarikat untuk memperkukuhkan sumber kumpulan wang ini bagi memastikan program pendidikan, perundingan dan pendidikan hartanah berjalan dan berkembang mengikut keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah satu Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu tadi terbuka untuk dibahas. Kepong.

5.45 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian di dalam usul ini yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Balik Pulau, dia hendak balik ke Pulau dan saya hendak balik ke Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat teruskan bercakap, tak payahlah balik Pulau.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak balik ke Kepong sebab itu saya memendekkan ucapan saya. Kita ada satu institut penilaian negara INSPEN, itu yang hendak bantu daripada - saya dengar tadi RM122 juta yang diperuntukkan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: RM 122,500

Dr. Tan Seng Giaw: Tak besarlah, memang peruntukan tidak besar untuk tabung ini. Walau bagaimanapun, ini memang kita pun mengharapkan dengan adanya peruntukan ini dengan ada usul yang dibentangkan hari ini kita dapat memajukan industri hartanah kita yang penting untuk negara. Walau bagaimanapun, saya pun hendak tanya beberapa soalan mengenai INSPEN (Institut Penilaian Negara) yang bertapak di Bangi. Tetapi alamatnya salah sedikit, 5 Persiaran, saya tidak nampak Persiaran Institusi Bangi. Persiaran itu penyiaranlah tu.

Seorang Ahli Parlimen: Lain.

Dr. Tan Seng Giaw: Ha, apa lain pulak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Persiaran itu kita bersiar-siar di siang harian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, hendak berbincang hal itu pergi di kantinlah.

Dr. Tan Seng Giaw: P-e-r di sini. P-e-r itu bermakna Institut Penyiaranlah seperti RTM.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka kalau tidak...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, apa kena mengenanya 'persiaran' dengan tabung ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Alamatnya Persiaran, saya pun hairan. Saya tengok Institut Penilaian Negara bukan Institut Penyiaran. Saya hendak bagi tahu sahajalah. Tuan Yang di-Pertua, memang objektif INSPEN memang seperti yang disebutkan untuk pendidikan, perundingan dan juga penyelidikan. Hendak menyelidik orang dia mesti

betul sedikit dan ejaan pun betul juga. Kalau tidak macam hendak mendidik dengan betul. Saya nampak ada satu misi untuk INSPEN untuk menjadikan satu organisasi penilaian yang terbaik di dunia melalui perkhidmatan yang cekap dan berkesan kepada negara. Ini memang satu tahap yang terbaik di dunia. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan bilangan pelajar yang berada di dalam INSPEN ini dan bagaimana kita boleh meningkat ke taraf dunia.

Yang penting sekali saya berharaplah Yang Berhormat boleh bantu kita adakan satu kursus integriti dalam institut ini. Semalam kita ada taklimat daripada PIN daripada Institusi Integriti Negara (IIM) dan dengan taklimat itu saya berharaplah Yang Berhormat Balik Pulau sebelum balik ke pulau kita dapat mengadakan satu kursus untuk integriti kerana kalau ada penyelidikan tidak ada integriti pun tidak baik kerana hartanah ini banyak berlaku penyelewengan. Kita tidak mahulah kalau kita hendak mencecah tahap dunia kita tidak boleh membiarkan berlakunya penyelewengan dan pelajar-pelajar yang kita didik mestilah mempunyai etika dan integriti yang teguh yang cukup hebat supaya kita sama-sama bagi membangunkan industri hartanah kita dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya nampak peruntukan diberikan untuk penyelidikan. Penyelidikan yang kebanyakannya dari sejak ditubuhkan INSPEN ini saya nampak pada banyak jilid untuk data dan untuk penyelidikan dan sebagainya. Adakah institut ini mengeluarkan ijazah sama ada Ijazah Sarjana ataupun Master ataupun Kedoktoran. Atau pun setakat Diploma sahaja. Atau pun setakat Sijil sahaja. Untuk berapa tahun biasanya kursus bagi INSPEN ini. Kita mesti tahu semua kerana kita hendak bantu, hendak meluluskan wang walaupun beratus ribu sahaja bukan berjuta-juta. Kita hendak tahu bagaimana pihak INSPEN menguruskan semua penyelidikan dan pendidikan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hairan juga Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kepong sangat rajin. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kepong bahawa dalam pandangan beliau tentang integriti ini. Ini sangat penting. Dalam sektor ini memang boleh berlaku penyelewengan. Ada kalanya memang kita dapati bila dua syarikat berlainan buat penilaian berbeza, perbezaan yang ketara kita lihat dari segi penilaian yang dibuat oleh dua syarikat yang berlainan di atas *property* yang sama. Ini sudah berlaku.

Dan ini saya kira integriti sangat penting dalam bidang ini. Tuan Yang di-Pertua, kolej ini terletak di,... institut ini terletak di Bangi sebenarnya dan kursus ini adalah untuk dua tahun, untuk sijil sahaja. Bukan diploma, bukan *degree* tetapi sijil sahaja. Setakat ini ada 30 orang, 30 orang tahun pertama; dan tahun kedua 30 orang jadi 60 orang semuanya kursus untuk dua tahun. Dan dalam dua tahun itu 6 bulan adalah untuk *industrial training*. Jadi cuma untuk sijil sahaja dan saya yakin tahun ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar-pelajar yang berminat, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Usul disetujui.

AKTA TATACARA KEWANGAN 1957 (SEMAKAN 1972)**JADUAL KEDUA AKTA DITAMBAH BUTIRAN BARU:
"KUMPULAN WANG AMANAH TABUNG BANTUAN PERUBATAN"**

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan;

"Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4)(a) Akta Prosedur Kewangan Akta 1957 (Pindaan 1972) membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru seperti berikut:-

'Kumpulan Wang Amanah Tabung Bantuan Perubatan (TBP)'

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan Seksyen 10(4)(a) Akta Prosedur Kewangan Akta 1957, Dewan Rakyat boleh dari masa ke semasa membuat satu ketetapan meminda, memotong atau menambah kepada jadual.

Tujuan kumpulan wang ini ditubuhkan adalah untuk membolehkan Kementerian Kesihatan Malaysia mengadakan suatu sistem dan mekanisme pengurusan wang yang sesuai dan khusus untuk pemberian bantuan kepada orang yang kurang mampu dan kurang upaya bagi membiayai kos rawatan perubatan. Rawatan yang dimaksudkan ialah rawatan-perawatan perubatan, ubat-ubatan dan peralatan perubatan yang tidak disediakan oleh hospital kerajaan.

Kerajaan dalam bajet 2003 telah bersetuju mewujudkan satu dana khas sebanyak 100 juta ringgit bertujuan bagi membantu pesakit-pesakit kronik dan pada bajet 2004 pula diperuntukkan sebanyak 10 juta ringgit bagi pesakit-pesakit kurang upaya. Daripada jumlah tersebut sebanyak 50 juta telah pun disalurkan kepada Kementerian Kesihatan.

Kumpulan Wang Amanah ini diperlukan bagi memudahkan pihak Kementerian menguruskan wang peruntukan kerajaan dan sumbangan orang ramai dengan sempurna lagi berkesan supaya hasrat kerajaan bagi membantu pesakit-pesakit kronik dan orang kurang upaya tercapai. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis adalah satu usul yang dicadangkan oleh Menteri Kewangan itu tadi terbuka untuk dibahas. Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat, saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, terus Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya memang, saya sebagai seorang doktor kalau tidak menyertai perbahasan jadi saya lalailah kes ini. Oleh kerana diperuntukkan lebih 110 juta sudah, diperuntukkan untuk tabung TBP ini dan ini memang satu perbuatan yang baik iaitu cadangan program yang baik untuk membantu pesakit-pesakit yang kronik yang miskin dan juga untuk pesakit yang kurang upaya kerana ini tepatlah pada masanya untuk adakan tabung seumpama ini kerana ada ramai juga pesakit-pesakit yang miskin yang mengidap penyakit kronik seperti kanser, barah dan lain-lain penyakit kronik yang tidak berupaya termasuklah sakit pinggang hemodialisis yang begitu mahal belanja untuknya dan inilah kita mesti sokonglah untuk membantu orang miskin, orang-orang yang sakit.

Walau bagaimanapun, negara kita belanja banyak juga, 3.8% GDP itu untuk kesihatan, hampir 7.8 bilion ringgit, daripadanya lebih 4 bilion ringgit untuk rawatan perubatan. Ini memang satu angka yang besar walaupun di dunia WHO Pertubuhan Kesihatan Dunia yang menetapkan itu satu angka 5% GDP untuk kesihatan negara, kita hanya 3.8%. Saya pun berharaplah pihak Kewangan mungkin Setiausaha Parlimen mesti rujuk kepada Kementerian Kesihatan walaupun kita mendebatkan masalah

kesihatan sekarang. Walau bagaimanapun, saya berharap pihak Kementerian dapat mempertimbangkan bagaimana kita boleh meningkatkan peruntukan untuk kesihatan.

Seterusnya Yang Berhormat, saya pun juga dapat memikirkan masalah iaitu sistem Tabung Keselamatan Kesihatan Negara (National Health Security Fund) dan saya pun diberitahu bahawa pihak *backbenchers* sudah mendapat taklimat mengenai National Health Security Fund. Mungkin Yang Berhormat bagi Arau boleh memberitahu kita macam mana dia dapat tahu sistem National Health Security Fund atau Tabung Keselamatan Kesihatan Negara. Sebab kalau kita adakan tabung seumpama ini apakah

akan terjadi dengan usul yang dibentangkan sekarang? Adakah ini dihapuskan sama sekali? Sebab maksud tabung tersebut ialah untuk menukarkan sumber-sumber kewangan bagi kesihatan kerana kerajaan hendak meringankan bebannya.

Yang penting sekali, Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita hendak menukarkan cara berbelanja bagi sektor kesihatan kita mesti sentiasa menjaga kualiti kesihatan, penjagaan kesihatan kita terutamanya jurang di antara yang berada dengan yang tidak berada yang mendapat rawatan di pusat-pusat kesihatan. Ada perbezaan yang kaya, yang miskin mesti ada perbezaan yang sangat. Kalau Yang Berhormat Balik Pulau pergi ke pusat-pusat pesakit luar kita, boleh tengok dia beratur dengan panjang dan sebagainya. Jabatan pesakit luar di Hospital Kuala Lumpur kalau kita pergi jam 7 ataupun tidak sampailah jam 7, 6.45 kadang kala kita nampak pesakit-pesakit yang beratur untuk mendaftar sebagai pesakit luar kerana di Hospital Kuala Lumpur kita itu kita mempunyai 12 bilik untuk memberi rawatan kepada pesakit-pesakit yang miskin. Saya berharaplah kualiti penjagaan dapat dijamin dan juga kualiti untuk hospital-hospital awam kita pun dapat ditingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak masalah mengenai tabung tersebut yang bakal diadakan di sini dan saya berharaplah Yang Berhormat bagi Balik Pulau boleh mencadangkan kepada pihak-pihak Kementerian itu lebih telus, lebih terbuka bagi kita tahu macam mana kita boleh menyekat pakar-pakar, doktor-doktor dan jururawat daripada hospital awam pergi ke hospital swasta dan juga doktor-doktor dari luar bandar itu berhijrah ke bandar-bandar.

Ini memang dengan adanya tabung keselamatan kesihatan negara kita, saya pun takutlah akan berlaku masalah-masalah yang telah saya sebutkan tadi. Kita di pihak sini memang prihatin kepada apa yang akan berlaku di negara ini dengan pertukaran corak untuk kewangan membelanjakan sektor kesihatan kita dan sebab tidak ada masa saya berharap dengan adanya tabung ini kelak, usul yang dibentangkan hari ini tidak menjadi sia-sia sahaja dengan kewangan alternatif bagi kesihatan kita dan mudah-mudahan kalau dengan kerjasama semua pihak, pesakit-pesakit dan orang awam dapat tahu macam mana pihak kerajaan akan melaksanakan tabung tersebut, kita mungkin dapat mencegah apa akan berlaku termasuklah tahap penjagaan kesihatan yang menurun dan juga perbezaan yang ketara di antara yang berada dan tidak berada untuk mendapat rawatan di pusat-pusat kesihatan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jawapan daripada Kementerian Kewangan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila.

7.02 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong. Beliau seorang doktor, maka beliau sangat berminatlah dengan tabung ini. Tuan Yang di-Pertua, memang tabung ini khas ditubuhkan untuk membantu pesakit-pesakit kronik yang tidak berupaya dan juga orang kurang upaya.

Kalau kita lihat jenis-jenis penyakit kronik memang banyaklah termasuk *blood disorders*, *kidney disorders* dan berbagai-bagai lagilah. Kalau hendak sebut, panjang di sini. Memang kos untuk pesakit-pesakit tertentu memang tinggi, contohnya dialisis. Kalau kena dialisis memang seminggu tiga kali, sekali dialisis RM200, sebulan RM2,400, memang tidak mampu. Kalau gaji RM5,000 pun tidak cukup.

Kalau seorang anak mendapat *thalassemia major*, dia kena kos belanja lebih kurang RM 1,000 sebulan untuk ubat. Kalau anak dia dua orang kena *thalassemia major*, maka RM2,000 sebulan. Jadi memang tidak mampu. Sebab itu mereka layak

mendapatkan bantuan daripada tabung ini. Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, 240 orang telah mendapat faedah ataupun bantuan daripada tabung ini berjumlah hampir RM6 juta. Jadi selain daripada itu Yang Berhormat bagi Kepong menyentuh tentang perjalanan hospital, yang ini saya tidak mahu komen kerana ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih dan itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat menteri itu tadi hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Usul disetujui.

AKTA KASTAM 1967

- (i) **Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.7) bertarikh 23 Disember 2004.**
- (ii) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.8) 2004 bertarikh 24 Disember 2004**
- (iii) **Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.8) bertarikh 24 Disember 2004**
- (iv) **Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.9) bertarikh 30 Disember 2004**
- (v) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.9) 2004 bertarikh 30 Disember 2004**
- (vi) **Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No. 10)**
- (vii) **Perintah Kastam (Duti Anti Lambakan) 2005 yang bertarikh 27 Januari 2005**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sila.

7.04 mlm.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan oleh subseksyen 2, seksyen 11, Akta Kastam 1967 supaya Perintah-perintah Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. ST57 hingga ST63 Tahun 2005 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.7) bertarikh 23 Disember 2004. Perintah ini bertujuan untuk membuat

pindaan ke atas Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata) 2004 berkenaan beberapa barangan bagi mengambil kira perbezaan struktur kadar cukai jualan, duti eksport dan *bound rate* yang mana sepatutnya barisan tarif tidak disatukan. Di samping itu perintah ini juga membuat penjenisan semula barang-barang berikutan daripada penjelasan pengimport.

Yang kedua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.8) 2004 bertarikh 24 Disember 2004. Perintah ini bertujuan untuk mengenakan duti import 40% ke atas lapan jenis produk padi dan beras. Berkenaan duti import ini perlu supaya apabila produk-produk berkenaan dimasukkan ke dalam Skim *The Common Effective Preferential Tariff* di bawah AFTA menjelang 1 Januari 2005, kadar yang terpakai adalah 40% dan tidak 0%.

Yang ketiga, Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata (Pindaan) (No.8) bertarikh 24 Disember 2004. Perintah ini merupakan pindaan susulan, *consequential amendment* untuk yang berbangkit daripada Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.8) bertujuan untuk mengenakan duti import 40% ke atas lapan jenis produk padi dan beras supaya apabila produk-produk berkenaan dimasukkan ke dalam Skim *The Common Effective Preferential Tariff* (CEPT) di bawah akta menjelang 1 Januari 2004, kadar yang terpakai adalah 40% dan tidak 0%.

Yang keempat, Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.9) bertarikh 30 Disember 2004. Perintah ini disediakan untuk menggantikan Jadual Pertama kepada Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata) 2004. Jadual baru ini telah dikemaskinikan supaya lebih komprehensif dan telus bagi melicinkan urusan pengeksportan ke arah meningkatkan perdagangan antara negara anggota ASEAN. Jadual baru ini juga adalah hasil semakan semula oleh negara-negara ASEAN dan telah diperakukan oleh The 18th AFTA Council pada September 2004 supaya diguna pakai oleh semua negara ASEAN mulai 1 Januari 2005.

Yang kelima, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.9) 2004 bertarikh 30 Disember 2004. Perintah ini adalah bagi menurunkan kadar duti import ke atas kenderaan bermotor termasuk motosikal dan komponen-komponen CKD dari negara bukan ASEAN, bersamaan dengan kenaikan dalam kadar duti eksais. Ia juga bertujuan untuk mewujudkan satu kod tarif khusus bagi komponen CKD bagi kenderaan untuk mengangkut 10 orang atau lebih penumpang dengan mengenakan duti import sebanyak 10% seperti mana yang dikenakan ke atas komponen CKD yang lain.

Yang keenam, Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN Dan Tarif Keutamaan Sama Rata (Pindaan) (No. 10) bertarikh 31 Disember 2004. Perintah ini disediakan bagi tujuan memenuhi komitmen negara ke atas pelaksanaan sepenuhnya AFTA mulai 1 Januari 2005 iaitu menurunkan duti import kepada tidak melebihi 20% bagi kenderaan bermotor termasuk motosikal dan komponen-komponen CKD, memasukkan padi dan beras ke dalam senarai CEPT serta menurunkan kadar duti import ke atas beberapa produk pertanian dan tembakau mengikut jadual penurunan seperti mana yang telah diwartakan di bawah Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) Tarif Keutamaan Sama Rata 1995.

Yang ketujuh, Perintah Kastam (Duti Anti Lambakan) 2005 yang bertarikh 27 Januari 2005. Perintah Kastam (Duti Anti Lambakan) 2005 bertujuan mengenakan Duti Anti Lambakan Muktamad sebanyak 3.45% dan 8.17% ke atas Milik and Hydrate dan yang berasal dari atau dieksport dari Chinese Taipei, Taiwan, 19.14% dari Indonesia dan 26.34% dari Korea bagi melindungi industri tempatan yang mengeluarkan produk yang serupa. Kadar tersebut dikenakan bagi tempoh mulai 4 Februari 2005 hingga 3 Februari 2010. Duti ini dikenakan selaras dengan peruntukan seksyen 25 Akta Duti Timbal Balas dan Anti Lambakan 1993 dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]:
Saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Kepong.

7.10 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada tujuh sekarang, saya akan menumpukan perhatian kepada duti eksais import untuk kenderaan bermotor sebab kalau kita melihat Yang Berhormat bagi Balik Pulau sudah buat kali pertama, sejak 20 tahun dengan singkat dan dengan terangnya kita boleh mengikuti dengan mudah. Syabas kerana persembahan yang baik dengan masa yang singkat dan dia boleh memberitahu kita apa yang dimaksudkan dengan setiap perkara yang termasuk di dalam usul ini, itu baik.

Saya tidak akan membahaskan semua cuma dengan kenderaan CKD dan sebagainya dalam usaha kita untuk mengadakan tarif keutamaan sama rata dan untuk akta kerana kalau kita lihat Kertas Status 57 (P.U.(A) 418 sahaja itu; dari muka 39 kepada 111 itu semuanya mengenai kenderaan, dengan begitu panjang. Ini melibatkan wang yang banyak, sangat banyak. Walaupun saya hendak memendekkan tetapi saya hendak mengambil kesempatan sedikit untuk bertanya Yang Berhormat mengenai CEPT ini, tarif dan keutamaan sama rata ini daripada CKD dan sebagainya kerana kita hebat membahaskan mengenai Proton kita.

Proton kita ada satu kilang yang besar di Tanjung Malim yang moden. Tetapi saya sangat bimbang dengan CEPT Yang Berhormat Menteri, ini memang penting. Menteri bukan sahaja kadang-kadang dia boleh sabar kerana dia prihatin kepada masalah industri automobil negara kita cuma kita berharap juga Yang Berhormat Menteri yang menjaga Parlimen kita pun berminat juga. Proton menghadapi masalah, tengok dia senyum sahaja [*Sambil menunjukkan kepada seorang Menteri*] Apa ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, apa isu dia Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Isu memang banyak kerana ini CEPT untuk kenderaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau tidak ada isi, Yang Berhormat, berhentilah.

Dr. Tan Seng Giaw: Mesti ada isi banyak, isi banyak - Proton. Apakah terjadi dengan Proton sekarang? Sama ada kita ada CEPT ini untuk begitu banyak termasuk banyak jenis kenderaan bagi CKD dan sebagainya untuk duti import eksais, dikecualikan duti import dan sebagainya ataupun dikurangkan tidak lebih daripada 20%. Ini memang menjejaskan Proton. Itu maknanya yang banyak, Tuan Yang di-Pertua, memang dahsyat sekali. Kita tidak tahu macam mana pengurusan Proton kita sekarang? Memang relevan kerana kita ada CEPT sekarang di sini dan sebelah situ dia kata kita tidak tolong langsung dengan Proton, itu masalahnya. Yang Berhormat bagi Arau pun senyum sahaja [*Ketawa*] senyum kerana itu waris dia juga. Kalau ada pun, Machang sedikit, waris dia juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, apa kena mengena dengan Arau, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Memang kena mengena dan Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali bila kita mempertimbangkan untuk mengadakan CEPT, adakah kita pun mengira industri automobil kita? Adalah penting sekali sebab saya nampak industri kereta kita tidak mempunyai daya bersaing. Kita hanya ada kependudukan 26 juta orang sahaja dan setiap tahun kita mesti jual dengan banyak. Kita tidak dapat menjualkan kereta kita di Amerika Syarikat bahkan juga walaupun Mitsubishi dan sebagainya terlibat dengan kereta Proton, Perodua dan sebagainya, tetapi kita tidak boleh eksport kereta kita ke negara Jepun, tidak boleh, tidak boleh masuk ke situ.

Amerika Syarikat yang merupakan pasaran kereta yang terbesar di dunia tidak boleh masuk. Baru-baru ini kereta buatan China pun masuk ke Malaysia, bukan main kualiti dia tinggi dan harga begitu murah. Tambahan pula industri-industri ini ada Toyota ada kilang di Thailand, Honda ada kilang di Thailand dan pihak General Motors dan Ford, masing-masing melabur lebih USD 1 bilion di situ dan mereka keluarkan motokar mereka itu dengan kualiti tinggi kerana dia memang syarikat transnasional.

Cuba bayangkan Volvo yang kita pakai di sini dan saya nampak Yang Berhormat Menteri pun suka dengan Volvo dan sebagainya; BMW, Volvo. Volvo ini kita anggap buatan Sweden, tetapi bukan, itu Ford kerana masalah industri automobil kita ini dia hendak *consolidate*, gabungkan semua syarikat itu besar-besaran - Daimler. Mujurlah kita nampak ada sedikit gabungan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, gulunglah Yang Berhormat, gulunglah Yang Berhormat. Kita bercakap Duti Kastam.

Dr. Tan Seng Giaw: Betul, Duti Kastam ini ada kena mengena dengan kereta nasional [Disampuk] Macam mana luar pagar? Ia CEPT. CEPT ini maknanya tarif keutamaan sama rata, kita hendak kurangkan duti import dan eksais supaya kita dapat mengimport lebih banyak komponen kenderaan untuk bersaing dengan Proton dan kereta nasional yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak sebutkan di sini kerana saya hendak Yang Berhormat memberitahu kepada pihak Proton juga bahawa nampaknya tahap

pengurusan mestilah dipertingkatkan, kita juga ada *hybrid*. *Hybrid* itu saya dengar sejak dua, tiga tahun lagi *hybrid* kita itu, *hybrid* kita hendak ada, tetapi di Toyota, Honda di Jepun, *hybrid* itu sudah dibuat. Kita hendak buat *hybrid* lima tahun akan datang. Itulah Arau pun terkejut juga [Ketawa] Hendak dibuat *hybrid* ini lima tahun akan datang walhal pihak Jepun sudah buat *hybrid*. Apakah masalah sekarang ini? Sama ada kita mempunyai kepakaran

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sila gulung!

Dr. Tan Seng Giaw: Kepakaran dari segi kejuruteraan untuk membina kereta yang lebih, kualiti yang lebih tinggi, adakah kita mempunyai pasaran dan sebagainya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu memang satu perkara yang penting, Tuan Yang di-Pertua dan saya mempunyai banyak lagi yang hendak disebutkan di sini, tetapi kerana kita pun kasihan kerana semua orang hendak kembali ke kawasan masing-masing, saya pun tolong sedikit walaupun begitu banyak hendak kita sebutkan di sini, dengan panjang lebar supaya industri kereta Malaysia itu dapat maju kerana kita kurang daya persaingan sekarang.

Yang akhir sekali, macam mana Yang Berhormat dapat membantu kita semua meningkatkan daya bersaing kita dari segi pengurusan, dari pasaran, dari kejuruteraan, dari segi mengadakan *hybrid*, orang ada sudah lima tahun yang lepas kita masih hendak tunggu lima tahun lagi daripada *hybrid* kereta kita, kita ketinggalan sepuluh tahun.

Kalau ketinggalan sepuluh tahun dari pelbagai segi, dari segi *engineering*, dari segi kecanggihan kereta, macam mana kita boleh jual? Tambahan pula kita ada usul hari ini untuk meluluskan semua, kita import kenderaan dan komponannya lebih murah, macam mana? Matilah itu industri kita. Ini, Tuan Yang di-Pertua, mesti mempertimbangkan masalah macam mana kita boleh itu memelihara dan menghidupkan industri automobil kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ipoh Timor.

7.21 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat kertas *statute* ini muka demi muka, CKD, CBU, berbagai komponan kenderaan yang bersangkutan paut dengan secara langsung dengan masalah kereta nasional, dan sebab itulah inilah mustahak kita perlu bahas dengan panjang lebar. Masalah kereta nasional kenapa kita perlu *statute* senarai dalam masih begitu panjang mengenai CBU, CKD dan sebab khasnya baru-baru ini kontroversi nasional mengenai Proton, mengenai *viability* Proton, *national automotive policy* khasnya mengenai masalah APAP. Sebelum itu saya mahu ambil perhatian Dewan yang mulia ini kepada satu *Nyanyang Siang Pau* hari ini. Mustahak! [Merujuk kepada akbar *Nyanyang Siang Pau*] Eksklusif interview yang

dibuat oleh bekas CEO Proton *predecessor* Tan Sri Mahathir, Nazmi, bekas pergi siasat dan apabila kata ini mustahak dan perlulah kita faham bahawa bekas CEO dia kata Dato' Mohd Nazmi Mohd Salleh mengatakan disebabkan perlindungan yang lebih diberi terlalu banyak lebih diberi oleh kerajaan kepada Proton, Proton telah kehilangan banyak peluang untuk bekerjasama dengan syarikat-syarikat automobil antarabangsa. Ini menyebabkan beberapa negara yang jauh lambat memulakan industri automobilnya seperti Thailand telah mula mencapai kejayaan yang lebih besar daripada Malaysia. Inilah kelemahan kita sendiri. Kesilapan-kesilapan dasar kita sendiri sehingga kita perlu teruskan statute paper ini.

Bekas CEO Proton Dato' Mohd Nazmi ada mengatakan bahawa syarikat automobil antarabangsa seperti General Motor (GEM) pernah menunjukkan minat terhadap saham Proton tetapi perlindungan berlebihan daripada kerajaan telah menyebabkan Proton kehilangan peluang untuk membentuk strategik alliance dengan syarikat automobil antarabangsa ini.

Kerajaan telah melakukan kesilapan ini, strategik sehingga menyebabkan Proton berada dalam dilema sekarang. Dilema di mana Tan Sri Mahathir dalam *Oriental* adalah satu eksklusif interview yang mencetuskan satu krisis automobil nasional. Sebelum itu apa Nazmi kata bahawa General Motors kemudian masuk ke pasaran Thailand.

Walaupun Thailand bermula agak lambat daripada Malaysia, sangat lambat Malaysia masa itu ada semua kemungkinan peluang menjadi Detroit of the East masa itu 70'an, 80'an menjadi Detroit of the East tetapi lepaskan peluang itu sekarang Thailand menjadi Detroit of the East, the hub of automobile industry di rantau.

General Motors masuk ke pasaran Thailand walaupun Thailand bermula agak lambat daripada Malaysia dari segi industri automobil tetapi pembangunannya agak mantap dan cepat berbanding dengan Malaysia dan beliau berpendapat bahawa dalam trend pasaran automobil tempatan yang semakin terbuka ini kerajaan tidak harus terus mengekalkan pegangan sahamnya dalam Proton sehingga menyebabkan Proton kehilangan peluang keemasan untuk membentuk *strategic alliance* dengan syarikat automobil antarabangsa.

Kita hilang, bagaimana kita boleh berdikari. Domestic market RM26 juta, persaingan tidak boleh eksport keluar negeri oleh kerana tidak boleh bersaing mengenai kualiti, power window selalu tidak boleh buka, power window tiada power. Itu Malaysia boleh, ada power window dan tanpa power, power window tanpa power, itu mustahak. Kita perlu faham masalah yang dihadapi oleh industri automobil di Malaysia, di dunia. Benar bahawa dan kalau sebelum itu oleh kerana ini mustahak bahawa masalah AP.

Dia kata masalah AP yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia akan memastikan menyebabkan market share kereta import semakin besar sehingga mengancam market share Proton. Walaupun begitu pengimportan kereta dari luar negara adalah satu trend yang tidak boleh dielakkan, malah kereta nasional Malaysia juga perlu eksport ke luar negara. Kalau tidak boleh eksport ke luar negara mati, tidak boleh *export or die*. Kalau tidak boleh eksport, die, mahu cari satu cara boleh eksport *strategic alliance*, General Motors, Volkswagen apa mahu eksport.

Dalam keadaan di mana persaingan menjadi semakin sengit ini dengan tekanan pasaran market share semakin berkurangan, Proton seharusnya mencari strategik alliance untuk mempertingkatkan daya saingannya dan ini adalah satu pilihan rasional. Beliau kata bahawa sekiranya kemasukan *partner for strategic alliance* ini tidak menyebabkan Proton kehilangan kedudukan dan ciri-ciri asalnya, maka pembawaan masuk partners for strategic alliance dari luar negara adalah suatu strategik yang baik.

Kalau itulah option untuk survival Proton berhenti 20 tahun beban nasional kepada rakyat, 20 years of burden kepada rakyat Malaysia. Kita perlu menerima hakikat itu dan bila mengatakan bahawa selalunya selepas syarikat automobil antarabangsa membeli saham syarikat kereta di negara-negara yang lain, kereta keluaran syarikat itu biasanya tidak akan tukar bentuk. Sebaliknya syarikat kereta itu akan menggunakan pelbagai strategi misalannya menggunakan komponen yang lebih kurang sama supaya pembekal-pembekal komponen mendapat keuntungan dan seterusnya dapat menggerakkan pembangunan secara menyeluruh industri automobil berkenaan. Contoh Yugoslav, kereta nasional Yugoslav, apa itu nama?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Skoda

Tuan Lim Kit Siang: Skoda, sekarang bukan Yugoslav Volkswagen tetapi nama masih ada, masih Skoda, di dunia apabila sebut Skoda fikiran ialah itu *Yugoslav-made* tetapi sebenarnya sudah Volkswagen. Volvo, tadi Yang Berhormat bagi Kepong ada sebut contoh Volvo, Volvo semua Swedish tetapi sebenarnya Ford, tapi kita perlu kenapa kita tidak boleh lebih *matured* dalam menghadapi masalah automobil industri. Rolls-Royce siapa? Bukan British sekarang. BMW. Itu dunia automobil tukar dan perlindungan yang diberi kerajaan ini bukan sesuatu yang baru itu. Itulah Nazmi yang kata, masih Nazmi sini. "Dalam era permulaan ini adalah perlu untuk memberi perlindungan kepada Proton dari segi *rebate* dan potongan cukai supaya kereta Proton dapat dikeluarkan dengan banyak dan dapat meresap ke dalam pasaran tempatan."

Selain daripada itu beliau mengatakan bahawa terdapat banyak negara yang melindungi industri automobil dan ini yang biasa. Tetapi 20 tahun saya percaya masa itu ada menteri-menteri kabinet pun tidak bersetuju. Mungkin Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri masa itu pun tidak setuju sebab itu dia dalam team-B dan dipecat satu masa dan ketua beliau Tengku Razali, Yang Berhormat daripada Gua Musang baru-baru ini ada Malaysia Televisyen *Internet*, dia ada mengulangi. Dia bantah, dia bantah mengenai projek industri kereta nasional. Dia kata ini tidak *viable* baru-baru ini. Saya percaya Yang Berhormat ada tengok. Kalau tidak tahu saya boleh beri URL boleh tengok video di *internet*, baru-baru ini kata. Kenapa dia tidak setuju? Tidak boleh *viable*? Tengok Australia pun,... *lesson* yang kita, oleh kerana faktor-faktor tidak *favourable* kepada Malaysia. *Why*? Kita tidak cuba, kalau kita mahu cuba 20 tahun. Patutlah Proton dapat diberi satu *dateline* 10 tahun, 15 tahun boleh berdikari. Tidak! Dalam 10 tahun, 20 tahun ini mereka nampaknya sebagai satu *pampered child*, tidak semacam Perodua, *competitive*, *go-getting*, bersaing! Tidak! Dan inilah sekarang kita perlu satu *crossroad*, kita perlu buat satu keputusan apa masa depan Proton. Betul, *national car*!

Baru-baru ini saya ada jumpa beberapa rakyat Malaysia, 20 tahun mereka 100% sokong Proton, 100% loyalist, sekarang mereka kata "How to be a loyalist? Selepas make kereta Proton begitu banyak masalah - kualiti kontrol langsung tidak ada, langsung tidak ada kualiti kontrol, tidak boleh compare dengan Perodua, NAZA." Betul ada masalah-masalah di sana.

Apa Mahaleel kata bukan tidak, tidak ada merit, apa bekas Perdana Menteri kata bukan tidak merit, masalah AP kita perlu menghadapi. Kenapa ada isu AP, 67,000 AP di isukan dan yang menunjukkan bahawa ada salah guna kuasa menakjubkan, ada korupsi pun. Kenapa kita tidak berani untuk mengumumkan senarai AP? Bukankah ini satu sangat aneh, sangat *ironical* di mana kita ada Perdana Menteri yang buat jaminan mahu polisi yang ketulusan, kebersihan, *good governance*, open, tetapi tidak mahu umumkan senarai AP? Walhal bekas Perdana Menteri, pentadbiran beliau dianggap sebagai menyebabkan Malaysia tidak transparent, Malaysia corrupt, Transparency International Corruption Perceptions Index jatuh kepada 39, kedudukan 39 tetapi dia sekarang mahu make public AP. Perdana Menteri yang mahu ketulusan tetapi tidak mahu *make public* AP. Apa rakyat akan fikir? Saya harap perkara ini esok kabinet mesyuarat, Yang Berhormat beberapa menteri ada di sini sampaikanlah, sampaikanlah bukan sahaja rayuan kita di sini, malah rakyat Malaysia yang sayang Perdana Menteri, yang mahu terus boleh sokong Perdana Menteri supaya dia boleh terus membanteras rasuah, mengadakan satu kerajaan yang baik tetapi mahu tengok langkah-langkah yang mereka boleh sokong semacam make public AP list.

Kalau Tun Dr. Mahathir boleh kata *make public* kita mahu tahu kenapa Perdana Menteri kata tidak boleh? Bagaimana? *What kind of justification*? Where can cabinet stand? Saya harap besok kabinet boleh umumkan baik untuk satu benchmark ketelusan, make public AP list. Kalau tidak ada perkara untuk semua ini, *there is nothing to hide*, kenapa takut mengumumkan list AP? Dan kalau tidak rela mengumumkan list AP? Dan kalau tidak rela mengumumkan senarai AP ini, akan reflection yang sangat tidak baik terhadap Perdana Menteri dan kepada kabinet. AP ini ada diberi sebagai satu sebab kenapa Proton menghadapi masalah? Tetapi saya tidak setuju 100 peratus oleh kerana itu mungkin masalah tahun lalu satu, dua tahun ini masalah Proton, viability Proton dengan masalah AP sungguhpun AP ini Tun Dr. Mahathir kata "Saya sokong." Kali yang pertama saya sokong apa cadangan Tun Dr. Mahathir....

Datuk Haji Mohd.Said bin Yusof: Dahulu tidak sokong juga.

Tuan Lim Kit Siang: Dahulu tidak sokong, sekarang saya sokong! Saya sokong cadangan ini oleh kerana itu yang *right, it is right*. Apa yang *right* kita sokong. Perdana Menteri atau bekas Perdana Menteri tetapi itu tidak boleh dicampur dengan masalah prestasi Proton.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pendekkan ucapan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, kenapa kita mahu itu *list*? Tiap-tiap tahun kita mahu itu *list*, itulah masalah *national car industry*, dasar, Usul di hadapan kita kualiti, *price*. Dan sebab itu kita tahu kabinet ada bincang satu *national automotive policy*, tetapi kita ini perlulah terbuka dan saya harap mungkin masa sudah sampai untuk mengadakan satu *commission of enquiry* mengenai Proton dan *national automotive policy*, a *commission of enquiry* oleh pakar-pakar yang bebas, pakar-pakar dalam bidang ini, bukan sahaja, *ministry paper* oleh MITI. Kita mahu pakar-pakar yang boleh memberi cadangan-cadangan bagaimana untuk *handle* masalah Proton, sudah 20 tahun menjadi beban kepada rakyat Malaysia bagaimana dalam dunia automobil yang sudah begitu berubah, begitu cepat dan perubahan yang besar, apakah strategi yang perlu diadakan termasuk sama ada *strategic alliance* dengan syarikat-syarikat antarabangsa.

Kita tidak boleh ada seorang penasihat Proton yang nampaknya ada kuasa lebih daripada kabinet. Kenapa surat Yang Berhormat MITI yang menjelaskan mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Tun Dr. Mahathir untuk seorang sahaja, untuk mata seorang sahaja? Adakah beliau sebagai *former Prime Minister* ada satu kedudukan lebih tinggi daripada Ahli Parlimen, daripada 26 juta rakyat Malaysia? Ini tidak patut.

Surat itu ialah *public interest*. Kita mahu sekurang-kurangnya isi kandungan surat itu dibuka, terbuka. Kita mahu tahu oleh kerana kita ada hak tahu, rakyat ada tahu apa penjelasan kerajaan atau Menteri MITI mengenai beberapa perkara yang penting, yang tepat yang dikemukakan. Tetapi itu, dengan masalah *viability* Proton - *two separate matters*. Saya rasa sangat bahawa kita tidak ada peluang dalam sesi ini mengadakan satu perbahasan yang mendalam mengenai Proton, itulah antara kelemahan kekurangan Parlimen. Kita mahu Parlimen *first world* Parlimen, tetapi kita

belum rela mengatakan budaya, fikiran, sikap *mentality first world*. Sampai sekarang ada *statute paper* baru kita boleh bahas. Ini bukan *first world Parliament*. Dan dengan itu saya harap bahawa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh memberi jawapan yang memuaskan mengenai beberapa perkara yang saya bangkit, khasnya masa depan Proton industri oleh kerana kita tidak mahu ada disifatkan sebagai *national asset* menjadi satu *national liability*. Sekian terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin, lepas ini kementerian menjawab.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa terpenggil selepas mendengar perbahasan sahabat saya daripada Ipoh Timor seolah-olah memperkecilkan industri nasional kita. Kalau kita hendak *compare* dengan negeri-negeri lain, dengan izin, Mercedes berapa tahun *history* dia? Proton baru 20 tahun. Kemungkinan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor mengatakan bahawa kerajaan cuba melindungi Proton dengan beberapa cara, tetapi saya tengok akhir-akhir ini Tuan Yang di-Pertua, bagaimana hendak katakan bahawa kerajaan melindungi Proton? Kalau dahulu AP-AP import, kereta-kereta ini hanya 10% daripada pengeluaran ataupun pengeluaran kereta nasional yang mana kegunaan kita lebih kurang 300 ribu kalau 10% hanya AP 30 ribu. Tetapi pada hari ini kerajaan sudah buka lagi. 10+10, bermakna 20%. 20% maknanya hari ini RM60 ribu AP dikeluarkan. Bagaimana satu industri nasional Proton kita ini hendak bersaing?

Kita pada hari ini harus bangga. Kita jangan tengok China pada hari ini, kereta yang masuk jenis Cherry. Kita pun tahu bahawa Cherry itu datang daripada GM Motors. GM Motor sudah berapa lama di sana? Tetapi hari ini kita mula dengan Mitsubishi, dengan Proton Saga, akhirnya hari ini kita Gen 2 yang mana kereta buatan Malaysia yang mana asal usulnya dari Malaysia. Ini harus kita banggakan. Mungkin adalah benda-benda *tuning-up* kena buat, tetapi pada hari ini kita hendak kenakan *volume*, itu sebab saya

mengaku, minta kerajaan perketatkan. Masalah kita pada hari ini, kalau kita benarkan kereta China - Cherry ini masuk ke Malaysia, pernahkah tidak kita rundingkan *barter trade* Proton masuk ke negara China?

Kalau hendak katakan kereta Cherry bukan elok sangat. Hoi Yang Berhormat bagi Ipoh Timor! You bacalah sedikit tentang Cherry, *left-hand drive* dia tukar pergi *right-hand drive*, dia punya *gear* pun tidak berubah, saya ingat orang Malaysia susah hendak terima itu. Sepatutnya apa benda kita hendak bawa masuk ke Malaysia kita kena kira. Kita boleh ambil kereta negara China masuk dalam Malaysia, tetapi kita kena juga paksa mereka. 'Kalau engkau boleh terima kereta Proton masuk ke negara engkau, kita akan benarkan kereta engkau masuk ke negara kita'. Jadi oleh kerana kawan sudah cakap....

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong bangun Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, Yang Berhormat bagi Kepong sila. *We can debate on this.*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat bagi Jasin, tidak payah kita hendak panjangkan enam jam untuk berucap. Proton itu ada kilang di China, itulah sebabnya dia benarkan Cherry masuk ke Malaysia. Itu sahaja. Tidak payah hendak sibuk-sibuk sangat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Betullah, kita kena juga, bagi cadangan membina kerana ini nasional *interest*, jangan kita dok *condemn* sahaja. Kalau kita hendak *condemn* bukan sahaja AP-AP kita keluar untuk jenama-jenama baru untuk industri-industri kita yang ada francais - Nissan, Toyota, tetapi saya tengok akhir-akhir ini kerajaan telah memberi AP untuk *tuned-up*, *tuned-up cars*. Pernah dengar tak Yang Berhormat bagi Kepong *tuned-up cars* yang dibawa masuk?

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada masa. Cuma Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua penjelasan. Adakah Yang Berhormat tahu kita ini sudah sabar 20 tahun. Ini kali yang pertama kita cadangkan dengan begitu hebat hari ini. 20 tahun kita *org*, *org* 20 tahun sudah Yang Berhormat bagi Jasin, bukan hari ini, 20 tahun cukup, dua dekad.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Masalah dia begini Yang Berhormat Kepong. Betul 20 tahun. Kalau kita hendak jual di luar negara pun, orang akan melihat. You punya kereta di dalam negara you berapa *percent* yang you menguasai pasaran? Baru orang akan *confident*, kalau kita tinggal Proton dengan 40%, 50% mungkin orang tidak berapa *confident*. Itulah sebabnya kita kena sekat. Hari ini sudah dikeluarkan AP untuk *tuned-up cars*. Kalau misalan kata *tuned-up cars* macam kita Mercedes Brabus mungkin kita boleh terima kerana *tuned-up cars* dia naikkan cc dia, lebih kuat, lebih cantik. Tetapi malangnya pada hari ini, kita sudah keluarkan terlampau banyak AP untuk *tuned-up cars* ini yang jenama WALD. Saya puas cari dalam internet WALD ini apa. Rupa-rupanya untuk kereta Honda Volkswagen Toyota, WALD konon *tuned-up car*. Hanya buka skru Toyota ataupun Honda, tampal jenama WALD buat masuk ke Malaysia sebagai *tuned-up car*. Adakah ini kita hendak benarkan? Adakah ini yang akan bersaing dengan Proton kita hendak benarkan?

Jadi kita berharap supaya kita kena *tune-up* baliklah industri motor car kita ini supaya kita dapat menjaga masa depan Proton dan kita minta supaya rakyat Malaysia harus terima walaupun sudah 20 tahun tetapi sekurang-kurangnya kita dapat bangga bahawa Malaysia mampu mengeluarkan kereta dan kita akan berada di pasaran dunia akan datang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua ini pandangan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kementerian Kewangan, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sila jawab.

7.48 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan juga Yang Berhormat bagi Jasin. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Jasin bahawa kita sebagai rakyat Malaysia kita kena usaha apa cara pun untuk kita menjaga nasional car kita. Kita ada nasional car, Thailand tidak ada nasional car, sebab itu General Motors boleh masuk dan membina satu industri yang besar di sana. Tentang *protection*, Tuan Yang di-Pertua, Korea *protect* kereta dia, Jepun *protect* kereta dia, China juga *protect*. Jadi kita untuk berusaha untuk menjaga kepentingan Proton kita. Dalam hal cukai...

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Kita hendak menjaga, memelihara kereta itu betul, tetapi masalah kita bukan sahaja hendak memelihara kereta kita, macam mana kita boleh meningkatkan daya saing, itu soalan pokoknya.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, berbagai-bagai cara kita hendak *protect*. Hari ini saya bawa usul untuk mengurangkan cukai. Untuk hendak *protect*, walaupun kita kurangkan cukai import tetapi kita kenakan cukai eksais maka kalau untuk *build-up cars* memang harganya memang akan mahal juga. Tentang untuk komponen-komponen CKD ini memang kerajaan kurangkan supaya kita hendak *protect* supaya harga tidak begitu mahal dan kita boleh keluarkan kereta Proton dengan harga yang berpatutan yang termampu oleh rakyat kita.

Memang seperti yang disebutkan oleh Ipoh Timur, Jasin dan Kepong tadi bahawa usaha mestilah diteruskan dan berbagai-bagai cara termasuk juga *strategic alliance*, *joint venture* dengan berbagai-bagai perisian kereta di seluruh seluruh dunia. Ini sedang dilakukan oleh pihak Proton dan saya tidak ada maklumat yang lebih tepat lagi sebab saya bukan dalam bidang itu tetapi apa yang penting ialah kita sama-samalah menyuruh rakyat kita menjaga nama baik Proton. Kalau ada sedikit-sedikit masalah tidak perlu kita hebahkan tetapi kita perbaiki, kita tegur dengan cara yang lebih sulit supaya nama baik kereta kita dijaga. Mereka akan yakin dengan kereta kita.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang hendak saya cakapkan. Saya mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 9 yang telah dibentangkan sebagai Kertas-kertas Statut bilangan 57 hingga 163 tahun 2005 disahkan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan dan disetujukan.

Usul disetujukan.

AKTA EKSAIS 1976

- (i) Perintah Duti Eksais (Tioman) 2004 bertarikh 8 Julai 2004
- (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.4) 2004 (ST.65) bertarikh 31 Disember 2004

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan oleh subseksyen (2) dan (6) Akta Eksais 1976 supaya perintah-perintah duti eksais

dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas *statut* perdagangan ST 64 dan ST 65 2005 disahkan:

- i) Perintah Duti Eksais (Tioman) 2004 bertarikh 8 Julai 2004.
Perintah ini bertujuan untuk mengenakan duti eksais kenderaan yang dibawa masuk ke Pulau Tioman walaupun Pulau Tioman telah diwartakan sebagai pulau bebas cukai mulai 1 September 2002. Berkenaan duti ke atas ini adalah bagi mengekalkan Pulau Tioman sebagai destinasi pelancongan yang bercirikan *eko* pelancongan dengan pengkelan sistem ekologi dan kualiti alam sekitar di pulau tersebut.
- ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan)(No.4) 2004 (ST.65) bertarikh 31 Disember 2004.
Perintah ini bertujuan untuk menaikkan kadar duti eksais ke atas kenderaan bermotor termasuk motosikal bagi mengimbangi penurunan kadar duti import ke atas produk berkenaan bagi memenuhi komitmen akta mulai 1 Januari 2005. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang terbuka untuk dibahas. Kepong lagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tunggu, tunggu sekejap Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada dua kertas *statut* di sini 64 dan 65. Saya hanya hendak sentuh sedikit 64 itu pun bagi simpati.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Eksais untuk Tioman ini, kesimpulannya hendak melindungi kereta nasional kita juga. Sebab itulah saya minta Yang Berhormat sebelum balik ke pulau dapat meminta....

Seorang Ahli: Pulau mana pula?

Dr. Tan Seng Giaw: Balik Pulau, Pulau Pinanglah tu. Itulah dia Balik Pulau, Pulau Pinang. ini ya? Hendak balik ke Pulau dan sebelum balik ke pulau kita mintalah menteri yang berkenaan untuk menerangkan kepada kita. Dia hendak gabung ...Proton ini hendak gabung dengan Volkswagen, bolehkah umumkan kepada kita bagaimana dia gabungkan dengan Volkswagen. *Joint venture* atau apa *venture* sahajalah, macam dengan *joint venture* dengan Volkswagen kita meningkatkan daya saing, sebab tidak cukup kalau kita membaca akhbar "Oh begitu hebat Gen2, kualiti bertaraf antarabangsa". Itu daripada akhbar kitalah bertaraf antarabangsa.

Seorang Ahli: Jem 2 atau Gen 2? [Dewan riuh]

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Generasi, *second generation*

Dr. Tan Seng Giaw: Oh! Saya dengar jem 2 [Ketawa], hebat juga. Bukan setakat akhbar kita memaparkan dan menonjolkan begitu hebat kualiti bahkan kita hendak pelanggan antarabangsa mengiktiraf Gen 2 bukan Jem 2, meletakkan taraf dan kualiti yang tinggi, itu sahaja dan saya berharaplah dapat mengumumkan macam mana kerjasama ini dengan Volkswagen dapat kita melihat daya persaingan Proton meningkat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Setiausaha Parlimen.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Kepong. Sebenarnya apa yang dibangkitkan oleh Kepong sebentar tadi terkeluar sedikit daripada usul yang dibawa.

Seorang Ahli: Banyak.

Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Banyak, keluar banyak jadi saya tidak bercadang untuk menjawab tentang perkara itu. Terima kasih kepada semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Peraturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 10 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Statut Bil 64 dan Bil 65 Tahun 2005 disahkan hendaklah dipersetujukan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Usul disetujui.

USUL MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGAJI RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) 2004 DAN RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN) 2004 – PELANJUTAN MASA UNTUK MENYIAPKAN LAPORAN

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

- a) Bahawa majlis ini mengambil maklum bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas yang kepadanya diserahkan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan Pindaan 2004 (DR 15/2004) dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah Pindaan 2004 (DR 16/2004) melalui ketetapan yang dibuat oleh majlis pada 20 Julai 2004 untuk membuat kajian menyeluruh dan mengemukakan syor-syor ke atasnya dan untuk menyiapkan dan membentangkan laporannya dalam mesyuarat yang sedang berlangsung sekarang atau lebih awal daripada itu memerlukan masa yang lebih panjang untuk menyiapkan laporannya bagi membolehkannya mengkaji dan meneliti laporan Suruhanjaya Diraja Menambahbaikkan Perjalanan dan Penyusunan Polis Diraja Malaysia yang turut terkandung dalamnya syor-syor yang menyentuh peruntukan-peruntukan Kanun Tatacara Jenayah.
- b) Bahawa majlis membuat ketetapan memberi Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut berlanjutan masa untuk menyiapkan laporannya dan laporan itu hendaklah dibentangkan kepada Majlis dalam Mesyuarat Pertama Penggal ke3 Parlimen ke 11.

Tuan Yang di-Pertua, melalui usul yang dibahaskan dan dipersetujui pada 20 Julai 2004 ketetapan telah diambil oleh Dewan yang mulia ini di bawah Peraturan 54(1) Peraturan-peraturan Majlis Dewan Rakyat yang antara lain berbunyi seperti berikut:

"Bahawa majlis ini mengambil ketetapan bahawa:

- (a) bagi maksud menimbangkan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan Pindaan 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah Pindaan 2004 maka menurut Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat 54 (1) kedua-dua Rang Undang-undang itu diserahkan kepada suatu Jawatankuasa Pilihan yang dinamakan Jawatankuasa Pilihan Khas untuk membuat syor-syor mengenainya.
- (b) Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut hendaklah mengkaji Rang Undang-undang Kanun Keseksaan Pindaan 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah Pindaan 2004 pada

keseluruhannya dan memberi pandangan serta membuat syor ke atas peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalamnya.

- (c) Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut hendaklah menyiapkan dan membentangkan laporan itu kepada majlis pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen ke 11 yang akan datang atau lebih awal daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menunaikan kewajipan yang dipertanggungjawabkan ke atasnya untuk mengkaji kedua-dua Rang Undang-undang itu dan mengemukakan laporannya, Jawatankuasa Pilihan Khas telah mengatitkan 22 mesyuarat dan menjelajah hampir ke seluruh negara untuk bertemu dengan orang ramai bagi maksud itu dalam usaha mendapatkan input dan meninjau pandangan pendapat syor dan

pandangan mereka mengenai kedua-dua Rang Undang-undang Kanun Keseksaan 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah Pindaan 2004 itu.

Mesyuarat Jawatankuasa mula diadakan di Kuala Lumpur pada 26 Julai 2004 selama enam hari dan berikutnya di Sabah, Sarawak, Pulau Pinang, Kedah, Perak, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Kelantan, Terengganu dan berakhir di Pahang pada 30 Januari 2005.

Selain itu, jawatankuasa ini juga telah membuat lawatan sambil belajar ke New Zealand dan Australia selama sembilan hari iaitu dari 26 Februari kepada 6 Mac 2005 untuk memahami dengan lebih mendalam aspek perundangan serta masalah-masalah seumpamanya yang berkaitan dengan kedua-dua rang undang-undang itu. Jawatankuasa Pilihan Khas juga telah mengadakan mesyuarat bersama ahli-ahlinya selama tujuh hari iaitu di Cameron Highlands, Putrajaya dan di Bangunan Parlimen Malaysia bagi memuktamadkan laporannya.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa setiap mesyuarat jawatankuasa yang saya sebut sebentar tadi telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai. Adalah bertepatan sekali jika saya katakan di sini, bahawa matlamat yang hendak dicapai oleh jawatankuasa ini melalui mesyuarat-mesyuarat itu telah berhasil apabila pelbagai golongan masyarakat yang terdiri daripada orang-orang persendirian dan wakil-wakil daripada persatuan, pertubuhan, parti politik dan agensi kerajaan telah mengambil bahagian secara aktif dan telah memberikan pandangan, cadangan dan syor-syor dari pelbagai aspek dan perspektif termasuk perundangan, kemahiran serta kepakaran lain.

Semua itu perlu diperhalusi oleh Jawatankuasa Pilihan Khas ini dalam usaha kita memperkemas peruntukan kedua-dua rang undang-undang tersebut, bagi membolehkannya menjadi alat yang berkesan dalam kita memerangi, membendung dan memberantas kegiatan jenayah di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk memberi apa-apa maklumat tentang pandangan, pendapat dan syor-syor yang telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan kedua-dua rang undang-undang tersebut, memandangkan laporan jawatankuasa belum dapat dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Namun begitu, izinkan saya sekadar memberi sedikit gambaran kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, tentang respons yang diterima oleh jawatankuasa berhubung dengan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004. Rang Undang-undang ini memperlihatkan cadangan untuk memasukkan satu lagi kesalahan seksual di dalam Kanun Keseksaan melalui seksyen baru 377cA. Kesalahan ini ialah kesalahan membuat hubungan seks dengan memasukkan sesuatu objek di dalam faraj atau dubur seseorang.

Jika sabit kesalahan, orang yang melakukan kesalahan ini, boleh dihukum dengan hukuman pemenjaraan yang boleh sampai 20 tahun dan boleh juga dikenakan hukuman sebat. Bagi kesalahan ini, beberapa cadangan yang dikemukakan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas adalah seperti yang berikut:

- (a) diperluaskan takrif 'rogol';
- (b) hukuman bagi kesalahan rogol dibahagikan kepada dua, iaitu hukuman pemenjaraan mandatori selama lima tahun dan tidak melebihi 30 tahun bagi kesalahan rogol yang berat dan hukuman

pemenjaraan tidak melebihi 30 tahun bagi kesalahan rogol. Ini akan membolehkan mahkamah menggunakan budi bicara dalam menjatuhkan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan dan

- (c) diadakan takrif "vagina" dan "objek" dalam seksyen baru 377CA itu dan pegawai perubatan yang menjalankan tugas pemeriksaan dikecualikan daripada kesalahan itu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun yang dikemukakan hanya satu pindaan sahaja dalam rang undang-undang kepada Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004, namun begitu pintu adalah terbuka luas untuk orang ramai membuat syor-syor berkaitan dengan jenayah di Malaysia. Ringkasnya, orang ramai juga boleh mengetengahkan isu mengenai kesalahan ragut, kecurian, rompakan dan sebagainya. Izinkan saya menyatakan di sini, bahawa kita boleh berbangga dengan sikap rakyat Malaysia yang prihatin tentang hak-hak yang termaktub dalam undang-undang dan peka tentang hakikat berleluasanya kesalahan-kesalahan jenayah dan gejala sosial yang mempengaruhi perlakuan kesalahan-kesalahan itu.

Saya berkata demikian kerana mereka telah tampil ke hadapan dengan pandangan, pendapat dan syor tentang cara memenangi dan mengatasi masalah tersebut dan nampaknya terdapat komitmen untuk berhadapan dengan masalah ini bersama-sama dengan pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, semasa membentangkan usul untuk menyerahkan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara (Pindaan) kepada Jawatankuasa Pilihan Khas untuk mengkaji dan membahaskan baik buruknya kedua-dua rang undang-undang itu pada 20 Julai 2004, saya telah mengupas satu persatu tentang pindaan yang dicadangkan kepada Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004. Memandangkan banyak peruntukan yang terkandung dalam Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 itu, maka banyaklah perkara yang dibincangkan dan hangat diperdebatkan oleh semua lapisan masyarakat termasuk persatuan NGO, agensi kerajaan dan sebagainya. Antara yang signifikannya ialah kebimbangan tentang penyalahgunaan kuasa reman kuasa-kuasa tangkapan dan kuasa-kuasa siasatan di bawah peruntukan-peruntukan kanun itu. Semua ini adalah terdorong oleh semangat ingin menegakkan dan memelihara hak asasi manusia dari kaca mata masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya sebut awal tadi, Jawatankuasa Pilihan Khas telah meneliti dan menghalusi semua pandangan, pendapat dan syor yang dikemukakan kepadanya dalam menyediakan laporannya untuk dibentangkan di Dewan yang mulia ini dalam mesyuarat yang sedang berlangsung sekarang. Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, pada 16 Mei 2005 yang lalu, Suruhanjaya Diraja penambahbaikan Perjalan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia telah mengeluarkan laporannya yang bertajuk Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia.

Sebagaimana yang diketahui umum, laporan Suruhanjaya Diraja itu mengandungi syor-syor untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah dan turut menyentuh perkara-perkara berhubung dengan kuasa-kuasa tangkapan, penyiasatan dan penahanan reman. Perkara-perkara itu sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, merupakan perkara-perkara yang dikaji oleh Jawatankuasa Pilihan Khas.

Sehubungan dengan itu Jawatankuasa Pilihan Khas perlu bermesyuarat dan telah pun mula mengadakan mesyuaratnya untuk membincangkan syor-syor yang terkandung dalam Laporan Suruhanjaya Diraja itu. Perbincangan, kajian dan penelitian 125 syor-syor Suruhanjaya Diraja sudah tentunya akan mengambil masa. Oleh yang demikian Jawatankuasa Pilihan Khas agak kesuntukan masa untuk meneliti semula dan memuktamadkan laporannya untuk dibentangkan di Dewan yang mulia dalam Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan terbaru susulan daripada terbitnya Laporan Suruhanjaya Diraja itu ialah permintaan bertulis yang diterima oleh Jawatankuasa Pilihan Khas pada 20 Jun 2005 daripada bekas pesuruhjaya-pesuruhjaya Suruhanjaya itu yang menyatakan hasrat mereka untuk berjumpa dan memberikan pandangan mereka

kepada Jawatankuasa Pilihan khas tentang isu-isu tertentu. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat mereka telah mencadangkan supaya perjumpaan itu diadakan pada 2 Ogos 2005 ini.

Dalam senario yang sedemikian Jawatankuasa Pilihan Khas berpendapat bahawa adalah wajar dan munasabah ditunaikan hasrat bekas Pesuruhjaya-pesuruhjaya Suruhanjaya. Adalah juga menjadi kewajipan Jawatankuasa Pilihan Khas untuk mempertimbangkan secara mendalam bukan sahaja kandungan Laporan Suruhanjaya itu tetapi juga apa jua pandangan yang hendak disampaikan berkaitan dengan Laporan Suruhanjaya Diraja itu sebelum memuktamadkan laporannya.

Oleh itu perlulah dipertimbangkan suatu jangka masa yang lebih panjang untuk Jawatankuasa Pilihan Khas ini menyelesaikan tugas yang diamanahkan kepadanya. Majlis dipohon membuat ketetapan bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas diberi perlanjutan masa untuk menyiapkan laporannya dan laporan itu hendaklah dibentangkan kepada Majlis pada mesyuarat pertama Penggal Ketiga Parlimen Kesebelas. Tuan Yang di-Pertua saya pohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Anifah bin Haji Aman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini usul seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri itu kini terbuka untuk dibahas. Ipoh Timor.

8.15 mlm.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, budak-budak sana tidak apa jangan kisah budak-budak sana, [*Menyampuk*] jangan kisah budak-budak sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu mula dengan memuji Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Rang Undang-undang Kanun Keseksaan Pindaan 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang ada menunjukkan sangat rajin, sangat bertanggungjawab untuk menjalankan tanggungjawab yang diserahkan oleh Dewan yang mulia ini. Kita boleh faham kenapa Yang Berhormat Menteri ada datang ke Dewan ini bagi pihak Jawatankuasa Pilihan Khas untuk meminta masa, untuk meminta masa menyiapkan laporannya, khasnya untuk membolehkannya mengkaji dan meneliti Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Penyusunan Polis Diraja Malaysia.

Dan tadi kita ada dengar bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas perlu masa supaya untuk mengkaji 150 perakuan-perakuan yang ada dibuat oleh Police Royal Commission tetapi malangnya ialah tercatat dalam Peraturan Mesyuarat atau urusan mesyuarat ialah selepas usul ini ada dua perkara yang ada bersangkutan paut dengan laporan Polis Diraja Malaysia nombor 12 atas nama saya, usul yang berbunyi:

"Bahawa Dewan ini menghargai usaha Pengerusi dan Ahli-ahli Suruhanjaya Diraja demi memperkasakan operasi dan pengurusan Polis Diraja Malaysia kerana menghasilkan laporannya dan mengambil keputusan untuk menubuhkan suatu Jawatankuasa Pilihan untuk menyelia pelaksanaan 150 cadangannya demi mentransformasikan Polis Diraja Malaysia menjadi perkhidmatan polis yang berkesan, bersih, beramanah bertaraf antarabangsa serta berstatus abad 21 yang menghormati hak asasi manusia, dan nombor 16 yang berbunyi: "Bahawa Dewan ini mengizinkan Ketua Pembangkang dan Ahli Parlimen Ipoh Timor Tuan Lim Kit Siang untuk membawa suatu rang undang-undang daripada Ahli yang bukan Ahli kerajaan bertajuk Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis 2005".

Sekurang-kurangnya apabila Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri datang ke Dewan ini untuk meminta masa supaya Jawatankuasa Pilihan Khas cukup masa untuk kaji laporan Polis Diraja. Ianya dibuat atas bantuan pandangan-pandangan Ahli-ahli Parlimen selepas perbincangan dua-dua usul ini.

Oleh kerana dua-dua usul ini ada dimasukkan kepada Aturan Mesyuarat sebulan lepas dan usul Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri barulah

dikemukakan minggu lalu. Kenapa kita tidak boleh mengadakan satu perbahasan mengenai laporan Polis Diraja atau *Royal Police Commission*, di mana boleh mendengar pandangan-pandangan semua Ahli-ahli Parlimen, bukan sahaja daripada pihak pembangkang, saya percaya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional pun ada banyak pandangan-pandangan, pendapat-pendapat dalam perkara ini. Jawatankuasa Pilihan Khas ini ialah merupakan Jawatankuasa Pilihan Khas yang pertama ditubuhkan dalam Parlimen ini. Yang kata ialah membawa Parlimen kepada arah *first world Parliament. A first world Parliament*.

Beberapa Ahli Pembangkang: [Menyampuk]. Bukan *first world*?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Nampaknya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional mereka pun tidak percaya Parlimen Malaysia boleh menjadi *first world Parliament*. Mereka percaya itu *third world* atau *fourth world Parliament* sahaja. Mereka tidak ada keyakinan. Pasir Puteh tidak ada keyakinan langsung. Dan kalau kita mahu *first world Parliament* mustahaklah bahawa Ahli-ahli Parlimen melalui agensi-agensi, mekanisme-mekanisme semacam Select Committee. Select Committee boleh memainkan peranan tetapi berasaskan kepada pendirian-pendirian, pandangan-pandangan yang dikemukakan dalam Parlimen ini. Kenapa? Saya rasa satu kelemahan yang besar, satu *disappointment* yang terbesar sekali dalam sidang Dewan ini, ialah bahawa Dewan ini tidak sempat untuk membahaskan Laporan Police Royal Commission. Inilah *the greatest disappointment of the session* yang menunjukkan bahawa Parlimen tidak memainkan peranan yang relevan!

Kita memuji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh kerana menubuhkan Police Royal Commission menunjukkan seriusnya, *political will* mahupun reformasi. Betul, tetapi apabila Police Royal Commission, laporannya dikemukakan tidak benarkan Parlimen bahas. Kenapa? Barulah Ahli-ahli Parlimen pembangkang mendesak mahu bahas. Mana barisan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, mana *backbenchers*? Mereka gagal, mereka fail dalam tanggungjawab mereka. Kenapa mereka tidak berani pun mendesak ada perbahasan?.

Oleh kerana kalau BBC pun berani bertanggungjawab mahu sebut perbahasan dengan pembangkang pun mahu perbahasan, saya percaya tentu ada perbahasan, tetapi nampaknya barisan *backbenchers* betul-betul *back bench. No backbone!* Mana itu *backbone*? Mana itu *backbone*? Barisan *backbenchers* adalah patut memainkan peranan yang sepatutnya. Dan ini pun bukan *reflection* kepada *Backbenchers Club*, tetapi *reflection* kepada pentadbiran pun, *reflection* kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kenapa? Saya tahu mungkin ada kekhuatiran bahawa ada *police bashing*, dalam Dewan ini *police bashing*, kita tidak mahu *police bashing*.

Saya tidak tahulah mengenai Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sama ada mereka seronok *police bashing*. Kita di pihak pembangkang, kita tidak seronok. Kita tidak mahu *police bashing*, kita mahu polis Malaysia menjadi *world class*, khasnya untuk mencapai tiga matlamat yang ada termaktub dan terkandung dalam laporan Royal Police Commission:

- (1) mengurangkan kadar jenayah;
- (2) mempertahankan dan memajukan hak asasi; dan
- (3) membanteras rasuah.

Kita mahu satu *police service*, bukan *police force*. Kita mahu satu *police service* yang kita semua boleh rasa bangga.

Kenapa takut dalam perbahasan Dewan yang mulia ini supaya boleh menjadi satu *guide* kepada Jawatankuasa Pilihan supaya kita kaji perkara ini dalam vakum. Tanpa *input* daripada Ahli-ahli Parlimen, satu masa patutlah mereka beri input. Kenapa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tidak bersetuju adakan satu perbahasan? Dan lepas itu *time given* untuk *Parliamentary Select Committee* dalam perkara ini.

Kita tengok tadi apabila saya dengar Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri kata bahawa Jawatankuasa Pilihan perlu masa untuk kaji 125 perakuan-perakuan *Police Royal Commission*, saya setuju. Tetapi adakah Jawatankuasa Pilihan serius mahu kaji 125 *police recommendations* ini? *Is it serious?* Sekarang siapa melaksanakan 125 *recommendations* ini. Ada satu *Cabinet task force* yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita tahu dia di sana sibuk, dia sudah menjadi pengerusi untuk 26 jawatankuasa. Mana ada masa? Siapa dalam? Polis-polis, nampaknya ada seorang menteri. Tidak tahu pun kenapa menteri yang berkenaan ada dalam jawatankuasa itu Menteri Kerja Raya. *What has the Menteri Kerja Raya to do with the cabinet task force* mengenai pelaksanaan *recommendations* selain daripada semua menteri kanan ada dalam MCA, Gerakan. Kenapa MCA tidak ada, Gerakan tidak ada tetapi MIC ada? Saya pun tidak faham. Apa peranannya?

Yang lain ialah ketua-ketua jabatan. Tetapi itu dasar. Apa kedudukan sekarang? Adakah kabinet sudah buat satu keputusan bahawa semua 125 *recommendations* akan diterima, sudah diterima? Masalahnya ialah cara pelaksanaan. Masa, *time frame*, satu *time-line* untuk pelaksanaan. Adakah? Saya tidak tahu. *Conflicting version*. Ada jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri secara *written answer* kata semua terima. Masa ialah bagaimana melaksanakannya. Ada jawapan menteri-menteri berkenaan kata tidak, tidak, masih dalam pertimbangan, sama ada terima atau tidak terima. Apabila saya tanya sama ada menerima pada prinsip semua 125 *recommendations*, tidak berani kata.

Bukan sahaja begitu, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang lain, apabila saya tanya mengenai satu *recommendation* mengenai *special branch*, cawangan khas yang ada *recommendation* dalam laporan bahawa perlulah lebih *accountability* kepada Parlimen oleh kerana sekarang bertindak di bawah satu *charter*, tidak berasas kepada undang-undang, perlulah peruntukan yang lebih jelas di bawah undang-undang dan *accountable* kepada Parlimen, jawapannya ialah tolak. Kalau boleh tolak satu *recommendation*, apa keadaan kedudukan 124 yang lain?

Kita *confused* kenapa kita tidak boleh dapat satu *clear message*, *clear answer*. Kalau kita mengikut laporan itu, daripada 125 *recommendations*, 99 *recommendations* atau 80% adalah patut dilaksanakan dalam *time frame* 12 bulan, dan 5 patut dilaksanakan pada Jun tahun ini, bulan lalu. 21 Ogos bulan depan, 26 patut dilaksanakan sebelum kita *celebrate* Hari Kemerdekaan. Apa kedudukannya? Kita tidak tahu. Sekarang Parliamentary Select Committee akan mengkaji 125 *recommendations*. *Is it true? Are you serious?* Akankah kita dapat satu laporan daripada Select Committee mengenai kedudukan masing-masing? 125 *recommendations*, the position of the Select Committee, one by one. *Are we going to get it? Are you serious?* Saya mahu tahu. Saya tidak tahu.

Dan tadi kita ada dengar laporan bahawa akan ada satu perjumpaan dengan bekas pengerusi *Royal Commission and Enquiries*, kita mengalu-alukan tetapi kalau *Special Parliamentary Select Committee* mahu tanggungjawab tambahan, saya setuju mengenai kaji 125 *recommendations*. Saya cadangkan bahawa walaupun menggunakan masa baru ini untuk *open up*, membuka supaya mengadakan *public hearing* mengenai pandangan-pandangan orang ramai mengenai 125 *recommendations Police Royal Commission* pun, menggunakan enam bulan, *another round of hearings* mengenai 125 *recommendation*, barulah ada *representative*. Barulah ada *representative*!

Saya berharap bahawa kita boleh dapat sebenar-benarnya itu, a *proper and full* kajian dalam perkara ini. Apa yang kita dapati ialah ada satu pelaksanaan, satu *recommendation* ialah mengenai RM2.5 bilion diperuntukkan dengan secara tergegar untuk *quarters* dan perumahan polis. Kita setuju. Kita setuju oleh kerana kita mahu pihak polis pun mengadakan bukan sahaja suasana kerja dan hidup yang sewajarnya, dapat gaji, elaun yang sepatutnya supaya mereka boleh menjadi profesional dalam tugas mereka untuk menjaga keselamatan, untuk mengembalikan kepada rakyat Malaysia perasaan rasa selamat, *the feeling of being safe and the right to feel safe*.

Tetapi itu satu cadangan sahaja di dalam Laporan Polis Diraja sebenarnya. Cadangan itu ialah bab yang terakhir selain daripada cadangan-cadangan mengenai *identify locations where housing is critically needed*, sepatutnya dibuat dan dilaksanakan pada Disember pun; *recommendation 117 - Identify, restore and replace old and poorly-*

maintained housing (dateline May 2010). Okey, sekarang mahu cepatkan kepada Mei 2010 daripada tahun ini kita setuju tetapi jangan hendak satu *recommendation* yang tunggal sahaja di mana *recommendations* yang lain khasnya untuk menentukan,

memastikan kadar jenayah turun, untuk memastikan hak asasi dibela, untuk memastikan bahawa membasmi rasuah dan khasnya untuk mewujudkan satu *independent police complaints and misconduct commission*. Mana itu? Kenapa kita dapat satu pendirian sama ada Kabinet atau kerajaan sudah terima cadangan yang begitu penting, yang begitu *basic*, pokok mengenai satu mekanisme *oversight* daripada luar mengenai tingkah laku pihak polis, *the independent police complaints and misconduct commission*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya harap semua ini kita boleh dapat. Yang Berhormat bukan sahaja Pengerusi Parliamentary Select Committee, beliau juga Menteri kanan dalam Kabinet. Kita ada hak *expect a reply*, bukan sebagai Chairman of the Parliamentary Select Committee tetapi sebagai *right-hand* man Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

8.32 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor yang telah bangun dengan cara persendirian, dengan caranya sendiri menyokong usul untuk Jawatankuasa ini diberi masa tambahan untuk mengkaji syor-syor yang diterima daripada orang ramai, malahan syor-syor yang terkandung dalam Laporan Suruhanjaya Polis yang dibentangkan kepada orang ramai pada 15 Mei tahun ini.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa memang Jawatankuasa ini serius untuk mengkaji dan meneliti tiap-tiap satu - 125 syor-syor yang terkandung dalam laporan tersebut, tetapi bukanlah bermakna bahawa Jawatankuasa ini akan menerima sebulat-bulat tiap-tiap satu syor-syor yang telah dikemukakan. Kami akan mengkaji khususnya syor-syor yang berkaitan dengan peruntukan Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah mengikut ketetapan majlis ini yang bertarikh 20 Julai tahun sudah yang memberi kuasa kepada Jawatankuasa ini untuk mengkaji secara keseluruhannya undang-undang yang saya sebutkan tadi iaitu Rang Undang-undang Kanun Keseksaan dan Rang Undang-undang Tatacara Jenayah secara keseluruhannya.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa oleh kerana permintaan dibuat oleh Pesuruhjaya Suruhanjaya yang mengeluarkan laporan berkaitan dengan laporan polis itu untuk berhadapan dengan Jawatankuasa Pilihan Khas, maka kami berpendapat bahawa inilah peluang yang baik untuk Jawatankuasa ini menemui mereka dan mendapat pandangan mereka berkenaan dengan isu-isu tertentu khususnya yang berkaitan dengan tanggungjawab kami. Saya tidak ingin hendak menyentuh tentang kenapakah laporan ini tidak dibentangkan dalam Dewan ini kerana ini bukan dalam bidang kuasa Jawatankuasa ini. Pada hari ini saya hanya hendak mengemukakan usul ini untuk mendapat persetujuan Dewan ini agar Jawatankuasa Pilihan Khas ini mendapat sedikit masa untuk berbincang dan menghalusi pandangan dan pendapat khususnya daripada Pesuruhjaya Suruhanjaya itu.

Selain daripada itu, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Jawatankuasa ini memang akan menerima mana sahaja pihak yang ingin berhadapan dengan Jawatankuasa ini sebelum kita membuat rumusan dan akhirnya membentangkan laporan kita kepada Dewan yang mulia ini pada...

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Jawatankuasa Pilihan Khas rela menerima memorandum-memorandum atau sesiapa sekarang mengenai Polis Diraja Malaysia

atau pandangan-pandangan mereka untuk dikemukakan kepada Select Committee, adakah rela? Atau adakah mekanisme untuk menerima ini?

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Memanglah menjadi tanggungjawab kami sebagai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk menerima siapa sahaja yang ingin mengemukakan pandangan atau pendapat kepada kami dan insya-Allah saya selaku Pengerusi akan memaklumkan kepada orang ramai berkenaan dengan tarikh-tarikh yang kita adakan perjumpaan, insya-Allah, di Kuala Lumpur ini supaya kita mendapat lagi pandangan dan pendapat daripada orang ramai berkaitan dengan cadangan-cadangan mereka, berkaitan dengan rang undang-undang yang saya sebutkan tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Termasuk dengan Laporan Polis Diraja dan 125 *recommendations* itu?

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Jika ada berkaitan dengan rang undang-undang yang kita mengkaji. Jika ada....

Tuan Lim Kit Siang: Jika ada, ada berapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tanya tentu Yang Berhormat selaku Pengerusi sekarang sudah tahu ada berapa *recommendation* daripada 125 itu ada berkaitan dengan apa yang disebut? Tiga? Lima? Sepuluh? Atau seratus?

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu saya tidak boleh menjawab secara tepat pada kali ini, hanya saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, apa sahaja pandangan dan cadangan yang hendak dikemukakan, kami akan terima asalkan dia ada berkaitan dengan rang undang-undang yang kita kaji. Jika terdapat juga mana-mana pihak yang lain yang ingin menemui dengan Jawatankuasa kami, sila kemukakan cadangan dan pandangan mereka dengan dialamatkan kepada Setiausaha bagi Parlimen, dan insya-Allah kita akan memanggil pihak-pihak yang tertentu untuk bertemu dengan kami dan kita akan mendengar cadangan dan pandangan mereka.

Sekali lagi saya mengucapkan kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan juga kepada Dewan yang mulia ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri itu hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Usul disetujui.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

KERTAS PUTIH MENGENAI GANGSTERISME DI SEKOLAH

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, silakan.

8.38 mlm

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Pendidikan harus membentangkan satu kertas putih di Parlimen sebab kegagalan janji pertama beliau sebagai Menteri Pendidikan pada Mac tahun lepas untuk menyelesaikan masalah keganasan atau gengsterisme di sekolah yang mana masalah ini telah menjadi semakin teruk dalam tempoh 15 bulan yang lepas walaupun beliau telah menubuhkan sebuah pasukan tugas-tugas khas untuk menyelesaikan masalah ini.

Pada bulan lepas di Melaka iaitu 18 Jun 2005, beliau memberitahu mangsa-mangsa kes buli di sekolah bahawa, "saya akan melindungi kamu", apabila beliau menasihati mereka untuk melaporkan kes mereka kepada pejabat beliau secara terus dan bahawa kementerian akan memberi mereka perlindungan. Ini tidak dapat mengelakkan kes-kes buli dan keganasan pelajar daripada terus berlaku kebelakangan ini. Sebagai contoh, kes-kes berikut telah berlaku pada dua bulan yang lepas, seorang pelajar tingkatan satu yang berumur 13 tahun bernama Mohd Afiq Qusyairi bin Baharuddin telah dibuli dan dipukul di sekolahnya, Sekolah Menengah Agama Padang Tengku di Kuala Lipis sehingga hampir mengalami kecacatan *spinal*. Dua orang pelajar tingkatan lima yang memakai kasut kadet polis memijak belakangnya, manakala tiga orang pelajar *senior* lagi, melemparkannya ke arah *lockernya*.

Beberapa pelajar lelaki di SMK Camis Muazam Syah berdekatan dengan Rompin memukul seorang pelajar yang lain dengan kayu hoki, botol dan batu dan kemudian memijak ke atasnya. Serangan yang berlaku terhadap pelajar, seorang pelajar tingkatan tiga di *Victoria Institution*, Kuala Lumpur berikutan satu silap faham dengan dua orang pelajar seniornya yang dituduh tidak berbaris semasa memasuki bilik Bulan Sabit Merah sekolah. Seorang pelajar berumur 16 tahun di SMK Pekan, Pahang dipukul oleh beberapa rakan sesekolah yang menuduhnya mencuri rokok mereka. Dua kumpulan pelajar di SMK Chung Hwa Wei Sin, Kuala Terengganu memukul sesama sendiri dengan menggunakan kayu penyapu dan *baton*.

Kejadian-kejadian kes buli dan keganasan yang berlaku secara tiba-tiba dan begitu banyak bersertakan seorang Menteri Pendidikan yang langsung tidak dapat memulihkan disiplin di sekolah kita adalah satu kejadian yang amat memeranjatkan. Sejurus selepas pelantikan beliau sebagai Menteri Pendidikan selepas pilihan raya umum 2004, beliau telah berjanji untuk menamatkan keganasan sekolah dengan pembentukan sebuah pasukan tugas-tugas khas apabila seorang pelajar berumur 16 tahun, Mohd Farid Ibrahim meninggal dunia pada 28 Mac 2004 setelah dipukul oleh *senior* nya di Asrama Sekolah Menengah Agama Datuk Kelana Putra Mahmud di Seremban.

Yang Berhormat Menteri harus memberi penjelasan mengapa janji-janji beliau masih tidak dapat dikotakan walaupun beliau pertama kali telah berjanji untuk menamatkan keganasan sekolah dengan Kementerian Pendidikan masih tidak dapat menyelesaikan masalah ini dengan kematian Farid itu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran. Sila.

8.42 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Timor kerana keprihatinan beliau terhadap masalah salah laku di kalangan pelajar khususnya berkaitan masalah buli dan gengsterisme.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini saya ingin menegaskan bahawa kami di Kementerian Pelajaran Malaysia memang memandang serius perkara ini dan akan terus berusaha menangani masalah ini termasuk menubuhkan Pasukan Petugas Khas seperti yang dinyatakan. Walau bagaimanapun kementerian berpandangan belum ada keperluan untuk membentangkan Kertas Putih atas alasan bahawa;

- (i) kita belum lagi gagal, sebaliknya sudah berada di atas landasan yang betul untuk mengatasinya; dan
- (ii) keadaan masih terkawal, malahan berlaku penurunan dari segi aduan dan laporan yang diterima.

Ingin saya tegaskan bahawa setakat ini Kementerian Pelajaran telah berjaya menyiasat dan mengambil tindakan ke atas hampir semua kes pada kadar segera. Saya ingin menumpukan ucapan saya kepada isu buli sahaja kerana insiden gengsterisme sebenarnya tidak jelas berlaku di sekolah-sekolah di bawah kawalan Kementerian Pelajaran. Saya berharap Yang Berhormat Ipoh Timor dapat membezakan

antara pergaduhan, buli, gengsterisme, kumpulan samseng dan kongsi gelap kerana setiap satunya adalah berlainan pengertiannya.

Perlu dijelaskan pada kelazimannya unsur-unsur gengsterisme, samseng dan kongsi gelap datang dari luar sekolah. Oleh sebab Kementerian Pelajaran Malaysia tidak mempunyai kepakaran untuk menangani ancaman kumpulan gengster, samseng dan kongsi gelap ini, kita telah meminta kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia atau PDRM yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa Induk menangani masalah salah laku disiplin untuk membantu kita menanganinya. Dalam bulan Oktober tahun lepas iaitu pada tahun 2004, kementerian telah mengeluarkan kenyataan bahawa pihak PDRM telah berjaya melumpuhkan aktiviti kumpulan kongsi gelap iaitu Gee Hon San dan Geng 18 yang mengancam pelajar dan cuba merekrut mereka.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menarik perhatian Ahli-ahli Dewan bahawa jika dibandingkan dengan kes-kes buli yang berlaku di beberapa buah negara maju. Kes buli yang berlaku di Malaysia masih rendah dan tidak berada pada tahap yang kritikal. Sebagai contoh di England 27% murid sekolah rendah yang dikaji menyatakan mereka sering dibuli dan di peringkat menengahnya adalah 10%. Di New Zealand pula 10% murid sekolah rendah yang dikaji menyatakan sekurang-kurangnya sekali seminggu dibuli dan 15% daripada murid peringkat menengahnya sering dibuli. Manakala di Amerika Syarikat kajian *National Institute of Child Health and Human Development* (NICHD) menunjukkan lebih 60% di negara itu dibuli.

Sebagai perbandingan di Malaysia pada tahun 2004, didapati sejumlah 1,600 orang murid terlibat dengan kes buli. Jumlah ini adalah 0.03% dari jumlah keseluruhan *enrolment* pelajar di sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran. Pada masa yang sama kita dapati jumlah aduan yang diterima melalui talian aduan terus Kementerian Pelajaran iaitu menerima talian *hotline*, faks, e-mel, surat dan media semakin berkurangan. Pada tahun lepas iaitu pada tahun 2004 iaitu empat bulan selepas Kementerian Pelajaran Malaysia memperkenalkan talian aduan terus disiplin, kita menerima sebanyak 249 aduan berkaitan salah laku disiplin.

Bagaimanapun tahun ini sejak Januari hingga sekarang, kita hanya menerima 40 aduan dan dari jumlah ini sejumlah besar aduan iaitu sebanyak 25 kes didedahkan oleh media. Serentak dengan pembukaan talian aduan terus ini, satu unit khas diwujudkan untuk mengendalikan setiap aduan yang diterima. Unit ini akan menyiasat setiap aduan dan menghantar *flying squads* jika diperlukan ke sekolah terbabit.

Setakat ini kita telah menyiasat dan mengambil tindakan terhadap 38 dari 40 aduan yang diterima, dua lagi kes masih di dalam siasatan polis. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, selain *flying squads*, kita juga telah mengambil langkah pro-aktif untuk membentuk pasukan pemantau yang dapat turun padang dan memantau aspek disiplin murid. Sehingga hari ini pasukan pemantau ini telah pun memantau sebanyak 1,366 buah sekolah iaitu sekitar 14.3% dari jumlah semua sekolah rendah dan menengah di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran juga telah mengambil langkah drastik untuk mewujudkan Jawatankuasa Induk menangani gejala disiplin murid dan empat Jawatankuasa Bertindak iaitu Jawatankuasa Bertindak menangani isu-isu di sekolah, Jawatankuasa Bertindak melalui aspek perundangan dan penguatkuasaan, Jawatankuasa Bertindak melalui pendekatan psikologi dan kesihatan dan Jawatankuasa Bertindak melalui pendekatan kemasyarakatan yang melibatkan pelbagai pihak di luar Kementerian Pelajaran seperti PDRM, JAKIM, MARA serta pelbagai kementerian serta agensi kerajaan, IPTA, PIBG, Kesatuan Guru dan juga pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan ataupun NGO.

Jawatankuasa-jawatankuasa Bertindak ini telah meneliti dan mengkaji lebih dari 250 cadangan awam yang diterima melalui *hotline*, e-mel, surat, khidmat pesanan ringkas ataupun SMS, media dan pelbagai memorandum yang diserahkan kepada Kementerian Pelajaran oleh pelbagai pihak. Berdasarkan pandangan-pandangan ini, setiap Jawatankuasa Bertindak ini kemudiannya telah merangka program-program dan tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang untuk dilaksanakan sepanjang tahun 2005 dan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-9.

Setelah mengambil kira segala pandangan awam yang diterima jawatankuasa ini bersetuju untuk menangani masalah disiplin dan keselamatan pelajar melalui pendekatan-pendekatan berikut;

- (i) bertindak mengenai isu-isu di sekolah melalui usaha memantapkan aspek kurikulum, ko-kurikulum, personel dan pengurusan sekolah;
- (ii) bertindak dalam aspek perundangan dan penguatkuasaan seperti menambah baik dan memperkemas aspek perundangan dan penguatkuasaan melibatkan peraturan-peraturan pelajaran iaitu disiplin sekolah 1959, peraturan pengendalian pusat hiburan termasuk *cyber cafe* serta menggembeleng kerjasama agensi kerajaan yang lain bagi menangani gejala disiplin murid di luar kawasan sekolah.
- (iii) bertindak menggunakan pendekatan psikologi dan kesihatan seperti mengadakan kajian punca tingkah laku pelajar yang bermasalah, menyebar luas program kemahiran psiko sosial pelajar, memantapkan keberkesanan Program Mentor-mentee dan meningkatkan kemahiran guru kaunseling, disiplin dan guru-guru dalam aspek psikologi kanak-kanak dan remaja; dan
- (iv) bertindak menggunakan pendekatan masyarakat seperti menggerakkan penglibatan semua lapisan masyarakat, meningkatkan peranan dan penglibatan PIBG untuk memberi kesedaran terhadap ibu bapa dan meningkatkan kemahiran keibubapaan serta meningkatkan perkongsian pintar di antara Kementerian Pelajaran Malaysia dengan agensi-agensi lain dan NGO.

Tuan Yang di-Pertua kesemua usaha yang diambil ini adalah kerana kita percaya dan yakin bahawa hanya usaha secara bersepadu yang melibatkan pelbagai pihak sahaja dapat mengatasi gejala disiplin murid termasuk buli. Sekali lagi Kementerian Pelajaran berpendirian tidak ada keperluan untuk membenteng kertas putih kerana

terbukti kementerian dengan kerjasama semua pihak mampu untuk menangani masalah tersebut. Saya menyeru, sekiranya kita benar-benar jujur dengan diri sendiri dan prihatin terhadap masalah disiplin pelajar marilah sama-sama kita turut serta untuk memberikan pandangan dan menawarkan diri untuk membantu.

Bagaimanapun setakat yang diketahui kami tidak pernah menerima sebarang cadangan yang konkrit dari mereka yang hanya tahu menuding jari untuk menyalahkan pihak kementerian tetapi amat malang kerana golongan ini tidak pernah menawarkan diri untuk terlibat dalam jawatankuasa yang telah ditubuhkan bagi menangani gejala disiplin di kalangan pelajar, sekian terima kasih.

MEMBENARKAN ABDUL MUTALIB BIN TAIB PULANG MENETAP DI MALAYSIA

8.52 mlm.

Puan Teresa Kok Suh Kim: Maruly Aziz bin Abdul Mutalib yang berumur 12 tahun, Sarah Nor Varah Hanim binti Abdul Mutalib yang berumur 11 tahun, Yonatan Adam Fauzi bin Abdul Mutalib yang berumur 9 tahun dan Ismael Syah Putra 6 tahun adalah warganegara Malaysia yang dilahirkan di Malaysia.

Bapa mereka Abdul Mutalib bin Taib adalah penduduk tetap Malaysia pada masa mereka dilahirkan manakala ibu mereka Romita Hasibuan adalah warganegara Indonesia yang menggunakan visa isteri atau visa ikut suami yang perlu dibaharui setiap 6 bulan oleh suaminya. Abdul Mutalib bin Taib datang ke Malaysia pada tahun 1978, beliau mempunyai permit masuk dan kad pengenalan mereka dengan taraf penduduk tetap pada awal 1980 an. Pada tahun 1991 Abdul Mutalib berkahwin dengan Rometa Hasibun dan bermastautin di Malaysia. Pada 23 Mac 2005, bila Abdul Mutalib membawa anaknya Maruly Aziz untuk memohon kad pengenalan di Jabatan Pendaftaran Negara untuk

anaknya beliau ditangkap dan ditahan di Depot Imigresen KLIA. Beliau kemudian dihantar balik ke Indonesia sebulan kemudian.

Alasan yang diberi oleh pihak imigresen ialah kad pengenalan dan taraf penduduk tetap Abdul Mutalib telah dibatalkan dengan perintah Menteri pada tahun 1996. Persoalannya, Abdul Mutalib tidak pernah melihat isi kandungan perintah Menteri ini dan pihak imigresen gagal menunjukkan perintah Menteri tersebut malah sehingga hari ini. Kesemua anak-anak Abdul Mutalib adalah pemegang passport Malaysia, ini jelas menunjukkan bahawa mereka adalah anak Malaysia yang jitu. Dalam hati dan minda kanak-kanak ini mereka menganggap Malaysia adalah negaranya sejak hari mereka dilahirkan, selain itu sama seperti kanak-kanak yang lain di negara kita mereka juga belajar di sekolah rendah di Malaysia.

Jadi atas sebab apakah kerajaan menghalau Abdul Mutalib balik ke Malaysia tanpa menghirau kebajikan kanak-kanak ini. Selain itu visa isteri Abdul Mutalib juga akan luput pada September 2005 dan kemungkinan pihak imigresen tidak akan memperbaharui visanya kerana suaminya tidak berada di Malaysia. Sekiranya ini berlaku anak-anaknya pun akan menjadi anak yatim yang hilang penjagaan ibu bapa. Sekiranya anak-anaknya terpaksa mengikut ibu bapa mereka untuk berpindah ke Indonesia pelajaran mereka tentu akan terjejas kerana mereka telah mengikut kurikulum Malaysia dan mereka tentu akan dianggap sebagai pendatang asing di Indonesia. Malaysia telah meratifikasi *United Nations Convention on the Rights of the Child* yang berjanji akan prihatin dan menghormati hak kanak-kanak dan kepentingan keluarga.

Jadi kerajaan harus bertanggungjawab untuk memelihara hak keempat-empat anak Malaysia yang amat memerlukan kasih sayang ibu bapa mereka. Saya bercadang supaya kerajaan membenarkan Abdul Mutalib dan isterinya terus bermastautin di Malaysia dan memberi taraf penduduk tetap atas prinsip dan jiwa kemanusiaan. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

8.56 mlm.

Dato' Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Seputeh di atas ucapan penangguhan beliau yang menyentuh perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Abdul Mutalib bin Taib iaitu bapa kepada anak-anak yang disebut oleh Yang Berhormat Seputeh tadi telah dilahirkan di Indonesia pada 10 Mac 1958. Beliau telah mendapat taraf pemastautin tetap atau PR pada November 1978, beliau telah berkahwin dengan seorang warganegara Indonesia iaitu Romita Hasibuan dan telah membawa isterinya menetap di Malaysia dengan kemudahan pas lawatan sosial. Hasil daripada perkahwinan tersebut mereka mempunyai 4 orang anak yang dilahirkan di negara ini, 3 orang anak beliau adalah bertaraf warganegara Malaysia kerana kedudukan bapanya semasa kelahiran anak-anak itu adalah taraf pemastautin tetap dan telah lahir di Persekutuan.

Manakala seorang anaknya lagi tidak mempunyai taraf warganegara Malaysia kerana lahir selepas status PR bapa ditarik balik. Pada 11 Oktober 1995, ini sejarah - Abdul Mutalib telah ditangkap di bawah seksyen 73 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 iaitu ISA kerana disyaki bersubahat terlibat di dalam pemalsuan kad pengenalan Sabah. Pada 8 Disember 1995 subjek telah ditahan di bawah seksyen 8 (1) ISA dan ditahan selama dua tahun di Kem Kemunting Taiping. Berasaskan perbuatan yang dilakukan oleh Abdul Mutalib, pada 19 Jun 1996 pihak Kementerian Dalam Negeri telah mengisytiharkan beliau sebagai imigran yang tidak diingini mengikut seksyen 8 (3)(k) Akta Imigresen 1959/63. Dengan pengisytiharan tersebut dokumen-dokumen seperti permit masuk dan kad pengenalan Abdul Mutalib ditarik balik dan dibatalkan.

Pada 11 Disember 1997 iaitu selepas menamatkan hukuman perintah tahanan di bawah akta ISA, Abdul Mutalib telah dihantar pulang ke negara asalnya iaitu Indonesia. Pada ketika itu Abdul Mutalib bukan lagi seorang pemastautin tetap sebaliknya sebagai imigran yang tidak diingini, Abdul Mutalib tidak boleh menetap di negara ini.

Pada tahun 1998 Abdul Mutalib telah masuk semula ke negara ini dengan menggunakan pasport Indonesia yang baru, dengan menggunakan dokumen permit masuk yang diperolehinya sebelum ini dan dengan memalsukan dokumen-dokumen yang dimilikinya.

Pada 8 Jun 2000 Abdul Mutalib telah memperolehi *MyKad* PR, walau bagaimanapun pada 23 Mac 2005 setelah menipu selama hampir 5 tahun pihak Jabatan Pendaftaran Negara telah menarik semula *MyKad* yang diperolehinya dan seterusnya dibatalkan, Abdul Mutalib diserahkan kepada pihak Jabatan Imigresen pada 29 April 2005 dan subjek diusir keluar dari negara ini.

Tuan Yang di-Pertua perbuatan yang dilakukan oleh Abdul Mutalib adalah perbuatan jenayah iaitu bersubahat dan terlibat secara langsung menjalankan sindiket pengeluaran kad pengenalan yang dilakukannya dari November 1990 hingga 1994 adalah satu kesalahan yang besar dan menggugat keselamatan negara. Sebagai orang asing yang diberikan taraf pemastautin iaitu dia diberi tempat sebagai tetamu negara yang khas yang dibenarkan PR iaitu pemastautin di negara ini.

Kemudian membawa isterinya daripada Indonesia menetap bersama-sama di negara ini dan selepas itu diberikan peluang untuk melahirkan anak-anaknya di negara ini di samping mempunyai kehidupan yang sempurna di negara ini. Sepatutnya beliau berterima kasih kepada kerajaan, tetapi dia sanggup menderhakakan negara ini. Perbuatannya yang menjalankan sindiket tidak bermoral, bukan sahaja tidak bermoral, sindiket yang jenayah, wajar dikenakan tindakan tegas dan beliau juga tidak layak menetap di negara ini dan wajar diusir keluar dari negara ini. Maka, dia dihantar pulang ke negara asalnya.

Dari segi undang-undang dan peraturan-peraturan, tindakan mengusirkan Abu Mutalib memenuhi peraturan dan undang-undang yang diguna pakai di negara ini. Penahanan Abu Mutalib di bawah ISA, penarikan semula taraf bermastautin tetap di bawah Akta Pendaftaran Negara, dan pengusiran keluar di bawah Akta Imigresen, digunakan secara teratur mengikut peruntukan undang-undang tersebut. Di samping itu juga, semasa pemberian taraf bermastautin tetap, Abu Mutalib juga telah dimaklumkan perkara-perkara yang tidak boleh dilakukan oleh mereka yang telah memperoleh taraf bermastautin tetap.

Jika mereka melakukan kesalahan tersebut, maka taraf bermastautin tetap ditarik balik. Tuan Yang di-Pertua, isteri Abu Mutalib menetap di negara ini dengan kemudahan Pas Lawatan Sosial dan isterinya boleh kembali bersama-sama dengan suaminya. Berhubung ketiga-tiga anak yang bertaraf warga Malaysia manakala anak yang terakhir bukan warga negara juga tidak menghadapi masalah untuk mengikuti ibu bapa kembali ke Indonesia kerana walaupun kelahiran mereka di Malaysia, mereka juga mempunyai tuntutan sebagai warga negara Indonesia kerana ibu bapa mereka adalah warga negara Indonesia.

Masalah taraf kewarganegaraan Indonesia tersebut akan dapat diselesaikan selepas mereka kembali ke Indonesia. Dengan kemudahan ini, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh yang meragui keempat-empat anak mereka tidak mendapat kasih sayang ibu bapa atau untuk memberikan semula taraf mastautin tetap kepada kedua-dua ibu bapa demi untuk menjaga anak-anak di negara ini adalah tidak timbul.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk memperingati kepada orang-orang asing yang dianugerahkan taraf bermastautin tetap. Mereka sebenarnya bukan rakyat Malaysia, dan taraf kewarganegaraan negara juga setelah mereka diberi kewarganegaraan supaya menghargai dengan sepenuh hati dan sentiasa memberikan sumbangan kepada rakyat dan negara. Jika sekiranya mereka melakukan kesalahan dan melanggar undang-undang negara, lebih-lebih lagi mereka yang melakukan kesalahan yang menggugat keselamatan negara, tindakan tegas seperti menghantar pulang ke negara asal mereka akan diambil. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan jawapan daripada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri itu tadi, maka selesailah ucapan penangguhan kita dan juga selesai urusan kita pada hari ini. Dan hari ini

juga merupakan hari terakhir sidang kita yang telah berlangsung selama 14 hari. Bagi pihak Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Timbalan-timbalan Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat di atas kerjasama kepada kami dan semua petugas-petugas untuk memastikan Dewan yang mulia ini berjalan dengan lancar. Saya mengucapkan selamat kembali ke kawasan masing-masing dan berkhidmat kepada rakyat negara ini. Oleh itu, saya tangguhkan sidang Dewan yang mulia ini sehingga satu tarikh yang tidak ditetapkan. Dewan ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.04 malam.